JUZU' KE-12

SURAH HUD

SURAH KE

11

SURAH HUD

Surah Nabi Hud

(Makkiyyah)

JUMLAH AYAT

123

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Keseluruhan surah ini diturunkan di Makkah. Ini berlainan dengan keterangan yang terdapat dalam Mushaf al-Amiri bahawa ayat-ayat (12), (17), dan (114) adalah diturunkan di Madinah. (Pandangan kami) ini berlandaskan hasil penelitian bahawa kedudukan ayat-ayat ini dalam rangkaian ayat-ayat surah ini menyarankan bahawa kedudukannya memang tepat pada tempatnya, di mana tidak dapat digambarkan ketiadaan ayat-ayat ini dari awal-awal lagi. Apatah lagi maudhu'-maudhu' yang dibicarakannya merupakan jantung maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh ayat Makkiyah iaitu pembicaraan yang berhubungan dengan 'aqidah, pendirian kaum Musyrikin Quraisy terhadap 'aqidah itu dan kesan-kesan pendirian itu kepada hati Rasulullah s.a.w. dan kepada kelompok Muslimin yang kecil yang berjuang bersama beliau, juga penanganan Al-Qur'an ar-Rabbani terhadap kesan-kesan ini.

Misalnya ayat (12) yang berbunyi:

فَلَعَلَّكَ تَارِكٌۢ بَعْضَ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَضَآئِقٌۢ بِهِۦ صَدْرُكَ أَن يَقُولُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ كَنزٌ أَوْ جَآءَ مَعَهُۥ مَلَكٌ ۚ إِنَّمَآ أَنتَ نَذِيرٌ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٢﴾

"Boleh jadi engkau (wahai Muhammad) ingin meninggalkan setengah-setengah wahyu yang diwahyukan kepadamu dan boleh jadi engkau merasa dadamu sempit dan bosan kerana bimbang mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya khazanah kekayaan atau mengapa malaikat tidak datang bersama dengannya. Sesungguhnya engkau hanya seorang rasul yang memberi peringatan, sedangkan Allahlah Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu."(12)

Memang jelas bahawa cabaran dan kedegilan yang ditunjukkan kaum Quraisy hingga ke tahap yang tidak menyenangkan hati Rasulullah s.a.w., yang memerlukan beliau dihibur dan dimantapkan supaya berpegang teguh dengan perintah yang telah diwahyukan kepadanya itu adalah berlaku di Makkah, iaitu tepat dengan masa selepas berlakunya kewafatan Abu Talib dan Khadijah dan selepas berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj, di mana kaum Musyrikin menunjukkan tindak-tanduk yang berani terhadap Rasulullah s.a.w. dan di mana pergerakan da'wah hampir-hampir menjadi lumpuh. Itulah masa yang paling gawat dan kritikal yang pernah dilalui da'wah di kota Makkah.

Ayat (17) pula berbunyi:

أَفَمَن كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِۦ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ مِنَ ٱلْأَحْزَابِ فَٱلنَّارُ مَوْعِدُهُۥ ۚ فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

"Apakah seorang yang mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhannya (wajar dituduh dusta) dan diikuti pula oleh satu lagi saksi darinya dan sebelumnya telah disaksikan kitab Musa (Taurat) yang menjadi pemimpin dan rahmat (kepada kaumnya). Mereka adalah orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an, dan sesiapa yang mengingkarkan Al-Qur'an dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin, maka nerakalah janjinya. Oleh sebab itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepadanya."(17)

Di sini juga jelas bahawa ayat ini adalah dari jenis ayat-ayat yang diturunkan di Makkah ketika menghadapi tentangan kaum Musyrikin Quraisy untuk membuktikan kebenaran Nabi s.a.w. dengan berlandaskan keterangan Al-Qur'an bahawa ianya diwahyukan kepada beliau dari Tuhannya, juga berlandaskan keterangan kitab-kitab suci yang terdahulu terutama kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa dan seterusnya berlandaskan keterangan setengah-setengah Ahlil-Kitab yang mengakui kebenaran Al-Qur'an. Inilah apa yang telah dilakukan oleh setengah-setengah Ahlil-Kitab di Makkah, di samping menggunakan alasan-alasan ini sebagai asas untuk mengecam sikap kaum Musyrikin dan mengancam kumpulan-kumpulan mereka dengan api Neraka serta memantapkan hati Rasulullah s.a.w. agar terus berjuang mempertahankan agama yang benar yang dibawa olehnya. Walaupun beliau sedang menghadapi kelumpuhan da'wah dan tentangan yang degil dari

majoriti yang dominan dari penduduk-penduduk Makkah dan dari qabilah-qabilah Arab yang berada di sekitarnya. Sebutan "kitab Musa" di dalam ayat ini tidak menyarankan bahawa ayat ini diturunkan di Madinah, kerana ayat ini tidak ditujukan kepada Bani Israel atau mencabar mereka, tetapi ia merupakan sebutan untuk tujuan membuktikan kebenaran dengan berdalilkan keterangan setengah-setengah Ahlil-Kitab dan keterangan kitab Musa a.s. terhadap kebenaran Al-Qur'an yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ini adalah sesuai dengan situasi yang wujud di Makkah pada masa yang kritikal ini dan sesuai dengan kehendak-kehendak situasi yang jelas itu.

Ayat (114) diturunkan dalam konteks menghiburkan Rasulullah s.a.w. dengan mengemukakan kepada beliau pertikaian yang telah berlaku kepada Musa dari kaumnya sebelum ini dan memerintah beliau supaya terus beristiqamah menjunjung perintah yang dikemukakan kepada beliau dan kepada pengikut-pengikutnya yang telah bertaubat, juga supaya jangan tunduk kepada orang-orang yang zalim, yang mempersekutukan Allah dan supaya mencari bantuan dengan solat dan kesabaran dalam menghadapi masa yang kritikal itu. Susunan ayat-ayat itu adalah seperti berikut:

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا مُوسَى ٱلۡكِتَٰبَ فَٱخۡتُلِفَ فِيهِۚ وَلَوۡلَا
كَلِمَةٞ سَبَقَتۡ مِن رَّبِّكَ لَقُضِيَ بَيۡنَهُمۡۚ وَإِنَّهُمۡ لَفِي
شَكّٖ مِّنۡهُ مُرِيبٖ ﴿١١٠﴾

وَإِنَّ كُلّٗا لَّمَّا لَيُوَفِّيَنَّهُمۡ رَبُّكَ أَعۡمَٰلَهُمۡۚ إِنَّهُۥ بِمَا
يَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ﴿١١١﴾

فَٱسۡتَقِمۡ كَمَآ أُمِرۡتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطۡغَوۡاْۚ
إِنَّهُۥ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ﴿١١٢﴾

وَلَا تَرۡكَنُوٓاْ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ
وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنۡ أَوۡلِيَآءَ ثُمَّ
لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَيِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفٗا مِّنَ ٱلَّيۡلِۚ إِنَّ
ٱلۡحَسَنَٰتِ يُذۡهِبۡنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِۚ ذَٰلِكَ ذِكۡرَىٰ
لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾

وَٱصۡبِرۡ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجۡرَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿١١٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab Taurat, lalu kebenarannya dipertikaikan mereka. Jika tidak kerana adanya keputusan (menangguhkan 'azab kepada hari Akhirat) yang terdahulu dari Tuhanmu sudah tentu hukuman 'azab telah dijatuhkan ke atas mereka. Dan sesungguhnya mereka berada di dalam keraguan yang amat mendalam terhadapnya(110). Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberi balasan yang setimpal kepada setiap orang dari mereka terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka(111). Oleh itu hendaklah engkau beristiqamah menjunjung perintah yang dihadapkan kepadamu dan kepada mereka yang telah bertaubat yang berada bersamamu. Dan janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(112). Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang akan menyebabkan kamu diselarkan api Neraka, di sana kamu tidak akan mendapat pelindung-pelindung yang dapat melindungi kamu selain dari Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan(113). Dan dirikanlah solat di dua hujung siang hari (di waktu pagi dan petang) dan di waktu-waktu awal malam. Sesungguhnya amalan-amalan yang baik menghapuskan dosa amalan-amalan yang buruk. Itulah amalan yang memberi peringatan kepada orang-orang yang mengingati Allah(114). Dan bersabarlah (wahai Muhammad) kerana sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala bagi orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang baik."(115)

Di sini jelas bahawa ayat (114) ini merupakan sebahagian dari rangkaian ayat-ayat yang diturunkan di Makkah baik dari segi topik pembicaraan mahupun dari segi suasana dan cara pengungkapan.

Keseluruhan surah ini diturunkan selepas Surah Yunus dan Surah Yunus diturunkan selepas peristiwa Isra' dan Mi'raj, dan inilah yang menggariskan ciri-ciri masa turunnya surah ini, iaitu masa yang paling gawat dan kritikal dalam sejarah da'wah di Makkah. Ia didahului petistiwa-peristiwa kematian Abu Talib dan Siti Khadijah dan tindak-tanduk yang berani kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. yang tidak sanggup dilakukan mereka semasa hidup Abu Talib terutama selepas berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj yang aneh itu, yang telah menjadi bahan sendaan kaum Musyrikin dan menyebabkan setengah-setengah orang yang menganut Islam sebelum peristiwa itu kembali murtad, di samping kesepian yang dialami Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan Siti Khadijah r.a. semasa kaum Quraisy menunjukkan tindak-tanduk yang berani terhadap beliau dan da'wahnya, dan melancarkan tentangan yang terbuka dan tentangan itu telah memuncak dengan seganas-ganasnya terhadap beliau dan da'wahnya hingga mengakibatkan gerakan da'wah menjadi beku dan hampir-hampir tiada seorang pun dari Makkah dan kawasan sekitarnya yang menganut Islam. Kejadian-kejadian ini berlaku sebentar sebelum Allah membuka pintu kejayaan kepada rasul-Nya dan kepada kelompok Muslimin yang kecil melalui perjanjian al-Aqabah yang pertama dan yang kedua.

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian Khadijah binti Khuwaylid dan Abu Talib telah meninggal dunia dalam tahun yang sama, di mana Rasulullah s.a.w. berturut-turut

ditimpa kesusahan selepas kewafatan Khadijah yang selama ini telah berfungsi sebagai menteri yang bersemangat waja kepada beliau dan sebagai tempat beliau meluahkan permasalahan-permasalahannya, juga selepas kematian bapa saudaranya Abu Talib yang selama ini telah berfungsi sebagai penolong, pembela dan benteng kepada Rasulullah s.a.w. dalam perjuangan da'wah yang ditentang kaumnya. Kejadian-kejadian ini berlaku tiga tahun sebelum beliau berhijrah ke Madinah. Dan selepas meninggalnya Abu Talib, kaum Quraisy bertindak melakukan berbagai penindasan terhadap Rasulullah s.a.w. yang tidak pernah dilakukan mereka semasa hayat Abu Talib hingga beliau pernah dihalang samseng Quraisy lalu mereka mencurahkan tanah ke atas kepalanya.

Ujar Ibn Ishaq lagi: Saya telah diceritakan Hisyam ibn 'Urwah, dari bapanya 'Urwah ibn az-Zubayr katanya: Apabila samseng Quraisy itu mencurah tanah ke atas kepala Rasulullah s.a.w., beliau terus masuk ke dalam rumahnya, sedangkan tanah masih terlonggok di atas kepalanya. Salah seorang puterinya datang mendapatkan beliau dan membasuh kepalanya sambil menangis, sedangkan Rasulullah s.a.w. memujuknya: "Janganlah anakku menangis, kerana Allah tetap melindung bapamu", kemudian beliau bersabda lagi: "Kaum Quraisy tidak pernah melakukan sesuatu yang dibenciku melainkan sesudah meninggalnya Abu Talib".

Ujar al-Maqrizi di dalam kitab "إمتاع الأسماع": Kematian Abu Talib dan Khadijah merupakan peristiwa duka nestapa yang besar kepada Rasulullah s.a.w. dan beliau namakan tahun itu sebagai "tahun duka nestapa" dan beliau pernah bersabda: "Kaum Quraisy tidak pernah melakukan sesuatu yang dibenciku melainkan sesudah meninggalnya Abu Talib", kerana di dalam keluarga beliau dan dalam kalangan bapa-bapa saudara beliau tidak ada seorang pun yang sanggup bertindak sebagai pelindung dan pembela beliau selain dari Abu Talib seorang sahaja.

Di dalam masa inilah turunnya Surah Hud dan Surah Yunus sebelumnya dan sebelum kedua-dua surah itu turunnya Surah al-Isra' dan Surah al-Furqan dan semua surah ini membawa ciri masa itu dan memperkatakan sejauh mana cabaran dan pencabulan yang dilakukan kaum Quraisy.[1]

Kesan-kesan masa ini, juga suasana dan bayangannya dapatlah dilihat dengan jelas di dalam suasana surah ini, juga dalam bayangan dan topik-topik pembicaraannya terutama dalam usaha mengukuhkan pendirian Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya agar berdiri teguh di atas agama yang benar, juga dalam usaha menghiburkan beliau dari kesepian, kesusahan dan keterpencilan di dalam masyarakat jahiliyah yang dialami hatinya.

Ciri-ciri masa ini dengan tuntutan-tuntutannya telah ketara begitu jelas di dalam surah ini dalam bentuk beberapa ciri tertentu di antaranya:

- Di antaranya ialah surah ini menayangkan pergerakan 'aqidah Islamiyah di dalam sejarah manusia seluruhnya, iaitu dari zaman Nuh a.s. hingga ke zaman Muhammad s.a.w., di samping menjelaskan bahawa risalah-risalah itu adalah ditegakkan di atas hakikat-hakikat asasi yang sama, iaitu keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan melahirkan 'Ubudiyah kepada-Nya sahaja tanpa sebarang tandingan, di samping menerima peraturan keta'atan dan 'Ubudiyah ini dari para rasulullah sahaja di sepanjang perjalanan sejarah serta mengi'tiqadkan bahawa hidup duniawi ini hanya merupakan alam ujian bukannya alam balasan, sedangkan balasan hanya dilakukan di alam Akhirat dan kebebasan memilih yang dikurniakan Allah kepada seseorang insan untuk membolehkan memilih hidayat atau kesesatan merupakan objektif dari ujian itu.

Nabi Muhammad s.a.w. telah datang membawa kitab Al-Qur'an:

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

"Alif, Laam, Raa'. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi, kemudian diberi huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar."(1)

Dan kandungan asasi kitab Al-Qur'an ialah.

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾ وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ ۖ وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾ إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾

"Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu(2). Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke sesuatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan, yang baik akan dikurnia balasannya yang baik. Dan oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat besar(3).

---

[1] *Lihat keterangan yang berhubung dengan keadaan masa itu dalam kata pengantar Surah Yunus juzu' ke 11.*

Kepada Allah seluruh kamu akan kembali dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(4)

Tetapi da'wah Islam ini bukanlah suatu da'wah yang baru dan bukanlah suatu pengajaran yang pertama kali, malah pengajaran ini adalah suatu pengajaran yang pernah diajar sebelum ini oleh Nuh, Hud, Soleh, Syu'ayb, Musa dan lain-lainnya:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦٓ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾ أَن لَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya (lalu dia berkata:) Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang diutuskan kepada kamu untuk menyampaikan peringatan yang amat jelas(25). Iaitu hendaklah kamu jangan menyembah melainkan Allah. Kerana sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat pedih."(26)

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾ يَٰقَوْمِ لَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِى فَطَرَنِىٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾ وَيَٰقَوْمِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا۟ مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai tuhan yang lain dari Allah. Kamu sebenarnya telah mengada-adakan pembohongan terhadap Allah(50). Wahai kaumku! Aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahanku melainkan hanya terserah kepada Allah yang telah menciptakanku. Apakah tidak kamu berfikir?(51). Wahai kaumku! Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu dan menambahkan lagi satu kekuatan kepada kekuatan kamu dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa."(52)

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai tuhan yang lain dari Allah. Dialah yang telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu penghuni-penghuni yang memakmurkannya. Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan, kepada-Nya kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sangat memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)."(61)

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ وَلَا تَنقُصُوا۟ ٱلْمِكْيَالَ وَٱلْمِيزَانَ ۚ إِنِّىٓ أَرَىٰكُم بِخَيْرٍ وَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ مُّحِيطٍ ﴿٨٤﴾ وَيَٰقَوْمِ أَوْفُوا۟ ٱلْمِكْيَالَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٨٥﴾ بَقِيَّتُ ٱللَّهِ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ۚ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيْكُم بِحَفِيظٍ ﴿٨٦﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada penduduk Madyan saudara mereka Syu'ayb, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai tuhan yang lain dari Allah dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan, kerana sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam keadaan yang baik (senang-lenang) dan aku takut kamu akan ditimpakan 'azab hari yang akan meliputi kamu(84). Wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil dan janganlah kamu mengurangi nilai segala sesuatu yang dimiliki manusia dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi(85). Keuntungan yang kekal di sisi Allah itu lebih baik bagi kamu (dari keuntungan mengurangi sukatan dan timbangan) jika kamu benar-benar telah beriman. Dan aku tidak sekali-kali berkuasa memelihara kamu."(86)

Di sini jelaslah bahawa sekalian rasul-rasul itu telah mengemukakan ajaran yang sama dan menda'wahkan satu da'wah yang tetap mantap tidak berubah.

• Di antara ciri-ciri itu lagi ialah menayangkan pendirian-pendirian para rasul itu ketika mereka menerima penolakan, pendustaan, sendaan, penghinaan, ancaman dan penindasan dari kaum mereka dengan penuh kesabaran dan keyakinan terhadap kebenaran yang diperjuangkan mereka dan terhadap pertolongan Allah yang tidak ragu-ragu lagi akan tiba, dan seterusnya keyakinan terhadap akibat-akibat di dunia dan Akhirat dan keyakinan para rasul yang mulia terhadap Allah Yang Maha Besar dan Maha Berkuasa yang akan melindungi mereka dengan

menghancurkan para pendusta dan menyelamatkan para Mu'minin.

Pemandangan ini dapat kita lihat dalam kisah Nuh:

فَقَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا نَرَىٰكَ إِلَّا بَشَرًا مِّثْلَنَا وَمَا نَرَىٰكَ ٱتَّبَعَكَ إِلَّا ٱلَّذِينَ هُمْ أَرَاذِلُنَا بَادِىَ ٱلرَّأْىِ وَمَا نَرَىٰ لَكُمْ عَلَيْنَا مِن فَضْلٍۭ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَـٰذِبِينَ ﴿٢٧﴾

قَالَ يَـٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى رَحْمَةً مِّنْ عِندِهِۦ فَعُمِّيَتْ عَلَيْكُمْ أَنُلْزِمُكُمُوهَا وَأَنتُمْ لَهَا كَـٰرِهُونَ ﴿٢٨﴾

وَيَـٰقَوْمِ لَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مَالًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ ۚ وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ ۚ إِنَّهُم مُّلَـٰقُوا۟ رَبِّهِمْ وَلَـٰكِنِّىٓ أَرَىٰكُمْ قَوْمًا تَجْهَلُونَ ﴿٢٩﴾

وَيَـٰقَوْمِ مَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِن طَرَدتُّهُمْ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣٠﴾

وَلَآ أَقُولُ لَكُمْ عِندِى خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ وَلَآ أَقُولُ إِنِّى مَلَكٌ وَلَآ أَقُولُ لِلَّذِينَ تَزْدَرِىٓ أَعْيُنُكُمْ لَن يُؤْتِيَهُمُ ٱللَّهُ خَيْرًا ۖ ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا فِىٓ أَنفُسِهِمْ ۖ إِنِّىٓ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٣١﴾

قَالُوا۟ يَـٰنُوحُ قَدْ جَـٰدَلْتَنَا فَأَكْثَرْتَ جِدَٰلَنَا فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّـٰدِقِينَ ﴿٣٢﴾

قَالَ إِنَّمَا يَأْتِيكُم بِهِ ٱللَّهُ إِن شَآءَ وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٣٣﴾

"Lalu berkatalah para pembesar yang kafir dari kaumnya (Nuh): Kami tidak melihat engkau melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan kami melihat engkau hanya diikuti orang-orang bawahan kami yang hina dan berfikiran dangkal dan kami tidak melihat kamu mempunyai kelebihan yang mengatasi kami, malah kami yakin kamu adalah para pendusta belaka(27). Jawab Nuh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari sisi-Nya, tetapi rahmat itu tidak dapat dilihat oleh kamu, apakah wajar aku memaksa kamu menerimanya, sedangkan kamu tidak menyukai-nya?(28). Wahai kaumku! Aku tidak meminta wang dari kamu (sebagai upah) kerana da'wah itu. Tiada upahanku melainkan hanya terserah kepada Allah sahaja dan aku tidak akan mengusir orang-orang yang telah beriman, kerana sesungguhnya mereka akan bertemu dengan Tuhan mereka, tetapi aku memandang kamu satu golongan orang-orang yang tidak mengerti(29). Dan wahai kaumku! Siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku usirkan mereka. Apakah kamu tidak mengambil peringatan?(30). Dan aku tidak pernah mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan aku juga tidak mengetahui urusan ghaib. Dan aku tidak pernah mendakwa bahawa aku adalah seorang malaikat. Dan aku tidak pernah mengatakan kepada orang-orang (Mu'minin) yang dipandang hina oleh mata kamu bahawa Allah tidak akan mengurniakan mereka sebarang kebaikan kepada mereka, kerana Allah lebih mengetahui isi hati mereka. Sesungguhnya aku - jika aku berbuat begitu - adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim(31). Jawab mereka: Wahai Nuh! Engkau telah mendebati kami dan telah melakukan perdebatan-perdebatan yang sekian banyak dengan kami. Oleh itu timpakanlah sahaja ke atas kami 'azab yang diancamkan engkau kepada kami jika engkau dari golongan orang-orang yang bercakap benar(32). Jawab Nuh: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menimpakan 'azab itu ke atas kamu jika Dia kehendaki dan kamu tidak sekali-kali berkuasa melemahkan Allah."(33)

Kemudian datanglah pemandangan banjir besar dan pemandangan kebinasaan para pendusta dan keselamatan orang-orang yang beriman.

Di dalam kisah Hud pula kita melihat senario ini:

قَالُوا۟ يَـٰهُودُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِىٓ ءَالِهَتِنَا عَن قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

إِن نَّقُولُ إِلَّا ٱعْتَرَىٰكَ بَعْضُ ءَالِهَتِنَا بِسُوٓءٍ ۗ قَالَ إِنِّىٓ أُشْهِدُ ٱللَّهَ وَٱشْهَدُوٓا۟ أَنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾

مِن دُونِهِۦ ۖ فَكِيدُونِى جَمِيعًا ثُمَّ لَا تُنظِرُونِ ﴿٥٥﴾

إِنِّى تَوَكَّلْتُ عَلَى ٱللَّهِ رَبِّى وَرَبِّكُم ۚ مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذٌۢ بِنَاصِيَتِهَآ ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقَدْ أَبْلَغْتُكُم مَّآ أُرْسِلْتُ بِهِۦٓ إِلَيْكُمْ ۚ وَيَسْتَخْلِفُ رَبِّى قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾

"Mereka berkata: Wahai Hud! Engkau belum lagi membawa kepada kami suatu bukti yang jelas dan kami tetap tidak akan meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana semata-mata mendengar kata-kata engkau. Dan kami tidak akan beriman kepada engkau(53). Kami hanya hendak mengatakan bahawa setengah-setengah tuhan kami telah menimpakan engkau dengan suatu penyakit yang buruk. Jawab Hud: Sesungguhnya aku mempersaksikan Allah dan kamu sekalian hendaklah turut menjadi saksi bahawa aku tidak kena mengena dengan perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah(54). Dengan yang lain dari-Nya. Oleh sebab itu aturkanlah segala tipu daya kamu sekalian terhadap diriku kemudian bertindaklah tanpa memberi sebarang tempoh kepada aku(55). Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku berada di jalan yang lurus(56). Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telah pun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Allah, yang kerananya aku telah diutuskan kepada kamu, dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada Allah. Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu."(57)

Kemudian datang akibatnya:

وَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا هُودًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَنَجَّيْنَٰهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٨﴾

وَتِلْكَ عَادٌ ۖ جَحَدُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا۟ رُسُلَهُۥ وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾

وَأُتْبِعُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ أَلَآ إِنَّ عَادًا كَفَرُوا۟ رَبَّهُمْ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّعَادٍ قَوْمِ هُودٍ ﴿٦٠﴾

"Dan apabila datang 'azab Kami, Kami selamatkan Hud bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat dari Kami dan Kami telah menyelamatkan mereka dari 'azab yang amat kasar(58). Dan itulah kaum 'Ad yang telah mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka terhadap rasul-Nya dan mereka telah mengikut perintah setiap ketua mereka yang bermaharajalela dan degil(59). Dan mereka diikuti dengan kutukan di dunia ini, juga pada hari Qiamat. Ketahuilah, sesungguhnya kaum 'Ad telah mengingkarkan Tuhan mereka, dan ketahuilah, Allah jauhkan 'Ad kaum Hud dari rahmat-Nya."(60)

Di dalam kisah Soleh pula kita melihat senario ini:

قَالُوا۟ يَٰصَٰلِحُ قَدْ كُنتَ فِينَا مَرْجُوًّا قَبْلَ هَٰذَآ ۖ أَتَنْهَىٰنَآ أَن نَّعْبُدَ مَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا وَإِنَّنَا لَفِى شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٦٢﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى مِنْهُ رَحْمَةً فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

"Mereka berkata: Wahai Soleh! Engkau telah berada dalam kalangan kami sebelum ini sebagai orang harapan kami. Apakah (kini) engkau melarang kami menyembah tuhan-tuhan yang telah disembah datuk nenek kami dan sesungguhnya kami berada dalam keraguan terhadap da'wah yang engkau mengajak kami supaya menganutinya(62). Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari-Nya. Oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Kamu sebenarnya tidak menambahkan suatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata."(63)

Kemudian datanglah akibat malapetaka selepas mereka menyembelih unta mu'jizat dan mendustakan rasul:

فَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا صَٰلِحًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَمِنْ خِزْىِ يَوْمِئِذٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْعَزِيزُ ﴿٦٦﴾

وَأَخَذَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ٱلصَّيْحَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دِيَٰرِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٦٧﴾

كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَآ ۗ أَلَآ إِنَّ ثَمُودَا۟ كَفَرُوا۟ رَبَّهُمْ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّثَمُودَ ﴿٦٨﴾

"Dan setelah datang 'azab Kami, Kami selamatkan Soleh bersama pengikut-pengikutnya yang beriman, dengan limpah rahmat dari Kami, iaitu Kami selamatkan mereka dari kehinaan pada hari itu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuat dan Maha Perkasa(66). Dan orang-orang yang zalim itu telah dibinasakan oleh tempikan yang amat kuat, lalu mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka(67). Seolah-olah mereka belum pernah tinggal di situ. Ketahuilah, bahawa Thamud telah mengingkari Tuhan mereka. Ketahuilah, Allah jauhkan Thamud dari rahmat-Nya."(68)

Dalam kisah Syu'ayb kita melihat senario ini:

قَالُوا۟ يَٰشُعَيْبُ أَصَلَوٰتُكَ تَأْمُرُكَ أَن نَّتْرُكَ مَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَآ أَوْ أَن نَّفْعَلَ فِىٓ أَمْوَٰلِنَا مَا نَشَٰٓؤُا۟ ۖ إِنَّكَ لَأَنتَ ٱلْحَلِيمُ ٱلرَّشِيدُ ﴿٨٧﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَرَزَقَنِى مِنْهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ وَمَآ أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ

إِلَىٰ مَآ أَنْهَىٰكُمْ عَنْهُ ۚ إِنْ أُرِيدُ إِلَّا ٱلْإِصْلَٰحَ
مَا ٱسْتَطَعْتُ ۚ وَمَا تَوْفِيقِىٓ إِلَّا بِٱللَّهِ ۚ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ
أُنِيبُ ﴿٨٨﴾

وَيَٰقَوْمِ لَا يَجْرِمَنَّكُمْ شِقَاقِىٓ أَن يُصِيبَكُم مِّثْلُ
مَآ أَصَابَ قَوْمَ نُوحٍ أَوْ قَوْمَ هُودٍ أَوْ قَوْمَ صَٰلِحٍ ۚ وَمَا
قَوْمُ لُوطٍ مِّنكُم بِبَعِيدٍ ﴿٨٩﴾

وَٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى
رَحِيمٌ وَدُودٌ ﴿٩٠﴾

قَالُوا۟ يَٰشُعَيْبُ مَا نَفْقَهُ كَثِيرًا مِّمَّا تَقُولُ وَإِنَّا لَنَرَىٰكَ
فِينَا ضَعِيفًا ۖ وَلَوْلَا رَهْطُكَ لَرَجَمْنَٰكَ ۖ وَمَآ أَنتَ
عَلَيْنَا بِعَزِيزٍ ﴿٩١﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَهْطِىٓ أَعَزُّ عَلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَٱتَّخَذْتُمُوهُ
وَرَآءَكُمْ ظِهْرِيًّا ۖ إِنَّ رَبِّى بِمَا تَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٩٢﴾

وَيَٰقَوْمِ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّى عَٰمِلٌ ۖ
سَوْفَ تَعْلَمُونَ مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَمَنْ
هُوَ كَٰذِبٌ ۖ وَٱرْتَقِبُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُمْ رَقِيبٌ ﴿٩٣﴾

وَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا شُعَيْبًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَأَخَذَتِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ٱلصَّيْحَةُ
فَأَصْبَحُوا۟ فِى دِيَٰرِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٩٤﴾

كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَآ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّمَدْيَنَ كَمَا بَعِدَتْ
ثَمُودُ ﴿٩٥﴾

"Mereka berkata: Wahai Syu'ayb! Apakah solat engkau yang menyuruh engkau agar kami tinggalkan tuhan-tuhan yang disembah datuk nenek kami atau melarang kami menguruskan harta kami sesuka hati kami? Sesungguhnya engkau adalah seorang yang sabar dan bijak(87). Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rezeki yang baik dari-Nya (patutkah aku menyalahi perintahNya?) Dan aku tidak mahu menyalahi kamu dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang aku sendiri larangkan kamu dari melakukannya. Aku tidak bermaksud yang lain selain dari mengislahkan kamu sedaya upayaku yang mungkin dan tiada kejayaanku melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada-Nya aku berserah dan kepada-Nya aku kembali(88). Wahai kaumku! Janganlah pertentangan kamu terhadapku menyebabkan kamu ditimpa malapetaka yang telah menimpa kaum Nuh atau kaum Hud atau kaum Soleh, sedangkan kaum Lut itu tidak jauh dari kamu(89). Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengasih dan Maha Penyayang(90). Mereka berkata: Wahai Syu'ayb! Kami tidak banyak memahami apa yang dikatakan engkau. Dan sesungguhnya kami memandang engkau seorang yang lemah di dalam kalangan kami dan jika tidak kerana keluarga engkau sudah tentu kami telah bunuhkan engkau dengan rejam dan engkau bukanlah seorang yang gagah perkasa di sisi kami(91). Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah keluargaku lebih mulia di sisi kamu dari Allah dan kamu telah membuangkan-Nya di belakang kamu. Sesungguhnya ilmu Tuhanku meliputi segala apa yang dilakukan kamu(92). Wahai kaumku! Berusahalah mengikut cara hidup kamu dan aku juga berusaha mengikut cara hidupku, kelak kamu akan mengetahui siapakah yang akan ditimpakan 'azab yang menghinakan itu dan siapakah pembohong yang sebenar, dan tunggulah ('azab Allah itu) dan aku juga menunggu bersama kamu(93). Dan setelah datang 'azab Kami, Kami selamatkan Syu'ayb dan orang-orang yang telah beriman yang ada bersamanya dengan rahmat dari Kami dan orang-orang yang zalim itu telah dibinasakan tempikan yang amat kuat dan menyebabkan mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka(94). Seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di situ. Ketahuilah Allah jauhkan penduduk Madyan dari rahmat-Nya sebagaimana jauhnya kaum Thamud dari rahmat-Nya."(95)

- Di antara ciri-ciri itu lagi ialah ulasan Allah terhadap kisah-kisah itu dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya memahami maksudnya yang bertujuan menghiburkan beliau dengan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kepada saudara-saudaranya para anbiya' sebelumnya, juga dengan pengawasan dan pertolongan Allah yang telah dikurniakan kepada mereka, dan seterusnya, mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya mengasingkan diri dari pendusta-pendusta kaumnya sebagaimana yang telah dilakukan oleh para rasul yang mulia terhadap kaum mereka masing-masing kerana mempertahankan agama yang benar yang diutuskan mereka untuk menyampaikannya kepada manusia dan seterusnya memperkatakan tujuan kisah-kisah itu untuk membuktikan kebenaran dakwaan beliau mengenai wahyu dan kerasulannya.

Selepas akhir kisah Nuh kita dapati ulasan yang berbunyi:

تِلْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْغَيْبِ نُوحِيهَآ إِلَيْكَ ۖ مَا كُنتَ
تَعْلَمُهَآ أَنتَ وَلَا قَوْمُكَ مِن قَبْلِ هَٰذَا ۖ فَٱصْبِرْ ۖ إِنَّ

ٱلْعَٰقِبَةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

"Itulah sebahagian dari berita-berita ghaib, yang Kami wahyukannya kepadamu, sedangkan engkau dan kaummu tidak pernah mengetahuinya sebelum ini. Oleh sebab itu bersabarlah, sesungguhnya kesudahan yang baik disediakan untuk para Muttaqin."(49)

Di akhir kisah-kisah yang dikemukakan di dalam surah ini kita dapati ulasan yang panjang hingga ke penghabisan surah ini:

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْقُرَىٰ نَقُصُّهُۥ عَلَيْكَ ۖ مِنْهَا قَآئِمٌ
وَحَصِيدٌ ﴿١٠٠﴾
وَمَا ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ ۖ فَمَآ أَغْنَتْ
عَنْهُمْ ءَالِهَتُهُمُ ٱلَّتِى يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ
لَّمَّا جَآءَ أَمْرُ رَبِّكَ ۖ وَمَا زَادُوهُمْ غَيْرَ تَتْبِيبٍ ﴿١٠١﴾
وَكَذَٰلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَآ أَخَذَ ٱلْقُرَىٰ وَهِىَ ظَٰلِمَةٌ ۚ إِنَّ
أَخْذَهُۥٓ أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

"Itulah sebahagian dari berita negeri-negeri yang Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad). Di antaranya ada negeri yang masih ada kesan-kesannya (hingga ke hari ini) dan ada negeri-negeri yang hilang segala kesannya(100). Dan Kami tidak sekali-kali menzalimi mereka, tetapi merekalah yang telah menzalimi diri sendiri. Tuhan-tuhan yang disembahkan mereka selain Allah itu tidak sedikit pun dapat menolong mereka ketika datang 'azab dari Tuhanmu. Dan tuhan-tuhan palsu itu tidak dapat menambah apa-apa kepada mereka selain dari kebinasaan(101). Dan demikianlah 'azab Tuhanmu apabila Dia membinasakan negeri-negeri yang zalim. Sesungguhnya 'azab Allah itu Maha Pedih dan Maha Berat."(102)

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ ۚ وَلَوْلَا
كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّهُمْ لَفِى
شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١١٠﴾
وَإِنَّ كُلًّا لَّمَّا لَيُوَفِّيَنَّهُمْ رَبُّكَ أَعْمَٰلَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا
يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١١﴾
فَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا۟ ۚ
إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٢﴾
وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ
وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ
لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾
وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَىِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفًا مِّنَ ٱلَّيْلِ ۚ إِنَّ
ٱلْحَسَنَٰتِ يُذْهِبْنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ ذَٰلِكَ ذِكْرَىٰ
لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾
وَٱصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab Taurat lalu kebenarannya dipertikaikan mereka. Jika tidak kerana adanya keputusan (menangguhkan 'azab kepada hari Akhirat) yang terdahulu dari Tuhanmu sudah tentu hukuman 'azab telah dijatuhkan ke atas mereka. Dan sesungguhnya mereka berada di dalam keraguan yang amat mendalam, terhadapnya(110). Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberi balasan yang setimpal kepada setiap orang dari mereka terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(111). Oleh itu hendaklah engkau beristiqamah menjunjung perintah yang dihadapkan kepadamu dan kepada mereka yang telah bertaubat yang berada bersamamu. Dan janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(112). Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang akan menyebabkan kamu diselarkan api Neraka, di sana kamu tidak akan mendapat pelindung-pelindung yang dapat melindungi kamu selain dari Allah dan kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan(113). Dan dirikanlah solat di dua hujung siang hari (di waktu pagi dan petang) dan di waktu-waktu awal malam. Sesungguhnya amalan-amalan yang baik menghapuskan dosa amalan-amalan yang buruk. Itulah amalan yang memberi peringatan kepada orang-orang yang mengingati Allah(114). Dan bersabarlah (Wahai Muhammad) kerana sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala bagi orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang baik."(115)

وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِۦ فُؤَادَكَ ۚ
وَجَآءَكَ فِى هَٰذِهِ ٱلْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾
وَقُل لِّلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنَّا
عَٰمِلُونَ ﴿١٢١﴾
وَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٢٢﴾
وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ ٱلْأَمْرُ
كُلُّهُۥ فَٱعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ
عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

"Dan setiap berita dari berita-berita para rasul yang Kami ceritakan kepadamu adalah bertujuan untuk memantapkan hatimu dengannya, di samping membawa kepadamu keterangan yang benar, juga pengajaran dan peringatan kepada para Mu'minin.(120) Dan katakanlah kepada orang-orang yang tidak beriman: Berusahalah kamu mengikut cara hidup kamu dan kami juga berusaha mengikut cara hidup kami.(121) Dan tunggulah (keputusan Allah) dan kami juga turut menunggu.(122) Dan Allah memiliki rahsia-rahsia langit dan bumi dan segala urusan (pentadbiran alam) adalah dikembalikan kepada-Nya. Oleh sebab itu hendaklah engkau mengabdikan dirimu kepada Allah dan berserah kepada-Nya dan Tuhanmu tidak sekali-kali cuai terhadap segala apa yang dilakukan kamu."(123)

Demikianlah kita dapat melihat dengan jelas aspek haraki (gerak tindak) di dalam garis panduan Al-Qur'an, dan demikianlah kita dapat melihat bagaimana Al-Qur'an, menghadapi realiti da'wah dan pergerakan dalam setiap peringkat perjuangan dengan garis panduan yang sesuai dengan situasi dan demikianlah kita dapat melihat bagaimana kisah-kisah Al-Qur'an menghadapi kehendak-kehendak pergerakan dan tuntutan-tuntutan perjuangan menentang jahiliyah dalam segala peringkatnya yang berlain-lainan dengan langkah-langkah perjuangan yang hidup dan aktif. Garis panduannya sama dengan garis panduan saki-baki ayat-ayat surah yang membicarakannya dan serentak dalam waktu yang sama garis panduan itu selaras pula dengan penerangan surah, suasananya dan topik-topik pembicaraannya dan sejajar dengan matlamat-matlamatnya, di mana segala garis panduan, peraturan-peraturan dan saranan-saranannya yang dijelaskan itu adalah berpijak di alam kenyataan.

* * * * * *

Di dalam kata pengantar Surah Yunus sebelum ini, iaitu dalam juzu' yang kesebelas telah diterangkan seperti berikut:

"Hubungan kita yang akhir - di dalam tafsir Fi Zilal ini - dengan surah-surah Makkiyah yang diturunkan di Makkah ialah Surah al-An'am dan Surah al-A'araf yang berturut-turut dalam tertib susunan mashaf walaupun tidak berturut-turut di dalam tertib nuzul, kemudian datang pula Surah al-Anfal dan Surah al-Taubat dengan suasana, tabi'at dan maudhu'-maudhu' pembicaraan yang khusus dengan Surah-surah Madaniyah. Kini sewaktu kita kembali semula menghayati Surah-surah Makkiyah kita dapati kedua-dua Surah Yunus dan Surah Hud adalah berturut-turut dalam tertib susunan mashaf dan di dalam tertib nuzul. Yang menarik ialah di sana terdapat titik keserupaan yang besar di antara dua surah Makkiyah ini dalam maudhu' pembicaraan keduanya dan dalam cara gaya pembentangan maudhu' pembicaraannya. Misalnya Surah al-An'am memperkatakan hakikat 'aqidah Islam itu sendiri untuk menghadapi dan menentang jahiliyah dari segi 'aqidah, perasaan, ibadat dan amalan, sementara Surah al-A'araf pula memperkatakan tentang pergerakan 'aqidah Islam di bumi dan kisah 'aqidah Islam dalam menghadapi jahiliyah di sepanjang sejarah. Begitu juga keadaan kita di sini dengan Surah Yunus dan Hud. Kedua-duanya mempunyai banyak titik persamaan dari segi maudhu' dan cara pembentangan kecuali Surah al-An'am berlainan dari Surah Yunus dengan rentak nadanya yang tinggi dan kuat dan dengan kecepatan dan kekuatan degapnya, juga dengan sorotannya yang kuat dari segi penggambaran dan harakat, sementara Surah Yunus berlangsung dengan rentak nada yang lembut, degupnya yang tenang, licin dan gemalai. Surah Hud pula mempunyai titik keserupaan yang kuat dengan Surah al-A'araf dari segi maudhu', cara pembentangan-pembentangan rentak nada dan degupnya. Kemudian setiap surah masing-masing mempunyai ciri-ciri peribadinya yang khusus dan bentuk rupanya yang berbeza di samping titik-titik persamaan dan kelainan ini."

Sekarang marilah kita huraikan secara terperinci keterangan yang ringkas ini:

Surah Yunus memuatkan kisah-kisah itu secara ringkas sahaja, iaitu satu liputan ringkas mengenai kisah Nuh dan kisah rasul-rasul selepasnya, kemudian satu liputan yang agak panjang mengenai kisah Musa, kemudian satu liputan ringkas pula mengenai kisah Yunus. Tetapi sebenarnya kisah-kisah yang dikemukakan di dalam surah ini adalah untuk dijadikan saksi dan contoh demi membuktikan kebenaran hakikat-hakikat i'tiqad yang dibicarakan surah ini.

Berhubung Surah Hud pula, maka kisah-kisah yang dikemukakan dalam surah ini merupakan tubuh surah itu sendiri. Walaupun kisah-kisah itu dikemukakan sebagai saksi dan contoh demi membuktikan kebenaran hakikat-hakikat i'tiqad yang dibicarakannya, namun yang kelihatan jelas dalam surah ini ialah bahawa penayangan harakat 'aqidah Rabbaniyah di dalam sejarah umat manusia merupakan matlamat surah yang jelas dan menonjol.

Justeru itulah kita dapati susunan surah ini mengandungi tiga bahagian yang berbeza:

- Bahagian pertama mengandungi hakikat-hakikat 'aqidah di permulaan surah ini dan ia mengambil ruang yang terbatas.
- Bahagian yang kedua mengandungi pergerakan hakikat 'aqidah ini di dalam sejarah dan ia mengambil ruang yang terbesar di dalam penerangan surah.
- Bahagian yang ketiga mengandungi ulasan terhadap pergerakan hakikat 'aqidah yang juga mengambil ruang yang terbatas.

Adalah jelas bahawa seluruh bahagian ini bekerjasama dan saling menyelaras dalam menjelaskan hakikat-hakikat 'aqidah ini mengikut tabi'atnya masing-masing dan mengikut cara penanganannya terhadap hakikat-hakikat ini yang

berbeza-beza di antara penjelasan, kisah-kisah, arahan dan garis panduan.

Hakikat-hakikat asasi yang hendak dijelaskan oleh surah ini ialah:

- Segala mesej yang dibawa oleh Nabi s.a.w. dan para rasul sebelumnya merupakan satu hakikat yang sama, yang diwahyukan dari Allah S.W.T., iaitu hakikat yang ditegakkan di atas keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu yang lain dan menerima segala peraturan keta'atan ini dari rasul-rasul yang diutuskan Allah sahaja dan mengadakan tabir pemisahan di antara manusia dengan berlandaskan hakikat ini.

Di permulaan surah ini terdapat ayat-ayat berikut, yang menjelaskan hakikat da'wah Rasulullah s.a.w.:

الٓر كِتَٰبٌ أُحۡكِمَتۡ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتۡ مِن لَّدُنۡ حَكِيمٍ خَبِيرٍ (١)

أَلَّا تَعۡبُدُوٓاْ إِلَّا ٱللَّهَۚ إِنَّنِي لَكُم مِّنۡهُ نَذِيرٞ وَبَشِيرٞ (٢)

"Alif Laam Raa'. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi, kemudian diberi huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar(1). Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu."(2)

أَمۡ يَقُولُونَ ٱفۡتَرَىٰهُۖ قُلۡ فَأۡتُواْ بِعَشۡرِ سُوَرٖ مِّثۡلِهِۦ مُفۡتَرَيَٰتٖ وَٱدۡعُواْ مَنِ ٱسۡتَطَعۡتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ (١٣)

فَإِلَّمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَكُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَآ أُنزِلَ بِعِلۡمِ ٱللَّهِ وَأَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ فَهَلۡ أَنتُم مُّسۡلِمُونَ (١٤)

"Apakah mereka berkata: Bahawa dia (Muhammad) telah mengadakan Al-Qur'an, (jika begitu) katakanlah (kepada mereka): Silalah kamu bawa sepuluh surah yang setanding dengan Surah Al-Qur'an dan jemputlah siapa sahaja yang dapat kamu jemput selain dari Allah (untuk menolong kamu menciptakan surah itu) jika kamu benar(13). Dan jika mereka tidak menyambut jemputan kamu, maka ketahuilah bahawa Al-Qur'an itu sebenarnya diturun dengan ilmu Allah dan sebenarnya tiada Tuhan selain Dia. Oleh itu apakah kamu belum mahu menyerahkan diri (kepada Allah)?"(14)

Di dalam kisah-kisah para rasul itu ditonjolkan hakikat da'wah mereka dan langkah mengadakan pemisahan di antara mereka dengan kaum dan keluarga mereka di atas asas 'aqidah:

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦٓ إِنِّي لَكُمۡ نَذِيرٞ مُّبِينٌ (٢٥)

أَن لَّا تَعۡبُدُوٓاْ إِلَّا ٱللَّهَۖ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ أَلِيمٖ (٢٦)

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya (Lalu dia berkata:) Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang diutuskan dari Allah kepada kamu untuk menyampaikan peringatan yang amat jelas(25). Iaitu hendaklah kamu jangan menyembah melainkan Allah, kerana sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat pedih."(26)

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي وَءَاتَىٰنِي رَحۡمَةٗ مِّنۡ عِندِهِۦ فَعُمِّيَتۡ عَلَيۡكُمۡ أَنُلۡزِمُكُمُوهَا وَأَنتُمۡ لَهَا كَٰرِهُونَ (٢٨)

"Jawab Nuh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari sisi-Nya, tetapi rahmat itu tidak dapat dilihat kamu, apakah wajar aku memaksa kamu menerimanya, sedangkan kamu tidak menyukainya?"(28)

وَنَادَىٰ نُوحٞ رَّبَّهُۥ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ٱبۡنِي مِنۡ أَهۡلِي وَإِنَّ وَعۡدَكَ ٱلۡحَقُّ وَأَنتَ أَحۡكَمُ ٱلۡحَٰكِمِينَ (٤٥)

قَالَ يَٰنُوحُ إِنَّهُۥ لَيۡسَ مِنۡ أَهۡلِكَۖ إِنَّهُۥ عَمَلٌ غَيۡرُ صَٰلِحٖۖ فَلَا تَسۡـَٔلۡنِ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۖ إِنِّيٓ أَعِظُكَ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلۡجَٰهِلِينَ (٤٦)

"Lalu Nuh berseru kepada Tuhannya dan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku adalah dari keluargaku dan sesungguhnya janji-Mu itu tetap benar dan Engkau-lah hakim yang paling adil di antara para hakim(45). Allah menjawab: Wahai Nuh! Anakmu sebenarnya bukan dari keluargamu, dan perbuatan yang dilakukannya itu adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukannya. Oleh sebab itu jangan engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang tidak diketahuimu. Sesungguhnya Aku memberi nasihat kepadamu supaya engkau tidak termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil."(46)

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمۡ هُودٗاۚ قَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓۖ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا مُفۡتَرُونَ (٥٠)

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud. Lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai tuhan yang lain dari Allah. Kamu sebenarnya telah mengada-adakan pembohongan terhadap Allah."(50)

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمۡ صَٰلِحٗاۚ قَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ

مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh, lalu ia berkata: Wahai Tuhanku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai tuhan yang lain dari Allah. Dialah yang telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu sebagai pengimarahnya. Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan kepada-Nya kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sangat memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)."(61)

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى مِنْهُ رَحْمَةً فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

"Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang nyata dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepada aku rahmat dari-Nya. Oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Oleh itu kamu tidak menambahkan kepada aku selain dari kerugian semata-mata."(63)

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ

"Dan (Kami utuskan) kepada penduduk Madyan saudara mereka Syu'ayb, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai tuhan yang lain dari Allah."(84)

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَرَزَقَنِى مِنْهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ

"Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rezeki yang baik dari-Nya."(88)

Di dalam ulasan pula dikemukakan ayat-ayat berikut yang menjelaskan hakikat da'wah dan konsep pemisahan di antara manusia berasaskan hakikat da'wah:

وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang akan menyebabkan kamu diselarkan api Neraka dan di sana kamu tidak akan mendapat pelindung-pelindung selain dari Allah dan kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan."(113)

وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ ٱلْأَمْرُ كُلُّهُۥ فَٱعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

"Dan Allah memiliki rahsia-rahsia langit dan bumi dan segala urusan (pentadbiran alam) adalah dikembalikan kepada-Nya. Oleh sebab itu hendaklah engkau mengabdikan dirimu kepada Allah dan berserah kepada-Nya dan Tuhanmu tidak sekali-kali cuai terhadap segala apa yang dilakukan kamu."(123)

Demikianlah ketiga-tiga bahagian surah ini turut sama dalam menjelaskan hakikat-hakikat i'tiqad yang asasi itu.

- Supaya manusia hanya tunduk kepada Rububiyah Allah sahaja, maka surah ini melaksanakan tugasnya memperkenalkan Allah S.W.T. kepada mereka dan menjelaskan bahawa mereka yang hidup di dunia itu adalah dalam genggaman kekuasaan-Nya dan seluruh mereka akan kembali kepada-Nya pada hari Qiamat untuk diberi balasan yang akhir kepada mereka... dan ketiga-tiga bahagian surah ini turut bekerjasama menjelaskan hakikat ini.

Di permulaan surah diterangkan:

أَلَآ إِنَّهُمْ يَثْنُونَ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا۟ مِنْهُ ۚ أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٥﴾

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُۥ عَلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَلَئِن قُلْتَ إِنَّكُم مَّبْعُوثُونَ مِنۢ بَعْدِ ٱلْمَوْتِ لَيَقُولَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

وَلَئِنْ أَخَّرْنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِلَىٰ أُمَّةٍ مَعْدُودَةٍ
لَيَقُولُنَّ مَا يَحْبِسُهُ ۗ أَلَا يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا
عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٨﴾

"Ketahuilah, sebenarnya mereka (orang-orang kafir) membongkokkan dada mereka untuk menyembunyikan diri dari Rasulullah. Ketahuilah bahawa Allah - ketika mereka menyelimuti diri dengan kain mereka - adalah mengetahui segala apa yang disembunyi dan segala apa yang dizahirkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam dada manusia(5). Dan tiada seekor binatang pun yang bergerak di bumi melainkan Allah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat tinggalnya dan tempat persembunyiannya. Segala-galanya tercatat dalam sebuah buku yang amat jelas(6). Dan Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari - dan Arasy-Nya terletak di atas air - kerana Dia mahu menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan jika engkau (wahai Muhammad) berkata (kepada mereka): Sesungguhnya kamu kelak akan dibangkitkan kembali selepas mati nescaya orang-orang kafir akan berkata: Ini tidak lain melainkan suatu sihir yang amat terang(7). Dan sesungguhnya jika Kami tangguhkan 'azab dari mereka hingga ke suatu masa yang tertentu nescaya mereka berkata: Apakah yang menghalangkannya (jika ia benar)? Ketahuilah, hari kedatangan 'azab itu tidak akan dipalingkan dari mereka dan 'azab yang dipersenda-sendakan mereka itu tetap mengepung mereka."(8)

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ
أَعْمَالَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾
أُولَٰئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ ۖ
وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا فِيهَا وَبَاطِلٌ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Barang siapa yang menghendaki kehidupan dunia dan perhiasan yang indah nescaya Kami berikan kepada mereka ganjaran hasil usaha mereka di dunia dengan sempurna. Dan ganjaran mereka di dunia ini tidak akan dikurangi sedikit pun(15). Merekalah orang-orang yang tidak akan memperolehi suatu apa di Akhirat kecuali api Neraka. Dan sia-sialah segala amalan yang dilakukan mereka di dunia dan sia-sialah segala apa yang telah dibuatkan mereka."(16)

Di dalam kisah-kisah para rasul dikemukakan contoh-contoh pernyataan yang memperkenalkan Allah:

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمْ ۚ مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ
آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا ۚ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾
فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ مَا أُرْسِلْتُ بِهِ إِلَيْكُمْ ۚ وَيَسْتَخْلِفُ
رَبِّي قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّونَهُ شَيْئًا ۚ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku berada di jalan yang lurus(56). Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telah pun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Allah, yang kerananya aku telah diutuskan kepada kamu dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada Allah. Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu."(57)

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا ۚ قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ
مَا لَكُمْ مِنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۖ هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ
وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّي
قَرِيبٌ مُجِيبٌ ﴿٦١﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh, lalu ia berkata: Wahai kaumku sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai tuhan yang lain dari Allah. Dialah yang telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu sebagai pengimarahnya. Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan kepada-Nya. Kemudian hendaklah kamu bertaubat kepadanya sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sangat memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)."(61)

Di dalam ulasan pula dikemukakan pernyataan berikut:

وَكَذَٰلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَا أَخَذَ الْقُرَىٰ وَهِيَ ظَالِمَةٌ ۚ إِنَّ
أَخْذَهُ أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

"Dan demikianlah 'azab Tuhanmu apabila Dia membinasakan negeri-negeri yang zalim. Sesungguhnya 'azab Allah itu Maha Pedih dan Maha Berat."(102)

وَإِنَّ كُلًّا لَمَّا لَيُوَفِّيَنَّهُمْ رَبُّكَ أَعْمَالَهُمْ ۚ إِنَّهُ بِمَا
يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١١﴾

"Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberi balasan yang setimpal kepada setiap orang dari mereka terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(111)

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا
مُصْلِحُونَ ﴿١١٧﴾
وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۖ وَلَا يَزَالُونَ
مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾

إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ ۚ وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ
رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾

"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan penduduk-penduduknya melakukan perbuatan-perbuatan yang baik.(117) Dan jika Tuhanmu kehendaki tentulah Dia berkuasa menjadikan manusia satu umat sahaja, dan mereka masih terus berselisih pendapat.(118) Kecuali mereka yang telah dirahmati Tuhanmu dan untuk itulah Allah ciptakan mereka. Dan keputusan Tuhanmu telah ditetapkan: Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan jin dan manusia (yang kafir) seluruhnya."(119)

Demikianlah ketiga-tiga bahagian surah ini turut serta dalam memperkenalkan hakikat Uluhiyah dan hakikat Akhirat di dalam penjelasannya.

Penjelasan ketiga-tiga bahagian surah ini bukan bertujuan untuk membuktikan kewujudan Allah, malah bertujuan untuk memantapkan Rububiyah Allah Yang Maha Esa di dalam kehidupan manusia sebagaimana ia dimantapkan di dalam peraturan alam buana, kerana isu Uluhiyah bukanlah suatu isu yang dipertikaikan, malah isu Rububiyah merupakan isu pertikaian yang dihadapi oleh semua kerasulan dan isu inilah juga yang dihadapi kerasulan yang terakhir. Itulah isu keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu, isu patuh dan tunduk kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang tandingan dan ia merupakan isu yang mengembalikan seluruh manusia ke pangkuan kekuasaan Allah, kepada pengadilan-Nya, kepada syari'at-Nya dan kepada seluruh perintah-Nya. Sebagaimana dapat dilihat dengan jelas di dalam ayat-ayat yang dipetik dari semua bahagian-bahagian surah.

* * * * * *

Untuk memantapkan hakikat-hakikat i'tiqad itu di dalam hati nurani manusia, menghunjamkannya ke dalam entiti mereka dan menggerakkan nadi hayat yang aktif dalam hati mereka agar hakikat ini menjadi kekuatan positif yang memberi inspirasi, membentuk perasaan-perasaan, kefahaman-kefahaman, tindakan-tindakan dan pergerakan-pergerakan.... untuk memantapkan hakikat-hakikat itu sedemikian rupa setahap ini, maka rangkaian ayat-ayat surah ini mengandungi berbagai-bagai pernyataan yang memberi inspirasi dan berbagai rentak nadanya yang menyentuh seluruh tali ras dalam entiti manusia dengan begitu mendalam dan penuh rangsangan ketika ia membentang dan memperincikan hakikat-hakikat ini.

• Surah ini mengandungi sebahagian besar dari ayat-ayat yang menggalak dan mengancam manusia, iaitu galakan ke arah mencapai kebaikan dunia dan Akhirat kepada mereka yang menyambut seruan penda'wah yang menyeru ke arah keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan ke arah kebajikan, kebaikan dan pengembangan yang di bawa oleh keta'atan itu kepada manusia.... dan ancaman dengan kegagalan dari mencapai kebaikan dunia dan Akhirat, juga ancaman dengan 'azab dunia dan Akhirat kepada mereka yang menolak seruan penda'wah itu dan mengikut jalan para Taghut yang akan menyerah mereka di Akhirat kepada Neraka Jahannam, iaitu para Taghut yang memimpin para pengikut mereka ke Neraka di Akhirat sebagai balasan terhadap mereka yang telah menyerahkan diri kepada kepimpinan Taghut di dunia dan redha memberi keta'atan mereka kepada mereka bukannya kepada Allah S.W.T. Berikut ialah contoh-contoh ancaman dan galakan:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾
وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا
إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ ۖ وَإِن
تَوَلَّوْا۟ فَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾
إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾

"Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu(2). Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke suatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik. Dan oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat besar(3). Kepada Allah seluruh kamu akan kembali, dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(4)

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ
أَعْمَٰلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا ٱلنَّارُ ۖ
وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا۟ فِيهَا وَبَٰطِلٌ مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾
أَفَمَن كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِۦ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ
وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ
يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ مِنَ ٱلْأَحْزَابِ فَٱلنَّارُ
مَوْعِدُهُۥ ۚ فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُعْرَضُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمْ وَيَقُولُ ٱلْأَشْهَٰدُ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٨﴾

ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿١٩﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ لَمْ يَكُونُوا۟ مُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ۘ يُضَٰعَفُ لَهُمُ ٱلْعَذَابُ ۚ مَا كَانُوا۟ يَسْتَطِيعُونَ ٱلسَّمْعَ وَمَا كَانُوا۟ يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢١﴾

لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ هُمُ ٱلْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَخْبَتُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّهِمْ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٣﴾

مَثَلُ ٱلْفَرِيقَيْنِ كَٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْأَصَمِّ وَٱلْبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِ ۚ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

"Barang siapa yang menghendaki kehidupan dunia dan perhiasannya yang indah nescaya Kami berikan kepada mereka ganjaran hasil usaha mereka di dunia dengan sempurna. Dan ganjaran mereka di dunia ini tidak akan dikurangi sedikit pun(15). Merekalah orang-orang yang tidak akan memperolehi suatu apa di Akhirat kecuali api Neraka. Dan sia-sialah segala amalan yang dilakukan di dunia dan sia-sialah segala apa yang telah dibuatkan mereka(16). Apakah seorang yang mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhannya (wajar dituduh dusta) dan diikuti pula oleh satu lagi saksi dari-Nya dan sebelumnya telah disaksikan kitab Musa (Taurat) yang menjadi pemimpin dan rahmat (kepada kaumnya). Mereka adalah orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an, dan sesiapa yang mengingkarkan Al-Qur'an dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin, maka Nerakalah janjinya. Oleh sebab itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepadanya(17). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah. Mereka akan dihadapkan kepada Tuhan mereka dan para saksi akan berkata: Mereka inilah orang-orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Tuhan mereka. Ketahuilah bahawa kutukan Allah tetap akan ditimpakan ke atas orang-orang yang zalim(18). Iaitu orang-orang yang menghalangkan (manusia) dari jalan Allah dan hendak menjadikannya jalan yang bengkok dan mereka mengingkarkan hari Akhirat(19). Mereka tidak mampu melemahkan Allah di bumi ini dan mereka sekali-kali tidak mempunyai pelindung-pelindung yang berkuasa melindungkan mereka selain dari Allah. Dan 'azab keseksaan itu dilipat gandakan kepada mereka, mereka tidak sesekali mampu mendengar dan tidak pula mampu melihat(20). Merekalah orang-orang yang telah merugikan diri sendiri dan lenyaplah dari mereka segala pendustaan yang dilakukan mereka(21). Dan di Akhirat nanti mereka pasti menjadi orang-orang yang paling rugi(22). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan tenang tenteram terhadap Tuhan mereka, merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi(23). Perbandingan di antara dua golongan Mu'min dan kafir ini sama dengan perbandingan di antara si buta dan si pekak dengan si celik dan si yang mendengar. Apakah kedua-duanya sama sifatnya? Tidakkah kamu mengambil peringatan?"(24)

وَيَٰقَوْمِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا۟ مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

"Wahai kaumku, hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu dan menambahkan lagi satu kekuatan kepada kekuatan kamu dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa."(52)

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقَدْ أَبْلَغْتُكُم مَّآ أُرْسِلْتُ بِهِۦٓ إِلَيْكُمْ ۚ وَيَسْتَخْلِفُ رَبِّى قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾

"Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telah pun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Allah, yang kerananya aku telah diutuskan kepada kamu dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada Allah. Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu."(57)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٩٦﴾

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِۦ فَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ فِرْعَوْنَ ۖ وَمَآ أَمْرُ فِرْعَوْنَ بِرَشِيدٍ ﴿٩٧﴾

يَقْدُمُ قَوْمَهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فَأَوْرَدَهُمُ ٱلنَّارَ ۖ وَبِئْسَ

ٱلْوِرْدُ ٱلْمَوْرُودُ ﴿٩٨﴾
وَأُتْبِعُوا۟ فِى هَـٰذِهِۦ لَعْنَةً وَيَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۚ بِئْسَ ٱلرِّفْدُ ٱلْمَرْفُودُ ﴿٩٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami mengutuskan Musa dengan bukti-bukti kekuasaan Kami (mu'jizat) dan dengan hujjah yang amat jelas(96). Kepada Fir'aun dan para pembesar-pembesarnya, tetapi mereka tetap mengikut perintah Fir'aun, sedangkan perintah Fir'aun itu bukanlah suatu perintah yang bijak(97). Ia berjalan memimpin kaumnya pada hari Qiamat lalu ia membawa mereka ke Neraka seburuk-buruk tempat yang ditujui(98). Dan mereka sentiasa diikuti laknat Allah di dunia dan di hari Qiamat. Itulah seburuk-buruk pemberian yang diberikan."(99)

Dan lain-lain lagi ....

• Surah ini mengandungi kisah-kisah yang panjang untuk membuktikan kebenaran galakan dan ancaman Allah di dalam pergerakan 'aqidah di sepanjang sejarah, iaitu kisah-kisah kebinasaan para pendusta dan keselamatan para Mu'minin sebagaimana diterangkan sebelum ini di dalam setengah-setengah ayat petikan, dan senario yang ditonjolkan secara khusus ialah senario banjir besar, di mana degupan jantung surah ini memuncak setinggi-tingginya di celah-celah senario alam yang unik itu:

وَأُوحِىَ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُۥ لَن يُؤْمِنَ مِن قَوْمِكَ إِلَّا مَن قَدْ ءَامَنَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾
وَٱصْنَعِ ٱلْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَـٰطِبْنِى فِى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ ۚ إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾
وَيَصْنَعُ ٱلْفُلْكَ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيْهِ مَلَأٌ مِّن قَوْمِهِۦ سَخِرُوا۟ مِنْهُ ۚ قَالَ إِن تَسْخَرُوا۟ مِنَّا فَإِنَّا نَسْخَرُ مِنكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ ﴿٣٨﴾
فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٩﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَمْرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ قُلْنَا ٱحْمِلْ فِيهَا مِن كُلٍّ زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ وَمَنْ ءَامَنَ ۚ وَمَآ ءَامَنَ مَعَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٤٠﴾
وَقَالَ ٱرْكَبُوا۟ فِيهَا بِسْمِ ٱللَّهِ مَجْر۪ىٰهَا وَمُرْسَىٰهَآ ۚ إِنَّ رَبِّى لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٤١﴾
وَهِىَ تَجْرِى بِهِمْ فِى مَوْجٍ كَٱلْجِبَالِ وَنَادَىٰ نُوحٌ ٱبْنَهُۥ وَكَانَ فِى مَعْزِلٍ يَـٰبُنَىَّ ٱرْكَب مَّعَنَا وَلَا تَكُن مَّعَ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٤٢﴾
قَالَ سَـَٔاوِىٓ إِلَىٰ جَبَلٍ يَعْصِمُنِى مِنَ ٱلْمَآءِ ۚ قَالَ لَا عَاصِمَ ٱلْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ إِلَّا مَن رَّحِمَ ۚ وَحَالَ بَيْنَهُمَا ٱلْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ ٱلْمُغْرَقِينَ ﴿٤٣﴾
وَقِيلَ يَـٰٓأَرْضُ ٱبْلَعِى مَآءَكِ وَيَـٰسَمَآءُ أَقْلِعِى وَغِيضَ ٱلْمَآءُ وَقُضِىَ ٱلْأَمْرُ وَٱسْتَوَتْ عَلَى ٱلْجُودِىِّ ۖ وَقِيلَ بُعْدًا لِّلْقَوْمِ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾

"Lalu diwahyukan kepada Nuh bahawa tiada siapa lagi dari kaummu yang akan beriman selain dari mereka yang telah beriman itu sahaja. Oleh sebab itu janganlah engkau bersedih terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka(36). Dan buatlah bahtera itu di bawah pengawasan penglihatan mata dan arahan wahyu Kami dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, kerana mereka tetap akan ditenggelamkan(37). Lalu Nuh pun membuat bahtera itu dan setiap kali para pembesar kaumnya berjalan melintasinya, lantas mereka mempersenda-sendakannya lalu Nuh berkata: Jika kamu mempersenda-sendakan kami, maka satu masa nanti kami akan mempersenda-sendakan kamu pula sebagaimana kamu mempersenda-sendakan kami (sekarang)(38). Kamu kelak akan mengetahui siapakah yang akan dilandakan 'azab yang menghinakannya dan siapakah yang akan ditimpa 'azab yang kekal(39). Sehingga apabila tiba perintah Kami dan permukaan bumi telah memancutkan air, Kami berfirman (kepada Nuh): Muatkanlah ke dalam bahtera itu sepasang jantan dan betina dari setiap jenis binatang serta keluargamu kecuali orang yang dahulunya telah ditetapkan keputusan Allah terhadapnya dan muatkan semua orang-orang yang beriman, dan tiada yang beriman bersama Nuh kecuali hanya segelintir manusia sahaja(40). Lalu Nuh berkata: Naiklah ke dalam bahtera itu dengan menyebut nama Allah ketika ia belayar dan berlabuh. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih(41). Dan bahtera itu belayar membawa mereka di dalam arus gelombang (yang meninggi) laksana gunung-ganang. Lalu Nuh menyeru anaknya yang berada di suatu tempat yang terpencil: Wahai anakku, naiklah bahtera ini bersama kami dan janganlah engkau berada bersama orang-orang yang kafir(42). Jawab anaknya: Saya akan berlindung di atas sebuah gunung yang akan melindungku dari air. Lantas Nuh berkata: Pada hari ini tiada yang berkuasa melindungkan seseorang dari 'azab Allah kecuali mereka yang telah dirahmati-Nya. Dan tiba-tiba

gelombang menghalangkan di antara keduanya dan lantas dia (si anak) tenggelam bersama mereka yang ditenggelamkan(43). Kemudian diperintah: Wahai bumi! Telankanlah airmu. Wahai langit! Hentikanlah hujanmu. Lantas banjir pun surut dan perintah Ilahi selesai dilaksanakan, lalu bahtera itu berlabuh di atas Bukit al-Judi dan kemudian diseru: Allah jauhkan rahmat dari golongan orang-orang yang zalim."(44)

Dan seterusnya:

• Surah ini mengandungi gambaran-gambaran jiwa manusia dalam menghadapi peristiwa-peristiwa yang membawa kesenangan dan kesusahan. Gambaran-gambaran itu ditunjukkan kepada pendusta-pendusta yang menggesa agar 'azab yang diancamkan kepada mereka diturunkan dengan segera. Mereka mencabar amaran Allah dengan cara yang biadab. Mereka ditunjukkan gambaran-gambaran diri mereka sendiri semasa menghadapi 'azab yang dipintakan mereka supaya disegerakan itu ketika 'azab sedang menimpa mereka, juga gambaran-gambaran jiwa manusia di sa'at-sa'at penyesalan yang melanda jiwa mereka dalam menghadapi pancaroba zaman, kehilangan ni'mat dan kelucutannya dari tangan mereka juga di sa'at-sa'at dilambung perasaan angkuh, takbur dan terpesona apabila terhapusnya kesusahan itu dan melimpah semula kesenangan dan keni'matan hidup:

وَلَئِنْ أَخَّرْنَا عَنْهُمُ ٱلْعَذَابَ إِلَىٰٓ أُمَّةٍ مَّعْدُودَةٍ لَّيَقُولُنَّ مَا يَحْبِسُهُۥٓ ۗ أَلَا يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٨﴾

وَلَئِنْ أَذَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِنَّا رَحْمَةً ثُمَّ نَزَعْنَٰهَا مِنْهُ إِنَّهُۥ لَيَـُٔوسٌ كَفُورٌ ﴿٩﴾

وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ نَعْمَآءَ بَعْدَ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُ لَيَقُولَنَّ ذَهَبَ ٱلسَّيِّـَٔاتُ عَنِّىٓ ۚ إِنَّهُۥ لَفَرِحٌ فَخُورٌ ﴿١٠﴾

إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya jika Kami tangguhkan 'azab dari mereka hingga ke suatu masa yang tertentu nescaya mereka berkata: Apakah yang menghalang 'azab itu, ketahuilah hari kedatangan 'azab itu tidak akan dipalingkan dari mereka dan 'azab yang dipersenda-sendakan mereka itu tetap akan mengepung mereka(8). Dan seandainya Kami rasakan seseorang manusia dengan sesuatu rahmat dari Kami kemudian Kami cabutkannya kembali darinya nescaya ia menjadi seorang yang putus asa dan sangat kufur(9). Dan seandainya Kami rasakannya dengan sesuatu ni'mat kesenangan setelah ia menderita kesusahan nescaya ia berkata: Kini kesusahan telah hilang dari kami. Sesungguhnya ia sangat gembira, angkuh dan berbangga(10). Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, mereka akan memperolehi keampunan Allah dan pahala yang amat besar".(11)

• Dan ia mengandungi beberapa pemandangan hari Qiamat dan senario-senario para pendusta pada hari itu dan bagaimana mereka mengadap Allah Tuhan mereka, yang mereka dustakan wahyu-Nya dan berpaling dari para rasul-Nya, dan segala kekecewaan, yang dialami mereka pada hari itu tidak dapat ditolong oleh tuhan-tuhan dan juru-juru syafa'at mereka yang palsu:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُعْرَضُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمْ وَيَقُولُ ٱلْأَشْهَٰدُ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٨﴾

ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿١٩﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ لَمْ يَكُونُوا۟ مُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ۘ يُضَٰعَفُ لَهُمُ ٱلْعَذَابُ ۚ مَا كَانُوا۟ يَسْتَطِيعُونَ ٱلسَّمْعَ وَمَا كَانُوا۟ يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢١﴾

لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ هُمُ ٱلْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah. Mereka akan dihadapkan kepada Tuhan mereka dan para saksi akan berkata: Mereka inilah orang-orang yang melakukan pembohongan terhadap Tuhan mereka. Ketahuilah, bahawa kutukan Allah tetap akan ditimpakan ke atas orang-orang yang zalim(18). Iaitu orang-orang yang menghalangkan (manusia) dari jalan Allah dan mereka hendak menjadikannya jalan yang bengkok dan mereka pula mengingkarkan hari Akhirat(19). Mereka tidak mampu melemahkan Allah di bumi ini dan mereka sekali-kali tidak mempunyai pelindung-pelindung yang berkuasa melindungkan mereka selain dari Allah. Dan 'azab keseksaan itu dilipat gandakan kepada mereka, mereka tidak sekali-kali mampu mendengar dan tidak pula mampu melihat(20). Merekalah orang-orang yang telah merugikan diri sendiri dan lenyaplah dari mereka segala pendustaan yang dilakukan mereka(21). Dan di Akhirat nanti mereka pasti menjadi orang-orang yang paling rugi."(22)

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّمَنْ خَافَ عَذَابَ الْآخِرَةِ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّجْمُوعٌ لَّهُ النَّاسُ وَذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّشْهُودٌ ﴿١٠٣﴾
وَمَا نُؤَخِّرُهُ إِلَّا لِأَجَلٍ مَّعْدُودٍ ﴿١٠٤﴾
يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾
فَأَمَّا الَّذِينَ شَقُوا فَفِي النَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ ﴿١٠٦﴾
خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾
وَأَمَّا الَّذِينَ سُعِدُوا فَفِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ ۖ عَطَاءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ ﴿١٠٨﴾

"Sesungguhnya di dalam peristiwa itu terdapat suatu pengajaran kepada orang yang takut kepada 'azab Akhirat. Itulah suatu hari yang dikumpulkan seluruh manusia untuk menghadapi (pengadilan-Nya) dan itulah suatu hari yang disaksikan (seluruh makhluk)(103). Dan. tiadalah Kami menangguhkannya melainkan untuk ke suatu masa yang tertentu sahaja(104). Pada masa datangnya hari (yang tertentu) itu, tiada seorang pun yang dibenarkan bercakap (di hadapan pengadilan Allah) melainkan dengan keizinan Allah. Di antara mereka ada yang celaka dan ada pula yang berbahagia(105). Adapun orang-orang yang celaka, mereka akan ditempatkan di dalam Neraka, di mana mereka mengeluarkan keluhan menyesal dan tangisan tersedu-sedan(106). Mereka akan kekal abadi di dalamnya selama adanya langit dan bumi (di alam Akhirat) kecuali keputusan lain yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Berkuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya(107). Dan ada pun orang-orang yang berbahagia, maka mereka akan ditempatkan di dalam Syurga. Mereka akan kekal abadi di dalamnya selama adanya langit dan bumi (alam Akhirat) kecuali keputusan lain yang dikehendaki Allah sebagai suatu pengurniaan yang tak kunjung putus."(108)

• Di antara pernyataan-pernyataan yang mengharu dan mendebarkan hati ialah gambaran ayat-ayat surah ini yang menggambarkan kehadiran Allah S.W.T. dan ilmu-Nya yang mengetahui segala sesuatu yang tersembunyi di dalam dada manusia, sedangkan mereka tidak menyedari kehadiran Allah dan ilmu-Nya yang merangkumi segala sesuatu, juga tidak menyedari kuasa Allah yang menguasai seluruh makhluk dan ilmu Allah yang mengetahui segala gerak-geri makhluk-makhluk seluruhnya, sedangkan orang-orang kafir yang mendustakan Allah berada dalam genggaman kekuasaan-Nya sama seperti seluruh makhluk yang lain tetapi mereka tidak menyedarinya:

إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾
أَلَا إِنَّهُمْ يَثْنُونَ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا مِنْهُ ۚ أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ۚ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٥﴾
وَمَا مِن دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٦﴾

"Kepada Allah seluruh kamu kembali dan Dia Maha Berkuasa di atasi segala sesuatu(4). Ketahuilah, sebenarnya mereka (orang-orang kafir) membongkokkan dada mereka untuk menyembunyikan diri dari Allah. Ketahuilah, bahawa Allah, ketika mereka menyelimuti diri dengan selimut-selimut mereka, adalah mengetahui segata apa yang disembunyikan dan segala apa yang dizahirkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia(5). Dan tiada seekor binatang pun yang bergerak di bumi melainkan Allahlah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat tinggalnya dan tempat persembunyiannya. Segala-galanya tercatat dalam sebuah buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)."(6)

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُم ۚ مَّا مِن دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا ۚ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu, tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubunnya. Sesungguhnya Allah berada di jalan yang lurus."(56)

• Di antara pernyataan-pernyataan yang memberi inspirasi di dalam penjelasan surah ini ialah tayangan angkatan iman di bawah pimpinan para rasul yang luhur di sepanjang zaman. Setiap rasul menghadapi jahiliyah yang sesat dengan kalimatul-haq yang tegas dan terus terang dengan penuh kepercayaan, ketenangan, dan keyakinan. Sebahagian tayangan ini telah disebut di dalam ayat-ayat petikan yang lepas dan tayangan bakinya akan datang di tempatnya nanti dalam pentafsiran surah ini. Di antara hakikat yang tidak diragui di dalam tayangan ini ialah wujudnya persamaan sikap para rasul, persamaan hakikat yang dikemukakan mereka dalam menghadapi jahiliyah di sepanjang zaman dan persamaan ungkapan-ungkapan yang menceritakan keadaan mereka yang mengandungi hakikat ini.... Persamaan-persamaan ini tidak syak lagi membawa kekuatan, rentak nada dan saranan yang meyakinkan.

Dengan keterangan-keterangan umum yang ringkas ini cukuplah untuk sekadar menjadi kata pengantar surah ini hingga kita bertemu dengan ayat-ayat surah ini dengan pentafsirannya yang terperinci. Kepada Allah dipohon pertolongan.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 24)

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ
حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾
أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾
وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا
إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ ۖ وَإِن
تَوَلَّوْا۟ فَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾
إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾
أَلَآ إِنَّهُمْ يَثْنُونَ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا۟ مِنْهُ ۚ أَلَا حِينَ
يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ۚ
إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٥﴾
وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا
وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِى كِتَٰبٍ
مُّبِينٍ ﴿٦﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ
أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُۥ عَلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ
أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَلَئِن قُلْتَ إِنَّكُم مَّبْعُوثُونَ مِنۢ بَعْدِ
ٱلْمَوْتِ لَيَقُولَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ
مُّبِينٌ ﴿٧﴾
وَلَئِنْ أَخَّرْنَا عَنْهُمُ ٱلْعَذَابَ إِلَىٰٓ أُمَّةٍ مَّعْدُودَةٍ
لَّيَقُولُنَّ مَا يَحْبِسُهُۥٓ ۗ أَلَا يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا
عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٨﴾

وَلَئِنْ أَذَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِنَّا رَحْمَةً ثُمَّ نَزَعْنَٰهَا مِنْهُ
إِنَّهُۥ لَيَـُٔوسٌ كَفُورٌ ﴿٩﴾
وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ نَعْمَآءَ بَعْدَ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُ لَيَقُولَنَّ
ذَهَبَ ٱلسَّيِّـَٔاتُ عَنِّىٓ ۚ إِنَّهُۥ لَفَرِحٌ فَخُورٌ ﴿١٠﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ
لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١١﴾
فَلَعَلَّكَ تَارِكٌۢ بَعْضَ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَضَآئِقٌۢ بِهِۦ صَدْرُكَ
أَن يَقُولُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ كَنزٌ أَوْ جَآءَ مَعَهُۥ مَلَكٌ ۚ
إِنَّمَآ أَنتَ نَذِيرٌ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٢﴾
أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ فَأْتُوا۟ بِعَشْرِ سُوَرٍ مِّثْلِهِۦ
مُفْتَرَيَٰتٍ وَٱدْعُوا۟ مَنِ ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن
كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٣﴾
فَإِلَّمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَكُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَآ أُنزِلَ بِعِلْمِ
ٱللَّهِ وَأَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٤﴾
مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ
أَعْمَٰلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا ٱلنَّارُ ۖ
وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا۟ فِيهَا وَبَٰطِلٌ مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾
أَفَمَن كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِۦ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ
وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ
يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ مِنَ ٱلْأَحْزَابِ فَٱلنَّارُ
مَوْعِدُهُۥ ۚ فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ
وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾
وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ

يُعْرَضُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمْ وَيَقُولُ ٱلْأَشْهَـٰدُ هَـٰٓؤُلَآءِ
ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى
ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٨﴾
ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا
وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ هُمْ كَـٰفِرُونَ ﴿١٩﴾
أُو۟لَـٰٓئِكَ لَمْ يَكُونُوا۟ مُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانَ لَهُم
مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ۘ يُضَـٰعَفُ لَهُمُ ٱلْعَذَابُ ۚ مَا
كَانُوا۟ يَسْتَطِيعُونَ ٱلسَّمْعَ وَمَا كَانُوا۟ يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾
أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا
كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢١﴾
لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ هُمُ ٱلْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ وَأَخْبَتُوٓا۟
إِلَىٰ رَبِّهِمْ أُو۟لَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا
خَـٰلِدُونَ ﴿٢٣﴾
مَثَلُ ٱلْفَرِيقَيْنِ كَٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْأَصَمِّ وَٱلْبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِ ۚ
هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

"Alif, Laam, Raa'. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi, kemudian diberi huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar(1). Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhuya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu(2). Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu, kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke suatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik. Dan oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat besar(3). Kepada Allah seluruh kamu akan kembali dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(4). Ketahuilah, sebenarnya mereka (orang-orang kafir) membongkokkan dada mereka untuk menyembunyikan diri dari Allah. Ketahuilah, bahawa Allah - ketika mereka menyelimuti diri dengan selimut-selimut mereka - adalah mengetahui segala apa yang disembunyi dan segala apa yang dizahirkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam dada manusia(5). Dan tiada seekor binatang pun yang bergerak di bumi melainkan Allahlah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat tinggalnya dan tempat persembunyiannya. Segala-galanya tercatat dalam sebuah buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)(6). Dan Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari - dan 'Arasy-Nya terletak di atas air - kerana Dia mahu menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan jika engkau (wahai Muhammad) berkata (kepada mereka): Sesungguhnya kamu kelak akan dibangkitkan kembali selepas mati nescaya orang-orang kafir akan berkata: Ini tidak lain melainkan suatu sihir yang amat terang(7). Dan sesungguhnya jika Kami tangguhkan 'azab dari mereka hingga ke suatu masa yang tertentu nescaya mereka berkata: Apakah yang menghalangkan 'azab itu? Ketahuilah, hari kedatangan 'azab itu tidak akan dipalingkan dari mereka dan 'azab yang dipersenda-sendakan mereka itu tetap akan mengepung mereka(8). Dan seandainya Kami rasakan seseorang manusia dengan sesuatu rahmat dari Kami kemudian Kami cabutkannya kembali darinya nescaya ia menjadi seorang yang putus asa dan sangat kufur(9). Dan seandainya Kami rasakannya dengan sesuatu ni'mat kesenangan setelah ia menderita kesusahan nescaya ia berkata: Kini kesusahan telah hilang dari kami. Sesungguhnya ia sangat gembira, angkuh dan berbangga(10). Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, mereka akan memperolehi keampunan Allah dan pahala yang amat besar(11). Boleh jadi engkau (wahai Muhammad) ingin meninggalkan setengah-setengah wahyu yang diwahyukan kepadamu dan boleh jadi engkau merasa dadamu sempit dan bosan kerana bimbang mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya khazanah kekayaan atau mengapa malaikat tidak datang bersama dengannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang rasul yang memberi peringatan, sedangkan Allahlah Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu(12). Apakah mereka berkata, bahawa dia (Muhammad) telah mengadakan Al-Qur'an, (jika begitu) katakanlah (kepada mereka): Silalah kamu bawa sepuluh surah yang setanding dengan Surah Al-Qur'an dan jemputlah siapa sahaja yang dapat kamu jemput selain dari Allah (untuk menolong kamu) jika kamu benar(13). Dan jika mereka tidak menyambut jemputan kamu, maka ketahuilah, bahawa Al-Qur'an itu sebenarnya diturunkan dengan ilmu Allah dan sebenarnya liada Tuhan selain Dia. Oleh itu apakah kamu belum mahu menyerahkan diri (kepada Allah)?(14). Barang siapa yang menghendaki kehidupan dunia dan perhiasannya yang indah nescaya Kami berikan kepada mereka ganjaran hasil usaha mereka di dunia dengan sempurna. Dan ganjaran mereka di dunia ini tidak akan dikurangi sedikit pun(15). Merekalah orang-orang yang tidak akan memperolehi suatu apa di Akhirat kecuali api Neraka. Dan sia-sialah segala amalan yang dilakukan mereka di dunia dan sia-sialah segala apa yang telah dibuatkan mereka(16). Apakah seorang yang mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhannya (wajar dituduh dusta) dan diikuti pula oleh satu lagi saksi dari-Nya dan sebelumnya telah disaksikan kitab Musa (Taurat) yang menjadi pemimpin dan rahmat (kepada kaumnya). Mereka adalah orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an dan sesiapa yang mengingkarkan Al-Qur'an dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin, maka Nerakalah janjinya. Oleh sebab itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepadanya(17). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah. Mereka akan dihadapkan

kepada Tuhan mereka dan para saksi akan berkata: Mereka inilah orang-orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Tuhan mereka. Ketahuilah bahawa kutukan Allah tetap akan ditimpakan ke atas orang-orang yang zalim(18). Iaitu orang-orang yang menghalangkan (manusia) dari jalan Allah dan mereka hendak menjadikannya jalan yang bengkok dan mereka mengingkarkan hari Akhirat(19). Mereka tidak mampu melemahkan Allah di bumi ini dan mereka sekali-kali tidak mempunyai pelindung-pelindung yang berkuasa melindungkan mereka selain dari Allah. Dan 'azab keseksaan itu dilipatgandakan kepada mereka, mereka tidak sekali-kali mampu mendengar dan tidak pula mampu melihat(20). Merekalah orang-orang yang telah merugikan diri sendiri dan lenyaplah dari mereka segala pendustaan yang dilakukan mereka(21). Dan di Akhirat nanti mereka pasti menjadi orang-orang yang paling rugi(22). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan tenang tenteram terhadap Tuhan mereka, merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi(23). Perbandingan di antara dua golongan Mu'min dan kafir ini sama dengan perbandingan di antara si buta dan si pekak dengan si celik dan si yang mendengar. Apakah kedua-duanya sama sifatnya? Tidakkah kamu mengambil peringatan?."(24).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pelajaran pertama surah ini yang memain peranan sebagai kata pengantar, di mana kisah-kisah para anbia' diceriterakan di antaranya dengan ulasan. Muqaddimah ini memperkatakan hakikat-hakikat asasi di dalam 'aqidah Islam, iaitu konsep mentauhidkan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang tandingan dan mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu serta beriman kepada kebangkitan semula dan kepada hari Qiamat untuk menentukan hisab dan balasan terhadap segala perbuatan dan segala usaha yang telah dilakukan manusia di dunia selaku alam amalan dan ujian. Muqaddimah ini juga memperkenalkan kepada manusia hakikat Tuhan mereka yang sebenar dan sifat-sifat-Nya yang memberi kesan kepada kewujudan mereka dan kepada kewujudan alam di sekeliling mereka, di samping menerangkan hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah serta kehendak-kehendak dan tuntutan keduanya di dalam kehidupan manusia dan seterusnya menjelaskan konsep keta'atan kepada Allah di alam Akhirat sama seperti keta'atan kepada Allah di dalam kehidupan dunia.

Muqaddimah ini juga mengandungi penjelasan mengenai tabi'at kerasulan dan tabi'at rasul di samping menyampaikan hiburan dan lipuran kepada Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi kedegilan, pendustaan, cabaran dan keangkuhan yang dihadapi beliau di sa'at-sa'at yang kritikal dalam kehidupan peluangan da'wah di Makkah sebagaimana telah kami jelaskan dalam kata pengantar surah ini, di samping mencabar kaum Musyrikin yang telah mendustakan Al-Qur'an supaya mereka menciptakan sepuluh surah yang setanding dengan Al-Qur'an, kerana mereka mendakwa bahawa Al-Qur'an itu dikarang oleh Muhammad. Muqaddimah ini juga bertujuan untuk memantapkan pendirian Rasulullah s.a.w. dan segelintir kaum Muslimin yang ada bersama beliau dengan mengemukakan cabaran dari Allah ini dan mendedahkan kelemahan kaum Musyrikin menghadapi cabaran itu.

Cabaran ini disertakan pula dengan ancaman yang keras kepada kaum Musyrikin bahawa mereka akan ditunggu di Akhirat dengan 'azab keseksaan yang telah didusta dan digesakan mereka akan segera ditimpa ke atas mereka, sedangkan mereka tidak sanggup dicabutkan rahmat Allah dari mereka di dunia ini dan tidak sabar mengadap ujian Allah di dunia, walaupun ujian 'azab di dunia lebih ringan dari 'azab Akhirat.

Kemudian ancaman itu ditonjolkan di dalam suatu senario hari Qiamat, di mana ditayangkan pendirian para pendusta dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin terhadap Al-Qur'anul-Karim dan di mana dapat dilihat betapa lemahnya mereka dan pelindung-pelindung mereka yang palsu untuk menyelamatkan mereka dari 'azab Allah yang amat pedih yang disertakan dengan penghinaan, pendedahan kepada khalayak, pembukaan tembelang dan kecaman. Sementara di sebelah lagi ditayangkan senario orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh di samping pemandangan pahala, keni'matan dan penghormatan yang menunggu mereka, juga ditayangkan senario yang menggambarkan kedua puak itu mengikut cara Al-Qur'an yang mengungkapkan sesuatu dengan gambaran:

مَثَلُ ٱلْفَرِيقَيْنِ كَٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْأَصَمِّ وَٱلْبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِ ۚ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

"Perbandingan di antara dua golongan Mu'min dan kafir itu sama dengan perbandingan di antara si buta dan si pekak dengan si celik dan si yang mendengar. Apakah kedua-duanya sama sifatnya? Tidakkah kamu mengambil peringatan?"(24)

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾

وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ ۖ وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾

إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾

"Alif, Laam, Raa'. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi, kemudian diberi huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar(1). Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu(2). Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu, kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke suatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik. Dan oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat besar(3). Kepada Allah seluruh kamu akan kembali, dan Dia Maha Berkuasa di atas, segala sesuatu."(4)

Di dalam ayat-ayat ini terdapat sekumpulan hakikat-hakikat i'tiqad yang asasi:

- Memantapkan kebenaran wahyu dan kerasulan.
- Mengemukakan konsep 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu
- Mengemukakan konsep balasan Allah di dunia dan Akhirat kepada mereka yang menerima hidayat-Nya dan mengikut sistem hidup ciptaan-Nya.
- Mengemukakan konsep balasan Allah di Akhirat terhadap para pendusta dan konsep kembalinya seluruh manusia kepada Allah baik manusia yang menderhaka mahupun manusia yang ta'at.
- Mengemukakan konsep qudrat Allah yang mutlak dan kuasa-Nya yang tidak terbatas.

الٓر

"Alif Laam Raa'."

Mengikut tata bahasa الر merupakan(subjek) مبتدأ dan khabarnya (predikatnya) ialah:

كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

"Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi kemudian diberi huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(1)

Kitab Al-Qur'an yang disusun dari huruf-huruf yang seperti huruf-huruf Alif. Laam. Raa' itulah yang didustakan mereka, sedangkan mereka lemah untuk mengubahkan dengan huruf-huruf yang sama itu sesuatu yang setanding dengan Al-Qur'an.

Susunan Dan Pengungkapan Al-Qur'an Yang Rapi Dan Halus

كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

"Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi kemudian diberi huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(1)

Ayat-ayatnya disusun begitu rapi dan sebagai hasil dari kerapian ini, ayat-ayatnya menjadi begitu kuat dan kukuh binaannya dan begitu halus pengertian dan maksudnya. Setiap kalimat dan setiap ungkapan memang dimaksudkan, setiap pengertian dan arahan memang dikehendaki, setiap keterangannya mempunyai matlamat yang tertentu dan selaras, di mana tidak berlaku sebarang percanggahan dan pertentangan di antara keterangan-keterangannya. Ayat-ayatnya diatur selaras dan mempunyai satu sistem, kemudian ia dihuraikan dengan terperinci. Oleh sebab itu ayat-ayatnya dibahagi-bahagikan mengikut tujuannya dan dibabkan mengikut topik-topik pembicaraannya dan setiap bahagiannya mengambil ruang yang tertentu sekadar yang diperlukannya.

Yang menyusunkan ayat-ayatnya dengan sedemikian rapi dan menghuraikannya dengan sedemikian halus ialah Allah S.W.T. sendiri bukannya rasul:

مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

"Dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar."(1)

Al-Qur'an itu disusun berlandaskan kebijaksanaan Allah dan dihurai dengan terperinci berasaskan kepakaran Allah yang amat mendalam. Demikianlah Al-Qur'an itu datang dari sisi Allah dalam bentuknya yang diturunkan kepada rasul tanpa sebarang perubahan dan pindaan.

Apakah isi kandungannya?

Isi Kandungan Al-Qur'an Yang Pokok

Ia memperkatakan tentang pokok-pokok 'aqidah dan prinsip-prinsipnya:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ

"Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah."

Itulah konsep tauhid keta'atan dan 'Ubudiyah atau konsep mengikut dan mematuhi perintah Allah Yang Maha Esa sahaja.

إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu."(2)

Itulah konsep kerasulan yang merangkumi tugas-tugasnya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada manusia.

وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ

"Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya."

Itulah konsep kembali kepada Allah dari kesyirikan dan maksiat, iaitu kembali kepangkuan tauhid dan keta'atan.

يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ

"Nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke suatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik."

Itulah balasan kepada orang-orang yang bertaubat dan memohon keampunan.

وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾

"Oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab hari (Qiamat) yang amat besar."(3)

Itulah janji 'azab yang diancamkan kepada orang-orang yang berpaling dari agama Allah.

إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ

"Kepada Allah seluruh kamu akan kembali"

Itulah konsep perkembalian kepada Allah di dunia dan Akhirat.

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾

"Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(4)

Itulah qudrat Allah yang mutlak dan kekuasaan-Nya yang syumul.

Inilah kitab suci Al-Qur'an atau inilah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an dan inilah isu-isu penting yang mahu dijelaskannya untuk dimantapkan di atasnya segala asas binaan agama Allah.

Konsep Mentauhidkan Keta'atan Kepada Allah

Agama Allah tidak mungkin wujud di bumi ini dan tidak mungkin menegakkan sesuatu sistem hidup untuk manusia sebelum ia menjelaskan prinsip-prinsip ini.

Tauhid keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa merupakan persimpangan jalan di antara kekacauan dengan disiplin di alam 'aqidah, juga di antara pembebasan manusia dari belenggu-belenggu kepercayaan yang salah, kepercayaan kepada tahyul dan kuasa yang palsu dengan tindakan memperhambakan manusia kepada berbagai-bagai tuhan palsu dan kehendak-kehendak nafsu mereka dan kepada makhluk-makhluk yang mendakwa sebagai pengantara di sisi Allah atau memperhambakan manusia kepada raja-raja, pembesar-pembesar dan pemerintah-pemerintah yang merampas ciri-ciri Uluhiyah yang paling khusus, iaitu ciri-ciri Rububiyah, Qiwamah dan kuasa Hakimiyah, lalu mereka memperhambakan manusia kepada kuasa ketuhanan mereka yang palsu yang dirampas dari Allah.

Tiada suatu sistem sosial atau politik atau ekonomi atau akhlak atau sistem antara bangsa..... tiada suatu sistem pun yang dapat ditegakkan di atas asas-asas yang jelas, berbeza dan mampan, tidak tunduk kepada hawa nafsu dan ta'wilan-ta'wilan yang berkepentingan kecuali setelah ditegakkan 'aqidah tauhid dalam bentuknya yang ringkas dan halus.

Dan manusia tidak mungkin bebas dari kehinaan, ketakutan dan kegelisahan dan tidak mungkin meni'mati penghormatan yang haqiqi, yang dikurniakan Allah kepada mereka kecuali setelah ditegakkan konsep bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang berhak memegang teraju Rububiyah, Qiwamah dan kuasa Hakimiyah dan seluruh makhluk tidak berhak memegang kuasa-kuasa itu dalam apa bentuk sekalipun.

Pertentangan di sepanjang sejarah di antara jahiliyah dan Islam dan pertarungan di antara kebenaran dan Taghut bukanlah berpunca dari pertikaian terhadap Uluhiyah Allah yang menguasai alam buana dan mengendalikan urusan di alam sebab-sebab dan undang-undang universal, malah pertentangan dan pertarungan itu adalah berpunca dari pertikaian siapakah yang berhak menjadi Tuhan manusia yang memerintah mereka dengan undang-undang-Nya dan mentadbirkan mereka dengan perintah-Nya dan seterusnya memaksa mereka supaya ta'at dan patuh kepada-Nya.

Para Taghut yang jahat di bumi ini merampas kuasa-kuasa ini dan mempertikaikannnya di dalam kehidupan manusia. Mereka menghinakan manusia dengan merampas kuasa Allah. Mereka menjadikan manusia hamba mereka bukannya hamba Allah. Kerasulan-kerasulan, para rasul dan da'wah-da'wah Islamiyah adalah selama-lamanya berjuang untuk mengambil kembali kuasa yang dirampaskan itu dari tangan para Taghut dan mengembalikan kepada Pemiliknya yang sebenar, iaitu Allah S.W.T.

Keta'atan Yang Mutlak Kepada Allah Merupakan Keperluan Manusia Bukannya Keperluan Allah

Allah S.W.T. adalah terkaya dan tidak memerlukan semesta alam. Kerajaan Allah tidak akan terjejas sedikit pun dengan penderhakaan para penderhaka dan kezaliman orang-orang yang zalim. Begitu juga kerajaan-Nya tidak akan bertambah suatu apa dengan keta'atan para hamba-Nya yang ta'at dan dengan ibadat para hamba-Nya yang 'abidin, tetapi manusia sendirilah yang akan menjadi hina dina dan terlanyak ke bawah apabila mereka memberi keta'atan mereka kepada yang lain dari Allah, iaitu kepada mana-mana makhluk-Nya, dan sebaliknya manusia sendirilah yang akan menjadi mulia, terhormat dan tinggi apabila mereka memberi keta'atan mereka kepada Allah Yang Maha Esa dan membebaskan diri dari

perhambaan kepada sesama manusia. Oleh sebab Allah S.W.T. hendak mengurniakan kemuliaan, penghormatan dan darjat yang tinggi kepada manusia, maka Allah telah mengutuskan para rasul-Nya untuk mengembalikan manusia agar mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menyelamatkan mereka dari mengabdikan diri kepada sesama manusia untuk kebaikan mereka sendiri, kerana Allah adalah terkaya dari semesta alam.

Hidup manusia tidak akan sampai ke tahap kemuliaan yang dikehendaki Allah melainkan apabila mereka menetapkan keazaman mereka untuk memberi keta'atan mereka yang tidak berbelah bagi kepada Allah Yang Maha Esa dan menanggalkan dari leher mereka belenggu-belenggu keta'atan kepada yang lain dari Allah, iaitu belenggu-belenggu yang menjatuhkan kehormatan manusia dalam apa bentuk sekalipun.

Makna Rububiyah

Keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa terletak pada pengi'tirafan terhadap Rububiyah Allah sahaja yang menguasai manusia, dan yang dimaksudkan dengan Rububiyah ialah kuasa pentadbiran ke atas manusia dan kuasa mengendalikan kehidupan mereka dengan undang-undang dan peraturan dari Allah dan bukan dengan undang-undang dan peraturan dari yang lain dari Allah.

Inilah hakikat yang dijelaskan oleh permulaan ayat surah yang mulia ini sebagai maudhu' pembicaraan kitab Allah dan sebagai isi kandungannya:

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾

'Alif, Laam, Raa'. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi, kemudian diberi: huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar(1). Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu."(2)

Inilah pengertian pengabdian diri yang dikenali orang-orang Arab di dalam bahasa ibunda mereka yang menjadi bahasa kitab Allah yang mulia yang diturunkan kepada mereka.

Pengi'tirafan terhadap kebenaran risalah merupakan asas bagi membenarkan isu-isu ini yang telah dibawa oleh risalah Allah untuk ditegakkannya (dalam kehidupan manusia). Segala keraguan terhadap risalah yang datang dari Allah sudah cukup untuk menghancurkan perasaan hormat terhadap-Nya di dalam alam hati nurani. Orang-orang yang menyangka bahawa risalah ini adalah datang dari Muhammad - walaupun setinggi mana mengakui kebesaran Muhammad - tidak mungkin mendapat penghormatan dari hati mereka hingga membuat mereka merasa berdosa untuk mengelakkan diri dari ajarannya sama ada dalam perkara-perkara kecil mahupun di dalam perkara-perkara besar. Sebenarnya perasaan dan kesedaran bahawa 'aqidah ini adalah dari Allah itulah yang memburu hati nurani orang-orang yang melakukan maksiat-maksiat sehingga pada akhirnya mereka bertaubat kepada Allah. Perasaan dan kesedaran itulah yang mengawal hati nurani orang-orang yang ta'at hingga ia tidak ragu-ragu, tidak teragak-agak dan tidak menyeleweng.

Begitu juga pengi'tirafan terhadap kebenaran risalah Allah dapat mewujudkan suatu pengawal dalaman yang mengingatkan manusia terhadap kehendak-kehendak Allah agar mereka menerima segala peraturan keta'atan kepada Allah dari satu sumber sahaja iaitu dari Allah dan agar tidak berlaku setiap hari, di mana munculnya Taghut yang pembohong yang memberi ajaran-ajaran dan menggubal undang-undang dan peraturan yang tertentu kepada manusia kemudian mendakwakannya sebagai undang-undang dan peraturan yang digariskan Allah, sedangkan undang-undang dan peraturan itu merupakan pembohongan-pembohongan dari ciptaan mereka sahaja.

Dalam setiap jahiliyah terdapat orang-orang yang membuat undang-undang dan peraturan dan menggariskan nilai-nilai, tradisi-tradisi dan adat-adat resam, kemudian mereka mendakwakannya sebagai undang-undang dan peraturan yang digariskan Allah.

Kekacauan dan penipuan yang dilakukan terhadap manusia atas nama Allah itu tidak mungkin dibendung kecuali di sana wujudnya satu sahaja sumber undang-undang dan peraturan itu, iaitu rasul yang membawa wahyu Allah.

Taubat Yang Sebenar

Aktiviti memohon keampunan dari perbuatan syirik dan perilaku maksiat merupakan pertanda kepekaan hati seseorang dan kebangkitannya; pertanda bahawa dia sedang ditekan perasaan bersalah dan keinginan bertaubat. Dan taubat itu direalisasikan dengan mencabutkan diri secara sungguh-sungguh dari perbuatan-perbuatan yang berdosa di samping mengerjakan amalan-amalan keta'atan, bukan taubat tanpa melakukan dua syarat tersebut yang merupakan bukti taubat ini, kerana kedua syarat itu merupakan terjemahan yang praktikal bagi taubat dan kerana dengan kedua syarat itu dapat direalisasikan kewujudan taubat yang haqiqi, yang dapat diharap pengampunan dan perkenan dari Allah. Jika ada orang yang mendakwa bahawa dia telah bertaubat dan memeluk Islam, sedangkan dia tidak memberi keta'atan yang tidak berbelah bagi kepada Allah Yang Maha Esa dan tidak menerima undang-

undang dan peraturan dari Allah sahaja melalui rasul-Nya, maka dakwaan itu tidak mempunyai apa-apa nilai kerana ia didustakan oleh realiti keta'atannya, kepada yang lain dari Allah.

Penyampaian berita gembira kepada orang-orang yang bertaubat dan penyampaian amaran dan ancaman kepada orang-orang yang berpaling dari agama Allah merupakan tugas asasi seorang rasul di samping merupakan tugas asasi aktiviti tabligh. Kedua-duanya merupakan unsur galakan dan ancaman sememangnya diketahui Allah dari tabi'at manusia sebagai pendorong yang kuat dan mendalam kepada manusia.

Kepercayaan Kepada Akhirat Merupakan Pendorong Kepada Kebaikan Manusia

Kepercayaan kepada hari Akhirat merupakan kepercayaan yang amat diperlukan untuk menyempurnakan kesedaran adanya hikmat di sebalik hidup dan bahawa kebaikan yang diseru dan diperjuangkan oleh risalah-risalah Allah itu merupakan matlamat hidup insan. Oleh sebab itu kebaikan pastilah menerima ganjarannya, jika tidak sempat diterima di dunia, maka ia tetap terjamin akan menerimanya di alam Akhirat, di mana hidup manusia akan disambung kembali untuk mencapai tahap kesempurnaan yang telah diaturkan Allah untuk mereka. Orang-orang yang menyeleweng dari jalan Allah dan dari hikmat-Nya dalam hayat ini, akan terhumban ke dasar 'azab keseksaan di Akhirat. Kepercayaan ini sudah cukup untuk menjamin agar fitrah manusia yang suci itu tidak menyimpang dari jalan yang betul. Dan seandainya ia dikalahkan nafsu atau dikongkong sesuatu kelemahan, ia akan kembali bertaubat dan tidak mengekalkan diri di dalam maksiat. Oleh sebab itulah bumi ini sesuai untuk dihayati manusia dan kehidupan mereka dapat berlangsung mengikut undang-undangnya menuju ke jalan yang lurus. Kepercayaan kepada hari Akhirat bukan sahaja merupakan jalan untuk mendapat ganjaran di Akhirat sebagaimana dianggapkan oleh setengah-setengah orang, malah ia merupakan sebaik-baik pendorong yang menolak manusia ke arah kebaikan dalam kehidupan mereka di dunia ini, juga merupakan sebaik-baik pendorong ke arah mengislah dan mengembangkan kehidupan duniawi dengan syarat diingat bahawa pengembangan dan kemajuan kehidupan duniawi bukanlah merupakan suatu matlamat yang tersendiri, malah hanya merupakan wasilah untuk merealisasikan satu bentuk hidup yang layak dengan makhluk insan yang menerima tiupan roh dari Allah dan makhluk yang dimuliakan Allah melebihi kebanyakan makhluk-Nya yang lain dan seterusnya makhluk diangkatkan Allah dari tahap haiwan yang amat rendah supaya matlamat-matlamat hidup mereka lebih tinggi dari taraf keperluan-keperluan hidup haiwan dan supaya motif-motif dan matlamat-matlamat perjuangan manusia lebih tinggi dari motif dan matlamat-matlamat hidup haiwan.

Konsep Amalan Yang Soleh

Justeru itulah tujuan pokok dari da'wah rasul atau tujuan pokok dari ayat-ayat Al-Qur'an yang disusun rapi dan dihuraikan dengan terperinci itu ialah menyeru manusia supaya memohon keampunan dari perbuatan syirik dan bertaubat kepada Allah. Kedua-duanya merupakan permulaan jalan ke arah mengerjakan amalan-amalan yang soleh. Dan yang dimaksudkan dengan amalan yang soleh itu bukanlah semata-mata menanamkan sifat-sifat yang baik di dalam hati dan mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja, malah amalan yang soleh itu ialah melakukan kegiatan islah di bumi dengan segala erti Islah yang seluas-luasnya, iaitu merangkumi segala aktiviti pembinaan, pembangunan, kemajuan, pengembangan dan produktiviti, dan ganjarannya ialah:

يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ

"Nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke suatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik."

Konsep Keni'matan Hidup

Keni'matan yang baik itu kadang-kadang dikurniakan dalam kehidupan duniawi ini dalam bentuk kualiti di samping dikurniakan dalam bentuk kuantiti, tetapi keni'matan yang baik di alam Akhirat dikurniakan dalam bentuk kualiti dan kuantiti dan dalam bentuk yang tidak pernah terlintas di dalam hati manusia. Marilah kita meninjau keni'matan yang baik dalam kehidupan duniawi:

Di dunia ini kita melihat ramai orang-orang yang baik, orang-orang yang soleh, orang-orang yang sentiasa beristighfar dan bertaubat mengalami kepicikan rezeki. Oleh itu di manakah keni'matan yang baik itu di dalam kehidupan mereka?

Ini adalah satu pertanyaan yang saya anggap merupakan pertanyaan lumrah yang dituturkan lidah kebanyakan orang.

Untuk memahami pengertian yang besar dari keni'matan yang baik yang disebut oleh nas Al-Qur'an tadi, kita pasti melihat kehidupan duniawi ini dari sudut yang lebih luas dan di dalam ruang lingkupnya yang umum dan syumul, bukannya hanya menumpukan pandangan kita kepada suatu fenomena yang berlalu sepintas sahaja.

Seandainya sesuatu kelompok manusia itu diperintah di bawah satu sistem hidup yang baik, yang ditegakkan di atas keimanan kepada Allah dan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, satu sistem hidup yang mengifradkan kuasa Rububiyah dan Qiwamah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, satu sistem hidup yang berlandaskan amalan yang baik dan produktif dalam kehidupan, maka sudah

tentu mereka akan mendapat kemajuan, kemewahan dan kehidupan yang baik secara umumnya sebagai satu kelompok, dan sudah tentu akan mantap di kalangan mereka konsep keadilan di antara usaha dan ganjaran, dan sudah tentu individu-individu kelompok itu secara khusus akan meni'mati rasa kepuasan dan ketenteraman. Sebaliknya apabila kita melihat - di dalam sesuatu kelompok - golongan orang-orang yang melakukan amalan yang baik dan produktif tetapi mengalami kesempitan rezeki dan tidak dapat merasa keni'matan yang baik, maka itulah petanda bahawa kelompok itu tidak diperintah di bawah sistem hidup yang baik yang diambil dari keimanan kepada Allah dan ditegakkan di atas konsep keadilan di antara usaha dan ganjaran.

Tetapi individu-individu yang baik, soleh dan produktif di dalam sesuatu kelompok akan tetap menghayati keni'matan hidup yang baik walaupun punca rezeki mereka sempit malah walaupun mereka ditindas dan diburu oleh masyarakat itu sebagaimana kaum Musyrikin Makkah menindas kumpulan para Mu'minin yang kecil dan sebagaimana jahiliyah-jahiliyah menindas kumpulan penda'wah yang kecil yang menyeru manusia ke jalan Allah. Apa yang kami sebutkan ini bukannya suatu khayalan atau dakwaan kosong. Ketenteraman dan keyakinan hati mereka terhadap balasan Allah dan hubungan mereka yang rapat dengan Allah dan harapan mereka yang besar kepada pertolongan Allah, keihsanan dan limpah kurnia-Nya merupakan pampasan yang besar kepada mereka dan merupakan suatu keni'matan yang baik bagi insan yang mempunyai cita rasa yang lebih tinggi darjatnya dari cita rasa kebendaan yang kasar.

Kami berkata begitu bukannya bertujuan untuk menyeru golongan tertindas yang tidak mendapat ganjaran yang adil dari usaha dan penat lelah mereka supaya merelai kedudukan yang bertentangan dengan konsep keadilan itu, kerana Islam sendiri tidak merelakan kedudukan yang sedemikian rupa dan keimanan sendiri tidak berdiam diri terhadap kedudukan itu, malah kelompok Mu'minin dan para individunya adalah dituntut agar berjuang menghapuskannya agar keni'matan yang baik itu dapat dirasakan oleh orang-orang yang melakukan amalan yang baik dan produktif itu. Sebenarnya kami berkata begitu kerana ianya suatu kebenaran yang dirasakan para Mu'minin yang berhubung rapat dengan Allah biarpun mereka mengalami kepicikan rezeki. Walaupun mereka berada dalam kesuntukan mata pencarian, namun mereka tetap beramal dan berjihad untuk merealisasikan kedudukan-kedudukan yang menjaminkan keni'matan yang baik bagi para hamba Allah yang sentiasa beristighfar, bertaubat dan beramal dengan berpandukan hidayat Allah.

وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُۥ

"Dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik."

Setengah-setengah Mufassirin mengkhususkan balasan yang baik ini kepada balasan di alam Akhirat, tetapi menurut hemat saya ia merupakan balasan yang umum baik di alam dunia mahu pun di alam Akhirat sejajar dengan pandangan yang telah kami kemukakan tentang keni'matan yang baik di alam dunia, yang dapat direalisasikan dalam setiap keadaan. Seorang yang mempunyai amalan yang baik akan mendapat ganjarannya pada sa'at ia mengerjakan amalan yang baik itu, iaitu dalam bentuk menghayati kepuasan jiwa, kesenangan rasa dan menghayati hubungan yang mesra dengan Allah ketika ia mengerjakan sesuatu amalan atau pengorbanan harta yang ikhlas kerana Allah. Selepas itu balasan Allah terhadapnya merupakan suatu limpah kurnia dan kemurahan dari Allah yang mengatasi ganjaran itu.

وَإِن تَوَلَّوْا فَإِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾

"Oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab hari (Qiamat) yang amat besar."(3)

Itulah 'azab pada hari Qiamat bukannya 'azab pada hari "Peperangan Badar" sebagaimana diertikan oleh setengah-setengah Mufassirin, kerana apabila disebut "hari yang amat besar", maka maksudnya ialah hari Qiamat yang dijanjikan Allah dan pengertian itu dikuatkan oleh ayat selanjutnya:

"Kepada Allah seluruh kamu akan kembali."

Walaupun proses kepulangan kepada Allah berlaku di dunia dan di Akhirat dan berlaku di setiap waktu dan keadaan, namun kelaziman ungkapan Al-Qur'an menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan kata-kata "المرجع" itu ialah kepulangan selepas hidup di dunia.

"Dan Dia Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(4)

Ayat ini juga menguatkan pengertian tadi, kerana pernyataan yang menampilkan qudrat Allah yang menguasai segala sesuatu itu adalah sesuai dengan hari kebangkitan semula (hari Qiamat) yang dianggap mustahil dan begitu sulit oleh kaum Musyrikin.

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

Setelah mengumumkan intisari tujuan kitab Al-Qur'an yang disusunkan ayat-ayatnya sebegitu kukuh dan rapi kemudian dihuraikan dengan terperinci oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar, maka ayat-ayat yang berikut membentangkan pula bagaimana sekumpulan kaum Musyrikin menerima ayat-ayat Al-Qur'an yang dikemukakan kepada mereka oleh Rasulullah yang menyampaikan peringatan dan berita gembira kepada manusia. Ia

menggambarkan bentuk kedudukan dan gerak-geri fizikal mereka, iaitu mereka menundukkan kepala dan membongkokkan dada untuk menyembunyikan diri di samping mendedahkan kesia-siaan perbuatan dan tindak-tanduk mereka, sedangkan segala kedudukannya dan gerak-geri mereka yang tersembunyi itu diikuti dan diketahui Allah, malah segala binatang yang bergerak di bumi itu juga sama seperti mereka, iaitu seluruhnya diliputi ilmu Allah Yang Maha Seni dan Halus:

أَلَآ إِنَّهُمْ يَثْنُونَ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا۟ مِنْهُ ۚ أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٥﴾
وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦﴾

"Ketahuilah, sebenarnya mereka (orang-orang kafir) membongkokkan dada mereka untuk menyembunyikan diri dari Allah. Ketahuilah, bahawa Allah - ketika mereka menyelimuti diri dengan selimut-selimut mereka - adalah mengetahui segala apa yang disembunyi dan segala apa yang dizahirkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam dada manusia(5). Dan tiada seekor binatang pun yang bergerak di bumi melainkan yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat tinggalnya dan tempat persembunyiannya. Segala-galanya tercatat dalam sebuah buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)."(6)

Kedua-dua ayat ini menghadirkan satu senario yang unik yang membuat hati gementar apabila ia memikir dan memahaminya! Alangkah ngeri dan alangkah indah yang bercampur takut apabila hati manusia mengimaginasikan kehadiran Allah S.W.T., ilmu dan qudrat-Nya yang merang-kumi segala-galanya, sedangkan mereka adalah para hamba yang lemah yang cuba melindungkan diri dari-Nya ketika mereka mendengar ayat-ayat-Nya yang dibacakan rasul-Nya:

Allah Mengetahui Segala Pergerakan Dan Rahsia Hati Manusia

أَلَآ إِنَّهُمْ يَثْنُونَ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا۟ مِنْهُ ۚ أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٥﴾

"Ketahuilah, sebenarnya mereka (orang-orang kafir) membongkokkan dada mereka untuk menyembunyikan diri dari Allah. Ketahuilah bahawa Allah - ketika mereka menyelimuti diri dengan selimut-selimut mereka - adalah mengetahui segala apa yang disembunyi dan segala apa yang dizahirkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam dada manusia."(5)

Ayat ini mungkin menggambarkan satu peristiwa yang berlaku, iaitu peristiwa kaum Musyrikin dengan Rasulullah s.a.w. apabila beliau memperdengarkan ayat-ayat Al-Qur'an kepada mereka, di mana mereka telah terdorong membongkokkan dada dan menundukkan kepala mereka untuk menyembunyikan diri dari Allah yang dirasakan dalam lubuk hati mereka bahawa Dialah yang mengeluarkan kalam yang menarik itu. Hal seperti ini pernah berlaku kepada mereka beberapa ketika.

Sebelum ayat ini menghabiskan penjelasannya, ia terus menerangkan betapa sia-sianya perbuatan dan tindak-tanduk mereka kerana Allah yang menurunkan ayat-ayat ini adalah hadir bersama mereka baik ketika mereka menyembunyikan diri dan mahupun ketika mereka menampilkan diri. Al-Qur'an menggambarkan pengertian ini - mengikut gaya cara Al-Qur'an - dalam bentuk gambaran yang menakutkan, di mana mereka berada dalam satu kedudukan yang sulit dan halus, iaitu ketika mereka berada di tempat tidur mereka dan berkhalwat dengan diri sendiri, di mana malam dan kain-kain selimut turut menyelubungi mereka, namun begitu Allah tetap hadir bersama mereka di sebalik kain-kain selimut yang melindungi mereka, Allah tetap hadir, melihat, berkuatkuasa dan mengetahui dalam khalwat itu segala apa yang disembunyi dan dinyatakan mereka:

أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ۚ

"Ketahuilah! Bahawa Allah, ketika mereka menyelimuti diri dengan selimut-selimut mereka, adalah mengetahui segala apa yang disembunyi dan segala apa yang dizahirkan mereka."

Maksudnya, Allah mengetahui segala apa yang tersembunyi, kain-kain selimut dan tabir tidak dapat melindungkan mereka dari ilmu Allah. Tetapi seseorang itu biasanya merasa faham situasi khalwat yang seperti ini bahawa dia sedang bersendirian, tiada sesiapa pun yang melihatnya. Pengungkapan yang sedemikian menyentuh dan merangsangkan perasaannya. Ia menggerakkan hatinya begitu kuat dan mendalam agar menyedari hakikat ini yang mungkin dilupainya sehingga ia merasa di sana tiada siapa pun yang melihatnya.

إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam dada manusia."(5)

Allah Maha Mengetahui segala rahsia yang menemani dan tidak pernah berpisah dari dada manusia, rahsia yang mendampingi dada manusia sebagaimana kawan mendampingi kawannya atau pemilik mendampingi miliknya. Oleh, kerana rahsia-rahsia itu begitu sulit dan tersembunyi, maka ia

dinamakan "rahsia-rahsia yang tersembunyi di dalam dada manusia", namun demikian Allah tetap mengetahuinya. Di sini jelaslah tiada suatu pun yang tersembunyi kepada Allah dan tiada suatu gerak dan diam dari mereka yang terluput dari ilmu Allah.

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِي ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦﴾

"Dan tiada seekor binatang pun yang bergerak di bumi melainkan Allahlah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat tinggalnya dan tempat persembunyiannya. Segala-galanya tercatat dalam sebuah buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)."(6)

Ilmu Allah Yang Syumul

Ungkapan ini merupakan satu lagi gambaran yang menggambarkan ilmu Allah yang syumul dan menakutkan. Binatang-binatang iaitu setiap makhluk yang bergerak di bumi seperti manusia, haiwan-haiwan reptilia dan serangga yang memenuhi permukaan bumi, yang bersembunyi di dalam perut bumi, di dalam lubang-lubang dan liku-likunya, yang tidak terhitung banyaknya dan tidak terbanci bilangannya adalah semuanya berada di dalam ilmu Allah dan ditanggung rezekinya oleh Allah. Allah mengetahui di mana binatang-binatang itu tinggal dan di mana ia bersembunyi, dari mana ia datang dan ke mana ia pergi. Setiap ekor dari binatang-binatang itu dan setiap individunya tercatat di dalam ilmu Allah Yang Maha Halus.

Itulah gambaran ilmu Allah Yang terperinci yang merangkumi segala makhluk-Nya. Itulah satu gambaran yang membuat hati seseorang menggelentar apabila ia cuba memahaminya dengan kekuatan imaginasi manusia tetapi tidak terdaya.

Pengagihan Rezeki Yang Menakjubkan

Di samping ilmu Allah yang syumul ditambahkan pula dengan limpah kurnia-Nya yang mengagihkan rezeki kepada setiap individu makhluk-makhluk yang begitu banyak hingga tidak dapat digambarkan imaginasi manusia. Ini satu lagi tahap di mana manusia tidak berdaya menghitungkannya kecuali dengan ilham dari Allah.

Allah S.W.T. secara sukarela telah mewajibkan ke atas diri-Nya menanggung rezeki seluruh makhluk hidup yang begitu besar, yang bergerak di bumi ini, lalu Dia mengurniakan kepada bumi ini kekuatan dan kemampuan untuk memenuhi keperluan-keperluan rezeki seluruh makhluk itu di samping mengurniakan kepada makhluk-makhluk ini kekuatan dan kemampuan untuk mendapatkan rezeki masing-masing yang tersimpan di bumi dalam apa sahaja bentuknya, sama ada dalam bentuk bahan mentah yang bersahaja atau dalam bentuk hasil tanaman atau hasil bikinan atau dalam bentuk makanan-makanan siap dan sebagainya dari berbagai-bagai cara yang berubah dalam usaha mengeluar dan menyediakan makanan sehingga setengah-setengah binatang mendapat rezekinya dalam bentuk darah hidup yang dicernakannya seperti nyamuk dan kutu-kutu!

Inilah gambaran yang sesuai dengan hikmat kebijaksanaan Allah dan rahmat-Nya yang telah menciptakan alam dalam bentuknya yang ada sekarang dan menciptakan seluruh makhluk dengan bakat-bakat kesediaan dan kebolehan yang dikurniakan kepadanya terutama makhluk insan yang telah dilantikkan sebagai khalifah Allah di bumi, dan dikurniakan kebolehan merombak dan menyusun, kebolehan menghasilkan pengeluaran, memaju dan mengembang, kebolehan mengubahkan muka bumi dan memajukan peraturan-peraturan kehidupan di samping kebolehan berusaha mendapatkan rezeki yang tidak diciptakannya sendiri, malah dihasilkan dari kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga yang tersimpan di alam ini dari limpah kurnia Allah, dan rezeki itu dihasilkan dengan pertolongan undang-undang alam ciptaan Allah yang memungkinkan alam ini menghulurkan bekalan-bekalan simpanannya dan makanan-makanannya kepada seluruh makhluk yang hidup.

Ayat ini tidak bermaksud menyatakan bahawa setiap individu itu telah ditetapkan rezekinya masing-masing dan rezeki itu tetap akan datang kepadanya walaupun tanpa usaha dan ia tidak akan terlewat walaupun ia duduk berkilas tangan dan tidak akan hilang walaupun ia bersikap negatif dan malas sebagaimana yang dianggap setengah-setengah orang. Jika tidak, di manakah sebab-sebab atau faktor penyebab (causative factor) yang disuruh Allah supaya dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendakinya, sedangkan faktor-faktor penyebab ini telah dijadikan Allah sebahagian dari undang-undang-Nya? Dan di manakah hikmat kebijaksanaan Allah yang telah mengurniakan kepada makhluk-Nya berbagai-bagai kebolehan dan tenaga? Dan bagaimana hidup manusia dapat menaiki anak-anak tangga kesempurnaan yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah? Allah telah melantikkan makhluk insan sebagai khalifah Allah di bumi dengan tujuan supaya ia memainkan peranannya di bidang kemajuan ini.

Memang benar setiap makhluk itu disediakan rezeki dan rezeki itu tersimpan di alam ini dan ia memang telah ditetapkan di dalam undang-undang Allah yang menggantungkan penghasilan rezeki di atas usaha manusia. Justeru itu seseorang tidak harus duduk berkilas tangan, sedangkan dia tahu langit tidak pernah menghujankan emas dan perak. Memang benar langit dan bumi penuh dengan aneka rezeki yang cukup untuk semua makhluk, tetapi makhluk-makhluk hendaklah mencari rezeki itu mengikut undang-undang Allah yang tidak pernah memilih kasih, tidak pernah mungkir atau menyeleweng.

Rezeki merupakan hasil usaha yang baik dan hasil usaha yang tidak baik. Kedua-duanya dihasilkan dengan usaha dan penat lelah, cuma ia berbeza dari segi jenis dan kualiti, juga berbeza dari segi akibat keni'matan, rezeki yang baik berlainan akibatnya dari akibat keni'matan rezeki yang keji.

Kita jangan lupa ciri perbandingan yang sesuai di antara pernyataan yang menyebut binatang-binatang dan rezekinya dalam ayat ini dengan pernyataan yang menyebut hasil keni'matan yang baik di dalam pembicaraan yang pertama. Penjelasan Al-Qur'an yang rapi dan selaras itu tidak terluput dari mengemukakan tarikan-tarikan perhatian yang berhubung dengan uslub dan topik pembicaraan yang turut bekerjasama melukiskan suasana penjelasan itu.

Kedua-dua ayat yang mulia ini merupakan langkah permulaan untuk memperkenalkan kepada manusia siapakah Tuhan mereka yang sebenar, yang seharusnya mereka tumpukan keta'atan yang tidak berbelah bagi kepada-Nya, iaitu mengabdikan diri kepada-Nya sahaja, kerana Dialah Tuhan yang mempunyai ilmu yang merangkumi segala makhluk dan Tuhan Pemberi rezeki yang tidak meninggalkan seorang pun dari pengagihan rezeki-Nya. Pengetahuan dan ma'rifat ini adalah perlu untuk mengadakan hubungan yang erat di antara manusia dengan Khaliq-Nya dan untuk memperhambakan manusia kepada Allah Yang Maha Bijaksana, Maha Pemberi rezeki dan Maha Mengetahui, di mana ilmu dan qudrat-Nya meliputi seluruh makhluk.

(Pentafsiran ayat 7)

Kemudian ayat yang berikut selanjutnya memperkenalkan kepada manusia tentang hakikat Allah dan menunjukkan kepada mereka kesan-kesan qudrat kuasa dan hikmat kebijaksanaan-Nya yang telah menciptakan langit dan bumi dengan satu peraturan yang tertentu mengikut peringkat-peringkat atau dimensi-dimensi yang teratur rapi kerana suatu hikmat yang tertentu, dan di antaranya yang ditonjolkan ayat berikut ialah pernyataan yang sesuai dengan persoalan-persoalan kebangkitan semula, hisab, amalan dan balasan:

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُۥ عَلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَلَئِن قُلْتَ إِنَّكُم مَّبْعُوثُونَ مِنۢ بَعْدِ ٱلْمَوْتِ لَيَقُولَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

"Dan Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari - dan 'Arasy-Nya terletak di atas air - kerana Dia mahu menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan jika engkau (wahai Muhammad) berkata (kepada mereka): Sesungguhnya kamu kelak akan dibangkitkan kembali selepas mati nescaya orang-orang kafir akan berkata: Ini tidak lain melainkan suatu sihir yang amat terang."(7)

Penciptaan langit dan bumi dalam masa enam hari itu telah kami bicarakan di dalam Surah Yunus, dan kisah penciptaan langit dan bumi itu dikemukakan pula di sini untuk menghubungkan di antara peraturan yang menjadi tapak asas perjalanan alam buana dengan peraturan yang menjadi tapak asas perjalanan hidup manusia.

لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ

"Kerana Dia mahu menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya."(7)

'Arasy Allah

Pernyataan baru yang disebut di sini mengenai penciptaan langit dan bumi ialah pernyataan selingan "dan 'Arasy-Nya terletak di atas air". Apa yang difahamkan oleh pernyataan itu ialah ketika langit dan bumi ini diciptakan yakni ketika kedua-duanya dizahirkan ke alam al-wujud dalam bentuk yang wujud pada masa itu, di sana terdapat lautan air dan 'Arasy Allah S.W.T. juga terletak di atas air.

Bagaimana keadaan air itu dan di mana letaknya dan dalam keadaan bagaimana wujudnya air itu dan bagaimana keadaan 'Arasy Allah itu terletak di atas air? Semuanya ini merupakan perkara-perkara tambahan yang tidak disentuh oleh ayat ini dan seorang mufasir yang tahu di mana batas-batasnya tidak akan menambahkan sesuatu apa pun yang melebihi pengertian ayat itu atau menambahkan sesuatu kepada hakikat ghaib ini, kerana kita tidak mempunyai sumber yang lain untuk mengetahui hakikat yang ghaib itu kecuali keterangan ayat ini sahaja dan dalam batas penjelasannya sahaja.

Di Antara Nas Al-Qur'an Dan Hakikat Ilmiyah

Kita tidak berhak mencari teori-teori yang disifatkan sebagai teori-teori ilmiyah untuk membuktikan kebenaran nas-nas Al-Qur'an walaupun nas-nas itu pada lahirnya secucuk dengan teori itu, kerana teori-teori ilmiyah selalu terdedah kepada perubahan dan kadang-kadang terbalik songsang apabila ahli-ahli sains itu menemui andaian yang baru dan setelah andaian ini diuji, mereka dapati andaian yang baru itu lebih tepat untuk mentafsirkan fenomena-fenomena alam dari andaian lama yang menjadi asas teori yang pertama, sedangkan nas Al-Qur'an itu tetap benar sama ada sains menemui hakikat yang diakuinya atau tidak. Di sana terdapat perbezaan di antara hakikat ilmiyah dan teori ilmiyah. Hakikat ilmiyah terbuka kepada ujian dan ia selama-lamanya bersifat kemungkinan dan bukannya bersifat kepastian, sedangkan teori ilmiyah adalah berlandaskan suatu andaian yang mentafsirkan suatu fenomena alam atau beberapa fenomena dan oleh sebab itulah ia sentiasa terdedah kepada perubahan, pindaan dan pertukaran yang menyeluruh, kerana itu nas-nas Al-Qur'an tidak boleh ditumpangkan di atas teori-teori

itu dan teori-teori itu tidak boleh ditumpangkan di atas nas-nas Al-Qur'an, kerana teori-teori ilmiyah mempunyai jalan tersendiri, yang berlainan dari jalan Al-Qur'an, juga mempunyai bidang tersendiri yang berlainan dari bidang Al-Qur'an.

Perbuatan mencari-cari teori-teori ilmiyah untuk disesuaikan dengan nas-nas Al-Qur'an merupakan kekalahan keimanan dan keyakinan terhadap kebenaran pernyataan-pernyataan Al-Qur'an dan terhadap hakikat bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar, iaitu suatu kekalahan yang timbul kerana terlalu terpesona kepada "sains" dan kerana memberi bidang yang lebih banyak kepada sains" dari bidang-bidang yang biasa, yang tidak boleh dipercayai dan dipegang melainkan di dalam daerahnya sahaja. Oleh sebab itu orang-orang yang melakukan perbuatan ini hendaklah menyedari jejak-jejak kekalahan yang sedang meniti di dalam hatinya dan janganlah mereka fikir bahawa dengan usaha menyesuaikan Al-Qur'an dengan pendapat sains itu bererti mereka telah memberi khidmat yang baik kepada Al-Qur'an dan 'aqidah dan mengukuhkan lagi keimanan mereka, kerana keimanan yang menunggu kata-kata pengesahan dan pengakuan dari ilmu manusia yang berubah-ubah itu adalah suatu keimanan yang perlu dikaji semula. Al-Qur'an tetap merupakan pokok pangkal sama ada ia disokong oleh teori-teori sains atau bertentangan dengannya, sedangkan hakikat-hakikat ilmiyah yang eksperimental mempunyai bidang-bidangnya yang tersendiri yang berlainan dari bidang-bidang Al-Qur'an. Al-Qur'an meninggalkan bidang-bidang itu untuk diterokai akal manusia dengan bebas agar ia mendapat natijah-natijah yang mampu dicapainya melalui ujian-ujiannya, sedangkan Al-Qur'an mengambil peranan mendidik akal agar berfikir dengan betul-betul jujur dan sihat, di samping membebaskannya dari tanggapan-tanggapan yang salah, dongeng-dongeng dan tahyul-tahyul dan berusaha menegakkan satu sistem hidup yang menjaminkan akal dapat bekerja dengan jujur dan bebas dan dapat hidup dengan aman, damai dan aktif. Dan selepas itu Al-Qur'an meninggalkan akal bergiat dan bekerja dalam daerahnya yang tersendiri untuk sampai kepada hakikat-hakikat juzu'kan yang realistik melalui ujian-ujiannya. Al-Qur'an tidak menyebut hakikat-hakikat ilmiyah melainkan jarang-jarang sekali sahaja seperti hakikat air yang diterangkan sebagai sumber hayat dan sebagai unsur yang bersekutu bagi seluruh makhluk yang hidup, juga seperti keterangan Al-Qur'an bahawa seluruh makhluk yang hidup itu mempunyai pasangan jantan betina sehingga pada tumbuhan-tumbuhan yang mengahwinkan diri sendiri melalui sel-sel jantan betina yang ada pada tumbuhan-tumbuhan itu dan lain-lain hakikat ilmiyah yang diterangkan oleh nas-nas Al-Qur'an.

Kini marilah kita pulang dari penjelasan sampingan ini kepada pentafsiran nas-nas Al-Qur'an pula untuk kita hayatinya di bidang-bidangnya yang asal, iaitu bidang pembinaan 'aqidah dan pengendalian kehidupan:

"Dan Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari - dan 'Arasy-Nya adalah terletak di atas air - kerana Dia mahu menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya."(7)

Matlamat Penciptaan Langit Dan Bumi Untuk Menguji Manusia

Sehubungan dengan penciptaan langit dan bumi dalam masa enam hari. Di sini terdapat ceraian-ceraian kata yang dibuang, yang ditunjukkan oleh ceraian kata selepasnya iaitu Allah menciptakan langit dan bumi dalam masa tersebut supaya ia benar-benar lengkap dan layak untuk menampung kehidupan manusia dan Allah menciptakan untuk kamu bumi dan segala apa yang berguna kepada kamu yang datang dari langit dan Dia menguasai seluruh alam buana ini "kerana Dia mahu menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya". Penjelasan ayat ini menonjolkan seolah-olah penciptaan langit dan bumi dalam masa enam hari serta penguasaan Allah yang menerajui segala urusannya itu adalah bertujuan untuk menguji manusia dan untuk membesar-besarkan tujuan ujian itu dan seterusnya untuk menyedarkan manusia terhadap kedudukan mereka yang penting dan terhadap keseriusan ujian itu.

Sebagaimana Allah melengkapkan bumi dan langit dengan persediaan-persediaan untuk menampung kehidupan manusia, maka Dia juga melengkapkan makhluk insan dengan bakat-bakat kebolehan dan tenaga-tenaga yang perlu dan mensesuaikan fitrahnya dengan undang-undang yang sama dengan undang-undang yang mengendalikan alam buana. Di samping itu Allah mengurniakan kepadanya ruang pilihan yang bebas di dalam hidupnya, di mana ia boleh menjuruskan hidupnya ke arah hidayat yang kemudian akan dibantu Allah dengan mengurniakan hidayat kepadanya atau ia boleh menjuruskan hidupnya ke arah kesesatan, di mana Allah akan menyesuaikan hidupnya di dalam kesesatan itu. Allah membiarkan manusia bertindak bebas kerana Dia mahu menguji siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya. Allah menguji mereka bukan untuk mengetahui kerana Allah memang mengetahui, tetapi Dia menguji untuk menzahirkan perbuatan-perbuatan mereka yang tersembunyi agar mereka menerima balasan terhadap perbuatan itu mengikut bagaimana yang dikehendaki iradat dan keadilan Allah.

Oleh sebab itulah perbuatan mendustakan hari kebangkitan, hisab dan balasan kelihatan begitu ganjil dan aneh dalam suasana ini setelah dijelaskan bahawa ujian itu mempunyai hubungan rapat dengan penciptaan langit dan bumi, di samping merupakan asas di dalam peraturan alam dan undang-undang kewujudan.

Para pendusta itu kelihatan jelas tidak rasional dan tidak memahami hakikat-hakikat yang besar dalam penciptaan alam al-wujud, malah mereka hairan dan terperanjat terhadap hakikat-hakikat ini:

وَلَئِن قُلْتَ إِنَّكُم مَّبْعُوثُونَ مِنۢ بَعْدِ ٱلْمَوْتِ لَيَقُولَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

"Dan jika engkau (wahai Muhammad) berkata (kepada mereka): Sesungguhnya kamu kelak akan dibangkitkan kembali selepas mati nescaya orang-orang kafir akan berkata: (Kebangkitan) ini tidak lain melainkan suatu sihir yang amat terang."(7)

Alangkah ganjil dan anehnya perkataan ini dan alangkah dustanya jika ditinjau di bawah bayangan pernyataan Allah yang telah dikemukakan itu.

(Pentafsiran ayat 8)

Hikmat Di Sebalik Penundaan 'azab

Sikap mereka yang mendustakan kebangkitan semula dan kejahilan mereka terhadap hubungannya dengan undang-undang alam samalah dengan sikap mereka terhadap 'azab duniawi. Mereka menggesa agar 'azab itu disegerakan dan tertanya-tanya mengapa ia ditangguhkan, jika hikmat kebijaksanaan Allah yang azali menangguhkan 'azab itu dari mereka untuk satu masa yang tertentu:

وَلَئِنْ أَخَّرْنَا عَنْهُمُ ٱلْعَذَابَ إِلَىٰٓ أُمَّةٍ مَّعْدُودَةٍ لَّيَقُولُنَّ مَا يَحْبِسُهُۥٓ ۗ أَلَا يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٨﴾

"Dan sesungguhnya jika Kami tangguhkan 'azab dari mereka hingga ke suatu masa yang tertentu nescaya mereka berkata: Apakah yang menghalangkan 'azab itu? Ketahuilah, hari kedatangan 'azab itu tidak akan dipalingkan dari mereka dan 'azab yang dipersenda-sendakan mereka itu tetap akan mengepung mereka."(8)

Umat-umat di zaman dahulu dibinasakan 'azab Allah yang memusnahkan seluruh mereka setelah rasul mereka membawa mu'jizat-mu'jizat yang dipinta mereka, namun , demikian mereka terus mendustakannya juga. 'azab itu berlaku begitu kerana risalah-risalah di zaman dahulu merupakan risalah-risalah sementara untuk satu umat atau untuk satu generasi sahaja dari umat ini, begitu juga mu'jizat, ia hanya dapat disaksikan oleh satu generasi itu sahaja. Ia tidak kekal sehingga dapat disaksikan oleh generasi-generasi kemudian agar mereka mempercayainya lebih banyak dari kepercayaan generasi yang telah melihatnya pada kali yang pertama.

Adapun risalah Muhammad, ia merupakan risalah penamat bagi semua risalah di samping merupakan risalah untuk semua kaum dan seluruh generasi manusia dan mu'jizat yang menemaninya pula ialah suatu mu'jizat yang bukan bersifat fizikal. Oleh sebab itu mu'jizat ini kekal buat selama-lamanya untuk difikir, diteliti dan diimani oleh generasi-generasi demi generasi-generasi yang bersilih ganti. Justeru itu hikmat kebijaksanaan Ilahi menghendaki agar umat Muhammad ini tidak dibinasakan dengan 'azab yang memusnahkan seluruh mereka atau agar 'azab itu hanya ditimpakan ke atas segolongan individu-individunya sahaja di masa yang tertentu. Begitu juga halnya yang telah berlaku kepada umat-umat Ahlil-Kitab sebelumnya yang terdiri dari kaum-kaum Yahudi dan Kristian, di mana 'azab yang membinasakan seluruh kaum mereka tidak berlaku.

Tetapi kaum Musyrikin yang jahil dengan undang-undang Allah yang telah menciptakan makhluk insan dengan kebolehan memilih dan membawa diri dan jahil dengan undang-undang Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang membolehkan makhluk insan berusaha, bergiat dan menghadapi ujian Allah, telah mengingkarkan hari kebangkitan. Begitu juga, oleh kerana mereka jahil dengan undang-undang Allah yang berhubung dengan risalah-risalah, mu'jizat-mu'jizat dan 'azab, mereka tertanya - apabila 'azab itu ditangguhkan dari mereka untuk sekian tahun atau hari - mengapa ia ditangguhkan? Mereka tidak memahami hikmat kebijaksanaan Allah dan rahmat-Nya, mereka tidak memahami bahawa pada hari datangnya 'azab itu, ia tidak akan dipalingkan dari mereka, malah ia akan tetap mengepung mereka sebagai balasan terhadap ejekan dan sendaan mereka yang dibayangkan cara pertanyaan mereka yang biadab:

أَلَا يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٨﴾

"Ketahuilah, hari kedatangan 'azab itu tidak akan dipalingkan dari mereka dan 'azab itu yang dipersenda-sendakan mereka itu tetap akan mengepung mereka."(8)

Seorang Mu'min yang serius tidak akan menggesa agar 'azab itu disegerakan Allah dan seandainya 'azab itu terlambat, maka itu merupakan suatu hikmat kebijaksanaan Ilahi dan rahmat-Nya supaya orang-orang yang mempunyai kesediaan beriman dapat beriman.

Dalam masa tangguhan ini, di mana Allah menundakan 'azab-Nya dari kaum Musyrikin, terdapat ramai dari mereka yang telah beriman dan menunjukkan keislaman dan prestasi mereka yang baik dan ramai pula orang-orang yang kafir itu

melahirkan zuriat-zuriat yang beriman selepas itu. Semuanya ini merupakan setengah-setengah hikmat yang zahir dan Allah mengetahui segala rahsia yang tersembunyi, tetapi manusia yang lemah dan bersifat gopoh tidak mengetahui hikmat-hikmat yang seperti ini.

Sehubungan dengan permintaan kaum Musyrikin supaya disegerakan 'azab Allah yang diancamkan kepada mereka, maka ayat-ayat berikut meninjau seketika ke dalam jiwa makhluk insan yang aneh ini, yang tidak mungkin stabil dan beristiqamah melainkan dengan keimanan:

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Keimanan Merupakan Faktor Penstabil Jiwa Manusia

وَلَئِنْ أَذَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِنَّا رَحْمَةً ثُمَّ نَزَعْنَٰهَا مِنْهُ إِنَّهُۥ لَيَـُٔوسٌ كَفُورٌ ﴿٩﴾

وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ نَعْمَآءَ بَعْدَ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُ لَيَقُولَنَّ ذَهَبَ ٱلسَّيِّـَٔاتُ عَنِّىٓ ۚ إِنَّهُۥ لَفَرِحٌ فَخُورٌ ﴿١٠﴾

إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan seandainya Kami rasakan seseorang manusia dengan sesuatu rahmat dari Kami kemudian Kami cabutkannya kembali darinya nescaya ia menjadi seorang yang berputus asa dan sangat kufur(9). Dan seandainya Kami rasakannya dengan sesuatu ni'mat kesenangan setelah ia menderita kesusahan nescaya ia berkata: Kini kesusahan telah hilang dari kami. Sesungguhnya ia sangat gembira, angkuh dan berbangga(10). Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, mereka akan memperolehi keampunan Allah dan pahala yang amat besar."(11)

Inilah satu gambaran yang tepat bagi makhluk insan yang gopoh dan lemah, yang hanya hidup dalam detik-detik masa kini sahaja dan apabila dilanda sesuatu kesusahan ia lantas tidak teringat kepada detik-detik masa silam dan tidak dapat memikirkan detik-detik masa selanjutnya, ia berputus asa dari kebaikan dan tidak mengenangi ni'mat yang silam sebaik sahaja ni'mat itu dicabutkan darinya walaupun ni'mat itu anugerah dari Allah kepadanya. Ia menjadi begitu bergembira dan angkuh sebaik sahaja ia melewati kesusahan kepada kesenangan. Ia tidak tahan menanggung kesusahan, tidak sanggup bersabar dan mengharapkan rahmat Allah, tidak sanggup menunggu detik-detik keselamatan. Ia tidak tahu menjimatkan kesukaan dan kemegahan apabila mendapat ni'mat dan tidak tahu pula membuat perhitungan terhadap kemungkinan hilangnya ni'mat-ni'mat itu.

إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟

"Kecuali orang-orang yang sabar."

Iaitu orang-orang yang sabar menghayati ni'mat kesenangan dan sabar pula menanggung kesusahan. Ramai orang yang tahan menanggung kesusahan kerana sabar dan enggan memperlihatkan kelemahan diri, tetapi sangat sedikit orang yang sabar menghayati ni'mat kesenangan tanpa dilambung perasaan angkuh dan sombong.

وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ

"Dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh"

di dalam kedua-dua situasi itu, iaitu dengan bersikap sabar ketika dilanda kesusahan dan bersyukur dan berbakti ketika menghayati ni'mat kesenangan.

أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١١﴾

"Mereka akan memperolehi keampunan Allah dan pahala yang amat besar"(11)

dengan sebab mereka bersabar di waktu susah dan bersyukur di waktu senang. Keimanan yang sebenar yang dilambangkan dalam bentuk amalan-amalan yang soleh itulah yang dapat menyelamatkan jiwa manusia dari putus harapan yang membawa kepada kekufuran ketika menghadapi kesusahan, di samping dapat melindunginya dari keangkuhan yang jahat ketika menghayati kesenangan. Keimanan inilah yang dapat meneguhkan hati seseorang sama ada di dalam kesusahan atau di dalam kesenangan. Keimananlah yang menghubungkan seseorang dengan Allah dalam kedua-dua situasi itu, di mana ia tidak akan gugur dan hancur di bawah pukulan-pukulan kesusahan dan tidak akan menjadi angkuh dan sombong ketika diselubungi kesenangan dan kemewahan. Kedua-dua keadaan ini adalah baik belaka kepada seorang Mu'min, dan kebaikan ini hanya dicapai oleh orang yang beriman sahaja sebagaimana telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w.

(Pentafsiran ayat 12)

Orang-orang Musyrikin yang jahil terhadap hikmat penciptaan alam dan terhadap undang-undang alam - mereka merupakan individu-individu dari makhluk insan yang lemah, lalai, putus asa, kafir, terlalu gembira dan angkuh - dan jahil terhadap hikmat diutuskan rasul dari jenis manusia dan kerana itu mereka menuntut agar rasul itu berupa seorang malaikat atau harus ditemani seorang malaikat, dan mereka tidak tahu menghargai nilai kerasulan dan kerana itu mereka menuntut agar rasul itu mempunyai gedung kekayaan... merekalah golongan pendusta-pendusta yang degil. Mereka terus menerus mendustakan rasul dan berkeras kepala. Apakah reaksi engkau terhadap mereka wahai rasul?

فَلَعَلَّكَ تَارِكٌۢ بَعْضَ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَضَآئِقٌۢ بِهِۦ صَدْرُكَ

أَن يَقُولُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ كَنزٌ أَوْ جَآءَ مَعَهُۥ مَلَكٌ ۚ
إِنَّمَآ أَنتَ نَذِيرٌ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٢﴾

"Boleh jadi engkau (wahai Muhammad) ingin meninggalkan setengah-setengah wahyu yang diwahyukan kepadamu dan boleh jadi engkau merasa dadamu sempit dan bosan kerana bimbang mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya khazanah kekayaan atau mengapa malaikat tidak datang bersama dengannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang rasul yang memberi peringatan, sedangkan Allahlah Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu."(12)

Kata-kata "لعل" di sini mengandungi makna pertanyaan (apakah boleh jadi?), tetapi bukanlah pertanyaan semata-mata, malah pertanyaan bercampur dengan kemungkinan jiwa manusia itu merasa gelisah dan marah terhadap kejahilan dan kedegilan ini dan gelisah terhadap cadangan-cadangan karut yang membayangkan betapa jauhnya mereka dari memahami tabi'at kerasulan dan tugas-tugasnya. Apakah engkau wahai Muhammad akan merasa dadamu sempit dan gelisah dan adakah kegelisahan ini akan mendorongmu untuk meninggal dan tidak menyampaikan kepada mereka setengah-setengah ayat yang diturunkan kepadamu supaya mereka tidak menentangmu dengan tindakan-tindakan biasa dilakukan mereka dalam kes-kes yang sama mengenai persoalan-persoalan yang dikemukakan engkau kepada mereka sebelum ini?

Tidak sekali-kali begitu, engkau tidak akan meninggalkan setengah-setengah ayat yang diwahyukan kepadamu dan dadamu tidak akan sempit dan gelisah kerana kritikan mereka:

إِنَّمَآ أَنتَ نَذِيرٌ ۚ

"Sesungguhnya engkau hanya seorang rasul yang memberi peringatan."

Seluruh kewajipanmu ialah memberi peringatan kepada mereka. Ayat ini menonjolkan tugas memberi peringatan, kerana situasi di sini memerlukan penonjolan tugas itu kepada orang-orang yang seperti mereka. Oleh itu laksanakanlah kewajipanmu:

وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٢﴾

"Sedangkan Allahlah Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu."(12)

Allahlah yang mengawasi dan akan menangani mereka mengikut kehendak iradat-Nya dan undang-undang-Nya dan selepas itu Dialah yang akan menghisabkan segala perbuatan yang dilakukan mereka. Tugasmu bukannya mengawasi kekufuran dan keimanan mereka, kerana engkau hanya seorang rasul yang ditugas menyampaikan amaran dan peringatan sahaja.

Ayat ini membayangkan suasana masa kritikal di dalam sejarah da'wah, di samping membayangkan perasaan gelisah yang dialami Rasulullah s.a.w. dan seterusnya membayangkan betapa beratnya perjuangan menentang jahiliyah yang degil semasa kehilangan keluarga dan pembantu yang disayangi, di mana perasaan sepi memenuhi hati Rasulullah s.a.w. dan perasaan duka dan susah menyelubungi hati kelompok Muslimin yang kecil yang berada di tengah-tengah jahiliyah yang mengepung mereka.

Dari apa yang tersirat dari ungkapan-ungkapan ayat ini kita dapat merasakan suasana kesusahan, di mana turunnya ungkapan-ungkapan Rabbaniyah ini untuk membawa suasana meriah dan mencurahkan rasa ketenteraman, merehatkan saraf dan menyenangkan hati.

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 24)

Di sana ada lagi satu perkataan yang berulang-ulang kali diucapkan mereka iaitu Al-Qur'an ini adalah ciptaan manusia yang diada-adakan atas nama Allah. Oleh itu (wahai Muhammad) hendaklah engkau cabar mereka supaya menciptakan sepuluh surah yang setanding dengan Surah Al-Qur'an dan biarlah mereka meminta pertolongan siapa sahaja yang disukai mereka untuk mengadikan Al-Qur'an dari ciptaan mereka:

Cabaran Menggubah Al-Qur'an

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ فَأْتُوا۟ بِعَشْرِ سُوَرٍ مِّثْلِهِۦ
مُفْتَرَيَٰتٍ وَٱدْعُوا۟ مَنِ ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن
كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٣﴾

"Apakah mereka berkata: Bahawa dia (Muhammad) telah mengadakan Al-Qur'an (jika begitu) katakanlah (kepada mereka): Silalah kamu bawa sepuluh surah yang setanding dengan surah Al-Qur'an dan jemputlah siapa sahaja yang dapat kamu jemput selain dari Allah (untuk menolong kamu) jika kamu benar."(13)

Sebelum ini Nabi Muhammad s.a.w. diperintah mencabar mereka supaya menciptakan satu surah sahaja sebagaimana disebut dalam Surah Yunus. Oleh itu mengapa selepas itu beliau disuruh mencabar mereka supaya mengadakan sepuluh surah pula?

Para Mufassirin di zaman dahulu berpendapat bahawa cabaran itu mengikut tertibnya. Mula-mula dengan seluruh Al-Qur'an kemudian dengan sepuluh surah kemudian dengan satu surah sahaja, tetapi tertib ini tidak berasaskan dalil, malah mengikut pada zahirnya Surah Yunus merupakan surah yang terdahulu, tetapi cabaran yang disebut di dalamnya hanya dengan satu surah sahaja, sementara Surah Hud pula merupakan surah yang datang selepas Surah Yunus, tetapi cabaran yang disebut di sana ialah sepuluh surah. Yang sebenarnya tertib ayat mengikut nuzul itu tidak semestinya mengikut tertib surah-surah. Kerana biasanya apabila turunnya sesuatu ayat, maka ayat ini (diperintah oleh Rasulullah s.a.w.) supaya dimasukkan ke dalam surah yang terdahulu atau ke dalam surah yang kemudian

nuzulnya. Dan ini pun memerlukan kepada dalil yang menguatkannya, sedangkan di dalam sebab-sebab nuzul tidak terdapat sebarang dalil yang menunjukkan bahawa ayat menyebut cabaran di dalam Surah Yunus itu adalah diturunkan selepas ayat yang menyebut cabaran di dalam Surah Hud. Membuat tertib secara sewenang-wenang dalam persoalan yang seperti ini adalah satu perbuatan yang tidak harus dilakukan.

Al-Ustaz as-Sayed Rasyid Redha dalam Tafsir al-Manar cuba mencari sebab bagi cabaran dengan "sepuluh surah" tersebut. Beliau - Rahmatullah - telah memenatkan dirinya sekian lama untuk membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan cabaran mengadakan sepuluh surah di sini ialah sepuluh Surah Al-Qur'an yang memuatkan kisah-kisah Al-Qur'an, kerana menurut penyelidikan adalah jelas bahawa surah-surah Al-Qur'an yang memuat kisah-kisah yang panjang sehingga sampai kepada waktu turunnya Surah Hud adalah sepuluh surah semuanya. Oleh sebab itulah beliau mencabar mereka dengan sepuluh surah, kerana mencabar mereka mengadakan satu surah sahaja pun boleh melemahkan mereka apatah lagi dari mencabar mereka mengadakan sepuluh surah memandang kerana kisah-kisah itu bertaburan dalam sepuluh surah yang diceritakan dengan berbagai-bagai gaya dan cara dan mereka yang dicabarkan itu perlu menciptakan sepuluh surah yang setanding dengan sepuluh Surah Al-Qur'an yang menceritakan kisah-kisah itu untuk membolehkan mereka meniru Al-Qur'an jika mereka ingin meniru.... hingga akhir. [2]

Pada hemat kami - Wallahu 'alam - persoalan ini lebih mudah dari jawapan yang merumitkan ini, kerana cabaran itu adalah dibuat dengan melihat kepada keadaan mereka yang menuduh Al-Qur'an dan kepada suasana-suasana tuduhan itu, kerana Al-Qur'an menghadapi keadaan-keadaan waqi'i yang tertentu dengan cara waqi'i yang tertentu. Sekali ia mencabar dengan kata: "Silalah kamu bawa Qur'an lain yang setanding dengan Al-Qur'an ini" atau "silalah kamu bawa satu atau sepuluh surah" tanpa mengirakan tertib masa (turunnya surah-surah yang mengandungi cabaran itu), kerana tujuannya ialah cabaran itu adalah ditujukannya kepada mana-mana bahagian Al-Qur'an sama ada seluruh Al-Qur'an atau sebahagiannya sahaja atau satu surah sahaja, jadi cabaran itu adalah ditujukan kepada kualiti Al-Qur'an bukan kepada kuantitinya, kerana pokok kelemahan manusia adalah terletak pada kualiti bukan pada kuantiti. Dan di sini jelaslah bahawa cabaran mengadakan sebuah Al-Qur'an atau sebahagian Al-Qur'an atau satu surah dari Al-Qur'an adalah sama sahaja tanpa perlu mengirakan tertib masa (turunnya surah-surah yang menyebut cabaran itu), kerana yang menjadi faktor penentu ialah kehendak keadaan orang-orang yang dihadapkan ayat-ayat cabaran itu dan apakah jenis perkataan atau tuduhan mereka terhadap Al-Qur'an dalam keadaan itu. Faktor inilah yang menentukan kesesuaian sama ada mereka harus dicabar supaya mengadakan satu surah atau sepuluh surah atau mengadakan sebuah Al-Qur'an, tetapi kita pada hari ini tidak berupaya menentukan kesesuaian-kesesuaian itu kerana Al-Qur'an tidak menjelaskan kepada kita.

وَٱدْعُوا۟ مَنِ ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٣﴾

"Dan jemputlah siapa sahaja yang dapat kamu jemput selain dari Allah (untuk menolong kamu) jika kamu benar."

Yakni jemputlah sekutu-sekutu kamu, pakar-pakar bahasa kamu yang bijak, ahli-ahli retorika kamu yang unggul, penyajak-penyajak kamu yang pintar, malah jemputlah sekalian jin dan manusia kamu supaya mereka menggubah sepuluh surah Al-Qur'an dari ciptaan mereka. Jika kamu benar menuduh Al-Qur'an ini sebagai ciptaan palsu dari yang lain dari Allah!

فَإِلَّمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَكُمْ

"Dan jika mereka tidak menyambut jemputan kamu"

Dan mereka tidak berupaya menciptakan sepuluh surah Al-Qur'an dan kerana itu mereka tidak sanggup memberi pertolongan kepada kamu dalam kerja yang mustahil ini dan kamu sendiri dari awal-awal memang lemah untuk melaksanakan kerja ini dan kerana itu kamu tidak menjemput dan meminta pertolongan dari mereka melainkan sesudah kamu tidak berupaya melakukannya sendiri!

فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَآ أُنزِلَ بِعِلْمِ ٱللَّهِ

"Maka ketahuilah bahawa al-Qur'an itu sebenarnya diturunkan dengan ilmu Allah"

Hanya Allah sahaja yang berkuasa menurunkan Al-Qur'an dan ilmu Allah sahaja yang sanggup menurunkan Al-Qur'an dengan sedemikian rupa, yang mana isi kandungannya memuat berbagai-bagai bukti yang menunjukkan skop ilmu Allah yang meliputi segala undang-undang alam dan segala keadaan manusia yang merangkumi masa silam dan masa kini mereka dan seterusnya masa depan mereka, juga meliputi segala perkara yang mendatangkan kebaikan kepada diri mereka dan kepada kehidupan mereka.

وَأَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

"Dan sebenarnya tiada Tuhan selain Dia."

Hakikat ini juga dapat difaham dari kelemahan tuhan-tuhan yang disembahkan kamu dari menyahut jemputan kamu untuk mengubahkan sepuluh surah yang setanding dengan surah-surah Al-Qur'an yang

[2] *Tafsir al-Manar (12) m.s. 32-41*

diturunkan Allah. Ini membuktikan bahawa di sana pasti ada satu Tuhan sahaja yang berkuasa menurunkan Al-Qur'an ini.

Penjelasan yang pasti diterima dan diakui ini diiringi dengan satu pertanyaan yang tidak boleh dijawab melainkan dengan satu jawapan sahaja bagi mereka yang tidak bersikap angkuh dan degil, iaitu pertanyaan:

فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٤﴾

"Oleh itu apakah kamu belum mahu menyerahkan diri (kepada Allah)?"(14)

selepas kamu menerima cabaran ini dan selepas kamu menyedari kelemahan kamu yang membuktikan bahawa kamu tidak mempunyai jalan yang lain dari menyerah diri? Tetapi selepas itu mereka terus berdegil.

Kebenaran telah terserlah dengan jelas, tetapi mereka takut kehilangan ni'mat-ni'mat hidup duniawi, iaitu kehilangan manfaat-manfaat, kuasa dan peluang memperhambakan orang ramai agar mereka tidak menyambut seruan para penda'wah yang mengajak mereka kepada kebebasan, kehormatan, keadilan dan kemuliaan dan para penda'wah yang menyeru mereka kepada konsep La ilaha Illallah. Oleh sebab itu penjelasan ini diiringi dengan satu pernyataan yang sesuai dengan keadaan mereka dan menggambarkan akibat yang akan diterima mereka:

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَٰلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا ٱلنَّارُ وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا۟ فِيهَا وَبَٰطِلٌ مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Barang siapa yang menghendaki kehidupan dunia dan perhiasannya yang indah nescaya Kami berikan kepada mereka ganjaran hasil usaha mereka di dunia dengan sempurna. Dan ganjaran mereka di dunia itu tidak akan dikurangi sedikit pun(15). Merekalah orang-orang yang tidak akan memperolehi sesuatu apa di Akhirat kecuali api Neraka. Dan sia-sialah segala amalan yang dilakukan mereka di dunia dan sia-sialah segala apa yang dibuatkan mereka."(16)

Akibat Mengejar Keni'matan Duniawi Semata

Segala usaha di bumi ini mempunyai hasilnya sama ada ia mempertingkatkan kedudukan seseorang ke ufuk yang tinggi atau membawanya kepada manfaat-manfaat dunia yang dekat dan kepada manfaat-manfaat dirinya yang tertentu. Oleh sebab itu siapa yang mengingini keni'matan hidup duniawi dan perhiasan-perhiasannya yang indah lalu ia berusaha untuk keni'matan duniawi sahaja, maka ia akan memperolehi hasil usahanya di dunia ini dan dapat meni'matinya sebagaimana yang dikehendakinya dalam masa ajalnya yang tertentu, tetapi di Akhirat kelak dia tidak akan memperolehi sesuatu apa selain dari Neraka, kerana Dia tidak menyediakan apa-apa amalan untuk Akhirat dan tidak membuat apa-apa perhitungan untuknya. Oleh sebab itu segala amalan dunia akan diperolehi hasilnya di dunia ini juga, tetapi amalan itu akan sia-sia di Akhirat dan tidak mempunyai apa-apa nilai. Kata-kata "حبط" dalam ayat ini berasal dari ungkapan "حبطت الناقة" apabila unta itu kembung perutnya kerana sakit. Ini adalah suatu gambaran yang sesuai dengan amalan kosong dunia yang menyerupai perut unta yang menggelembung dan membengkak dan akhirnya membawa maut.

Pada hari ini kita melihat di dunia ini ramai individu-individu, bangsa-bangsa dan umat-umat yang berusaha dan bekerja untuk mendapat keni'matan dunia dan mereka mendapat ganjarannya di dunia ini juga. Dan keni'matan dunia itu merupakan suatu perhiasan yang indah, tetapi sebenarnya ia merupakan amalan kosong seperti perut unta yang menghidap menyakit kembung. Oleh sebab itu kita tidak seharusnya hairan dan bertanya mengapa ia terjadi begitu? Kerana ini sudah menjadi Sunnatullah di bumi ini:

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَٰلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾

"Barang siapa yang menghendaki kehidupan dunia dan perhiasannya yang indah nescaya Kami berikan kepada mereka ganjaran hasil usaha mereka di dunia dengan sempurna dan ganjaran mereka di dunia itu tidak akan dikurangi sedikit pun."(15)

Tetapi apabila kita menerima undang-undang ini dan natijah-natijahnya, maka tidak seharusnya kita lupa bahawa mereka boleh melakukan amalan-amalan yang sama dengan hati yang menyintai Akhirat dan bermuraqabah dengan Allah dalam masa berusaha dan meni'mati keni'matan dunia itu dan dengan demikian mereka akan memperolehi kesenangan hidup duniawi tanpa dikurangi sedikit pun dan serentak itu juga mereka memperolehi kesenangan hidup di Akhirat pula.

Beramal untuk kesenangan hidup di Akhirat tidak menghalangi beramal untuk kesenangan hidup duniawi kerana kedua-dua amalan itu adalah sama cuma ia disertakan dengan bertawajjuh kepada Allah, sedangkan bermuraqabah dengan Allah ketika melakukan amalan itu tidak mengurangkan kuantitinya dan kesan-kesannya, malah ia menambahkan keberkatan kepada usaha itu dan kepada hasil perolehannya iaitu ia menjadikan usaha itu bertambah baik dan keni'matan hasilnya bertambah baik dan menambahkan keni'matan hidup duniawi dengan keni'matan hidup Akhirat kecuali jika tujuan mendapatkan keni'matan duniawi itu ialah untuk memuaskan nafsu keinginan yang haram, maka keni'matan itu akan membawa kepada kebinasaan bukan sahaja di Akhirat, malah di dunia ini juga walaupun setelah dilalui satu masa yang tertentu.

Gejala kebinasaan ini dapat dilihat dalam kehidupan bangsa-bangsa dan individu-individu, dan contoh teladan dari sejarah telah membuktikan bahawa kebinasaan akan menimpa setiap umat yang mengikut hawa nafsu mereka di sepanjang abad.

Selepas itu penjelasan ayat yang berikut beralih kepada memperkatakan tentang sikap kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan terhadap agama yang benar yang di bawa oleh beliau, juga beralih kepada Al-Qur'an yang menyaksikan bahawa beliau mempunyai bukti yang amat jelas dari Allah dan bahawa beliau adalah sebenarnya utusan dari Allah, di samping kebenarannya disaksikan oleh kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa sebelum ini. Seterusnya penjelasan ayat yang berikut beralih kepada memperkatakan berbagai-bagai bukti kebenaran Nabi s.a.w., da'wahnya dan risalahnya dengan tujuan untuk menenangkan hati Rasulullah s.a.w. dan hati kelompok Mu'minin yang sedikit yang berada bersama beliau, juga bertujuan untuk mengancamkan orang-orang kafir dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin bahawa mereka akan dimasukkan ke dalam Neraka, di samping menayangkan mereka dalam salah satu senario 'azab pada hari Qiamat yang menonjolkan 'azab penghinaan dan kemaluan sebagai balasan terhadap sikap mereka yang degil dan angkuh, juga untuk menjelaskan bahawa mereka yang angkuh mempertahankan agama yang karut dan menentang agama yang benar dengan penuh kedegilan itu adalah terlalu lemah untuk melepaskan diri dari 'azab Allah, juga terlalu lemah untuk mendapat penolong-penolong dan pelindung-pelindung yang lain dari Allah:

لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ هُمُ ٱلْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan di Akhirat nanti mereka pasti menjadi orang-orang yang paling rugi."(22)

Dan seterusnya untuk membuat perbandingan di antara mereka dengan orang-orang yang beriman, iaitu perbandingan dalam bentuk satu gambaran fizikal yang dapat dilihat dengan jelas betapa jauhnya perbezaan di antara dua kelompok itu baik dari segi tabi'at mahupun dari segi sikap dan kedudukan mereka di dunia dan Akhirat:

أَفَمَن كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِۦ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ مِنَ ٱلْأَحْزَابِ فَٱلنَّارُ مَوْعِدُهُۥ ۚ فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُعْرَضُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمْ وَيَقُولُ ٱلْأَشْهَٰدُ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٨﴾

ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿١٩﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ لَمْ يَكُونُوا۟ مُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ۘ يُضَٰعَفُ لَهُمُ ٱلْعَذَابُ ۚ مَا كَانُوا۟ يَسْتَطِيعُونَ ٱلسَّمْعَ وَمَا كَانُوا۟ يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢١﴾

لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ هُمُ ٱلْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَخْبَتُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّهِمْ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٣﴾

مَثَلُ ٱلْفَرِيقَيْنِ كَٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْأَصَمِّ وَٱلْبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِ ۚ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

"Apakah seorang yang mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhannya (wajar dituduh dusta) dan diikuti pula oleh satu lagi saksi darinya dan sebelumnya telah disaksikan kitab Musa (Taurat) yang menjadi pemimpin dan rahmat (kepada kaumnya). Mereka adalah orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an dan sesiapa yang mengingkarkan Al-Qur'an dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin, maka Nerakalah janjinya. Oleh sebab itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepadanya(17). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah. Mereka akan dihadapkan kepada Tuhan mereka dan para saksi akan berkata: Mereka inilah orang-orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Tuhan mereka. Ketahuilah, bahawa kutukan Allah tetap akan ditimpakan ke atas orang-orang yang zalim(18). Iaitu orang-orang yang menghalangkan (manusia) dari jalan Allah dan mereka hendak menjadikannya jalan yang

bengkok dan mereka mengingkarkan hari Akhirat(19). Mereka tidak mampu melemahkan Allah di bumi ini dan mereka sekali-kali tidak mempunyai pelindung-pelindung yang berkuasa melindungkan mereka selain dari Allah. Dan 'azab keseksaan itu dilipatgandakan kepada mereka, mereka tidak sekali-kali mampu mendengar dan tidak pula mampu melihat(20). Merekalah orang-orang yang telah merugikan diri sendiri dan lenyaplah dari mereka segala pendustaan yang dilakukan mereka(21). Dan di Akhirat nanti mereka pasti menjadi orang-orang yang paling rugi(22). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan tenang tenteram terhadap Tuhan mereka, merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi(23). Perbandingan di antara dua golongan Mu'min dan kafir ini sama dengan perbandingan di antara si buta dan si pekak dengan si celik dan si yang mendengar. Apakah kedua-duanya sama sifatnya? Tidakkah kamu mengambil peringatan?"(24)

Pengertian Ayat-ayat Al-Qur'an Dapat Dihayati Melalui Perjuangan

Keterangan yang panjang ini, yang mengandungi berbagai-bagai isyarat dan saranan, berbagai-bagai tarikan perhatian dan berbagai-bagai rentak nada pernyataan adalah semuanya membayangkan sejarah da'wah Islamiyah di Makkah di samping menggambarkan kepada kita bagaimana situasi masa itu memerlukan kepada kempen penerangan yang positif, juga menggambarkan kepada kita tabi'at harakat Al-Qur'an ketika menghadapi realiti itu dengan perjuangannya secara besar-besaran.

Pengertian Al-Qur'an hanya dapat dihayati oleh mereka yang terlibat di dalam perjuangan ini dan menghadapi situasi-situasi turunnya ayat-ayat Al-Qur'an itu untuk berdepan dan mengendalikan perjuangan itu. Orang-orang yang berusaha mencari makna-makna dan maksud-maksud ayat-ayat Al-Qur'an dengan hanya duduk di kerusi malas dan mengkajikannya secara kajian retorikal atau kajian kesenian tidak dapat menemui hakikat Al-Qur'an selama mereka duduk berselimpuh tanpa bergerak, jauh dari gelanggang perjuangan dan jauh dari pergerakan. Hakikat Al-Qur'an ini selama-lamanya tidak terbuka kepada mereka yang duduk diam dan rahsia Al-Qur'an tidak terdedah kepada orang-orang yang mementingkan keselamatan dan kerehatan diri serta memberi 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah dan keta'atannya kepada Taghut bukannya kepada Allah!

أَفَمَن كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِۦ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ مِنَ ٱلْأَحْزَابِ فَٱلنَّارُ مَوْعِدُهُۥ ۚ فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

"Apakah seorang yang mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhannya (wajar dituduh dusta) dan diikuti pula oleh satu lagi saksi darinya dan sebelumnya telah disaksikan kitab Musa (Taurat) yang menjadi pemimpin dan rahmat (kepada kaumnya). Mereka adalah orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an dan sesiapa yang mengingkarkan Al-Qur'an dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin, maka Nerakalah janjinya. Oleh sebab itu janganlah engkau berada dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepadanya."(17)

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai maksud firman Allah:

أَفَمَن كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِۦ

"Apakah seorang yang mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhannya"

dan maksud firman Allah:

وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ

"Dan diikutinya pula oleh satu lagi saksi darinya"

juga mengenai tempat rujukan gantinama-gantinama pada perkataan "ربّه" (Tuhannya) dan pada perkataan "يتلوه" (diikutinya) dan seterusnya pada perkataan "منه" (darinya). Saya tarjihkan mengikut pandangan saya bahawa yang dimaksudnya dengan "seorang yang mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhannya" ialah Rasulullah s.a.w. dan pengikutnya iaitu setiap orang yang beriman kepada pengajaran yang telah dibawa oleh beliau dan yang dimaksudkan dengan "dan diikutinya pula oleh keterangan darinya" ialah keterangan dari Allah mengenai kenabian dan kerasulannya, iaitu keterangan dari Al-Qur'an yang menyaksikan bahawa ianya sendiri adalah diwahyukan dari Allah dan tidak mungkin diciptakan oleh manusia, dan yang dimaksudkan dengan ungkapan "ومن قبله" (dan sebelumnya) ialah "sebelum keterangan Al-Qur'an", iaitu keterangan kitab Musa yang menyaksikan kebenaran Nabi s.a.w. sama ada melalui bisyarah yang terkandung dalam kitab itu atau melalui persamaan dasar-dasar pengajarannya dengan dasar-dasar pengajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. selepasnya.

Pandangan yang saya tarjihkan ini adalah berdasarkan persamaan pengungkapan Al-Qur'an dalam surah ini ketika menggambarkan hubungan di antara para rasul dengan Allah, iaitu hubungan dalam bentuk keterangan atau bukti yang jelas yang didapati di dalam hati mereka dan diyakini mereka bahawa Allah telah mewahyukan kepada mereka, dan dengan bukti yang jelas ini mereka menghayati kewujudan Allah di dalam hati mereka sebagai kewujudan yang amat diyakini dan amat jelas tanpa digugatkan sebarang kesangsian dan keraguan, oleh kerana itu Nabi Nuh a.s. bersabda kepada kaumnya:

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى رَحْمَةً مِّنْ عِندِهِۦ فَعُمِّيَتْ عَلَيْكُمْ أَنُلْزِمُكُمُوهَا

وَأَنتُمْ لَهَا كَٰرِهُونَ ﴿٢٨﴾

"Jawab Nuh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari sisi-Nya, tetapi rahmat itu tidak dapat dilihat oleh kamu, apakah wajar aku memaksa kamu menerimanya, sedangkan kamu tidak menyukainya?"(28)

Dan Nabi Soleh a.s. juga mengemukakan perkataan yang sama:

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى مِنْهُ رَحْمَةً فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

"Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari-Nya. Oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Kamu sebenarnya tidak akan menambahkan suatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata".(63)

Nabi Syu'ayb a.s. juga berkata begitu:

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَرَزَقَنِى مِنْهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ

"Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rezeki yang baik dari-Nya..."(88)

Itulah pengungkapan-pengungkapan yang sama menggambarkan satu keadaan hubungan para rasul yang sama dengan Allah di samping menggambarkan hakikat yang tersemat di dalam hati mereka, yang memandang begitu yakin terhadap hakikat Uluhiyah yang terserlah di dalam jiwa mereka, juga terhadap kebenaran hubungan Allah dengan mereka melalui hubungan wahyu. Penyatuan pengungkapan untuk menggambarkan situasi yang sama itu memang dirancang dan diaturkan sedemikian rupa di dalam penjelasan surah ini sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini di dalam kata pengantar surah untuk membuktikan bahawa keadaan dan sikap Nabi s.a.w. terhadap Allah dan wahyu yang diturunkan kepadanya adalah sama dengan keadaan dan sikap para rasul yang lain sebelumnya, yang membatalkan dakwaan-dakwaan palsu kaum Musyrikin terhadap beliau, juga untuk memantapkan hati beliau dan para pengikutnya yang kecil agar berpegang kukuh dengan kebenaran yang dijunjung mereka, kerana kebenaran itu adalah satu kebenaran yang sama yang dibawa seluruh rasul yang lain dan diterima seluruh kaum Muslimin dari pengikut-pengikut mereka.

Pengertian umum - ayat ini ialah: Apakah Nabi (Muhammad) yang mempunyai dalil-dalil dan keterangan-keterangan yang cukup untuk membuktikan kebenarannya, kesahihan keimanan dan keyakinannya, di mana ia dapati dalam hatinya bukti yang jelas dan diyakini kebenarannya dari Allah, kemudian keyakinannya itu dikuatkan pula oleh keterangan Al-Qur'an yang mempunyai ciri-ciri yang membuktikan bahawa ia datang dari sumber Rabbani, dan sebelum itu kebenaran beliau telah pun disaksikan oleh satu lagi saksi, iaitu keterangan kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. yang dibangkitkan selaku pemimpin Bani Israel dan selaku rahmat dari Allah yang dilimpahkan ke atas mereka. Kitab itu telah membenarkan kerasulan Rasulullah s.a.w. melalui bisyarah yang terkandung di dalamnya dan melalui persamaan isi kandungannya yang serupa dengan dasar-dasar i'tiqadiyah yang menjadi landasan seluruh agama Allah.

Ayat ini bertanya: Apakah seseorang yang sedemikian sifat dan keadaannya wajar dijadikan sasaran pendustaan, kekufuran dan penentangan yang degil sebagaimana yang dilakukan oleh berbagai-bagai kumpulan kaum Musyrikin yang menentang beliau? Ini jelaslah satu perbuatan yang tercela kerana menentang berbagai-bagai keterangan dari berbagai-bagai pihak yang membuktikan kebenarannya.

Kemudian ayat yang berikut menayangkan pendirian orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an dan pendirian kumpulan-kumpulan yang mengingkarkan Al-Qur'an, di samping menerangkan balasan yang akan diterima mereka di Akhirat, juga meneguhkan hati Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang menjadi pengikutnya yang kecil bilangannya supaya berpegang kukuh dengan kebenaran yang dijunjung mereka. Oleh sebab itu mereka tidak usah merasa susah dan gelisah terhadap golongan pendusta yang kafir, yang merupakan golongan majoriti pada masa itu:

أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۚ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ مِنَ ٱلْأَحْزَابِ فَٱلنَّارُ مَوْعِدُهُۥ ۚ فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

"Mereka adalah orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an dan sesiapa yang mengingkarkan Al-Qur'an dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin maka Nerakalah janjinya. Oleh sebab itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepadanya."(17)

Setengah Mufassirin menyatakan kemusykilan mengenai maksud firman Allah:

أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۚ

"Mereka adalah orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an"

tetapi jika dimaksudkan dengan firman berikut:

أَفَمَن كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِۦ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ

"Apakah seorang yang mempunyai bukti kebenaran, yang jelas dari Tuhannya (wajar dituduh dusta) dan diikuti pula oleh satu lagi saksi darinya"

ialah Rasulullah s.a.w. sendiri sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini, dan yang dimaksudkan dengan kata "أولئك" (merekalah) itu ialah orang-orang yang beriman kepada wahyu dan kepada keterangan yang jelas itu, maka sudah tentu di sana tidak ada lagi apa-apa kemusykilan, kerana ganti nama pada ungkapan:

أُوْلَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ

"Merekalah orang-orang yang beriman dengannya"

dikembalikan kepada "شاهد" (saksi) ini, iaitu Al-Qur'an, begitu juga ganti nama pada ungkapan:

وَمِن قَبْلِهِۦ

"Dan sebelumnya"

dikembalikan kepada "Al-Qur'an" yakni "sebelum Al-Qur'an" sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, maka sudah tentu tidak membawa apa kemusykilan lagi, kerana Rasulullah s.a.w. merupakan orang yang pertama beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadanya kemudian diikuti pula oleh para Mu'minin yang mengikut beliau sebagaimana yang dinyatakan oleh ayat (285) dari Surah al-Baqarah:

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۚ كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ

"Rasulullah telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan kepadanya dari Tuhan pemeliharanya, juga orang-orang yang beriman. Seluruh mereka telah beriman kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya dan kepada para rasul-Nya".

(Surah al-Baqarah : 285)

Ayat ini merujukkan kepada Rasulullah s.a.w. dan menggabungkan beliau dengan para Mu'minin yang telah beriman kepada wahyu yang telah diimani beliau. Ini merupakan perkara yang lumrah di dalam pengungkapan Al-Qur'an dan tidak ada apa kemusykilan yang timbul darinya.

وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ مِنَ ٱلْأَحْزَابِ فَٱلنَّارُ مَوْعِدُهُۥ ۚ

"Dan sesiapa yang mengingkarkan Al-Qur'an dari kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin, maka Nerakalah janjinya".(17)

Dan janji ini tidak akan dimungkiri, kerana Allah telah menetap dan mengaturkannya!

فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

"Oleh sebab itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepadanya".(17)

Rasulullah s.a.w. tidak pernah meragui segala apa yang diwahyukan kepadanya kerana ia mempunyai keterangan yang jelas dari Allah, tetapi arahan Rabbani yang dikemukakan selepas menampilkan bukti-bukti dan keterangan-keterangan itu membayangkan bahawa Rasulullah s.a.w. sedang mengalami perasaan susah hati, resah gelisah, penat dan sepi kerana da'wahnya menghadapi kebekuan akibat tentangan yang degil dari kaum Musyrikin, dan semuanya ini memerlukan hiburan dari Allah kepada beliau melalui arahan dan pernyataan yang mengukuhkan pendirian beliau. Dan perasaan-perasaan yang sama juga telah dialami kelompok Muslimin yang memerlukan kepada rasa keyakinan yang dilimpahkan kepada mereka dari Allah Yang Maha Pengasih.

Alangkah perlunya perintis-perintis kebangkitan Islam memikir dan meneliti ayat ini ketika mereka menghadapi situasi yang sama dengan situasi ini di setiap tempat, ketika mereka digugatkan halangan, penolakan, ejekan, sendaan, penyeksaan, penindasan dan pemburuan dalam berbagai bentuk fizikal dan mental, juga ketika mereka diancam oleh segala kekuatan jahiliyah setempat dan antarabangsa yang bekerjasama menentang dan melancarkan berbagai-bagai bentuk peperangan yang jahat terhadap mereka kemudian bertindak memalu gendang dan menaikkan bendera sokongan kepada setiap pihak yang melakukan penentangan dan pemburuan yang seperti ini terhadap mereka.

Alangkah perlunya perintis-perintis kebangkitan Islam ini memikir dan meneliti setiap ceraian ayat ini, setiap isyaratnya, setiap pandangannya dan setiap arahannya!

Alangkah perlunya para angkatan perintis itu kepada keyakinan yang disarankan oleh pernyataan Rabbani yang bijaksana dan tegas ini:

فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ ۚ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

"Oleh sebab itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan terhadapnya, kerana sebenarnya ia adalah wahyu dari Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman kepada-Nya."(17)

Alangkah perlunya para angkatan perintis itu menghayati di dalam hati mereka bayangan bukti yang jelas dan rahmat Allah yang dihayati oleh sekalian rasul (Allah cucurkan rahmat kesejahteraan

ke atas mereka), iaitu bukti yang jelas dan rahmat Allah, yang tidak pernah diragui mereka walau sedetik pun, juga rasa iltizam mereka untuk terus berjuang walau apa pun rintangan yang wujud di jalan perjuangan itu:

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي وَءَاتَىٰنِي مِنۡهُ رَحۡمَةٗ فَمَن يَنصُرُنِي مِنَ ٱللَّهِ إِنۡ عَصَيۡتُهُۥۖ فَمَا تَزِيدُونَنِي غَيۡرَ تَخۡسِيرٖ ٦٣

"Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari-Nya. Oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Kamu sebenarnya tidak menambahkan sesuatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata".(63)

Angkatan-angkatan perintis kebangkitan Islamiyah ini akan menghadapi segala tentangan yang telah dihadapi para rasul yang mulia (Allah cucurkan rahmat kesejahteraan ke atas sekalian mereka). Mereka menerima ancaman jahiliyah sama seperti yang telah diterima para rasul itu. Zaman telah beredar mengikut pusingannya pada hati dibangkitkan Rasulullah s.a.w. membawa agama Islam ini kepada seluruh umat manusia, lalu mereka bangkit menentang beliau dengan tradisi jahiliyah yang telah diwarisi mereka selepas kedatangan Islam yang dibawa oleh Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub, anak-anak cucunya, Yusuf, Musa, Harun, Daud, Sulaiman, Yahya, Isa dan seluruh para anbiya' yang lain.

Itulah jahiliyah sama ada ia mengiktirafkan kewujudan Allah atau tidak, tetapi ia tetap mengadakan berbagai-bagai tuhan kepada manusia di bumi ini dan tuhan-tuhan inilah yang memerintah mereka dengan undang-undang yang bukan diturunkan dari Allah di samping mensyari'atkan nilai-nilai, tradisi-tradisi dan peraturan-peraturan kepada mereka, dan inilah yang membuat mereka ta'at dan patuh kepada tuhan-tuhan ini bukannya ta'at dan patuh kepada Allah, kemudian da'wah Islamiyah menyeru seluruh manusia agar menyingkirkan tuhan-tuhan bumi ini dari kehidupan mereka, dari undang-undang mereka, dari masyarakat-masyarakat mereka, dari nilai-nilai dan peraturan mereka dan agar mereka kembali kepada Allah Yang Maha Esa dan menjadikannya satu-satunya Tuhan mereka tanpa tuhan-tuhan yang lain, iaitu satu-satunya Tuhan yang dita'ati mereka dalam erti kata mereka tidak mematuhi kecuali perintah dan sistem-Nya sahaja. Kemudian selepas itu berlakulah pertarungan sengit di antara syirik dan tauhid, di antara jahiliyah dan Islam, di antara angkatan-angkatan perintis kebangkitan Islamiyah dan para Taghut dan berhala-berhala di merata pelosok bumi.

Oleh sebab itu angkatan-angkatan perintis ini pasti menemui diri mereka dan seluruh situasi perjuangan mereka tergambar di Al-Qur'an ini dalam waktu yang seperti ini. Inilah sebahagian dari maksud perkataan kami ketika kami menyatakan "pengertian Al-Qur'an hanya dapat dihayati oleh mereka yang terlibat di dalam perjuangan ini dan menghadapi situasi-situasi turunnya ayat-ayat Al-Qur'an itu untuk berdepan dan mengendalikan perjuangan itu. Orang-orang yang berusaha mencari makna-makna dan maksud-maksud ayat Al-Qur'an dengan hanya duduk diam di kerusi malas dan mengkajikannya mengikut secara kajian retorikal atau kajian keseniannya tidak dapat menemui hakikat Al-Qur'an selama mereka duduk berselimpuh tanpa bergerak dan selama mereka jauh dari gelanggang perjuangan dan jauh dari pergerakan...

* * * * * *

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut menjelaskan orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an dan mendakwa bahawa Al-Qur'an bukannya diturunkan dari Allah. Mereka mendustakan Allah dan rasul-Nya s.a.w. Gambaran ini dibentangkan dalam salah satu dari pemandangan-pemandangan Qiamat di mana ditayangkan orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an sama ada dengan mendakwa bahawa Allah tidak pernah menurunkan kitab ini atau mendakwa Allah mempunyai sekutu-sekutu atau mendakwa bahawa mereka mempunyai kuasa Rububiyah di bumi, iaitu salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah yang khusus bagi Allah. Dalam ayat ini pendustaan terhadap Allah itu diungkapkan secara umum supaya merangkumi segala dakwaan yang dapat disifatkan sebagai pendustaan terhadap Allah.

Para pendusta itu akan ditayangkan dalam salah satu senario hari Qiamat untuk memalu dan membuka tembelang mereka di hadapan khalayak ramai, sementara di sebelah mereka dikumpulkan barisan Mu'minin yang yakin kepada Allah dan kepada ni'mat-ni'mat yang menunggu mereka. Kemudian kedua-dua kumpulan itu dibandingkan sebagai dua golongan yang bertentangan, iaitu golongan si buta yang pekak dan golongan si celik yang mendengar.

وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًاۚ أُوْلَٰٓئِكَ يُعۡرَضُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمۡ وَيَقُولُ ٱلۡأَشۡهَٰدُ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ كَذَبُواْ عَلَىٰ رَبِّهِمۡۚ أَلَا لَعۡنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ١٨

ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبۡغُونَهَا عِوَجٗا وَهُم بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ كَٰفِرُونَ ١٩

أُوْلَٰٓئِكَ لَمْ يَكُونُواْ مُعْجِزِينَ فِي ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَۘ يُضَٰعَفُ لَهُمُ ٱلْعَذَابُۚ مَا كَانُواْ يَسْتَطِيعُونَ ٱلسَّمْعَ وَمَا كَانُواْ يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُواْ يَفْتَرُونَ ﴿٢١﴾

لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِي ٱلْآخِرَةِ هُمُ ٱلْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَخْبَتُوٓاْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ أُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٣﴾

مَثَلُ ٱلْفَرِيقَيْنِ كَٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْأَصَمِّ وَٱلْبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِۚ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًاۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

"Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah. Mereka akan dihadapkan kepada Tuhan mereka dan para saksi akan berkata: Mereka inilah orang-orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Tuhan mereka. Ketahuilah bahawa kutukan Allah tetap akan ditimpakan ke atas orang-orang yang zalim(18). Iaitu orang-orang yang menghalangkan (manusia) dari jalan Allah dan mereka hendak menjadikannya jalan yang bengkok dan mereka mengingkarkan hari Akhirat(19). Mereka tidak mampu melemahkan Allah di bumi ini dan mereka sekali-kali tidak mempunyai pelindung yang berkuasa melindungkan mereka selain dari Allah. Dan 'azab keseksaan itu dilipatgandakan kepada mereka. Mereka tidak sekali-kali mampu mendengar dan tidak pula mampu melihat(20). Merekalah orang-orang yang telah merugikan diri sendiri dan lenyaplah dari mereka segala pendustaan yang dilakukan mereka(21). Dan di Akhirat nanti mereka pasti menjadi orang-orang yang paling rugi(22). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan tenang tenteram terhadap Tuhan mereka, merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi(23). Perbandingan di antara dua golongan Mu'min dan kafir itu adalah sama dengan perbandingan di antara si buta dan si pekak dengan si celik dan si yang mendengar. Apakah kedua-duanya sama sifatnya? Tidakkah kamu mengambil peringatan?"(24)

Perbuatan membuat pembohongan itu sendiri merupakan suatu jenayah yang keji dan suatu kezaliman terhadap kebenaran dan terhadap pihak yang menerima pendustaan itu dan bagaimana pula jika pendustaan itu dilakukan terhadap Allah?

أُوْلَٰٓئِكَ يُعْرَضُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمْ وَيَقُولُ ٱلْأَشْهَٰدُ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ كَذَبُواْ عَلَىٰ رَبِّهِمْۚ

"Mereka akan dihadapkan kepada Tuhan mereka dan para saksi akan berkata: Mereka inilah orang-orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Tuhan mereka."

Itulah pengumuman yang amat memalukan yang disertakan dengan tudingan "mereka inilah", "mereka inilah yang telah melakukan pembohongan" terhadap siapa? "Terhadap Tuhan mereka" sendiri bukan terhadap seorang yang lain. Suasana yang menimbulkan rasa malu terlukis dengan jelas di dalam senario ini, kemudian diiringi pula dengan kutukan yang setimpal dengan jenayah yang keji itu:

أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٨﴾

"Ketahuilah, bahawa kutukan Allah tetap akan ditimpakan ke atas orang yang zalim."(18)

Demikianlah diucapkan oleh para saksi, dan yang dimaksudkan dengan para saksi ialah para malaikat, para rasul dan para Mu'minin atau seluruh manusia yang berada di Mahsyar. Inilah pengumuman yang amat memalukan di padang Mahsyar yang penuh sesak atau itulah keputusan Allah S.W.T. terhadap mereka di samping pengumuman-Nya yang amat memalukan di hadapan khalayak yang amat ramai.

Orang-orang yang zalim ialah orang-orang yang mempersekutukan Allah dan merekalah yang membuat pembohongan terhadap Allah dengan tujuan untuk menghalangkan manusia dari jalan Allah.

وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا

"Dan mereka hendak menjadikannya jalan yang bengkok."

Kerana mereka tidak mahu jalan istiqamah dan garis yang lurus, malah mereka mahukan jalan yang bengkok dan menyeleweng. Mereka mahu jalan yang menyimpang, mereka mahukan cara hidup yang menyeleweng dan mereka mahukan perkara-perkara yang tidak betul dan semuanya sama sahaja ertinya.

وَهُم بِٱلْآخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿١٩﴾

"Dan mereka mengingkarkan hari Akhirat."(19)

Akibat 'Ubudiyah Kepada Yang Lain Dari Allah

Dalam ayat ini perkataan "هم" (mereka) diulangkan dua kali untuk menguatkan kata dan menthabitkan jenayah dan menonjolkannya kepada umum untuk memberi malu.

Orang-orang yang mempersekutukan Allah yang disifatkan sebagai orang-orang yang zalim itu mahukan seluruh hidup ini menjadi bengkok dan menyeleweng belaka apabila mereka telah menyimpang dari jalan hidup Islam yang lurus, kerana keta'atan kepada yang lain dari Allah S.W.T. tidak akan menghasilkan selain dari jalan hidup yang sesat dalam setiap aspek jiwa manusia dan dalam setiap aspek kehidupan mereka.

'Ubudiyah manusia kepada yang lain dari Allah akan menimbulkan di dalam hati mereka rasa hina diri, sedangkan Allah mahu menegakkan hati mereka di atas landasan kemuliaan dan rasa terhormat. Di samping itu 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah juga melahirkan kezaliman dan pencerobohan di dalam kehidupan, sedangkan Allah mahu memantapkan kehidupan mereka di atas landasan keadilan. 'Ubudiyah manusia kepada yang lain dari Allah mengakibatkan segala tenaga dan usaha yang dicurahkan mereka untuk mempertuhankan tuhan-tuhan bumi itu berakhir dengan sia-sia, kerana mereka di setiap waktu terpaksa memalu gendang kecapi dan membunyikan serunai untuk memuja tuhan-tuhan itu, di samping meniup untuk mengisikan tuhan-tuhan palsu dengan angin agar ia menggelembung besar hingga dapat memenuhi ruang Tuhan yang haqiqi, tetapi oleh sebab tuhan-tuhan bumi dari asal lagi kecil dan kerdil, maka ia tidak mungkin memenuhi ruang Tuhan yang sebenar dan inilah yang menyebabkan para penyembahnya yang malang sentiasa berada di dalam kepenatan dan kesusahan. Mereka terpaksa bertungkus lumus siang dan malam mengisikan tuhan-tuhan itu dengan angin-angin kosong dan menyorotinya dengan cahaya-cahaya lampu yang gemilang untuk menarik pandangan-pandangan ke arahnya. Mereka mengelilingnya dengan kerja-kerja memalu gendang kecapi, meniup serunai, mendendangkan lagu-lagu dan pujian-pujian sehingga seluruh usaha produktif yang berguna kepada kehidupan manusia itu berubah menjadi penat lelah dan kesusahan yang menyedihkan. Apakah di sana ada penyimpangan yang lebih besar dari ini?

أُوْلَٰٓئِكَ

"Mereka....."

Yakni orang-orang yang diusir dari rahmat Allah.

لَمْ يَكُونُواْ مُعْجِزِينَ فِي ٱلْأَرْضِ

"Tidak mampu melemahkan Allah di bumi ini."

Kedudukan mereka sama sekali tidak melemahkan Allah, malah jika Allah kehendaki nescaya Dia berkuasa mengazabkan mereka di dunia ini lagi.

وَمَا كَانَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ

"Mereka sekali-kali tidak mempunyai pelindung yang berkuasa melindungkan mereka selain dari Allah."

Yakni mereka tidak mempunyai pelindung-pelindung yang berkuasa menolong mereka atau menghalangkan mereka dari 'azab Allah. Allah sengaja meninggalkan mereka untuk di'azabkan di negeri Akhirat supaya mereka menerima 'azab yang sempurna di dunia dan di Akhirat:

يُضَٰعَفُ لَهُمُ ٱلْعَذَابُ

"Dan 'azab keseksaan itu dilipatgandakan kepada mereka."

Mereka telah menjalani hidup mereka dengan daya pemikiran yang tidak berfungsi dan dengan mata yang tertutup seolah-olah mereka tidak mempunyai pendengaran dan penglihatan:

مَا كَانُواْ يَسْتَطِيعُونَ ٱلسَّمْعَ وَمَا كَانُواْ يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾

"Mereka tidak sekali-kali mampu mendengar dan tidak pula mampu melihat."(20)

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمْ

"Merekalah orang-orang yang merugikan diri sendiri."

Itulah kerugian yang paling parah, kerana orang yang merugikan diri sendiri tidak dapat mengambil apa-apa faedah dari hasil usaha orang lain. Mereka merugikan diri sendiri dan menyebabkan mereka kehilangan diri di dunia, di mana mereka tidak dapat merasakan kehormatan diri sebagai manusia dalam bentuk peningkatan diri dari keta'atan, kepada yang lain dari Allah, juga dalam bentuk peningkatan diri dari hidup dunia dan memandang ke arah tahap hidup yang lebih tinggi dan luhur darinya. Hal ini berlaku apabila mereka ingkarkan hari Akhirat dan mendustakan Allah tanpa mengharapkan pertemuan dengan-Nya. Mereka merugikan diri mereka di Akhirat dengan sebab kehinaan yang menimpa mereka dan dengan sebab 'azab yang menunggu mereka.

وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُواْ يَفْتَرُونَ ﴿٢١﴾

"Dan lenyaplah dari mereka segala pendustaan yang dilakukan mereka."(21)

Segala pendustaan yang diada-adakan mereka terhadap Allah telah lenyap dan hilang dari mereka.

لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِي ٱلْأٓخِرَةِ هُمُ ٱلْأَخْسَرُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan di Akhirat nanti mereka pasti menjadi orang-orang yang paling rugi."(22)

Iaitu suatu kerugian yang tidak dapat ditandingi kerugian yang lain kerana mereka telah merugikan diri sendiri di dunia dan di Akhirat.

Di sebelah kumpulan manusia yang merugikan diri sendiri, di sana terdapat barisan kumpulan manusia yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, kumpulan yang yakin dan percaya kepada Allah, yang tenang tenteram terhadap Allah, yang tidak dilanda kesangsian dan resah gelisah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَخْبَتُوٓاْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ أُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan tenang tenteram terhadap

Tuhan mereka, merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi."(23)

Kata-kata "أخبتوا" bererti ketenteraman, ketenangan, kemantapan, keyakinan dan penyerahan diri kepada Allah. Ia menggambarkan keadaan orang yang beriman kepada Allah, iaitu ia merasa begitu tenang dan tenteram terhadap segala apa yang dilakukannya. Hatinya dirasakan begitu aman, mantap dan redha terhadap Allah:

مَثَلُ ٱلۡفَرِيقَيۡنِ كَٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡأَصَمِّ وَٱلۡبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِۚ هَلۡ يَسۡتَوِيَانِ مَثَلًاۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

"Perbandingan di antara dua golongan Mu'min dan kafir itu adalah sama dengan perbandingan di antara si buta dan si pekak dengan si celik dan si yang mendengar. Apakah kedua-duanya sama sifatnya? Tidakkah kamu mengambil peringatan?"(24)

Itulah perbandingan dalam bentuk gambaran fizikal, di mana ditonjolkan keadaan dua golongan itu. Golongan pertama dibandingkan dengan si buta yang tidak dapat melihat dan dengan si pekak yang tidak dapat mendengar. Ia dibandingkan dengan seorang yang tidak menggunakan pancaindera dan anggota-anggotanya untuk melaksanakan fungsi-fungsi utamanya, iaitu menggunakannya sebagai alat-alat yang menyampaikan perutusan-perutusan kepada hati dan akal agar ia memahami dan memikirkannya. Oleh sebab itu ia seolah-olah tidak mempunyai anggota-anggota dan pancaindera itu. Sementara golongan yang kedua dibandingkan dengan si celik yang dapat melihat dan dengan si yang mendengar yang dapat mendengar, iaitu seorang yang sentiasa dipandu oleh penglihatan dan pendengarannya ke jalan yang betul.

هَلۡ يَسۡتَوِيَانِ مَثَلًاۚ

"Apakah kedua-duanya sama sifatnya?"

Pernyataan selepas dikemukakan perbandingan dalam bentuk gambaran fizikal itu tidak memerlukan kepada jawapan, kerana gambaran itu sendiri merupakan jawapan yang jelas.

أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

"Tidakkah kamu mengambil peringatan?"(24)

Isu seperti ini hanya memerlukan peringatan sahaja, kerana ia terlalu jelas dan tidak memerlukan kepada berfikir panjang.

Itulah fungsi gambaran yang banyak terdapat dalam uslub pengungkapan Al-Qur'an, di mana ia memindahkan isu-isu yang memerlukan perdebatan fikiran kepada isu yang mudah dimengerti dan tidak memerlukan selain dari memerhati dan mengingat sahaja.

****

(Kumpulan ayat-ayat 25 - 49)

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦٓ إِنِّي لَكُمۡ نَذِيرٞ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾ أَن لَّا تَعۡبُدُوٓاْ إِلَّا ٱللَّهَۖ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ أَلِيمٖ ﴿٢٦﴾

فَقَالَ ٱلۡمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ مَا نَرَىٰكَ إِلَّا بَشَرٗا مِّثۡلَنَا وَمَا نَرَىٰكَ ٱتَّبَعَكَ إِلَّا ٱلَّذِينَ هُمۡ أَرَاذِلُنَا بَادِيَ ٱلرَّأۡيِ وَمَا نَرَىٰ لَكُمۡ عَلَيۡنَا مِن فَضۡلِۭ بَلۡ نَظُنُّكُمۡ كَٰذِبِينَ ﴿٢٧﴾

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي وَءَاتَىٰنِي رَحۡمَةٗ مِّنۡ عِندِهِۦ فَعُمِّيَتۡ عَلَيۡكُمۡ أَنُلۡزِمُكُمُوهَا وَأَنتُمۡ لَهَا كَٰرِهُونَ ﴿٢٨﴾

وَيَٰقَوۡمِ لَآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ مَالًاۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِۚ وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْۚ إِنَّهُم مُّلَٰقُواْ رَبِّهِمۡ وَلَٰكِنِّيٓ أَرَىٰكُمۡ قَوۡمٗا تَجۡهَلُونَ ﴿٢٩﴾

وَيَٰقَوۡمِ مَن يَنصُرُنِي مِنَ ٱللَّهِ إِن طَرَدتُّهُمۡۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣٠﴾

وَلَآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ وَلَآ أَقُولُ إِنِّي مَلَكٞ وَلَآ أَقُولُ لِلَّذِينَ تَزۡدَرِيٓ أَعۡيُنُكُمۡ لَن يُؤۡتِيَهُمُ ٱللَّهُ خَيۡرًاۖ ٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا فِيٓ أَنفُسِهِمۡ إِنِّيٓ إِذٗا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٣١﴾

قَالُواْ يَٰنُوحُ قَدۡ جَٰدَلۡتَنَا فَأَكۡثَرۡتَ جِدَٰلَنَا فَأۡتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٣٢﴾

قَالَ إِنَّمَا يَأۡتِيكُم بِهِ ٱللَّهُ إِن شَآءَ وَمَآ أَنتُم بِمُعۡجِزِينَ ﴿٣٣﴾

وَلَا يَنفَعُكُمۡ نُصۡحِيٓ إِنۡ أَرَدتُّ أَنۡ أَنصَحَ لَكُمۡ إِن كَانَ ٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يُغۡوِيَكُمۡۚ هُوَ رَبُّكُمۡ وَإِلَيۡهِ

تُرۡجَعُونَ ﴿٣٤﴾

أَمۡ يَقُولُونَ ٱفۡتَرَىٰهُۖ قُلۡ إِنِ ٱفۡتَرَيۡتُهُۥ فَعَلَيَّ إِجۡرَامِي وَأَنَا۠ بَرِيٓءٞ مِّمَّا تُجۡرِمُونَ ﴿٣٥﴾

وَأُوحِيَ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُۥ لَن يُؤۡمِنَ مِن قَوۡمِكَ إِلَّا مَن قَدۡ ءَامَنَ فَلَا تَبۡتَئِسۡ بِمَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ﴿٣٦﴾

وَٱصۡنَعِ ٱلۡفُلۡكَ بِأَعۡيُنِنَا وَوَحۡيِنَا وَلَا تُخَٰطِبۡنِي فِي ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ إِنَّهُم مُّغۡرَقُونَ ﴿٣٧﴾

وَيَصۡنَعُ ٱلۡفُلۡكَ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيۡهِ مَلَأٞ مِّن قَوۡمِهِۦ سَخِرُواْ مِنۡهُۚ قَالَ إِن تَسۡخَرُواْ مِنَّا فَإِنَّا نَسۡخَرُ مِنكُمۡ كَمَا تَسۡخَرُونَ ﴿٣٨﴾

فَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَ مَن يَأۡتِيهِ عَذَابٞ يُخۡزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيۡهِ عَذَابٞ مُّقِيمٌ ﴿٣٩﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَمۡرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ قُلۡنَا ٱحۡمِلۡ فِيهَا مِن كُلّٖ زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِ وَأَهۡلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيۡهِ ٱلۡقَوۡلُ وَمَنۡ ءَامَنَۚ وَمَآ ءَامَنَ مَعَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلٞ ﴿٤٠﴾

وَقَالَ ٱرۡكَبُواْ فِيهَا بِسۡمِ ٱللَّهِ مَجۡرٜىٰهَا وَمُرۡسَىٰهَآۚ إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٤١﴾

وَهِيَ تَجۡرِي بِهِمۡ فِي مَوۡجٖ كَٱلۡجِبَالِ وَنَادَىٰ نُوحٌ ٱبۡنَهُۥ وَكَانَ فِي مَعۡزِلٖ يَٰبُنَيَّ ٱرۡكَب مَّعَنَا وَلَا تَكُن مَّعَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٤٢﴾

قَالَ سَـَٔاوِيٓ إِلَىٰ جَبَلٖ يَعۡصِمُنِي مِنَ ٱلۡمَآءِۚ قَالَ لَا عَاصِمَ ٱلۡيَوۡمَ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِ إِلَّا مَن رَّحِمَۚ وَحَالَ بَيۡنَهُمَا ٱلۡمَوۡجُ فَكَانَ مِنَ ٱلۡمُغۡرَقِينَ ﴿٤٣﴾

وَقِيلَ يَٰٓأَرۡضُ ٱبۡلَعِي مَآءَكِ وَيَٰسَمَآءُ أَقۡلِعِي وَغِيضَ ٱلۡمَآءُ وَقُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَٱسۡتَوَتۡ عَلَى ٱلۡجُودِيِّۖ وَقِيلَ بُعۡدٗا لِّلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾

وَنَادَىٰ نُوحٞ رَّبَّهُۥ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ٱبۡنِي مِنۡ أَهۡلِي وَإِنَّ وَعۡدَكَ ٱلۡحَقُّ وَأَنتَ أَحۡكَمُ ٱلۡحَٰكِمِينَ ﴿٤٥﴾

قَالَ يَٰنُوحُ إِنَّهُۥ لَيۡسَ مِنۡ أَهۡلِكَۖ إِنَّهُۥ عَمَلٌ غَيۡرُ صَٰلِحٖۖ فَلَا تَسۡـَٔلۡنِ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۖ إِنِّيٓ أَعِظُكَ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلۡجَٰهِلِينَ ﴿٤٦﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّيٓ أَعُوذُ بِكَ أَنۡ أَسۡـَٔلَكَ مَا لَيۡسَ لِي بِهِۦ عِلۡمٞۖ وَإِلَّا تَغۡفِرۡ لِي وَتَرۡحَمۡنِيٓ أَكُن مِّنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ﴿٤٧﴾

قِيلَ يَٰنُوحُ ٱهۡبِطۡ بِسَلَٰمٖ مِّنَّا وَبَرَكَٰتٍ عَلَيۡكَ وَعَلَىٰٓ أُمَمٖ مِّمَّن مَّعَكَۚ وَأُمَمٞ سَنُمَتِّعُهُمۡ ثُمَّ يَمَسُّهُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٤٨﴾

تِلۡكَ مِنۡ أَنۢبَآءِ ٱلۡغَيۡبِ نُوحِيهَآ إِلَيۡكَۖ مَا كُنتَ تَعۡلَمُهَآ أَنتَ وَلَا قَوۡمُكَ مِن قَبۡلِ هَٰذَاۖ فَٱصۡبِرۡۖ إِنَّ ٱلۡعَٰقِبَةَ لِلۡمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya (lalu dia berkata:) Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang diutuskan dari Allah kepada kamu untuk menyampaikan peringatan yang amat jelas(25). Iaitu hendaklah kamu jangan menyembah melainkan Allah, kerana sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari Qiamat yang amat pedih(26). Lalu berkatalah para pembesar yang kafir dari kaumnya (Nuh): Kami tidak melihat engkau melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan kami melihat engkau hanya diikuti orang-orang bawahan kami yang hina dan berfikiran dangkal dan kami tidak melihat kamu mempunyai kelebihan yang mengatasi kami, malah kami yakin kamu adalah para pendusta belaka(27). Jawab Nuh: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari sisi-Nya, tetapi rahmat itu tidak dapat dilihat oleh kamu, apakah wajar aku memaksa kamu menerimanya, sedangkan kamu tidak menyukainya?(28). Wahai kaumku! Aku tidak meminta wang dari kamu (sebagai upah) kerana da'wahku itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada

Allah dan aku tidak akan mengusir orang-orang yang telah beriman, kerana sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka, tetapi aku memandang kamu satu golongan orang-orang yang tidak mengerti(29). Dan wahai kaumku! Siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku usirkan mereka? Apakah kamu tidak mengambil peringatan?(30). Dan aku tidak pernah mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan aku juga tidak mengetahui urusan ghaib. Dan aku tidak pernah mendakwa bahawa aku adalah seorang malaikat. Dan aku tidak pernah mengatakan kepada orang-orang (Mu'minin) yang dipandang hina oleh mata kamu bahawa Allah tidak akan mengurniakan sebarang kebaikan kepada mereka kerana Allah lebih mengetahui segala isi hati mereka. Sesungguhnya aku - jika aku berbuat begitu - adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim(31). Jawab mereka: Wahai Nuh! Engkau telah mendebati kami dan telah melakukan perdebatan-perdebatan yang sekian banyak dengan kami. Oleh itu timpakan sahaja ke atas kami 'azab yang diancamkan engkau kepada kami jika engkau dari golongan orang-orang yang bercakap benar(32). Jawab Nuh: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menimpakan 'azab itu ke atas kamu jika Dia kehendaki dan kamu tidak sekali-kali berkuasa melemahkan Allah(33). Dan nasihatku tidak akan berguna kepada kamu seandainya aku hendak memberi nasihat kepada kamu jika Allah mahu menyesatkan kamu. Dialah Tuhan kamu dan kepada-Nya kamu dikembalikan(34). Apakah mereka berkata: Dia Muhammad telah mengadakan kisah-kisah bohong? Katakanlah: Jika aku yang mengadakan kisah-kisah itu, maka akulah yang memikul dosanya dan aku bebas dari dosa-dosa yang dilakukan kamu(35). Lalu diwahyukan kepada Nuh bahawa tiada siapa lagi dari kaummu yang akan beriman selain dari mereka yang telah beriman itu sahaja. Oleh sebab itu janganlah engkau bersedih terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka(36). Dan buatlah bahtera itu di bawah pengawasan penglihatan dan arahan wahyu Kami dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, kerana mereka tetap akan ditenggelamkan(37). Lalu Nuh pun membuat bahtera itu dan setiap kali para pembesar kaumnya berjalan melintasinya, lantas mereka mempersenda-sendakannya, lalu Nuh berkata: Jika kamu mempersenda-sendakan kami, maka satu masa nanti kami akan mempersenda-sendakan kamu pula sebagaimana kamu mempersenda-sendakan kami (sekarang)(38). Kamu kelak akan mengetahui siapakah yang akan dilandakan 'azab yang menghinakannya dan siapakah yang akan ditimpa 'azab yang kekal(39). Sehingga apabila tiba perintah Kami dan permukaan bumi telah memancutkan air, Kami berfirman (kepada Nuh): Muatkanlah ke dalam bahtera itu sepasang jantan dan betina dari setiap jenis binatang serta keluargamu kecuali orang yang dahulunya telah ditetapkan keputusan Allah terhadapnya dan muatkan semua orang-orang yang beriman dan tiada yang beriman bersama Nuh kecuali hanya segelintir manusia sahaja(40). Lalu Nuh berkata: Naiklah ke dalam bahtera itu dengan menyebut nama Allah ketika ia belayar dan berlabuh. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih(41). Dan bahtera itu berlayar membawa mereka di dalam arus gelombang (yang meninggi) laksana gunung-ganang. Lalu Nuh menyeru anaknya yang berada di suatu tempat yang terpencil: Wahai anakku! Naiklah (bahtera ini) bersama kami dan janganlah engkau berada bersama orang-orang yang kafir(42). Jawab anaknya: Saya akan berlindung di atas sebuah gunung yang akan melindungku dari air, lantas Nuh berkata: Pada hari ini tiada yang berkuasa melindungkan seseorang dari 'azab Allah kecuali mereka yang telah dirahmati-Nya. Dan tiba-tiba gelombang menghalangkan di antara keduanya, dan lantas dia (si anak) tenggelam bersama mereka yang ditenggelamkan (43). Kemudian diperintah: Wahai bumi, telankanlah airmu! Wahai langit, hentikanlah hujanmu. Lantas banjir pun surut dan perintah Ilahi selesai dilaksanakan lalu bahtera itu berlabuh di atas Bukit al-Judi, dan kemudian diseru: Allah jauhkan rahmat dari golongan orang-orang yang zalim(44). Lalu Nuh berseru kepada Tuhannya dan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku adalah dari keluargaku dan sesungguhnya janji-Mu itu tetap benar dan Engkaulah Hakim yang paling adil di antara para hakim(45). Allah menjawab: Wahai Nuh, anakmu sebenarnya bukan dari keluargamu dan perbuatan yang dilakukannya itu adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukannya. Oleh sebab itu janganlah engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang tidak diketahui engkau. Sesungguhnya Aku memberi nasihat kepada engkau supaya engkau tidak termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil(46). Nuh berkata: Wahai Tuhanku! Aku berlindung kepada-Mu dari memohon kepada-Mu sesuatu yang tidak aku mengetahui hakikatnya dan seandainya Engkau tidak memberi keampunan dan rahmat kasihan belas kepadaku sudah tentu aku termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi(47). Lalu diseru: Wahai Nuh, turunlah (di sini dengan selamat sejahtera dari Kami dan dengan limpah keberkatan ke atasmu dan ke atas umat-umat yang lahir dari mereka yang turut bersamamu, dan umat-umat yang lain (yang tidak turut bersamamu) akan Kami kurniakan kesenangan dunia kepada mereka kemudian mereka akan ditimpakan 'azab yang amat pedih dari Kami(48). Itulah sebahagian dari berita-berita ghaib, yang Kami wahyukan kepadamu. Sedangkan engkau dan kaummu tidak pernah mengetahuinya sebelum ini. Oleh sebab itu bersabarlah, kerana sesungguhnya kesudahan yang baik itu disediakan untuk para Muttaqin."(49).

Kisah-kisah yang termuat di dalam surah ini merupakan isi kandungan utamanya, tetapi kisah-kisah itu tidak diceritakan secara berasingan, malah ia diceritakan untuk membenarkan hakikat-hakikat agung yang hendak dijelaskan oleh surah ini, iaitu hakikat-hakikat agung yang disebut secara umum di awal surah:

الٓرۚ كِتَٰبٌ أُحۡكِمَتۡ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتۡ مِن لَّدُنۡ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

أَلَّا تَعۡبُدُوٓاْ إِلَّا ٱللَّهَۚ إِنَّنِي لَكُم مِّنۡهُ نَذِيرٞ وَبَشِيرٞ ﴿٢﴾

وَأَنِ ٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِ يُمَتِّعۡكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى وَيُؤۡتِ كُلَّ ذِي فَضۡلٖ فَضۡلَهُۥۖ وَإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٖ كَبِيرٍ ﴿٣﴾

إِلَى ٱللَّهِ مَرۡجِعُكُمۡۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ﴿٤﴾

"Alif, Laam, Raa'. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi, kemudian diberi huraian yang terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar(1). Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan

berita gembira kepada kamu(2). Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu, kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke suatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik. Dan oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat besar(3). Kepada Allah seluruh kamu akan kembali dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(4)

Permulaan surah ini memuatkan beberapa penjelajahan di sekitar hakikat-hakikat ini, iaitu penjelajahan-penjelajahan di sekitar kerajaan-kerajaan langit dan bumi, penjelajahan-penjelajahan di liku-liku lubuk hati dan jiwa dan penjelajahan di padang Mahsyar... kemudian dalam penjelajahan yang baru ini di merata pelosok bumi dan di dalam lipatan-lipatan sejarah ia menyentuh pula kisah-kisah manusia di zaman silam, di mana ia menayangkan pergerakan 'aqidah-'aqidah Islam yang menentang jahiliyah di sepanjang zaman.

Kisah-kisah yang diceritakan di dalam surah ini sedikit sebanyaknya adalah lebih terperinci terutama mengenai kisah Nuh dengan banjir raya. Kisah ini mengandungi perdebatan di sekitar hakikat-hakikat 'aqidah yang disebut di permulaan surah ini, iaitu hakikat yang menjadi tugas setiap rasul untuk menjelaskannya kepada umat manusia seolah-olah para pendusta itu adalah sama sahaja di mana-mana mereka berada dan seolah-olah tabi'at mereka adalah sama sahaja dan mentaliti mereka juga sama sahaja di sepanjang sejarah.

Penceritaan kisah-kisah tersebut di dalam surah ini adalah mengikut garisan perjalanan sejarah, iaitu ia dimulakan dengan Nuh, kemudian Hud dan kemudian Soleh dan ia menyentuh kisah Ibrahim dalam perjalanan menuju kepada kisah Lut, kemudian kisah Syu'ayb kemudian menyentuh sepintas lalu kisah Musa. Ia menceritakan kisah-kisah ini mengikut garis perjalanan sejarah kerana ia memperingatkan umat-umat yang kemudian dengan nasib-nasib kesudahan yang telah menimpa umat yang silam berturut-turut mengikut tertib ini:

Ia dimulakan dengan kisah Nuh bersama kaumnya, iaitu kisah pertama dari kisah surah ini, juga kisah pertama di dalam sejarah:

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 34)

Kisah Nuh Merupakan Kisah Pertama Dalam Sejarah

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦٓ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾
أَن لَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya (lalu dia berkata:) Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang diutuskan kepada kamu untuk menyampaikan peringatan yang amat jelas(25). Iaitu hendaklah kamu jangan menyembah melainkan Allah, kerana sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa 'azab hari (Qiamat) yang amat pedih."(26)

Lafaz-lafaz pengungkapan ini hampir sama dengan lafaz-lafaz pengungkapan ketika mengumumkan pengiriman Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasulullah, yang terkandung dalam ayat pertama yang menyatakan bahawa Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang tersusun rapi ayat-ayatnya, kemudian diberi huraian terperinci dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar. Penggunaan lafaz-lafaz yang hampir-hampir serupa untuk mengungkapkan satu tujuan pokok yang sama itu memang diatur dan dirancangkan dalam konteks ini untuk membuktikan kesatuan risalah dan persamaan 'aqidah hingga lafaz-lafaz pengungkapannya kelihatan sama demi menjelaskan maksud-maksud yang sama. Ini berdasarkan andaian bahawa tujuan yang hendak dikemukakan di sini ialah maksud dari kata-kata yang diucapkan oleh Nuh a.s. bukannya lafaz-lafaz yang diungkapkannya. Inilah pengertian yang lebih rajih kerana kita tidak mengetahui bahasa apakah yang dituturkan Nuh a.s.

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦٓ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya (lalu dia berkata:) Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang diutuskan kepada kamu untuk menyampaikan peringatan yang amat jelas."(25)

Al-Qur'an tidak mengatakan: قال إني (Nuh telah berkata sesungguhnya aku...) kerana pengungkapan Al-Qur'an bertujuan untuk menghidupkan senario itu seolah-olah, ia benar-benar sedang berlaku bukannya suatu peristiwa yang telah berlalu, seakan-akan Nuh berkata sekarang kepada kaumnya dan kita semua melihat dan mendengar. Ini dilihat dari satu aspek dan dari satu aspek yang lain pula Nuh mahu mengintisarikan seluruh tugas risalah dan menterjemahkannya ke dalam satu hakikat sahaja:

إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang diutuskan kepada kamu untuk menyampaikan peringatan yang amat jelas."(25)

Itulah satu pengungkapan yang amat kuat untuk menggariskan matlamat risalah dan menonjolkannya ke dalam hati kaum Muslimin.

Kemudian sekali lagi Nuh menjelaskan isi kandungan risalah dalam satu hakikat sahaja:

أَن لَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ

"Iaitu hendaklah kamu jangan menyembah melainkan Allah."

Inilah tiang seri risalah dan tiang seri peringatan dan amaran. Mengapa?

إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ أَلِيمٖ ٢٦

"Kerana sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab hari (Qiamat) yang amat sakit."(26)

Dengan pernyataan ini sempurnalah tugas penyampaian dan tugas memberi peringatan seorang rasul melalui beberapa kalimat yang pendek.

Hari Qiamat sendiri itu tidak mendapat kesakitan, tetapi ia yang menyakitkan. Kata-kata "أليم" ialah isim maf'ul yang asalnya ialah "مألوم" (yang disakitkan), sebenarnya merekalah yang disakitkan pada hari itu, tetapi Al-Qur'an memilih ungkapan "أليم" untuk menggambarkan bahawa hari itu seolah-olah menanggung dan mengalami kesakitan itu, jadi bagaimana pula sakitnya orang-orang yang berada pada hari itu?

فَقَالَ ٱلۡمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ مَا نَرَىٰكَ إِلَّا بَشَرٗا مِّثۡلَنَا وَمَا نَرَىٰكَ ٱتَّبَعَكَ إِلَّا ٱلَّذِينَ هُمۡ أَرَاذِلُنَا بَادِيَ ٱلرَّأۡيِ وَمَا نَرَىٰ لَكُمۡ عَلَيۡنَا مِن فَضۡلِۭ بَلۡ نَظُنُّكُمۡ كَٰذِبِينَ ٢٧

"Lalu berkatalah para pembesar yang kafir dari kaumnya (Nuh) Kami, tidak melihat engkau melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan kami tidak melihat engkau melainkan hanya diikuti orang-orang bawahan kami yang hina dan berfikiran dangkal. Dan kami tidak melihat kamu mempunyai sesuatu kelebihan yang mengatasi kami, malah kami yakin kamu adalah para pendusta belaka."(27)

Itulah jawapan para atasan yang sombong dan para pembesar kaum Nuh yang angkuh. Jawapan itu mirip dengan jawapan pembesar kaum Quraisy kepada Nabi Muhammad s.a.w., "Kami tidak melihat anda melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan kami tidak melihat anda melainkan hanya diikuti orang-orang bawahan kami yang hina, yang hanya mampu memikirkan perkara-perkara yang lahir sahaja dan kami tidak melihat kumpulan kamu mempunyai kelebihan yang mengatasi kami, malah kami yakin kamu adalah para pendusta sahaja."

Mereka memperlihatkan kekeliruan-kekeliruan yang sama, melemparkan tuduhan-tuduhan yang sama, menonjolkan keangkuhan yang sama dan menyambut risalah Allah dengan sikap yang bodoh, jahil dan enggan.

Mengapa Orang Ramai Biasa Biasa Lebih Mudah Mengikut Da'wah rasul?

Itulah kekeliruan yang tersemat di dalam hati golongan manusia yang jahil, mereka menyangka bangsa manusia terlalu kecil untuk diamanahkan memikul risalah Allah. Dan jika ada risalah Allah, maka bangsa yang layak memikulnya ialah bangsa malaikat atau satu makhluk yang lain. Kekeliruan yang jahil ini adalah berpunca dari ketiadaan kepercayaan terhadap makhluk insan, sedangkan ia telah dilantikkan selaku khalifah di bumi Allah, iaitu satu jawatan yang amat penting dan besar dan dalam konteks ini Allah tentulah telah melengkapkan insan dengan kesediaan, tenaga dan potensi yang cukup untuk membolehkannya melaksanakan tugas yang besar ini, di samping melengkapkan bangsa insan dengan kebolehan dan potensi-potensi khusus yang membolehkan setengah-setengah individunya sanggup dan mampu untuk memikul amanah risalah Allah setelah mereka dipilih oleh Allah, kerana Allah lebih arif dengan ciri-ciri kebolehan khusus yang dilengkapkan pada bangsa manusia secara umumnya.

Satu lagi kekeliruan yang jahil, iaitu apabila Allah telah memilih seorang rasul, maka mengapa pilihan itu tidak di buat di kalangan pembesar-pembesar kaum yang berkuasa dan tinggi martabatnya? Pernyataan ini membayangkan kejahilan terhadap nilai haqiqi makhluk insan, iaitu nilai haqiqi yang telah melayakkan makhluk insan menjadi khalifah Allah di bumi di samping melayakkannya untuk memikul risalah Allah berlandaskan ciri-ciri khusus yang terdapat di kalangan insan-insan pilihan yang dipilih dari barisan mereka. Nilai-nilai haqiqi ini tidak ada sangkut-paut dengan harta kekayaan atau dengan pangkat kebesaran atau dengan kekuasaan di bumi, malah ia terletak pada jiwa manusia itu sendiri, pada kesediaan dan kebolehannya untuk berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la termasuk ciri-ciri kejernihan jiwa, daya kembang dan keterbukaannya, daya-daya kebolehan untuk menerima wahyu dan menanggung amanah dan daya-daya kesabarannya untuk menunaikan amanah dan menyampaikannya kepada manusia dan sebagainya dari sifat-sifat nubuwwah yang mulia, dan semua sifat ini tidak mempunyai sebarang hubung kait dengan harta kekayaan, atau dengan pangkat kebesaran atau kekuasaan!

Tetapi para pembesar kaum Nuh sama dengan para pembesar kaum nabi-nabi yang lain tidak dapat melihat ciri-ciri yang luhur ini kerana mata mereka telah dibutakan oleh kedudukan duniawi mereka yang tinggi. Oleh sebab itu mereka tidak dapat memahami sesuatu justifikasi mengapa tugas membawa risalah Allah adalah hak khusus para rasul, kerana pada hemat mereka tugas membawa risalah Allah bukan untuk manusia sembarangan, malah untuk para pembesar yang berkuasa di bumi seperti mereka.

مَا نَرَىٰكَ إِلَّا بَشَرٗا مِّثۡلَنَا

"Kami tidak melihat engkau melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja."

Ini merupakan satu alasan, dan alasan yang lain adalah lebih buruk lagi:

وَمَا نَرَىٰكَ ٱتَّبَعَكَ إِلَّا ٱلَّذِينَ هُمۡ أَرَاذِلُنَا

بَادِيَ ٱلرَّأۡيِ

"Dan kami tidak melihat engkau melainkan hanya diikuti oleh orang-orang bawahan kami yang hina dan berfikiran dangkal."

Mereka menamakan golongan orang-orang miskin sebagai "orang-orang bawahan yang hina" sebagaimana para pembesar selalu memandang kepada golongan manusia yang tidak mempunyai harta dan kuasa. Golongan inilah yang biasanya menjadi pengikut-pengikut para rasul yang terdahulu, kerana fitrah mereka lebih mudah memberi respon kepada da'wah yang mengajak manusia ke arah membebaskan mereka dari perhambaan kepada para pembesar dan menghubungkan hati mereka dengan Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Berkuasa di atas segala yang berkuasa, juga kerana fitrah mereka belum dirosakkan oleh keangkuhan dan kemewahan hidup dan belum lagi dihalangkan oleh kepentingan-kepentingan dan kedudukan-kedudukan untuk menyambut da'wah itu, dan seterusnya kerana mereka tidak takut kehilangan kedudukan yang dicuri dari kelalaian orang ramai yang terkongkong kepada berbagai-bagai bentuk kepercayaan-kepercayaan karut paganisme. Gambaran pertama kepercayaan paganisme ialah keta'atan, perhambaan dan menjadi pak turut kepada tokoh-tokoh manusia yang fana sebagai ganti menumpukan semuanya ini kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sekutu. Risalah-risalah yang membawa ajaran tauhid merupakan gerakan-gerakan pembebasan manusia yang sebenar di setiap masa dan negeri. Oleh sebab itulah risalah-risalah ini selalunya ditentang oleh kuasa-kuasa Taghut dan dihalangkan dari orang ramai. Mereka berusaha mencemarkan imejnya dan melemparkan berbagai-bagai tuduhan yang amat buruk untuk meliar dan menjauhkan orang ramai darinya.

وَمَا نَرَىٰكَ ٱتَّبَعَكَ إِلَّا ٱلَّذِينَ هُمۡ أَرَاذِلُنَا بَادِيَ ٱلرَّأۡيِ

"Dan kami tidak melihat engkau melainkan hanya diikuti oleh orang-orang bawahan kami yang hina dan berfikiran dangkal."

Maksud "بادي الرأي" ialah tanpa menggunakan akal fikiran. Ini juga merupakan suatu tuduhan yang selalu dilemparkan oleh para pembesar yang berkuasa kepada kumpulan orang-orang yang beriman, iaitu mereka hanya mengikut begitu sahaja tanpa menggunakan akal fikiran untuk menilaikan da'wah-da'wah yang diikuti mereka. Oleh kerana itu kelompok Mu'minin dituduh mengikut da'wah itu dengan terburu-buru begitu sahaja, iaitu satu perbuatan yang tidak layak diikuti dan dicontohi para pembesar. Jika golongan bawahan itu beriman, maka sudah tentu golongan para pembesar tidak layak turut beriman seperti golongan orang-orang bawahan itu, juga tidak layak untuk mereka menyeru orang-orang bawahan supaya beriman.

وَمَا نَرَىٰ لَكُمۡ عَلَيۡنَا مِن فَضۡلِۭ

"Dan kami tidak melihat kamu mempunyai sesuatu kelebihan yang mengatasi kami."

Di sini mereka gabungkan penda'wah serta para pengikutnya sekali yang terdiri dari orang-orang bawahan kemudian mencabar: "Kami tidak melihat kamu mempunyai apa-apa kelebihan yang membuat kamu lebih dekat kepada hidayat atau lebih arif dengan jalan yang betul. Jika apa yang dianuti kamu itu baik dan benar, nescaya kamilah yang mencapaikannya lebih dahulu dari kamu dan kamu sama sekali tidak akan mendahului kami". Mereka menggunakan tali ukuran yang salah dalam menilaikan suatu kelebihan, iaitu mereka mengukur kelebihan dengan harta kekayaan dan mengukur kepintaran akal dengan pangkat kebesaran dan ilmu pengetahuan dengan kekuasaan. Pada hemat mereka orang yang mempunyai harta kekayaan itulah orang yang mempunyai kelebihan, orang yang berpangkat itulah orang yang pintar dan orang yang berkuasa itulah orang yang lebih arif!!!. Pemahaman dan penilaian yang seperti ini menjadi dominan apabila 'aqidah tauhid hilang dari masyarakat atau kesan-kesan ajarannya menjadi lemah hingga menyebabkan manusia kembali semula kepada zaman-zaman jahiliyah dan kepada tradisi-tradisi paganisme dalam mana-mana bentuknya yang beraneka ragam itu, walaupun ia muncul dengan pakaian tamadun kebendaan yang baru. Pemahaman dan penilaian ini merupakan suatu kejatuhan manusia yang terbalik songsang kerana ia memandang kecil kepada nilai-nilai haqiqi yang mewajarkan manusia menjadi makhluk insan yang layak menerajui pentadbiran khilafah Allah di bumi dan menerima risalah Allah dari langit juga kerana ia membawa manusia kepada nilai-nilai yang mirip dengan nilai-nilai haiwaniyah yang fizikal.

بَلۡ نَظُنُّكُمۡ كَٰذِبِينَ ﴿٢٧﴾

"Malah kami fikir bahawa kamu adalah para pendusta belaka."(27)

Inilah tuduhan terakhir yang dilemparkan mereka ke muka Rasulullah dan para pengikutnya, tetapi mereka membuat tuduhan itu menurut cara yang sesuai dengan uslub aristokratik mereka dengan menggunakan kata-kata "malah kami fikir bahawa kamu" bukannya "malah kami yakin bahawa kamu", kerana penggunaan kata-kata yakin yang tegas itu merupakan tabi'at orang ramai yang terburu-buru yang tidak menggunakan akal fikiran, iaitu suatu tabi'at yang tidak disenangi dan dijauhi oleh para pembesar yang berfikir secara konservatif.

Itulah contoh golongan manusia yang muncul berulang-ulang kali sejak zaman Nuh, iaitu golongan

manusia yang penuh sakunya tetapi kosong hatinya, golongan manusia yang bongkak, mendabik-dabik dada, angkuh dan sombong!!!

Tetapi Nabi Nuh a.s. menerima tuduhan, penolakan dan reaksi yang angkuh itu dengan kelapangan dada seorang nabi. Beliau menyambutnya dengan semangat yang tinggi, dengan keyakinan yang teguh terhadap kebenaran agama yang dibawa olehnya, dengan hati yang tenang dan tenteram terhadap Allah yang telah melantikkannya sebagai rasul-Nya, juga terhadap jalan perjuangannya yang terbentang jelas di hadapannya dan terhadap kelurusan sistem hidupnya yang berkobar-kobar di dalam perasaannya. Oleh sebab itu beliau tidak bertindak memaki hamun dan melemparkan tuduhan balas seperti mereka, dan tidak pula membuat dakwaan-dakwaan palsu seperti mereka, malah beliau tidak pernah membalutkan dirinya dengan pakaian-pakaian palsu yang tidak sebenar atau menyalutkan kerasulannya dengan sesuatu yang bertentangan dengannya.

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي وَءَاتَىٰنِي
رَحۡمَةٗ مِّنۡ عِندِهِۦ فَعُمِّيَتۡ عَلَيۡكُمۡ أَنُلۡزِمُكُمُوهَا
وَأَنتُمۡ لَهَا كَٰرِهُونَ ٢٨
وَيَٰقَوۡمِ لَآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ مَالًاۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِۚ
وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْۚ إِنَّهُم مُّلَٰقُواْ رَبِّهِمۡ
وَلَٰكِنِّيٓ أَرَىٰكُمۡ قَوۡمٗا تَجۡهَلُونَ ٢٩
وَيَٰقَوۡمِ مَن يَنصُرُنِي مِنَ ٱللَّهِ إِن طَرَدتُّهُمۡۚ أَفَلَا
تَذَكَّرُونَ ٣٠
وَلَآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ
وَلَآ أَقُولُ إِنِّي مَلَكٞ وَلَآ أَقُولُ لِلَّذِينَ تَزۡدَرِيٓ
أَعۡيُنُكُمۡ لَن يُؤۡتِيَهُمُ ٱللَّهُ خَيۡرًاۖ ٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا فِيٓ
أَنفُسِهِمۡ إِنِّيٓ إِذٗا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٣١

"Jawab Nuh: Wahai kaumku! Apa fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari sisi-Nya, tetapi rahmat itu tidak dapat dilihat oleh kamu, apakah wajar aku memaksa kamu menerimanya, sedangkan kamu tidak menyukainya? (28). Wahai kaumku! Aku tidak meminta wang dari kamu (sebagai upah) kerana da'wahku itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah dan aku tidak akan mengusir orang-orang yang telah beriman, kerana sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka, tetapi aku memandang kamu satu golongan orang-orang yang tidak mengerti(29). Dan wahai kaumku! Siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku usirkan mereka? Apakah kamu tidak mengambil peringatan?(30). Dan aku tidak pernah mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan aku juga tidak mengetahui urusan ghaib. Dan aku tidak pernah mendakwa bahawa aku adalah seorang malaikat. Dan aku tidak pernah mengatakan kepada orang-orang (Mu'minin) yang dipandang hina oleh mata kamu bahawa Allah tidak akan mengurniakan sebarang kebaikan kepada mereka kerana Allah lebih mengetahui segala isi hati mereka. Sesungguhnya aku - jika aku berbuat begitu - adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim."(31)

"Wahai kaumku", Nabi Nuh a.s. menyeru mereka dengan hati yang lapang dan penuh mesra sambil menghubungkan diri mereka dengan dirinya dan menghubungkan dirinya dengan diri mereka: "Wahai kaumku, kamu telah membantah dan berkata: Kami tidak melihat engkau melainkan hanya seorang manusia yang sama seperti kami oleh itu apakah fikiran kamu jika aku mempunyai hubungan yang rapat dengan Tuhanku, iaitu satu hubungan yang amat jelas dan amat diyakini perasaanku, satu hubungan istimewa yang tidak dikurniakan kepada kamu. Seterusnya apakah fikiran kamu jika Allah mengurniakan rahmat-Nya yang besar kepadaku, iaitu aku dipilih sebagai rasul-Nya atau Dia mengurniakan kepadaku sifat-sifat yang melayakkan diriku untuk membawa risalah-Nya, dan rahmat ini sudah tentu merupakan satu rahmat yang amat besar, justeru itu apakah fikiran kamu jika rahmat-rahmat ini tidak dapat dilihat oleh kamu, kerana kamu tidak mempunyai kesediaan untuk memahaminya dan kerana mata hati kamu tertutup dan tidak dapat melihat... dan dalam keadaan seperti ini apakah wajar aku memaksa kamu mempercayai-Nya? Yakni sudah tentu aku tidak dapat memaksakanmu supaya mempercayai dan beriman kepada-Nya, sedangkan kamu tidak menyukai-Nya."

Demikianlah Nabi Nuh a.s. menggunakan cara yang lemah lembut dalam usaha menarik perhatian, menggerakkan perasaan dan merangsangkan kepekaan kaumnya supaya mereka berfikir dan memahami nilai yang tersembunyi dan ciri-ciri yang diabaikan mereka mengenai persoalan kerasulan dan pemilihan para rasul. Beliau menjelaskan kepada mereka bahawa kerasulan itu bukanlah terletak pada sifat-sifat lahir yang superfisial yang biasanya menjadi kayu ukur penilaian mereka, dan dalam waktu yang sama beliau menjelaskan kepada mereka tentang dasar agung yang saksama iaitu dasar menerima 'aqidah dengan penilaian yang bebas dan dengan keyakinan yang dihasilkan dengan penelitian sendiri bukan dengan paksaan dan tekanan kuasa luar.

وَيَٰقَوۡمِ لَآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ مَالًاۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِۚ
وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْۚ إِنَّهُم مُّلَٰقُواْ رَبِّهِمۡ
وَلَٰكِنِّيٓ أَرَىٰكُمۡ قَوۡمٗا تَجۡهَلُونَ ٢٩

"Wahai kaumku! Aku tidak meminta wang dari kamu (sebagai upah) kerana da'wahku itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah dan aku tidak akan mengusir orang-orang yang telah beriman, kerana sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka, tetapi aku memandang kamu satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(29)

Maksudnya, wahai kaumku, orang-orang yang kamu sifatkan mereka sebagai orang-orang bawahan yang hina itu sebenarnya merekalah yang telah menerima da'wahku apabila aku berda'wah kepada mereka. Dan sebenarnya aku tidak meminta apa-apa dari manusia selain dari meminta mereka supaya beriman. Aku tidak pernah menagih wang kerana da'wahku sehingga aku hanya mengalu-alukan orang-orang yang berada sahaja dan tidak menghiraukan orang-orang yang tidak berada. Pada pandanganku semua manusia adalah sama sahaja. Dan sesiapa yang tidak berkehendak kepada harta orang lain, maka semua orang, baik yang miskin mahupun yang kaya adalah sama sahaja pada pandangannya.

إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ

"Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah."

Upahku hanya terserah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan bukannya kepada yang lain dari-Nya.

وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟

"Dan aku tidak akan mengusir orang-orang yang telah beriman."

Dari jawapan Nuh ini dapat kita faham bahawa para pembesar kaumnya menuntut atau menyarankan kepada beliau supaya mengusir golongan pengikut-pengikut Muslimin yang miskin yang berada di sekeliling beliau agar mereka dapat berfikir untuk beriman kepada beliau, kerana mereka merasa segan dan jijik untuk berkumpul bersama golongan miskin di majlis beliau atau merasa segan untuk bersama golongan itu di jalan yang sama, "Aku tidak sekali-kali akan mengusir mereka" kerana ini bukan urusanku. Mereka telah beriman, dan urusan mereka selepas itu adalah terserah kepada Allah bukannya kepadaku:

إِنَّهُم مُّلَٰقُوا۟ رَبِّهِمْ وَلَٰكِنِّىٓ أَرَىٰكُمْ قَوْمًا تَجْهَلُونَ ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka. Tetapi aku memandang kamu satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(29)

Yakni kamu tidak mengetahui nilai-nilai yang sebenar, yang menjadi ukuran manusia dalam neraca pertimbangan Allah. Dan kamu tidak mengetahui bahawa seluruh manusia akan dikembalikan kepada Allah.

وَيَٰقَوْمِ مَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِن طَرَدتُّهُمْ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan wahai kaumku! Siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku usirkan mereka? Apakah kamu tidak mengambil peringatan?"(30)

Maksudnya, oleh kerana di sana wujudnya Allah, Tuhan yang memelihara golongan miskin dan golongan kaya, Tuhan yang memelihara golongan lemah dan golongan kuat, Tuhan yang menilai manusia dengan nilai yang lain dan mengukur mereka dengan ukuran yang sama iaitu dengan ukuran keimanan, maka sudah tentu golongan para Mu'minin itu sentiasa berada di dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah.

وَيَٰقَوْمِ مَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِن طَرَدتُّهُمْ

"Siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku usirkan mereka?"

Maksudnya, siapakah yang sanggup memeliharaku dari 'azab Allah jika aku rosakkan neraca pertimbangan-Nya dan bertindak zalim terhadap para hamba-Nya yang beriman, sedangkan mereka golongan yang dimuliakan-Nya. Siapakah yang sanggup memeliharaku dari 'azab Allah jika aku mengi'tirafkan nilai-nilai bumi yang palsu ini, sedangkan aku diutuskan Allah untuk mengubahkan nilai-nilai itu bukannya untuk mengikutinya?

أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣٠﴾

"Apakah kamu tidak mengambil peringatan."(30)

Apakah kedudukan kamu sekarang telah menyebabkan kamu lupa kepada neraca pertimbangan fitrah yang sihat dan saksama?

Kemudian Nuh a.s. memperkenalkan dirinya dan risalahnya kepada mereka dengan hakikatnya yang sebenar tanpa mengenakan sebarang perhiasan, sebarang cat saduran dan tanpa sebarang nilai palsu. Ia berbuat begitu sebagai peringatan kepada mereka untuk menjelaskan nilai-nilai yang haqiqi kepada mereka dan merendahkan nilai-nilai lahir yang palsu di hadapan mereka agar mereka menjauh dan membersihkan diri dari nilai-nilai tersebut. Oleh sebab itu siapa yang hendak menerima risalah Allah dengan nilainya yang haqiqi tanpa sebarang hiasan dan dakwaan palsu, maka silalah tampil menerimanya dengan penuh keikhlasan kepada Allah:

وَلَآ أَقُولُ لَكُمْ عِندِى خَزَآئِنُ ٱللَّهِ

"Dan aku tidak pernah mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah."

Yakni aku tidak pernah mendakwa mempunyai kekayaan atau mempunyai kuasa untuk memberi kekayaan kepada orang lain.

وَلَآ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ

"Dan aku juga tidak mengetahui urusan ghaib."

Yakni aku tidak mendakwa mempunyai qudrat kuasa yang tidak dimiliki manusia atau mempunyai

hubungan yang lain dengan Allah selain dari hubungan kerasulan.

وَلَآ أَقُولُ إِنِّي مَلَكٌ

"Dan aku tidak pernah mendakwa bahawa aku adalah seorang malaikat."

Yakni aku tidak pernah mendakwa mempunyai sifat yang lebih tinggi dari sifat insan dengan tujuan supaya dipandang tinggi oleh kamu dan supaya aku dapat melebihkan diriku ke atas kamu.

وَلَآ أَقُولُ لِلَّذِينَ تَزْدَرِيٓ أَعْيُنُكُمْ لَن يُؤْتِيَهُمُ ٱللَّهُ خَيْرًا

"Dan aku tidak pernah mengatakan kepada orang-orang (Mu'minin) yang dipandang hina oleh mata kamu bahawa Allah tidak akan mengurniakan sebarang kebaikan kepada mereka"

dengan tujuan untuk memenuhi keinginan hati kamu yang bongkak atau untuk menyelaraskan dengan penilaian kamu yang palsu di bumi ini.

ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا فِيٓ أَنفُسِهِمْ

"Allah lebih mengetahui segala isi hati mereka."

Oleh itu aku hanya mampu menilai keadaan mereka yang lahir sahaja dan keadaan mereka yang lahir itulah yang mewajarkan mereka mendapat penghormatan dan harapan untuk mendapat limpah kebaikan dari Allah...

إِنِّيٓ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٣١

"Sesungguhnya aku - jika aku bertindak begitu - adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim."(31)

Maksudnya, jika aku membuat mana-mana dakwaan yang seperti ini sudah tentu aku akan termasuk dalam golongan orang-orang yang menzalimi kebenaran yang telah disampaikan oleh aku sendiri, juga termasuk dalam golongan orang-orang yang menzalimi diri sendiri dan mendedahkan diri kepada kemurkaan Allah dan seterusnya termasuk dalam golongan orang-orang yang menzalimi manusia kerana menyampaikan kepada mereka ajaran-ajaran yang tidak diturunkan Allah kepada mereka.

Demikianlah Nuh a.s. membersihkan diri dan risalahnya dari segala nilai yang palsu dan dari segala kehebatan bikinan-bikinan yang dikehendaki oleh para pembesar kaumnya pada seorang rasul dan pada risalah yang dibawa olehnya. Beliau memperkenalkan diri dan risalahnya kepada mereka tanpa sebarang hiasan selain dari hakikat risalah yang agung, yang tidak memerlukan kepada tokok-tambah dengan kehebatan-kehebatan duniawi yang superfisial. Beliau menjawab mereka dengan jawapan-jawapannya yang jelas, kuat, lapang dada dan mesra kepada hakikat risalah yang tulen supaya mereka menghadapinya dan menggunakannya sebagai garis panduan untuk diri mereka. Beliau tidak menggunakan taktik mengampu, memalsu dan tidak pula cuba mengambil hati mereka dengan mengorbankan risalah dan hakikatnya yang mudah dimengerti. Dengan demikian beliau dapat mengemukakan satu contoh da'wah dan satu pelajaran kepada para penda'wah dari seluruh generasi untuk menghadapi pihak-pihak yang berkuasa dengan senjata kebenaran yang tulen bukan dengan cara mencari titik pertemuan dengan pandangan dan kefahaman mereka dan bukan dengan tindakan menyokong mereka dan disertakan pula dengan sikap kasih mesra yang tidak dapat menunduk segala kepala.

Setakat ini para pembesar kaum Nuh tidak lagi berupaya untuk berperang hujjah dengan Nabi Nuh a.s. Dan kini mereka tiba-tiba dilambung perasaan angkuh dengan kejahatan mereka mengikut kebiasaan golongan bangsawan. Mereka merasa begitu berat kerana mereka dikalahkan dengan kekuatan hujjah dan ditundukkan dengan kekuatan dalil-dalil 'aqli dan fitri lalu mereka meninggalkan perdebatan dan menggunakan cabaran:

قَالُوا۟ يَٰنُوحُ قَدْ جَٰدَلْتَنَا فَأَكْثَرْتَ جِدَٰلَنَا فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٣٢

"Jawab mereka: Wahai Nuh! Engkau telah mendebati kami dan telah melakukan perdebatan-perdebatan yang sekian banyak dengan kami. Oleh itu timpakan sahaja ke atas kami 'azab yang diancamkan engkau kepada kami jika engkau dari golongan orang-orang yang bercakap benar."(32)

Itulah kelemahan yang memakai baju kekuatan dan itulah perasaan takut kepada kemenangan kebenaran dalam bentuk sikap mencabar dan memperkecil-kecilkan 'azab Allah:

فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٣٢

"Oleh itu timpakan sahaja ke atas kami 'azab yang diancamkan engkau kepada kami, jika engkau dari golongan orang-orang yang bercakap benar."(32)

Maksudnya, turunkan ke atas kami 'azab yang amat pedih yang telah engkau ancamkan kami dengannya, kerana kami tetap tidak percaya dan tidak memperdulikan ancaman engkau.

Tetapi pendustaan dan cabaran itu tidak mengeluarkan Nuh a.s. dari sifat seorang rasul yang mulia dan tidak pula mematahkan semangat beliau untuk menerangkan hakikat yang sebenar kepada mereka, iaitu hakikat yang selama ini telah diabaikan mereka atau hakikat yang tidak diketahui mereka hingga sanggup menuntut agar ditimpakan terus ke atas mereka 'azab yang telah diancamkan Nuh kepada mereka. Beliau telah mengembalikan mereka kepada hakikat ini dengan menyatakan bahawa diri beliau tidak lebih dari seorang rasul yang ditugas untuk menyampaikan perutusan Allah kepada mereka. Adapun urusan 'azab, maka ia adalah dari bidang kuasa Allah. Dialah sahaja yang

mengendalikan segala urusan-Nya dan Dialah sahaja yang berkuasa menentukan keputusan sama ada mempercepatkan 'azab itu atau menangguhkannya ke suatu masa yang tertentu. Dan hanya keputusan-keputusan yang ditetapkan Allah sahaja yang lulus, sedangkan dia selaku seorang rasul tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menolak atau mengubahkan keputusan itu, dia hanya seorang rasul dan tugas beliau ialah menerangkan kebenaran hingga ke sa'at terakhir. Oleh itu dia tidak akan berhenti dari menyampaikan perutusan Allah dan menjelaskannya kepada manusia walaupun dicabar dan didustakan kaumnya:

قَالَ إِنَّمَا يَأْتِيكُم بِهِ اللَّهُ إِن شَاءَ وَمَا أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٣٣﴾ وَلَا يَنفَعُكُمْ نُصْحِي إِنْ أَرَدتُّ أَنْ أَنصَحَ لَكُمْ إِن كَانَ اللَّهُ يُرِيدُ أَن يُغْوِيَكُمْ هُوَ رَبُّكُمْ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٣٤﴾

"Jawab Nuh: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menimpakan 'azab itu ke atas kamu jika Dia kehendaki dan kamu tidak sekali-kali berkuasa melemahkan Allah(33). Dan nasihatku tidak akan berguna kepada kamu seandainya aku hendak, memberi nasihat kepada kamu jika Allah mahu menyesatkan kamu. Dialah Tuhan kamu dan kepada-Nya kamu dikembalikan."(34)

Jika keputusan Allah Taala hendak membinasakan kamu dengan sebab kesesatan kamu, maka keputusan itu akan tetap berkuasa di atas kamu walau apa pun nasihat yang telah ku·berikan kepada kamu. Ini bukannya kerana Allah hendak menghalangkan kamu dari mengambil manfaat dari nasihat ini, tetapi kerana tindak-tanduk kamu terhadap diri kamu sendiri telah membuat keputusan Allah menghendaki kamu menjadi sesat dan kamu tidak sekali-kali berkuasa melemahkan Allah dari melaksanakan keputusan-Nya ke atas kamu, kerana kamu selama-lamanya berada dalam genggaman qudrat kuasa-Nya. Dialah yang mentadbir dan merancang seluruh urusan kamu, sedangkan kamu tidak mempunyai jalan untuk melarikan diri dari pertemuan dengan-Nya dan dari hisab dan balasan-Nya.

"Dialah Tuhan kamu dan kepada-Nya kamu dikembalikan."(34)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 35)

Apabila kisah Nuh sampai ke bahagian rangkaian ayat ini, tiba-tiba ayat yang berikut memberi perhatiannya kepada reaksi kaum Musyrikin Quraisy terhadap kisah ini, yang serupa dengan kisah mereka dengan Rasulullah s.a.w., di mana mereka mendakwa bahawa Muhammad telah mengadakan kisah-kisah bohong ini, dan ayat ini terus menjawab tuduhan itu sebelum selesai menghabiskan kisah Nuh:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ إِنِ افْتَرَيْتُهُ فَعَلَيَّ إِجْرَامِي وَأَنَا بَرِيءٌ مِّمَّا تُجْرِمُونَ ﴿٣٥﴾

"Apakah mereka berkata: Dia (Muhammad) telah mengadakan kisah-kisah bohong? Katakanlah: jika aku yang mengadakan kisah-kisah itu, maka akulah yang memikul dosanya dan aku bebas dari dosa-dosa yang dilakukan kamu."(35)

Maksudnya, perbuatan mengadakan kisah-kisah bohong adalah suatu perbuatan jenayah. Oleh itu katakanlah kepada mereka: Jika akulah yang melakukan perbuatan itu, maka akulah yang menanggung dosanya dan aku sedar bahawa perbuatan jenayah itu jauh sekali dilakukan olehku, dan aku bebas dan tidak kena mengena dengan jenayah-jenayah yang dilakukan kamu, iaitu jenayah yang menuduh bahawa aku telah mengadakan kisah-kisah bohong di samping jenayah syirik dan mendustakan da'wah.

Keterangan selingan yang seperti ini tidak mengganggu pembentangan kisah di dalam Al-Qur'an, kerana selingan ini dibuat untuk tujuan yang berhubung kait dengan pembentangan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 41)

Kemudian ayat yang berikut menyambung kisah Nuh dengan menayangkan senario yang kedua, di mana Nuh sedang menerima wahyu dan perintah Allah:

Bahtera Nuh Yang Paling Besar Dalam Sejarah

وَأُوحِيَ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُ لَن يُؤْمِنَ مِن قَوْمِكَ إِلَّا مَن قَدْ آمَنَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾ وَاصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾

"Lalu diwahyukan kepada Nuh bahawa tiada siapa lagi dari kaummu yang akan beriman selain dari mereka yang telah beriman itu sahaja. Oleh sebab itu janganlah engkau bersedih terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka(36). Dan buatlah bahtera itu di bawah pengawasan penglihatan Kami dan arahan wahyu Kami dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, kerana mereka tetap akan ditenggelamkan."(37)

Peringkat memberi amaran dan berda'wah telah berakhir dan peringkat berdebat juga telah berakhir.

وَأُوحِيَ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُۥ لَن يُؤْمِنَ مِن قَوْمِكَ إِلَّا مَن قَدْ ءَامَنَ

"Lalu diwahyu kepada Nuh bahawa tiada siapa lagi dari kaummu yang akan beriman selain dari mereka yang telah beriman itu sahaja."

Maksudnya, sekalian individu dari kaummu yang mempunyai, hati nurani yang bersedia untuk beriman itu telah pun beriman, sedangkan baki individu-individu yang lain tidak lagi mempunyai kesediaan dan kecenderungan untuk beriman. Demikianlah wahyu Allah kepada Nuh a.s., yang lebih arif tentang para hamba-Nya dan lebih mengetahui tentang perkara yang mungkin dan perkara yang tidak mungkin. Justeru itu di sana tidak ada lagi ruang untuk meneruskan da'wah yang tidak menghasilkan faedah, sedangkan engkau (wahai Nuh) tidak dipertanggungjawabkan terhadap kekafiran, pendustaan, cabaran dan ejekan yang dilakukan mereka:

فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

"Oleh sebab itu janganlah engkau bersedih terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka."(36)

Maksudnya, engkau tidak usah berdukacita dan merasa keluh-kesah, engkau tidak usah peduli dan mengambil berat terhadap tindak-tanduk mereka, engkau jangan bimbangkan diri engkau kerana perbuatan mereka tidak akan memudharatkan engkau sedikit pun dan jangan bimbangkan mereka kerana di sana tidak ada sesuatu kebaikan pun pada mereka.

Biarlah mereka begitu sahaja. Perkara mereka telah pun selesai.

وَٱصْنَعِ ٱلْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا

"Dan buatlah bahtera itu di bawah pengawasan penglihatan dan arahan wahyu Kami."

Maksudnya, buatlah bahtera itu di bawah kawalan dan bimbingan kami.

وَلَا تُخَـٰطِبْنِى فِى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ ۚ إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾

"Dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, kerana mereka tetap akan ditenggelamkan."(37)

Nasib dan destinasi mereka telah pun diputuskan. Oleh itu janganlah lagi engkau berbicara denganku mengenai mereka. Sama ada berdo'a kepada aku supaya memberi hidayat kepada mereka atau berdo'a supaya dibinasakan mereka. Di tempat yang lain dijelaskan, iaitu apabila beliau berputus asa terhadap sambutan mereka, maka beliau telah memanjatkan do'anya kepada Allah supaya membinasakan mereka. Di sini dapatlah difaham bahawa keputusan harapan itu adalah berlaku setelah turunnya wahyu ini, kerana apabila keputusan telah ditetapkan, maka do'a tidak lagi berguna.

* * * * * *

Senario yang ketiga dari senario kisah ini ialah senario Nuh a.s. sedang menukangi bahteranya. Kini beliau telah menyisihkan diri dari kaumnya dan berhenti dari berda'wah dan berdebat dengan mereka:

Nuh Diejek Kaumnya Kerana Membuat Bahtera

وَيَصْنَعُ ٱلْفُلْكَ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيْهِ مَلَأٌ مِّن قَوْمِهِۦ سَخِرُوا۟ مِنْهُ ۚ قَالَ إِن تَسْخَرُوا۟ مِنَّا فَإِنَّا نَسْخَرُ مِنكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ ﴿٣٨﴾

فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٩﴾

"Lalu Nuh pun membuat bahtera itu dan setiap kali para pembesar kaumnya berjalan melintasinya, lantas mereka mempersenda-sendakannya lalu Nuh berkata: Jika kamu mempersenda-sendakan kami maka satu masa nanti kami akan mempersenda-sendakan kamu pula sebagaimana kamu mempersenda-sendakan kami (sekarang)(38). Kamu kelak akan mengetahui siapakah yang akan dilandakan 'azab yang menghinakannya dan siapakah yang akan ditimpa 'azab yang kekal."(39)

Pengungkapan dengan menggunakan kata kerja mudhari' (يصنع الفلك) membuat senario itu begitu hidup dan serius. Ia membuat kita melihat senario itu seolah-olah terpampang dalam imaginasi kita melalui pengungkapan itu. Kita melihat Nuh sedang membuat bahtera dan kemudian kita melihat kumpulan-kumpulan kaumnya yang angkuh lalu di tempat itu dan terus mengejek-ngejek Nuh, yang pada suatu masa dahulu pernah mendakwa menjadi utusan Allah dan mengajak mereka kepada agama Allah serta berdebat dengan mereka dengan panjang lebar, tiba-tiba kini Nuh berubah menjadi seorang tukang kayu yang sedang menukangi sebuah bahtera. Mereka mempersenda-sendakan Nuh kerana mereka hanya dapat melihat fenomena lahir sahaja, tetapi tidak mengetahui wahyu dan perintah Ilahi di sebaliknya. Keadaan mereka selama-lamanya begitu. Mereka mampu memahami perkara-perkara luaran sahaja, tetapi tidak mampu memahami hikmat kebijaksanaan dan perencanaan Ilahi di sebaliknya. Adapun Nuh a.s. yang penuh yakin dan arif telah menerangkan kepada mereka dengan perasaan bangga, yakin, tenang dan dengan semangat yang tinggi bahawa dia akan membalaskan sendaan dan ejekan mereka:

قَالَ إِن تَسْخَرُوا۟ مِنَّا فَإِنَّا نَسْخَرُ مِنكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ ﴿٣٨﴾

"Lalu Nuh berkata: Jika kamu mempersenda-sendakan kami, maka satu masa nanti kami akan mempersenda-sendakan kamu pula sebagaimana kamu mempersenda-sendakan kami (sekarang)."(38)

Maksudnya, kami akan mempersenda-sendakan kamu kerana kamu tidak memahami pentadbiran Ilahi di sebalik pembuatan bahtera ini, di samping tidak memahami nasib kesudahan yang menunggu kamu selepas ini:

فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحِلُّ عَلَيْهِ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٩﴾

"Kamu kelak akan mengetahui siapakah yang akan dilandakan 'azab yang menghinakannya dan siapakah yang akan ditimpakan 'azab yang kekal."(39)

Kami atau kamu? Tunggulah hari yang akan mendedahkan 'azab yang tersembunyi dan ditakuti itu.

* * * * * *

Kemudian diiringi senario "membuat persediaan" ketika tiba sa'at yang ditunggu-tunggu.

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَمْرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ قُلْنَا ٱحْمِلْ فِيهَا مِن كُلٍّ زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ وَمَنْ ءَامَنَ ۚ وَمَآ ءَامَنَ مَعَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٤٠﴾ وَقَالَ ٱرْكَبُوا۟ فِيهَا بِسْمِ ٱللَّهِ مَجْر۪ىٰهَا وَمُرْسَىٰهَآ ۚ إِنَّ رَبِّى لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٤١﴾

"Sehingga apabila tiba perintah Kami dan permukaan bumi telah memancutkan air, Kami berfirman (kepada Nuh): Muatkanlah ke dalam bahtera itu sepasang jantan dan betina dari setiap jenis binatang serta keluargamu kecuali orang-orang yang dahulunya telah ditetapkan keputusan Allah terhadapnya dan muatkan semua orang-orang yang beriman, dan tiada yang beriman bersama Nuh kecuali hanya segelintir manusia sahaja(40). Lalu Nuh berkata: Naiklah ke dalam bahtera itu dengan menyebut nama Allah ketika ia belayar dan berlabuh. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(41)

Di sana terdapat berbagai-bagai pendapat mengenai maksud pancutan air "at-Tannur" dan imaginasi telah membawa setengah-setengah Mufassirin mengembara begitu jauh dan bau dongeng-dongeng Israeliyat terhidu jelas dalam pentafsiran-pentafsiran itu dan dalam seluruh kisah banjir raya itu, tetap bagi kami, kami tidak ingin mengembara di padang gurun tanpa pemandu dalam memahami persoalan yang ghaib ini, yang tidak kami ketahui kecuali sekadar yang diterangkan nas Al-Qur'an dan dalam batas pengertiannya sahaja tanpa lebih dari itu.

Sejauh yang dapat kami katakan ialah pancutan air di permukaan bumi (atau at-Tannur yang asalnya bermakna dapur) itu mungkin berlaku dengan sebab mata air yang ada di situ atau berlaku dengan sebab ledakan gunung berapi. Pancutan itu merupakan alamat Allah kepada Nuh a.s. atau ia berlaku serentak dengan banjir raya itu dan merupakan permulaan pelaksanaan perintah banjir raya dengan memancutkan air di muka bumi dan menurunkan hujan yang lebat dari langit.

Apabila banjir berlaku kami memerintah Nuh supaya memuatkan ke dalam bahtera itu sepasang jantan betina dari setiap binatang... seolah-olah program bertindak telah disusunkan sedemikian rupa, di mana Nuh a.s. diperintah melaksanakannya peringkat demi peringkat tepat pada masanya yang telah ditentukan. Mula-mula beliau diperintah membuat bahtera dan perintah ini telah dilaksanakan Nuh. Al-Qur'an tidak pernah menyebut kepada kita tentang tujuan bahtera itu dibuat, juga tidak pernah menyatakan bahawa ia telah memaklumkan kepada Nuh tentang tujuan itu.

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَمْرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ

"Sehingga apabila tiba perintah Kami dan permukaan bumi telah memancutkan air."

Maka Nuh diperintah melaksanakan program yang kedua:

قُلْنَا ٱحْمِلْ فِيهَا مِن كُلٍّ زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ وَمَنْ ءَامَنَ

"Kami berfirman (kepada Nuh): Muatkanlah ke dalam bahtera itu sepasang jantan dan betina dari setiap jenis binatang serta keluargamu kecuali orang yang dahulunya telah ditetapkan keputusan Allah terhadapnya dan muatkan semua orang-orang yang beriman."

Di sini sekali lagi timbul berbagai-bagai pendapat tentang maksud "sepasang jantan dan betina dari setiap jenis binatang" dan sekali lagi kita menghidu bau dongeng-dongeng Israeliyat yang kuat, tetapi bagi kami, kami tidak membiarkan imaginasi mempermainkan kami dan membawa kami menyimpang jauh di sekitar ungkapan "muatkanlah ke dalam bahtera sepasang jantan dan betina dari setiap jenis binatang" yakni setiap yang dapat ditangkap dan dibawa bersamanya ke dalam bahtera itu. Dan selain dari binatang-binatang itu, ia merupakan pernyataan yang meraba-raba tanpa dalil.

وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ

"Serta keluargamu kecuali orang yang dahulunya telah ditetapkan keputusan Allah terhadapnya."

Maksud, kecuali orang yang wajar menerima 'azab Allah mengikut peraturan-Nya.

وَمَنۡ ءَامَنَۚ

"Dan muatkan semua orang-orang yang beriman"

yang bukan dari keluargamu.

وَمَآ ءَامَنَ مَعَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلٞ ٤٠

"Dan tiada yang beriman bersama Nuh kecuali hanya segelintir manusia sahaja."(40)

وَقَالَ ٱرۡكَبُواْ فِيهَا بِسۡمِ ٱللَّهِ مَجۡرٜىٰهَا وَمُرۡسَىٰهَآۚ

"Lalu Nuh berkata: Naiklah ke dalam bahtera itu dengan menyebut nama Allah ketika ia belayar dan berlabuh."

Setelah perintah itu dilaksanakan dan setelah orang-orang yang beriman dan binatang-binatang yang hidup dikumpulkan, maka Nuh pun berkata: "Naiklah ke dalam bahtera dengan menyebut nama Allah ketika belayar dan berlabuh", kata-kata ini mengungkapkan penyerahan bahtera kepada kehendak masyi'ah Allah semasa belayar dan berlabuh, kerana nasib bahtera itu adalah terletak pada pemeliharaan dan perlindungan Allah. Apakah daya upaya manusia untuk melindungi bahtera itu dalam gelombang-gelombang banjir yang garang itu?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 44)

Kemudian datang pula senario yang dahsyat dan ngeri, iaitu senario banjir raya:

وَهِيَ تَجۡرِي بِهِمۡ فِي مَوۡجٖ كَٱلۡجِبَالِ وَنَادَىٰ نُوحٌ ٱبۡنَهُۥ وَكَانَ فِي مَعۡزِلٖ يَٰبُنَيَّ ٱرۡكَب مَّعَنَا وَلَا تَكُن مَّعَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٤٢ قَالَ سَـَٔاوِيٓ إِلَىٰ جَبَلٖ يَعۡصِمُنِي مِنَ ٱلۡمَآءِۚ قَالَ لَا عَاصِمَ ٱلۡيَوۡمَ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِ إِلَّا مَن رَّحِمَۚ وَحَالَ بَيۡنَهُمَا ٱلۡمَوۡجُ فَكَانَ مِنَ ٱلۡمُغۡرَقِينَ ٤٣ وَقِيلَ يَٰٓأَرۡضُ ٱبۡلَعِي مَآءَكِ وَيَٰسَمَآءُ أَقۡلِعِي وَغِيضَ ٱلۡمَآءُ وَقُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَٱسۡتَوَتۡ عَلَى ٱلۡجُودِيِّۖ وَقِيلَ بُعۡدٗا لِّلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ٤٤

"Dan bahtera itu belayar membawa mereka di dalam arus gelombang (yang meninggi) laksana gunung-ganang. Lalu Nuh menyeru anaknya yang berada di suatu tempat yang terpencil: Wahai anakku! Naiklah (bahtera ini) bersama kami dan janganlah engkau berada bersama orang-orang yang kafir(42). Jawab anaknya: Saya akan berlindung di atas sebuah gunung yang akan melindungku dari air. Lantas Nuh berkata: Pada hari ini tiada yang berkuasa melindungkan seseorang dari 'azab Allah kecuali mereka yang telah dirahmati-Nya. Dan tiba-tiba gelombang menghalangkan di antara keduanya, dan lantas dia (si anak) tenggelam bersama mereka yang ditenggelamkan(43). Kemudian diperintah: Wahai bumi, telankanlah airmu! Wahai langit hentikanlah hujanmu! Lantas banjir pun surut dan perintah Ilahi selesai dilaksanakan lalu bahtera itu berlabuh di atas Bukit al-Judi dan kemudian diseru: Allah jauhkan rahmat dari golongan orang-orang yang zalim."(44)

Di sini dua kedahsyatan sedang bertembung; kedah-syatan alam yang diam seribu bahasa dan kedahsyatan perasaan yang berkocak di dalam jiwa manusia yang malang:

وَهِيَ تَجۡرِي بِهِمۡ فِي مَوۡجٖ كَٱلۡجِبَالِ

"Dan bahtera itu belayar membawa mereka dalam arus gelombang (yang meninggi) laksana gunung-ganang."

Di sa'at yang ngeri dan pemutus ini Nuh a.s. tiba-tiba temampak salah seorang anaknya sedang berada di suatu tempat yang terpencil dari mereka dan lantas perasaan kebapaan melonjak dalam lubuk hatinya lalu beliau berteriak memanggil anaknya yang menyisihkan diri itu:

يَٰبُنَيَّ ٱرۡكَب مَّعَنَا وَلَا تَكُن مَّعَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٤٢

"Wahai anakku! Naiklah (bahtera ini) bersama kami dan janganlah engkau berada bersama orang-orang yang kafir."(42)

Tetapi si anak yang derhaka itu tidak menghiraukan seruan ayahandanya yang sedih itu. Ia begitu terpedaya dengan semangat kewiraan yang palsu hingga ia tidak dapat menilaikannya sejauh mana bahaya malapetaka banjir raya yang dahsyat dan syumul itu:

قَالَ سَـَٔاوِيٓ إِلَىٰ جَبَلٖ يَعۡصِمُنِي مِنَ ٱلۡمَآءِۚ

"Jawab anaknya: Saya akan berlindung di atas sebuah gunung yang akan melindungiku dari air."

Kemudian sang bapa yang memahami hakikat kedahsyatan malapetaka dan hakikat 'azab Ilahi yang sebenar itu meneriakkan seruannya yang terakhir:

قَالَ لَا عَاصِمَ ٱلۡيَوۡمَ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِ إِلَّا مَن رَّحِمَۚ

"Lantas Nuh berkata: Pada hari ini tiada yang berkuasa melindungkan seseorang dari 'azab Allah kecuali mereka yang dirahmati-Nya."

Gunung-ganang tidak berkuasa melindungi mereka, begitu juga tempat-tempat persembunyian, para penyelamat dan para pelindung tidak berkuasa menyelamatkan mereka kecuali orang-orang yang telah mendapat rahmat Allah.

Tiba-tiba pada detik itu satu perubahan yang mendadak telah berlaku dan terus mengubahkan senario itu, iaitu satu gelombang besar banjir itu telah menelankan segala sesuatu:

وَحَالَ بَيْنَهُمَا ٱلْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ ٱلْمُغْرَقِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan tiba-tiba gelombang menghalangkan di antara keduanya, dan lantas dia (si anak) tenggelam bersama-sama mereka yang ditenggelamkan."(43)

Walaupun peristiwa yang dahsyat ini telah dilalui ribuan tahun, namun kita masih menahan nafas kerana terlalu cemas mengikut pemerian Al-Qur'an yang menceritakan kisah ini. Ia telah menguasai hati kita seolah-olah kita sedang melihatnya sendiri dengan mata kepala kita sewaktu bahtera itu membawa mereka dalam arus gelombang yang meninggi seperti gunung-gunung dan sewaktu Nuh yang sedang bersedih itu mendayu-dayu menyeru anaknya tetapi si anak yang muda belia dan angkuh tetap enggan menyambut seruannya dan tiba-tiba satu gelombang besar memotong situasi itu dalam sekelip mata sahaja dan lantas mengakhiri segala sesuatu, seolah-olah seruan dan jawapan di antara anak dan bapa tidak pernah berlaku.

Bahtera Nuh Berlabuh Di Atas Bukit Al-Judi

Kedahsyatan peristiwa ini dapat diukur dari sejauh mana kesannya kepada hati manusia - dalam hubungan di antara si anak dan si bapa - juga dapat diukur dari sejauh mana kesannya kepada alam, di mana gelombang banjir menenggelamkan zuriat manusia setelah menenggelamkan wadi-wadi di bumi. Kedua-dua kesan itu adalah sama setanding pada alam yang diam dan pada jiwa manusia yang hidup. Itulah ciri yang jelas dalam penggambaran Al-Qur'an.

Kemudian ribut taufan kembali reda, alam diselubungi suasana tenang dan sepi. Urusan Ilahi selesai dilaksanakan. Kestabilan dan kemantapan menjalar pada lafaz-lafaz ayat yang berikut dan nada-nadanya mempengaruhi hati dan telinga manusia:

وَقِيلَ يَٰٓأَرْضُ ٱبْلَعِى مَآءَكِ وَيَٰسَمَآءُ أَقْلِعِى وَغِيضَ ٱلْمَآءُ وَقُضِىَ ٱلْأَمْرُ وَٱسْتَوَتْ عَلَى ٱلْجُودِىِّ ۖ وَقِيلَ بُعْدًا لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾

"Kemudian diperintah: Wahai bumi, telankanlah airmu! Wahai langit hentikanlah hujanmu! Lantas banjir pun surut dan perintah Ilahi selesai dilaksanakan lalu bahtera itu berlabuh di atas Bukit al-Judi, dan kemudian diseru: Allah jauhkan rahmat-Nya dari golongan orang-orang yang zalim."(44)

Di dalam ayat ini perintah Ilahi secara langsung ditujukan kepada bumi dan langit dengan menggunakan sighah 'aqli (bentuk kata yang ditujukan kepada yang berakal) dan kedua-duanya telah menjunjung perintah itu; bumi menelankan air dan langit memberhentikan hujan:

وَقِيلَ يَٰٓأَرْضُ ٱبْلَعِى مَآءَكِ وَيَٰسَمَآءُ أَقْلِعِى

"Kemudian diperintah: Wahai bumi, telankanlah airmu! Wahai langit hentikan hujanmu!"

وَغِيضَ ٱلْمَآءُ

"Lantas banjir pun surut."

Yakni bumi telah menelankan air yang melimpah itu ke dalam perutnya dan melesap dari permukaannya.

وَقُضِىَ ٱلْأَمْرُ

"Dan perintah Ilahi selesai dilaksanakan."

Yakni keputusan qadha' Ilahi telah dilaksanakan.

وَٱسْتَوَتْ عَلَى ٱلْجُودِىِّ ۖ

"Lalu bahtera itu berlabuh di atas Bukit al-Judi."

Yakni ia berlabuh dan menetap di atas Bukit al-Judi.

وَقِيلَ بُعْدًا لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾

"Kemudian diseru: Allah jauhkan rahmat-Nya dari golongan orang-orang yang zalim."(44)

Satu ungkapan pendek yang tegas yang mengungkapkan suasananya secara mendalam. Dalam ayat ini digunakan sifat al-Majhul "قيل" (diseru) tanpa menyebut siapa yang menyeru dengan tujuan untuk menggulungkan cerita mereka dan menyembunyikannya:

وَقِيلَ بُعْدًا لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾

"Kemudian di seru: Allah jauhkan rahmat-Nya dari golongan orang-orang yang zalim."(44)

Yakni Allah jauhkan mereka dari hayat, di mana mereka telah pun hilang lesap dan Allah jauhkan mereka dari rahmat-Nya dan mereka telah pun dilaknatkan Allah dan seterusnya Allah jauhkan mereka dari kenangan dan nasib mereka telah pun berakhir dan mereka tidak wajar diingat dan dikenang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Nuh Merayukan Nasib Anaknya Kepada Allah

Kini ribut badai kembali tenang, kedahsyatan dan kengerian kembali aman dan bahtera Nuh, selamat berlabuh di atas Bukit al-Judi. Tepat di waktu ini, sebagai seorang bapa yang telah kehilangan anak, hati Nuh terus terkenangkan anaknya yang telah terkorban di dalam banjir raya itu, lalu beliau merayu kepada Allah:

وَنَادَىٰ نُوحٌ رَّبَّهُۥ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ٱبْنِى مِنْ أَهْلِى وَإِنَّ وَعْدَكَ ٱلْحَقُّ وَأَنتَ أَحْكَمُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٤٥﴾

"Lalu Nuh berseru kepada Tuhannya dan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku adalah dari keluargaku

dan sesungguhnya janji-Mu itu tetap benar dan Engkaulah Hakim yang paling adil di antara para hakim."(45)

Maksudnya: Wahai Tuhanku, anakku itu adalah dari keluargaku dan sebelum ini Engkau telah berjanji akan menyelamatkan keluargaku dan janji-Mu tetap benar dan Engkaulah Hakim yang paling adil dan segala keputusan-Mu adalah berlandaskan hikmat kebijaksanaan dan pentadbiran yang halus.

Demikianlah Nuh a.s. menagihkan janji Allah yang telah berjanji akan menyelamatkan keluarganya dan merayu agar Allah melaksanakan janji dan keputusan-Nya dengan hikmat kebijaksanaan-Nya.

Kemudian Nuh a.s. menerima jawapan dari Allah, yang menjelaskan hakikat yang telah dilupai beliau, iaitu hubungan "keluarga" di sisi Allah, juga dalam agama Allah dan neraca pertimbangan-Nya bukanlah hubungan kekerabatan darah, malah ialah hubungan kekerabatan 'aqidah. Berdasarkan hakikat ini, anak beliau yang terkorban di dalam banjir itu bukanlah seorang yang beriman dan kerana itu ia tidak termasuk di dalam golongan keluarganya, kerana beliau adalah seorang yang beriman. Demikianlah Nuh menerima jawapan dari Allah dalam satu pernyataan yang kuat, tegas dan mirip dengan pernyataan yang mengandungi kecaman, celaan dan ancaman:

قَالَ يَٰنُوحُ إِنَّهُۥ لَيۡسَ مِنۡ أَهۡلِكَۖ إِنَّهُۥ عَمَلٌ غَيۡرُ صَٰلِحٖۖ فَلَا تَسۡـَٔلۡنِ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۖ إِنِّيٓ أَعِظُكَ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلۡجَٰهِلِينَ ٤٦

"Allah menjawab: Wahai Nuh! Anakmu itu sebenarnya bukan dari keluargamu, dan perbuatan yang dilakukannya itu adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukannya. Oleh sebab itu janganlah engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang tidak diketahui engkau. Sesungguhnya Aku memberi nasihat kepada engkau supaya engkau tidak termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil."(46)

Itulah hakikat agung dalam agama ini, iaitu hakikat hubungan 'aqidah yang menjadi asas segala hubungan yang lain. Itulah tali hubungan yang mengikatkan individu Mu'min di antara satu sama lain. Itulah satu hubungan istimewa yang tidak dapat dilaksanakan oleh hubungan keturunan dan hubungan kekerabatan:

إِنَّهُۥ لَيۡسَ مِنۡ أَهۡلِكَۖ إِنَّهُۥ عَمَلٌ غَيۡرُ صَٰلِحٖۖ

"Anakmu itu sebenarnya bukan dari keluargamu, dan perbuatan yang dilakukannya itu adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukannya."(46)

Maksudnya, anakmu itu telah terputus hubungan denganmu dan engkau telah terputus hubungan dengan dia, kerana tali hubungan utama telah terputus dan oleh sebab itu tiada sebarang hubungan lagi yang wujud di antara engkau dan dia selepas itu.

Oleh kerana Nuh a.s. merayu kepada Allah dengan rayuan seorang yang menagih janji, yang pada hematnya belum lagi dipenuhi Allah, maka jawapan Allah kepadanya berbau celaan dan ancaman:

فَلَا تَسۡـَٔلۡنِ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۖ إِنِّيٓ أَعِظُكَ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلۡجَٰهِلِينَ ٤٦

"Oleh sebab itu janganlah engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang tidak diketahui engkau. Sesungguhnya Aku memberi nasihat kepada engkau supaya engkau tidak termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil."(46)

Maksudnya: Tujuan Aku memberi nasihat kepada engkau ialah kerana Aku bimbang engkau akan tergolong dalam golongan orang-orang yang tidak mengetahui hakikat hubungan yang sebenar atau hakikat janji Allah dan pengotaannya, sedangkan janji itu telah pun dikotakan Allah yang telah menyelamatkan keluargamu yang sebenar.

Sebagai seorang Mu'min yang peka, hati Nuh a.s. terus menggelentar sebaik sahaja, beliau menerima jawapan yang keras itu. Beliau benar-benar takut kiranya beliau melakukan kesilapan terhadap Allah, lalu beliau terus bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan dan rahmat-Nya:

قَالَ رَبِّ إِنِّيٓ أَعُوذُ بِكَ أَنۡ أَسۡـَٔلَكَ مَا لَيۡسَ لِي بِهِۦ عِلۡمٞۖ وَإِلَّا تَغۡفِرۡ لِي وَتَرۡحَمۡنِيٓ أَكُن مِّنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ٤٧

"Nuh berkata: Wahai Tuhanku! Aku berlindung kepadamu dari memohon kepada-Mu sesuatu yang tidak aku mengetahui hakikatnya, dan seandainya Engkau tidak memberi keampunan dan rahmat kasihan belas kepadaku sudah tentu aku termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(47)

Kemudian rahmat kasihan belas Allah telah menyelubungi Nuh a.s. Ia telah mententeramkan hati beliau dan memberkatinya bersama zuriat keturunannya yang soleh. Sementara saki-baki kaumnya yang lain telah ditimpa 'azab Allah yang amat pedih:

قِيلَ يَٰنُوحُ ٱهۡبِطۡ بِسَلَٰمٖ مِّنَّا وَبَرَكَٰتٍ عَلَيۡكَ وَعَلَىٰٓ أُمَمٖ مِّمَّن مَّعَكَۚ وَأُمَمٞ سَنُمَتِّعُهُمۡ ثُمَّ يَمَسُّهُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٞ ٤٨

"Lalu diseru: Wahai Nuh! Turunlah (di sini) dengan selamat sejahtera dari Kami dan dengan limpah keberkatan ke atasmu dan ke atas umat-umat yang lahir dari mereka yang turut bersamamu, dan umat-umat yang lain (yang tidak turut bersamamu) akan Kami kurniakan kesenangan dunia kepada mereka kemudian mereka akan ditimpakan 'azab yang amat pedih dari Kami."(48)

Itulah penghabisan perjalanan kisah Nuh a.s., di mana Allah telah mengurniakan kepada beliau ni'mat

keselamatan dari malapetaka banjir dan menyampaikan bisyarah kepada beliau dan kepada zuriatnya yang beriman serta menyampaikan berita 'azab seksa dan ancaman kepada mereka yang hanya ingin mencapai keni'matan duniawi sahaja dan kemudian mereka akan ditimpakan 'azab yang amat pedih. Itulah busyra dan berita 'azab seksa yang sama, yang telah diterangkan dalam muqaddimah surah ini dan selepas itu barulah dibentangkan kisah-kisah para rasul untuk menterjemahkan busyra dan berita 'azab seksa itu di dalam realiti yang dapat disaksikan dengan mata kepala.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 49)

Dan pada akhirnya tibalah ulasan yang berikut:

تِلْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْغَيْبِ نُوحِيهَآ إِلَيْكَ ۖ مَا كُنتَ تَعْلَمُهَآ أَنتَ وَلَا قَوْمُكَ مِن قَبْلِ هَٰذَا ۖ فَٱصْبِرْ ۖ إِنَّ ٱلْعَٰقِبَةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

"Itulah sebahagian dari berita-berita ghaib, yang Kami wahyukan kepada mu. Sedangkan engkau dan kaummu tidak pernah mengetahuinya sebelum ini. Oleh sebab itu bersabarlah, kerana sesungguhnya kesudahan yang baik itu disediakan untuk para Muttaqin."(49)

Ulasan itu menjelaskan objektif-objektif kisah-kisah Al-Qur'an di dalam surah ini iaitu:

Objektif Dari Kisah-kisah Al-Qur'an

- Ia menjelaskan hakikat wahyu yang ditolak kaum Musyrikin, kerana kisah-kisah Al-Qur'an merupakan peristiwa-peristiwa ghaib yang tidak pernah diketahui Nabi s.a.w. dan tidak pula diketahui kaumnya atau merupakan kisah-kisah lumrah di kalangan kaumnya, malah kisah-kisah itu merupakan kisah-kisah yang diwahyukan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar.

- Ia menjelaskan hakikat kesatuan 'aqidah dari sejak Nuh a.s. selaku bapa yang kedua manusia, iaitu ia merupakan satu 'aqidah yang sama, yang diungkapkan dengan pernyataan yang sama.

- Ia menjelaskan hakikat sangkalan dan tuduhan yang berulang-ulang kali dibangkitkan oleh golongan pendusta walaupun dibuktikan dengan mukjizat-mukjizat, contoh-contoh teladan dan keterangan-keterangan yang jelas, namun ia tidak dapat menghalangkan sesuatu generasi dari mengulangi pendustaan-pendustaan dan tuduhan-tuduhan itu walaupun telah terbukti kepalsuannya pada sesuatu generasi.

- Ia menjelaskan hakikat berlakunya busyra dan berita 'azab seksa di alam kenyataan persis seperti yang diterang dan diperingatkan Nabi s.a.w., kerana itu apa yang telah berlaku itu merupakan saksi dari sejarah.

- Ia menjelaskan hakikat Sunnatullah yang tidak pernah mungkir, tidak pernah memilih bulu dan tidak pernah menyimpang dari prinsip bahawa **"kesudahan yang baik itu adalah disediakan untuk para Muttaqin".** Merekalah golongan yang selamat dan wajar meneraju pemerintahan Allah di bumi.

- Ia menjelaskan hakikat hubungan yang sebenar yang mengikat satu sama lain di antara para individu dan generasi-generasi yang beriman. Itulah hubungan 'aqidah yang sama yang mengikatkan seluruh Mu'minin yang beriman kepada Uluhiyah dan Rububiyah Allah Yang Maha Esa. Seluruh mereka bertemu pada konsep keta'atan yang tidak berbelah bagi kepada Allah tanpa sebarang tandingan dan sekutu.

* * * * * *

Hakikat Banjir Raya Nuh Dan Sumber-sumber Rujukannya

Apakah banjir raya Nuh a.s. itu mengarami seluruh dunia atau hanya mengarami kawasan bumi di mana Nuh diutuskan selaku seorang rasul? Dan di manakah kawasan bumi itu? Dan di manakah perbatasan-perbatasannya di zaman purba dan di zaman moden? Semuanya merupakan pertanyaan-pertanyaan yang tidak dapat dijawab dengan tepat kecuali dengan berlandaskan agakan dan andaian yang tidak memberi apa-apa keyakinan dan kecuali dengan berpegang kepada dongeng-dongeng Israeliyat yang tidak berasaskan bukti dan dalil yang soleh, di samping ia tidak mempunyai apa-apa nilai dalam merealisasikan objektif-objektif kisah Al-Qur'an baik banyak atau sedikit.

Namun begitu, ia tidak menghalangkan kita dari mengatakan bahawa keterangan zahir ayat-ayat Al-Qur'an menyarankan bahawa kaum Nuh a.s. merupakan kelompok manusia di zaman itu dan kawasan yang didiami mereka ialah kawasan yang didiami manusia di zaman itu dan banjir yang berlaku itu telah mengarami seluruh kawasan itu dan menenggelamkan seluruh manusia yang mendiami kawasan itu kecuali penumpang-penumpang bahtera Nuh sahaja yang selamat.

Sekadar ini cukuplah untuk kita memahami peristiwa alam yang besar itu mengikut keterangan yang disampaikan Al-Qur'an kepada kita selaku satu-satunya sumber yang diyakini kebenarannya mengenai zaman purba yang amat lama itu, iaitu satu zaman yang tidak sedikit pun dimaklumi sejarah. Jika tidak, di manakah sejarah zaman itu? Sejarah merupakan anak yang baru lahir. Ia tidak merakamkan semua peristiwa-peristiwa manusia kecuali sedikit sahaja. Segala rekod dan rakaman sejarah adalah terdedah kepada salah dan betul,

benar dan bohong, ditolak dan diterima. Sejarah tidak seharusnya diminta fatwa di mana-mana waktu mengenai sesuatu peristiwa yang disampaikan kepada kita melalui Al-Qur'an yang diyakini kebenarannya. Perbuatan meminta fatwa dari sejarah mengenai peristiwa ini merupakan suatu perbuatan yang terbalik songsang yang tidak dapat diterima akal yang telah mantap dengan hakikat agama ini.

Dongeng-dongeng dan kenangan-kenangan kabur yang dirakamkan oleh berbagai bangsa adalah penuh dengan cerita-cerita yang menyebut kisah banjir yang melanda negeri-negeri itu di zaman purba yang majhul. Banjir itu berlaku akibat kejahatan dan maksiat yang dilakukan oleh generasi yang melihat peristiwa yang besar itu. Dongeng-dongeng Bani Isreal yang dirakamkan dalam kitab yang dinamakan sebagai "Perjanjian Lama" atau Old Testament juga mengandungi cerita banjir Nabi Nuh a. s., tetapi semua cerita ini tidak seharusnya disebut sebagai rujukan ketika memperkatakan cerita Al-Qur'an mengenai banjir tersebut, kerana keterangan Al-Qur'an yang diyakini kebenarannya itu tidak seharusnya dicampuradukkan dengan cerita-cerita kabur dan dongeng-dongeng yang tidak diketahui sumber dan sandarannya. Walaupun cerita-cerita banjir yang kabur di sisi bangsa-bangsa itu memberi erti bahawa peristiwa banjir telah berlaku di negeri mereka atau setidak-tidaknya kenangan-kenangan cerita banjir itu telah berpindah bersama zuriat mangsa-mangsa banjir yang terselamat apabila mereka berpindah selepas itu ke berbagai pelusuk bumi dan membangun semula negeri itu.

Kita harus ingat bahawa apa yang dinamakan "Kitab Suci" itu sama ada kitab "Perjanjian Lama" yang mengandungi kitab Taurat kaum Yahudi atau kitab "Perjanjian Baru" atau "New Testament" yang mengandungi kitab-kitab Injil kaum Kristian bukanlah kitab-kitab yang diturunkan dari Allah, kerana naskah asal kitab Taurat yang telah diturunkan Allah kepada Nabi Musa a.s. telah dibakar kaum Babylon semasa mereka menawan kaum Yahudi dan ia tidak ditulis semula melainkan sesudah berlalunya beberapa abad, iaitu kira-kira lima abad sebelum kelahiran Isa al-Masih a.s. ia ditulis semula oleh seorang yang bernama Ezra dan mungkin Ezra ini ialah Uzayr. Dialah yang mengumpul saki baki kitab Taurat dan seluruh kandungannya merupakan karangan manusia tulen. Begitu juga kitab-kitab Injil. Isi kandungannya merupakan apa yang diingat dan dihafal oleh hawari-hawari (disciples) Isa al-Masih a.s. dan murid-murid mereka dan ditulis kira-kira satu abad selepas kewafatan al-Masih a.s. Kemudian isi kandungannya bercampuraduk dengan berbagai-bagai cerita dan dongeng-dongeng. Oleh sebab itulah keterangan yang diyakini kebenaran tidak seharusnya dicari dari kitab-kitab suci itu mengenai persoalan apa sahaja.

Marilah kita berpindah dari isu sampingan ini kepada pengajaran yang disarankan oleh peristiwa alam yang besar ini. Sebenarnya peristiwa ini menyarankan berbagai-bagai pengajaran bukan hanya satu pengajaran sahaja. Kami akan cuba mengumpulkan sebahagian dari pengajaran itu di dalam lembaran-lembaran berikut sebelum berpindah dari kisah Nuh kepada kisah Hud.

Kaum Nuh a.s. adalah satu kaum yang kita telah melihat sejauh mana jahiliyah yang dihayati mereka, sejauh mana kedegilan mereka mempertahankan kepercayaan yang batil dan seterusnya sejauh mana mereka menolak da'wah Islamiyah yang dibawa Nuh a.s. kepada mereka. Dan intisari da'wah ini ialah menegakkan konsep tauhid yang tulen, iaitu tauhid yang menumpukan keta'atan dan Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa memberikan sifat Rububiyah kepada yang lain dari Allah.

Kaum Nuh a.s. merupakan zuriat keturunan dari Adam a.s., sedangkan Adam pula - mengikut kisahnya yang diketahui kita dari keterangan-keterangan Surah al-A'raf dan Surah al-Baqarah - telah turun ke bumi untuk melaksanakan khalifah di bumi Allah, iaitu satu tugas yang khusus yang dijadikan untuk Adam setelah ia dibekalkan dengan kelayakan-kelayakan dan bakat-bakat kebolehan yang wajar dan setelah diajarkan Allah bagaimana hendak bertaubat dari kesalahan yang dilakukannya, dan bagaimana Adam menerima panduan-panduan bertaubat dari Allah kemudian beliau terus bertaubat kepada-Nya, dan bagaimana Allah mengikat perjanjian dengan Adam, isteri dan anak cucunya supaya mereka mengikut hidayat Allah yang disampaikan kepadanya dan tidak mengikut syaitan yang menjadi musuh ketatnya dan anak cucunya hingga ke hari Qiamat.

Jahiliyah Merupakan Budaya Baru Manusia Yang Menyeleweng Dari Agama Allah

Di sini jelaslah bahawa Adam turun ke bumi dengan sikap menyerahkan diri kepada Allah dan dengan tekad mengikut hidayat Allah. Dan Adam tidak syak lagi telah mengajar agama Islam kepada anak cucunya generasi demi generasi dan Islam merupakan 'aqidah pertama yang diketahui manusia di muka bumi ini, di mana tiada 'aqidah yang lain yang wujud di sampingnya. Oleh sebab itu apabila kita melihat kaum Nuh a.s. dari zuriat Adam a.s. selepas dilalui generasi-generasi yang tidak diketahui bilangannya kecuali Allah telah terjerumus ke dalam jahiliyah sebagaimana diperikan kisahnya dalam surah ini, maka dapatlah kami berkata dengan penuh kepastian bahawa jahiliyah itu dengan segala kepercayaan paganismenya, dengan segala dongeng dan tahyulnya, dengan segala berhala, kefahaman-kefahaman dan tradisi-tradisinya merupakan suatu budaya baru manusia yang lahir sebagai hasil penyelewengan dari Islam dengan sebab pengaruh tipu daya syaitan yang menguasai manusia, juga dengan sebab wujudnya lubang-lubang kelemahan semulajadi di dalam jiwa manusia dan lubang-lubang inilah yang menjadi pintu masuk musuh Allah dan musuh manusia apabila mereka tidak berpegang teguh kepada hidayat Allah, sedangkan tugas mereka ialah mengikut hidayat Allah Yang Maha Esa sahaja

dan tidak mengikut yang lain darinya sama ada dalam perkara-perkara besar atau kecil.

Allah telah menciptakan makhluk manusia dan mengurniakan kepadanya kuasa membuat pilihan dan kuasa inilah yang menjadi landasan ujian Allah terhadap manusia dan dengan kuasa inilah seseorang manusia berupaya berpegang teguh kepada hidayat Allah Yang Maha Esa hingga membuat musuhnya (syaitan) tidak mampu menguasainya. Sebaliknya dengan kuasa ini juga seorang manusia berupaya untuk menyeleweng dari hidayat Allah kepada pengajaran-pengajaran yang lain darinya, dan di sini syaitan akan bertindak melakukan putar belitnya hingga berjaya menjatuhkannya - setelah melalui beberapa pusingan - ke dalam kancah jahiliyah yang karut itu, sebagaimana terjerumusnya zuriat, keturunan Adam yang Muslim (kaum Nuh) setelah dilalui generasi-generasi yang tidak diketahui bilangannya melainkan Allah.

Agama Tauhid Yang Diperjuangkan Islam Bukan Hasil Kemuncak Evolusi Kepercayaan-kepercayaan Agama Yang Dikenali Manusia

Hakikat ini, iaitu hakikat bahawa 'aqidah pertama yang dikenali di muka bumi ini ialah 'aqidah Islam, iaitu yang ditegakkan di atas prinsip mentauhidkan keta'atan, Rububiyah dan Qiwamah kepada Allah Yang Maha Esa akan membawa kita ke arah menolak segala pendapat karut yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji yang menamakan diri mereka sebagai ilmiawan-ilmiawan kajian perbandingan agama dan lain-lainnya dari para ilmiawan evolusionis yang memperkatakan tentang agama tauhid sebagai hasil perkembangan atau evolusi terakhir dari perkembangan-perkembangan kepercayaan manusia. Menurut mereka, agama tauhid merupakan satu tahap perkembangan yang didahului oleh berbagai-bagai perkembangan kepercayaan agama, iaitu perkembangan agama yang mempercayai banyak tuhan, perkembangan agama yang mempercayai dua Tuhan, kepercayaan agama yang mempertuhankan kuasa-kuasa alam, kepercayaan agama yang mempertuhankan roh, kepercayaan agama yang mempertuhankan matahari dan sebagainya dari kajian-kajian karut yang sejak dari awal lagi dilandaskan di atas satu metodologi terpimpin yang dipengaruhi faktor sejarah, faktor-faktor psikologi dan faktor-faktor politik tertentu yang bertujuan untuk menghancurkan asal agama-agama samawi, wahyu dan risalah-risalah dari Allah, dan seterusnya untuk membuktikan bahawa agama-agama samawi itu adalah dari hasil ciptaan manusia dan justeru itulah ia berkembang mengikut perkembangan pemikiran manusia di sepanjang peredaran zaman.

Setengah-setengah penulis yang menulis tentang Islam dengan tujuan untuk membela Islam telah tergelincir apabila mereka menyokong teori-teori yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sejarah agama mengikut metodologi terpimpin itu tanpa kesedaran mereka. Walaupun mereka berjuang mempertahankan Islam dengan penuh ghairah dan semangat, namun dengan sokongan itu bererti mereka menghancurkan lunas 'aqidah Islam yang diterangkan oleh al-Qur'anul-Karim dengan jelas dan tegas bahawa Adam a.s. turun ke bumi membawa 'aqidah Islam dan bahawa Nuh a.s. telah menghadapi zuriat keturunan Adam yang telah dipesongkan syaitan dari 'aqidah Islam kepada 'aqidah jahiliyah dan paganisme dengan menyebar 'aqidah Islam itu sendiri yang ditegakkan di atas prinsip tauhid yang mutlak. Kemudian pusingan penyelewengan itu telah berlaku pula selepas Nuh a.s., di mana manusia keluar dari 'aqidah Islam kepada 'aqidah jahiliyah. Dan seluruh rasul yang diutuskan Allah selepas itu adalah membawa 'aqidah Islam, yang dimantapkan di atas prinsip tauhid yang mutlak. Perkembangan tidak pernah berlaku di dalam 'aqidah samawi di bidang lunas 'aqidah itu sendiri, malah perkembangan-perkembangan, peningkatan, penyusunan dan peluasan hanya berlaku di bidang syari'at sahaja atau di bidang undang-undang dan peraturan yang menemani 'aqidah yang sama itu. Wujudnya perkembangan di dalam kepercayaan-kepercayaan jahiliyah tidak menunjukkan bahawa penganut-penganut jahiliyah telah berubah kepada kepercayaan tauhid berlandaskan perkembangan yang telah berlaku pada lunas 'aqidah itu, malah perkembangan itu menunjukkan bahawa 'aqidah tauhid yang diperjuangkan oleh setiap rasul itu telah meninggalkan keladak-keladak atau kesan-kesan tauhid pada generasi-generasi kemudian walaupun selepas penyelewengan generasi-generasi itu dan keladak-keladak tauhid inilah yang telah meningkatkan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah itu sendiri hingga kepercayaan-kepercayaan itu menjadi lebih hampir kepada lunas tauhid Rabbani.

'Aqidah tauhid dari segi lunasnya merupakan 'aqidah yang lebih tua di dalam sejarah dari seluruh 'aqidah jahiliyah. Ia didapati sedemikian rupa dalam bentuknya yang sempurna sejak ia diwujudkan di alam kenyataan, kerana ia bukan hasil dari pemikiran manusia dan dari maklumat-maklumat mereka yang berkembang maju, malah ia datang dari Allah S.W.T. Ia sentiasa benar dan sempurna sejak detik pertama ia diwujudkan.

Inilah yang dijelaskan oleh Al-Qur'anul-Karim dan di atas landasannya dimantapkan wawasan dan kefahaman Islam. Oleh sebab itu jelaslah bahawa seorang pengkaji Muslim terutama apabila ia berjuang membela agama Allah tidak mempunyai ruang lagi untuk beralih dari hakikat yang diterangkan Al-Qur'anul-Karim dengan jelas dan tegas itu kepada mana-mana pendapat karut yang dihasilkan oleh teori-teori ilmu kajian perbandingan agama-agama, kerana teori-teori ini adalah lahir dari metodologi terpimpin sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

Walaupun kami di sini - dalam tafsir fi Zilal - tidak bermaksud mendedahkan kesalahan-kesalahan dan tempat-tempat gelincir di dalam penulisan-penulisan yang memperkatakan tentang Islam, kerana ruang untuk membincangkannya memerlukan satu kajian lain yang berasingan,[3] namun kami kemukakan satu contoh untuk membandingkannya dengan metodologi dan penjelasan Al-Qur'an dalam isu ini.

Al-'Aqqad Terperangkap Dalam Teori Evolusi Kepercayaan-kepercayaan Agama

Al-Ustaz al-'Aqqad telah menulis begini dalam bukunya "Allah" dalam bab "Asal-usul 'aqidah":

"Manusia berkembang maju di dalam bidang 'aqidah sama seperti mereka berkembang maju di dalam bidang ilmu pengetahuan dan industri-industri.

"'Aqidah manusia yang pertama adalah sama dengan keadaan hidup mereka yang pertama, begitu juga ilmu pengetahuan dan industri mereka yang pertama tidaklah lebih maju dari agama dan bentuk-bentuk ibadat mereka yang pertama. Unsur-unsur hakikat yang wujud pada suatu hakikat tidaklah lebih sempurna dari unsur-unsur hakikat yang wujud pada hakikat yang lain.

"Percubaan-percubaan manusia di bidang agama sudah tentu lebih sukar dan lebih panjang masanya dari percubaan-percubaan mereka di bidang ilmu pengetahuan dan industri-industri.

"Kerana hakikat alam buana yang besar lebih sukar difahami dan lebih panjang jalannya dari hakikat berbagai benda yang kadang-kadang ditangani ilmu pengetahuan dan kadang-kadang ditangani industri.

"Dahulu manusia jahil tentang matahari yang terang benderang itu, sedangkan matahari merupakan sesuatu yang paling jelas dilihat mata, paling mudah dirasakan badan. Dan sehingga ke zaman yang dekat ini masih ada mereka yang berkata bahawa matahari berputar di sekeliling bumi. Mereka mentafsirkan pergerakan-pergerakan matahari dan gejala-gejalanya sama seperti mereka mentafsirkan teka-teki dan mimpi-mimpi, tetapi tiada seorang pun yang terlintas di hatinya untuk mengingkarkan kewujudan matahari, kerana akal manusia berada di dalam gelap-gelita tentang matahari dan mungkin sehingga sekarang ia masih berada dalam gelap-gelita.

"Usaha merujukkan kepada asal-usul agama-agama di zaman-zaman jahiliyah yang pertama tidaklah menunjukkan bahawa amalan beragama merupakan sesuatu yang karut dan tidak pula menunjukkan bahawa agama mencari sesuatu yang mustahil. Malah ia menunjukkan bahawa hakikat agung (hakikat Uluhiyah) adalah terlalu besar untuk dapat difahami manusia dengan sempurna dan syumul dalam satu zaman sahaja. Ia menunjukkan bahawa manusia mempunyai kesediaan untuk memahami hakikat yang besar itu dari satu zaman ke satu zaman, dari satu peringkat perkembangan kepada satu peringkat perkembangan, dari satu uslub kepada satu uslub sama dengan kesediaan mereka untuk memahami hakikat-hakikat yang kecil, malah kesediaan dalam bentuk yang lebih sukar dan aneh dari kesediaan mereka untuk mengetahui hakikat-hakikat ini yang dapat ditanggap akal, hati dan pancaindera.

"Ilmu kajian perbandingan agama-agama telah mendedahkan berbagai-bagai kepercayaan sesat dan berbagai-bagai dongeng yang diimani oleh angkatan manusia yang pertama, dan saki-baki kepercayaan dan dongeng-dongeng itu masih lumrah di kalangan suku-suku kaum yang primitif atau di kalangan umat-umat tua yang bertamadun. Memang tidak pernah diduga bahawa kajian perbandingan-perbandingan agama itu akan mendedahkan hakikat-hakikat yang lain dari hakikat yang telah didedahkan itu atau akan menunjukkan bahawa agama-agama purba yang pertama tidak berada di dalam kesesatan dan kejahilan yang ada padanya. Inilah satu-satunya natijah yang rasional dan tiada natijah yang lain yang dapat diharapkan akal. Di dalam natijah ini tiada sesuatu yang baru yang dipandang aneh oleh para ilmiawan atau sesuatu yang dapat dijadikan mereka sebagai landasan baru untuk menilaikan hakikat agama, kerana mana-mana ilmiawan yang berfikir untuk mengkaji agama-agama primitif dengan tujuan membuktikan bahawa angkatan manusia yang pertama telah mengenal hakikat alam buana yang sempurna dan bersih dari kepercayaan-kepercayaan karut dan bodoh adalah bererti mencari sesuatu yang mustahil."

Begitu juga beliau telah menulis dalam bab "Peringkat-peringkat Perkembangan 'aqidah Ketuhanan" dari buku yang sama seperti berikut:

"Para ilmiawan kajian perbandingan agama-agama telah memperkenalkan tiga peringkat perkembangan umum yang telah dilalui umat-umat primitif dalam kepercayaan mereka kepada tuhan-tuhan:

Peringkat polytheisme, iaitu peringkat kepercayaan kepada banyak tuhan.

Peringkat henotheisme iaitu peringkat penonjolan satu Tuhan ke atas tuhan-tuhan yang lain.

Peringkat monotheisme iaitu peringkat kepercayaan kepada satu Tuhan.

"Dalam peringkat polytheism (kepercayaan kepada banyak tuhan), suku-suku kaum di zaman purba menyembah puluhan, malah kadang-kadang ratusan tuhan. Di peringkat ini hampir setiap keluarga besar masing-masing mempunyai satu tuhan yang di sembah mereka atau mempunyai azimat pelindung untuk mengganti kehadiran tuhan dan menerima, sembahyang dan korban-korban.

---

[3] *Kajian yang berjudul "تصويبات في الفكر الديني المعاصر" oleh pengarang akan diterbitkan dengan pertolongan Allah*

"Dalam peringkat henotheisme, tuhan-tuhan masih kekal dengan jumlahnya yang ramai, tetapi salah satu dari tuhan-tuhan itu menonjolkan dirinya di atas tuhan-tuhan yang lain. Ini berlaku dengan sebab tuhan yang menonjol itu merupakan tuhan kepada suku kaum yang terbesar, yang menjadi ketua yang dita'ati oleh suku-suku kaum yang lain atau menjadi tempat pergantungan suku-suku yang lain dalam urusan pertahanan dan kehidupan mereka atau kerana tuhan itu dapat memenuhi keperluan-keperluan para hambanya yang lebih besar dan lebih mustahak dari keperluan-keperluan yang lain, yang dipenuhi oleh berbagai-bagai tuhan yang lain seperti tuhan hujan yang amat diperlukan di negeri itu atau tuhan ribut badai dan angin yang merupakan tempat harapan dan kebimbangan yang mengatasi harapan dan kebimbangan pada tuhan-tuhan yang lain yang mengendahkan unsur-unsur alam yang lain.

"Di dalam peringkat yang ketiga (monotheisme), umat itu berusaha ke arah bersatu padu. Mereka sepakat melakukan satu bentuk ibadat yang menyatukan hubungan di antara mereka di samping wujudnya tuhan-tuhan di setiap negeri masing-masing. Di peringkat inilah umat itu memaksa cara ibadatnya ke atas umat-umat yang lain sebagaimana ia memaksa kedaulatan rajanya ke atas mereka, dan di peringkat ini juga tuhan-tuhan umat yang kalah itu bersetuju tunduk kepada tuhan umat (yang kuat) itu di samping mengekalkan kedudukannya dan penyembahan terhadapnya persis seperti kekalnya kedudukan pengikut terhadap yang diikut dan kedudukan para juruiring terhadap raja yang dita'ati mereka.

"Dan umat itu tidak sampai ke peringkat kepercayaan kepada satu tuhan atau monotheisme yang tidak sempurna ini melainkan selepas melalui petingkat-peringkat perkembangan tamadun, di mana tersebarnya ilmu pengetahuan dan di mana akal manusia tidak lagi dapat menerima kepercayaan-kepercayaan tahyul yang diterima oleh akal manusia jakun dan suku-suku kaum yang berada di dalam jahiliyah. Di peringkat inilah mereka sifatkan Allah dengan sifat-sifat yang lebih hampir kepada kesempurnaan dan kesucian dari sifat-sifat tuhan-tuhan yang banyak itu di dalam peringkat-peringkat perkembangan yang silam. Dan di peringkat ini juga kegiatan ibadat disertakan dengan kegiatan berfikir dan meneliti rahsia-rahsia alam buana dan hubungannya dengan iradat Allah dan hikmat kebijaksanaan-Nya yang tinggi. Seringkali terjadi tuhan agung umat-umat itu membolot kuasa Rububiyah yang sebenar sementara tuhan-tuhan yang lain turun ke martabat malaikat-malaikat atau menjadi tuhan-tuhan yang terusir dari langit..." hingga akhir.

Di sini jelaslah sama ada penerangan-penerangan ini dari fikiran penulis buku ini sendiri atau dari fikiran-fikiran yang dinukil dan disaringkannya dari fikiran-fikiran para ilmiawan kajian perbandingan agama bahawa manusia sendiri yang menciptakan 'aqidah-'aqidah mereka dan kerana itulah wujudnya peringkat-peringkat perkembangan akal fikiran dan ilmu pengetahuan mereka dan wujudnya peringkat-peringkat perkembangan tamadun dan politik mereka. Perkembangan kepercayaan dari peringkat polytheisme kepada peringkat monotheisme pada umumnya merupakan satu perkembangan zaman yang teratur.

Dan ini dapat difaham dengan jelas dari pernyataan pertama penulis dalam kata pengantarnya ketika memperkenalkan buku tersebut: "Pokok pembicaraan buku ini ialah asal-usul pertumbuhan 'aqidah ketuhanan sejak manusia menyembah tuhan hingga mereka menemui Allah Yang Maha Esa dan mengetahui konsep tauhid yang bersih."

Satu hakikat yang tidak diragui ialah Allah S.W.T. telah menerangkan dengan jelas dan tegas dalam kitab suci-Nya Al-Qur'anul-Karim satu hakikat yang berlainan dari penerangan-penerangan yang dijelaskan oleh pengarang buku "Allah" yang terpengaruh kepada metodologi kajian para ilmiawan perbandingan agama-agama. Allah telah menjelaskan bahawa Adam a.s. merupakan manusia yang telah mengenal hakikat tauhid yang sempurna dan mengenal kesucian konsep tauhid yang tidak bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan karut polytheisme dan kepercayaan dua tuhan. Dia telah mengenal konsep keta'atan yang tidak berbelah bagi kepada Allah Yang Maha Esa, dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diterima dari Allah sahaja dan Adam telah mengajar 'aqidah ini kepada anak cucunya dan kerana itulah di sana terdapat generasi-generasi manusia yang tertua di dalam sejarah manusia yang tidak mengenal agama yang lain dari agama Islam dan tidak mengetahui 'aqidah yang lain dari 'aqidah tauhid, dan apabila generasi-generasi dari zuriat Adam yang bersilih ganti itu telah dilalui zaman yang amat lama, mereka telah menyeleweng dari 'aqidah tauhid kepada 'aqidah dua tuhan atau 'aqidah banyak tuhan; mereka tunduk dan menyembah berbagai-bagai tuhan yang palsu sehingga datang Nabi Nuh a.s. membawa semula 'aqidah tauhid dan seluruh kaum Nuh yang berpegang teguh dengan kepercayaan jahiliyah telah ditenggelamkan dalam banjir raya dan tiada yang selamat kecuali penganut-penganut Islam yang berpegang dengan 'aqidah tauhid dan mengenal kesucian 'aqidah itu di samping menolak segala bentuk kepercayaan polytheisme, kepercayaan dualisme dan seluruh tuhan-tuhan yang lain dan menolak ibadat jahiliyah. Kami berkata dengan penuh kepastian bahawa generasi-generasi dari zuriat keturunan kaum Nuh yang terselamat dari banjir raya itu telah hidup dengan agama Islam yang ditegakkan di atas konsep tauhid yang mutlak sebelum mereka dilalui zaman yang amat lama, di mana mereka menyeleweng kembali dari 'aqidah tauhid itu. Demikianlah keadaan yang telah berlaku kepada setiap rasul:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيٓ إِلَيۡهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدُونِ ٢٥

"Dan Kami tidak utuskan mana-mana rasul sebelum engkau melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa tiada Tuhan selain Aku. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada Aku"

(Surah al-Anbiya': 25)

Tidak syak lagi bahawa apa yang dijelaskan Al-Qur'an itu merupakan satu penjelasan dan apa yang dijelaskan oleh ilmiawan kajian perbandingan agama-agama yang disokong, oleh pengarang buku "Allah" merupakan satu penjelasan yang berlainan sama sekali, dan di antara keduanya terdapat pertentangan yang total dari segi metodologi berfikir dan membuat kesimpulan. Sebenarnya fikiran-fikiran para pengkaji sejarah agama-agama itu tidak lebih dari teori-teori yang bertentangan satu sama lain dan bukannya merupakan keputusan akhir atau kata pemutus walaupun dalam kajian-kajian mengenai manusia yang fana.

Tidak syak lagi apabila Allah S.W.T. menerangkan sesuatu persoalan dalam kitab suci-Nya yang mulia dengan penerangan yang jelas dan tegas kemudian datang pula orang lain membuat penerangan yang sama sekali berlainan dari penerangan Allah, maka penerangan dari Allah itulah yang lebih utama diikuti terutama oleh mereka yang mahu membela Islam dan menulis dengan tujuan untuk menolak kekeliruan dan salah faham terhadap agama Islam dan terhadap asal-usul agama umumnya, kerana berkhidmat kepada Islam bukan dengan merobohkan asas i'tiqadnya, iaitu Islam adalah wahyu dari Allah bukannya agama yang direka dan diada-adakan manusia sendiri, dan kedatangan Islam telah membawa kepercayaan tauhid sejak zaman antah-berantah yang amat lama dan Islam tidak pernah membawa kepercayaan yang lain dari tauhid dalam mana-mana period sejarah dan dalam mana-mana risalah. Begitu juga berkhidmat kepada Islam bukan dengan bertindak meninggalkan penjelasan-penjelasan Islam dan mengambil penjelasan-penjelasan para ilmiawan kajian perbandingan agama-agama terutama setelah diketahui bahawa para ilmiawan itu melakukan kajian-kajian mereka mengikut metodologi terpimpin yang bertujuan untuk menghancurkan tapak asas agama Allah seluruhnya, iaitu agama Islam adalah wahyu dari Allah dan bukannya dari ilham pemikiran manusia yang melalui proses evolusi, dan kelahiran Islam bukanlah bergantung kepada kemajuan akal fikiran manusia dalam bidang ilmu pengetahuan kebendaan dan pengalaman-pengalaman eksperimental.

Semoga keterangan ringkas ini - yang tidak dapat kami jelaskan secara terperinci dalam tafsir Fi Zilal ini - dapat mendedahkan kepada kita betapa bahayanya kita menerima kefahaman-kefahaman Islamiyah kita - di dalam, mana-mana aspek sekalipun - dari sumber bukan Islam, juga mendedahkan kepada kita betapa jauhnya meresap metodologi-metodologi fikiran Barat dan hasil kajian-kajiannya ke dalam minda orang-orang Islam yang menghayati metodologi-metodologi dan kajian-kajian itu serta menggunakannya sebagai sumber pemikiran mereka walaupun dengan tujuan untuk menolak tohmahan dan pembohongan terhadap Islam dari musuh-musuh Islam.

إِنَّ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ يَهۡدِي لِلَّتِي هِيَ أَقۡوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini membimbing ke jalan yang amat lurus."

(Surah al-Isra': 9)

* * * * * *

Marilah kita berhenti sekali lagi mengikuti kisah Nuh a.s. dengan anaknya yang bukan dari keluarganya. Marilah kita berhenti pada batu tanda yang amat jelas di dalam tabi'at 'aqidah Islam dan program pergerakannya. Marilah kita berhenti di satu persimpangan jalan yang mendedahkan segala pesimpangan jalan yang lain.

وَأُوحِيَ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُۥ لَن يُؤۡمِنَ مِن قَوۡمِكَ إِلَّا مَن قَدۡ ءَامَنَ فَلَا تَبۡتَئِسۡ بِمَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ٣٦ وَٱصۡنَعِ ٱلۡفُلۡكَ بِأَعۡيُنِنَا وَوَحۡيِنَا وَلَا تُخَٰطِبۡنِي فِي ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ إِنَّهُم مُّغۡرَقُونَ ٣٧

"Lalu diwahyukan kepada Nuh bahawa tiada siapa lagi dari kaummu yang akan beriman selain dari mereka yang telah beriman itu sahaja. Oleh sebab itu janganlah engkau bersedih terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka(36). Dan buatlah bahtera itu di bawah pengawasan penglihatan dan arahan wahyu Kami dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, kerana mereka tetap akan ditenggelamkan."(37)

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَمۡرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ قُلۡنَا ٱحۡمِلۡ فِيهَا مِن كُلّٖ زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِ وَأَهۡلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيۡهِ ٱلۡقَوۡلُ وَمَنۡ ءَامَنَۚ وَمَآ ءَامَنَ مَعَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلٞ ٤٠

"Sehingga apabila tiba perintah Kami dan permukaan bumi telah memancutkan air, Kami berfirman (kepada Nuh): Muatkanlah ke dalam bahtera itu sepasang jantan dan betina dari setiap jenis binatang serta keluargamu kecuali orang yang dahulunya telah ditetapkan keputusan Allah terhadapnya dan muatkan semua orang-orang yang beriman, dan tiada yang beriman bersama Nuh kecuali hanya segelintir manusia sahaja."(40)

وَهِيَ تَجۡرِي بِهِمۡ فِي مَوۡجٖ كَٱلۡجِبَالِ وَنَادَىٰ نُوحٌ ٱبۡنَهُۥ وَكَانَ فِي مَعۡزِلٖ يَٰبُنَيَّ ٱرۡكَب مَّعَنَا وَلَا تَكُن مَّعَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٤٢

قَالَ سَـَٔاوِىٓ إِلَىٰ جَبَلٍ يَعْصِمُنِى مِنَ ٱلْمَآءِ ۚ قَالَ لَا عَاصِمَ ٱلْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ إِلَّا مَن رَّحِمَ ۚ وَحَالَ بَيْنَهُمَا ٱلْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ ٱلْمُغْرَقِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan bahtera itu belayar membawa mereka di dalam arus gelombang (yang meninggi) laksana gunung-ganang. Lalu Nuh menyeru anaknya yang berada di suatu tempat yang terpencil: Wahai anakku! Naiklah (bahtera ini) bersama kami dan janganlah engkau berada bersama orang-orang yang kafir(42). Jawab anaknya: Saya akan berlindung di atas sebuah gunung yang akan melindungku dari air. Lantas Nuh berkata: Pada hari ini tiada yang berkuasa melindungkan seseorang dari 'azab Allah kecuali mereka yang telah dirahmati-Nya. Dan tiba-tiba gelombang menghalangkan di antara keduanya, dan lantas dia (si anak) tenggelam bersama mereka yang ditenggelamkan.(43)

Asas Hubungan Kekeluargaan Dalam Islam

وَنَادَىٰ نُوحٌ رَّبَّهُۥ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ٱبْنِى مِنْ أَهْلِى وَإِنَّ وَعْدَكَ ٱلْحَقُّ وَأَنتَ أَحْكَمُ ٱلْحَـٰكِمِينَ ﴿٤٥﴾

قَالَ يَـٰنُوحُ إِنَّهُۥ لَيْسَ مِنْ أَهْلِكَ ۖ إِنَّهُۥ عَمَلٌ غَيْرُ صَـٰلِحٍ ۖ فَلَا تَسْـَٔلْنِ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ ۖ إِنِّىٓ أَعِظُكَ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلْجَـٰهِلِينَ ﴿٤٦﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّىٓ أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْـَٔلَكَ مَا لَيْسَ لِى بِهِۦ عِلْمٌ ۖ وَإِلَّا تَغْفِرْ لِى وَتَرْحَمْنِىٓ أَكُن مِّنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ ﴿٤٧﴾

"Lalu Nuh berseru kepada Tuhannya dan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku adalah dari keluargaku dan sesungguhnya janji-Mu itu tetap benar dan Engkaulah Hakim yang paling adil di antara para hakim(45). Allah menjawab: Wahai Nuh! Anakmu sebenarnya bukan dari keluargamu dan perbuatan yang dilakukannya itu adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukannya. Oleh sebab itu janganlah engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang tidak diketahui engkau. Sesungguhnya Aku memberi nasihat kepada engkau supaya engkau tidak termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil(46). Nuh berkata: Wahai Tuhanku! Aku berlindung kepada-Mu dari memohon kepada-Mu sesuatu yang tidak aku mengetahui hakikatnya dan seandainya Engkau tidak memberi keampunan dan rahmat kasihan belas kepadaku sudah tentu aku termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(47)

Sebenarnya hubungan yang mengikat manusia di dalam Islam adalah satu hubungan yang unik dan menjadi ciri yang membezakan agama ini. Ia berkait rapat dengan ufuk-ufuk, jarak-jarak zaman, dimensi-dimensi dan matlamat-matlamat sistem hidup Rabbani yang luhur.

Hubungan ini bukannya hubungan darah dan keturunan, bukannya hubungan bumi dan tanahair, bukannya hubungan kaum dan keluarga, bukannya hubungan warna dan bahasa, bukannya hubungan bangsa dan etnik dan bukannya hubungan kerjaya dan golongan-golongan, kerana seluruh hubungan ini mungkin wujud, tetapi kemudian ia mungkin terputus di antara satu individu dengan individu sebagaimana Allah telah berfirman kepada hamba-Nya Nuh a.s. ketika beliau berkata: **"Sesungguhnya anakku adalah dari keluargaku...... "Wahai Nuh, anakmu sebenarnya bukan dari keluargamu".** Kemudian Allah menjelaskan mengapa anaknya bukan dari keluarganya kerana: "Perbuatan yang dilakukannya itu adalah satu perbuatan yang tidak wajar dilakukannya." Dan hubungan keimanan telah terputus di antara kamu berdua wahai Nuh. "Dan oleh sebab itu janganlah engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang tidak diketahuimu." Engkau mengira anakmu itu dari keluargamu, tetapi kiraan itu sebenarnya salah, kerana hakikat sebenar yang diyakini ialah dia bukan dari keluargamu walaupun dia anak dari sulbimu!

Inilah batu tanda yang amat terang di persimpangan jalan yang memisahkan di antara pandangan Islam terhadap hubungan-hubungan manusia dengan pandangan jahiliyah terhadap titik perbezaan hubungan di antara manusia. Jahiliyah kadang-kadang menganggapkan hubungan itu ialah hubungan darah dan keturunan, kadang-kadang menganggapkan hubungan itu ialah hubungan bumi dan tanahair, kadang-kadang hubungan kaum dan keluarga, kadang-kadang hubungan warna dan bahasa, kadang-kadang hubungan bangsa dan etnik, kadang-kadang hubungan kerjaya dan golongan, kadang-kadang hubungan kepentingan bersama, kadang-kadang hubungan sejarah bersama atau hubungan destinasi bersama, dan seluruh hubungan itu merupakan pandangan-pandangan dan wawasan jahiliyah yang bertentangan secara semulajadi yang amat mendalam dengan prinsip pandangan dan kefahaman Islam.

Sistem hidup Rabbani yang amat lurus sebagaimana yang digambarkan di dalam Al-Qur'an yang membimbing manusia ke jalan yang amat lurus, juga digambarkan di dalam bimbingan dan arahan Rasulullah s.a.w., yang juga diambil dari Al-Qur'an dan selaras dengan Al-Qur'an telah mentarbiyahkan umat Muslimin mengikut prinsip yang agung ini dan mengikut batu tanda yang amat terang di persimpangan jalan itu.

Contoh-contoh yang dikemukakan di dalam surah ini mengenai contoh Nuh dengan anaknya, iaitu contoh hubungan di antara bapa dan anak, maka contoh yang seumpama itu telah dikemukakan bagi menggambarkan berbagai-bagai bentuk hubungan jahiliyah yang lain untuk menjelaskan di sebaliknya

satu hubungan yang tunggal yang diambil kira di sisi Allah.

• Allah telah mengemukakan satu lagi contoh hubungan di antara Ibrahim a.s. dengan bapanya dan kaumnya:

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ إِبْرَٰهِيمَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقًا نَّبِيًّا ﴿٤١﴾ إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِى عَنكَ شَيْـًٔا ﴿٤٢﴾ يَٰٓأَبَتِ إِنِّى قَدْ جَآءَنِى مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَٱتَّبِعْنِىٓ أَهْدِكَ صِرَٰطًا سَوِيًّا ﴿٤٣﴾ يَٰٓأَبَتِ لَا تَعْبُدِ ٱلشَّيْطَٰنَ ۖ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ كَانَ لِلرَّحْمَٰنِ عَصِيًّا ﴿٤٤﴾ يَٰٓأَبَتِ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَٰنِ وَلِيًّا ﴿٤٥﴾ قَالَ أَرَاغِبٌ أَنتَ عَنْ ءَالِهَتِى يَٰٓإِبْرَٰهِيمُ ۖ لَئِن لَّمْ تَنتَهِ لَأَرْجُمَنَّكَ ۖ وَٱهْجُرْنِى مَلِيًّا ﴿٤٦﴾ قَالَ سَلَٰمٌ عَلَيْكَ ۖ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّىٓ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ بِى حَفِيًّا ﴿٤٧﴾ وَأَعْتَزِلُكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَأَدْعُوا۟ رَبِّى عَسَىٰٓ أَلَّآ أَكُونَ بِدُعَآءِ رَبِّى شَقِيًّا ﴿٤٨﴾ فَلَمَّا ٱعْتَزَلَهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا نَبِيًّا ﴿٤٩﴾ وَوَهَبْنَا لَهُم مِّن رَّحْمَتِنَا وَجَعَلْنَا لَهُمْ لِسَانَ صِدْقٍ عَلِيًّا ﴿٥٠﴾

"Dan sebutkanlah cerita Ibrahim di dalam kitab al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang nabi(41). Ketika dia berkata kepada bapanya: Wahai ayahandaku! Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak dapat mendengar dan tidak pula dapat melihat dan tidak juga dapat memberi sesuatu pertolongan kepada ayahanda?(42). Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda telah didatangi ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada ayahanda. Oleh itu ikutlah anakanda nescaya anakanda dapat menunjukkan kepada ayahanda satu jalan yang lurus(43). Wahai ayahandaku! Janganlah ayahanda menyembah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah penderhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang(44). Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda takut ayahanda akan ditimpakan 'azab dari Allah Yang Maha Penyayang dan menyebabkan ayahanda akan menjadi kawan setia syaitan(45). Jawab (bapa Ibrahim): Wahai Ibrahim! Apakah engkau bencikan tuhan-tuhanku? Jika engkau tidak berhenti (dari berda'wah) nescaya aku akan rejamkan engkau dan tinggalkanlah aku sepanjang waktu(46). Ujar Ibrahim! Selamat sejahtera ke atas ayahanda! Dan anakanda akan memohon kepada Tuhan anakanda supaya mengampunkan ayahanda, sesungguhnya Dia amat mengambil berat terhadap anakanda(47). Dan anakanda akan menjauhkan diri dari ayahanda dan dari sembahan-sembahan yang disembah ayahanda selain dari Allah dan anakanda akan berdo'a kepada Tuhan anakanda semoga anakanda tidak akan kecewa dengan berdo'a kepada Tuhan anakanda(48). Dan setelah Ibrahim menjauhkan diri mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembahkan mereka selain Allah, maka Kami telah menganugerahkan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan Kami telah angkat kedua-duanya menjadi nabi(49). Dan Kami telah kurniakan kepada mereka sebahagian dari rahmat Kami dan Kami telah jadikan mereka mempunyai kemasyhuran bercakap benar yang tinggi."(50)

(Surah Maryam)

• Allah telah mengemukakan contoh hubungan di antara Ibrahim dan zuriat keturunannya sebagaimana yang telah diajarkan Allah S.W.T. kepadanya ketika Allah mengurniakan perjanjian kepada beliau dan menyampaikan berita gembira bahawa nama beliau akan kekal di sebut manusia dan jawatan kerasulan akan dilanjutnya dalam keturunannya:

وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَٰتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah-perintah-Nya lalu disempurnakan-Nya. Allah berfirman: (Wahai Ibrahim) sesungguhnya Aku lantikkan engkau menjadi pemimpin umat manusia. (Ibrahim memohon: Ya Tuhanku)! Lantikkan juga zuriat keturunanku jawab Allah: Janji-Ku ini tidak mencakupi orang-orang yang zalim."

(Surah al-Baqarah: 124)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ قَالَ وَمَن كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُۥ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُۥٓ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلنَّارِ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berdo'a: Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri ini sebuah negeri yang aman sentosa dan kurniakanlah kepada penduduknya rezeki dari segala buah-buahan, iaitu kepada golongan mereka yang beriman

kepada Allah dan hari Akhirat. Allah menjawab: Dan kepada orang yang kafir dari mereka pun Aku kurniakan juga sedikit ni'mat kesenangan dan selepas itu akan-Ku seretkannya ke dalam 'azab Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."

(Surah al-Baqarah: 126)

• Allah telah mengemukakan contoh hubungan di antara suami dan isteri iaitu hubungan di antara Nuh dan isterinya, di antara Lut dan isterinya dan di sebelah tebing yang lain ialah hubungan di antara Fir'aun dan isterinya:

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ ٱمْرَأَتَ نُوحٍ وَٱمْرَأَتَ لُوطٍ ۖ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَٰلِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا وَقِيلَ ٱدْخُلَا ٱلنَّارَ مَعَ ٱلدَّٰخِلِينَ ﴿١٠﴾ وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱمْرَأَتَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ٱبْنِ لِى عِندَكَ بَيْتًا فِى ٱلْجَنَّةِ وَنَجِّنِى مِن فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِۦ وَنَجِّنِى مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١١﴾

"Allah telah mengemukakan satu contoh perbandingan untuk orang-orang kafir iaitu contoh isteri Nuh dan isteri Lut. Kedua-duanya berada di bawah jagaan dua orang hamba dari para hamba Kami yang soleh lalu kedua-duanya mengkhianati suami mereka masing-masing dan kedua-dua suami itu tidak dapat memberi apa-apa pertolongan kepada mereka dari 'azab Allah, malah dikatakan kepada keduanya: Masuklah kamu berdua (ke dalam Neraka) bersama-sama mereka yang masuk(10). Dan Allah telah mengemukakan satu contoh teladan untuk orang-orang yang beriman iaitu contoh teladan isteri Fir'aun ketika dia berdo'a: 'Ya Tuhanku! Binalah untukku sebuah rumah di dalam Syurga dan selamatkanku dari Fir'aun dan perbuatannya dan selamatkanku dari kaum yang zalim.'"(11)

(Surah at-Tahrim: 10-11)

• Allah telah mengemukakan satu contoh hubungan di antara orang-orang yang beriman dengan keluarga, kaum, negeri, kampung halaman, harta benda, kepentingan-kepentingan, sejarah yang silam dan masa depan mereka, iaitu hubungan di antara Ibrahim dan orang-orang yang beriman kepadanya dengan kaum mereka dan hubungan Pemuda-pemuda Penghuni Gua (أصحاب الكهف) dengan keluarganya, kaum, rumah kediaman dan bumi tumpah darah mereka:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ إِذْ قَالُواْ لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَءَٰٓؤُاْ مِنكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةُ وَٱلْبَغْضَآءُ أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُواْ بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥٓ

"Sesungguhnya kamu memperolehi satu contoh teladan yang baik dalam kisah Ibrahim dan mereka yang bersama dengannya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang disembah kamu selain Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Permusuhan dan kebencian telah ketara antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Maha Esa."

(Surah al-Mumtahanah: 4)

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْكَهْفِ وَٱلرَّقِيمِ كَانُواْ مِنْ ءَايَٰتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾ إِذْ أَوَى ٱلْفِتْيَةُ إِلَى ٱلْكَهْفِ فَقَالُواْ رَبَّنَآ ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾ فَضَرَبْنَا عَلَىٰٓ ءَاذَانِهِمْ فِى ٱلْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ﴿١١﴾ ثُمَّ بَعَثْنَٰهُمْ لِنَعْلَمَ أَىُّ ٱلْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓاْ أَمَدًا ﴿١٢﴾ نَّحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِٱلْحَقِّ ۚ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُواْ بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَٰهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾ وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُواْ فَقَالُواْ رَبُّنَا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَاْ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا ۖ لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾ هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمُنَا ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ لَّوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِم بِسُلْطَٰنٍۭ بَيِّنٍ ۖ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿١٥﴾ وَإِذِ ٱعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأْوُۥٓاْ إِلَى ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ وَيُهَيِّئْ

لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا ﴿١٦﴾

"Apakah engkau mengira bahawa Penghuni-penghuni Gua dan al-Raqim adalah dari bukti-bukti kekuasaan Kami yang menakjubkan?(9). (Kenangilah) ketika sekumpulan pemuda berlindung di sebuah gua lalu mereka berdo'a: Ya Tuhan kami! Kurniakan kami rahmat dari-Mu dan sediakan untuk kami hidayat dan taufik dalam urusan kami(10). Lalu Kami tutup telinga mereka (tidurkan mereka) di dalam gua itu sebilangan tahun yang banyak(11). Kemudian Kami bangkitkan mereka dari tidur itu untuk Kami ujikan, manakah di antara dua kumpulan itu yang lebih tepat kiraannya tentang selama mana mereka tinggal (dalam gua itu)(12). Kami mahu menceritakan kepadamu kisah mereka yang sebenar. Mereka adalah sekumpulan pemuda yang telah beriman kepada Allah Tuhan mereka dan Kami telah menambahkan lagi hidayat kepada mereka(13). Dan Kami telah meneguhkan hati mereka ketika mereka bangkit dan berkata: Tuhan kami ialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Kami tidak akan sembah tuhan yang lain dari-Nya, (dan jika kami sembah tuhan yang lain) bererti kami telah mengatakan sesuatu yang menyimpang jauh dari kebenaran(14). Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Sepatutnya mereka membuktikan ketuhanan tuhan-tuhan itu dengan hujjah-hujjah yang jelas kerana tidak ada yang lebih zalim dari mereka yang mengadakan pembohongan terhadap Allah(15). Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka pergilah kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu akan menabur rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan kemudahan urusan kamu."(16)

(Surah al-Kahfi)

Dengan contoh-contoh ini yang dikemukakan Allah kepada umat Muslimin dari sirah para Anbiya' dan para Mu'minin yang telah mendahului mereka dalam "angkatan iman" yang telah menyusuri liku-liku zaman yang amat jauh, maka kini ketaralah dengan jelas batu pedoman yang menandakan jalan yang harus dilalui umat Muslimin, juga batu-batu pedoman yang menandakan hakikat hubungan yang harus dijadikan landasan yang ditegakkan masyarakat Islam, di mana tiada landasan yang lain darinya. Oleh kerana itu Allah menuntut umat Muslimin dengan tegas dan jelas supaya mengikuti jalan ini dengan jujur dan teguh sebagaimana yang digambarkan di dalam berbagai-bagai situasi dan arahan Al-Qur'an di antaranya:

لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ
مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ
كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُمْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ
إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ ۚ أُولَٰئِكَ بِرُوحٍ مِّنْهُ
وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا ۚ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۚ
أُولَٰئِكَ حِزْبُ اللَّهِ ۚ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿٢٢﴾

"Engkau tidak mungkin dapati kumpulan orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat yang sanggup berhubung mesra dengan mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya walaupun mereka adalah ibu bapa mereka sendiri atau anak-anak mereka sendiri atau saudara-saudara mereka sendiri atau keluarga mereka sendiri. Merekalah orang-orang yang telah dirakamkan Allah keimanan di dalam hati mereka dan dikuatkan dengan roh dari-Nya, dan dimasukkan mereka di dalam Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai di mana mereka hidup kekal abadi. Allah telah meredhai mereka dan mereka telah meredhai Allah. Merekalah hizbullah, dan ketahuilah bahawa hizbullah itulah kumpulan yang mencapai keberuntungan."

(Surah al-Mujadalah: 22)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ
أَوْلِيَاءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِالْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُم
مِّنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ
رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَادًا فِي سَبِيلِي وَابْتِغَاءَ مَرْضَاتِي ۚ
تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِالْمَوَدَّةِ وَأَنَا أَعْلَمُ بِمَا أَخْفَيْتُمْ وَمَا
أَعْلَنتُمْ ۚ وَمَن يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ﴿١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuhku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia yang kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka, sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka telah mengusir Rasulullah dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad di jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku (maka janganlah kamu berbuat demikian), iaitu kamu menyampaikan kasih mesra kamu kepada mereka secara sulit, sedangkan Aku mengetahui segala apa yang dirahsiakan kamu dan segala apa yang dilakukan kamu secara terang. Barangsiapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar."

(Surah al-Mumtahanah: 1)

لَن تَنفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ ۚ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَفْصِلُ
بَيْنَكُمْ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾

"Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu pada hari Qiamat, Allah akan

memisahkan di antara kamu (pada hari itu), dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."

(Surah al-Mumtahanah: 3)

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِيٓ إِبْرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ إِذْ قَالُوا۟ لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَءَٰٓؤُا۟ مِنكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةُ وَٱلْبَغْضَآءُ أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥٓ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَآ أَمْلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ رَّبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya kamu memperolehi satu contoh teladan yang baik dalam kisah Ibrahim dan mereka yang bersama dengannya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang disembahkan kamu selain Allah. Kami kafir dengan agama kamu. Permusuhan dan kebencian telah ketara di antara kami dan kamu untuk selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja kecuali (yang tidak harus dicontohi) ialah perkataan Ibrahim kepada ayahandanya: Sesungguhnya anakanda akan memohon keampunan untuk ayahanda, kerana anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk mempertahankan ayahanda dari sesuatu 'azab dari Allah. Ya Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu kepulangan kami."

(Surah al-Mumtahanah: 4)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَابَآءَكُمْ وَإِخْوَٰنَكُمْ أَوْلِيَآءَ إِنِ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْكُفْرَ عَلَى ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai rakan-rakan setia jika mereka lebih mengutamakan kekafiran di atas keimanan, dan barang siapa yang menjadikan mereka rakan-rakan setia, maka merekalah orang-orang yang zalim."

(Surah at-Taubah: 23)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ ۘ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian sebagai sahabat-sahabat setia, kerana mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain dan barang siapa di antara kamu yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka orang-orang itu adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim."

(Surah al-Ma'idah: 51)

Demikianlah jelasnya prinsip hubungan atau ikatan tulen yang tegas dalam tata hubungan masyarakat Islam, juga dalam tabi'at pembinaan masyarakat Islam dan struktur organiknya yang membezakannya dari seluruh masyarakat jahiliyah baik di zaman lama mahupun di zaman moden hingga ke akhir zaman. Sebenarnya di sana tiada satu ruang pun untuk mengumpulkan di antara "Islam" dengan usaha menegakkan masyarakat di atas prinsip yang lain dari prinsip hubungan yang dipilih Allah untuk umat Islam yang terpilih. Orang-orang yang mendakwa bersifat Islam kemudian mereka membangun masyarakat di atas satu prinsip atau lebih dari prinsip-prinsip hubungan jahiliyah yang telah digantikan Islam dengan prinsip hubungan 'aqidah, maka orang-orang ini sama ada mereka tidak mengenal Islam atau mereka menolak Islam dan di kedua-dua kes ini Islam tidak mengi'tirafkan sifat keislaman yang telah didakwakan mereka tanpa melaksanakannya, malah mereka sebenarnya telah memilih prinsip yang lain dari prinsip-prinsip jahiliyah.

Marilah kita tinggalkan dulu prinsip hubungan Islam ini yang kini telah menjadi begitu terang dan jelas untuk kita melihat aspek-aspek hikmat Allah yang menghendaki agar masyarakat Islam itu dimantapkan di atas prinsip hubungan 'aqidah.

'Aqidah Merupakan Ciri Manusia Yang Paling Istimewa

- 'Aqidah merupakan setinggi-tinggi ciri "insan" yang membezakannya dari alam haiwan, kerana 'aqidah berhubungkait dengan satu unsur yang lebih wujud dalam struktur insan dan kewujudannya, tetapi tidak wujud dalam struktur dan kewujudan haiwan, iaitu unsur ruhi yang membuat makhluk ini menjadi insan dalam bentuk yang ada sekarang. Kini orang-orang atheis dan orang-orang materialis yang paling kuat sekali pun di masa-masa kebelakangan ini telah menyedari bahawa 'aqidah merupakan satu ciri dari ciri-ciri manusia yang membezakannya dengan perbezaan yang asasi dari haiwan.[4]

Oleh sebab itu sudah sewajarnya 'aqidah dijadikan tali hubungan kemasyarakatan dalam masyarakat insan yang telah sampai ke puncak tamadun manusia, kerana 'aqidah merupakan unsur yang berkait rapat dengan ciri manusia yang paling istimewa yang membezakan mereka dari haiwan. Dan tidak seharusnya tali hubungan kemasyarakatan itu berupa suatu unsur yang dikongsikan bersama oleh manusia

---

[4] *Di antara mereka ialah Julian Huxley dari ilmiawan Darwinisme moden*

dan haiwan seperti unsur-unsur kawasan bumi, padang ragut, kepentingan-kepentingan, perbatasan-perbatasan yang menjadi ciri kandang dan pagar kandang. Begitu juga unsur-unsur darah, keturunan, keluarga, kaum, bangsa, etnik, warna dan bahasa. Semuanya merupakan unsur-unsur yang dikongsikan bersama oleh manusia dan haiwan, kerana di sana tidak ada unsur lain yang khusus dimiliki manusia tanpa dikongsikan haiwan melainkan unsur yang berkaitan dengan urusan-urusan akal dan hati.

• Begitu juga 'aqidah berhubung kait dengan satu unsur yang lain yang membezakannya dari haiwan, iaitu unsur bebas memilih dan iradat iaitu setiap individu masing-masing bebas memilih 'aqidah yang disukainya apabila ia mencapai usia matang dan dengan itu dialah yang menentukan bentuk masyarakat yang mahu dihayatinya secara bebas, juga menentukan sistem kepercayaan, sistem sosial, politik, ekonomi dan tatasusila yang mahu dipegang dan dihayatinya dengan sepenuh kebebasannya.

Namun demikian, seorang individu itu tidak mempunyai pilihan untuk menentukan darahnya, keturunannya, warna kulitnya, kaumnya dan bangsanya, juga tidak mempunyai pilihan untuk menentukan bumi tumpah darahnya, bahasa ibundanya dan sebagainya dari unsur-unsur asasi yang menjadi landasan masyarakat-masyarakat jahiliyah. Semua unsur ini telah ditentukan ke atas seseorang sebelum ia datang ke dunia ini lagi, di mana ia tidak dirundingi dan diminta fikirannya, malah ia dipaksa menerimanya sama ada ia suka atau tidak. Oleh sebab itu jika nasib seseorang di dunia dan di Akhirat atau di dunia sahaja itu bergantung dengan unsur-unsur yang dipaksakan ke atasnya, maka sudah tentu ia tidak mempunyai kebebasan memilih dan kebebasan iradat dan ini bererti bahawa unsur asasi yang paling istimewa kepada insaniyahnya telah dicabut darinya, juga bererti bahawa satu prinsip asasi telah dihapuskan dari prinsip-prinsip menghormati manusia, juga dihapuskan dari prinsip-prinsip struktur dan pembinaan manusia yang membezakannya dari seluruh makhluk yang lain.

Untuk memelihara ciri-ciri manusia sejati dan menjaga kemuliaan dan penghormatan yang dikurniakan Allah kepada manusia yang sejajar dengan ciri-ciri itu, maka Islam menjadikan 'aqidah, iaitu satu unsur yang dapat dipilih dengan bebas oleh setiap individu yang berusia matang sebagai tali ikatan yang menjadi asas untuk ditegakkan perkumpulan manusia di dalam masyarakat Islam, dan Islam menolak segala unsur yang dipaksa ke atas manusia, yang tidak dapat dipilih dan diubah dengan pilihannya yang bebas untuk dijadikan tali ikatan dan hubungan masyarakat manusia yang menentukan nasib mereka di sepanjang hidup mereka.

• Masyarakat yang dimantapkan di atas prinsip hubungan atau ikatan 'aqidah dan bukan di atas faktor-faktor yang lain yang dipaksakan ke atas manusia dapat mewujudkan sebuah masyarakat insaniyah antarabangsa yang terbuka, di mana individu-individu dari segala bangsa,warna, bahasa, darah, keturunan, negeri dan tanahair boleh datang berteduh di bawahnya dengan sepenuh kebebasan dan pilihan sendiri. Tiada siapa yang dapat menahannya, tiada pagar dan garis sempadan bikinan-bikinan yang dapat menghalanginya dan sebagainya dari faktor-faktor yang terkeluar dari ciri-ciri manusia yang tinggi. Dan dalam masyarakat ini juga dapat dicurah dan digabungkan seluruh tenaga dan ciri-ciri manusia dan seterusnya seluruh mereka dapat dikumpulkan di atas satu bumi untuk melahirkan tamadun insaniyah yang dapat memanfaatkan seluruh ciri yang wujud pada seluruh bangsa. Dan di sana tiada pintu yang ditutup di hadapan mana-mana kelayakan dan kebolehan dengan sebab warna kulit atau etnik atau keturunan atau negeri.

Masyarakat Islam Merupakan Masyarakat Antarabangsa Yang Unik

"Sebagai hasil realistik yang cemerlang dari sistem hidup Islam dalam isu ini dan sebagai hasil dari usaha menegakkan masyarakat di atas prinsip ikatan 'aqidah sahaja bukan di atas hubungan dan ikatan bangsa, negeri, warna, bahasa, kepentingan-kepentingan bumi yang berhampiran dan garis-garis perbatasan rantau yang karut, dan sebagai hasil dari usaha-usaha untuk menonjolkan 'ciri-ciri insan' dalam masyarakat ini serta menyubur dan meninggikan ciri-ciri itu bukannya menonjolkan ciri-ciri yang dimiliki bersama oleh manusia dan haiwan... sebagai hasil yang cemerlang dari semuanya ini, masyarakat Islam telah menjadi satu masyarakat yang terbuka kepada semua bangsa, kaum, warna dan bahasa tanpa diganggu-gugatkan oleh halangan-halangan haiwaniyah yang karut, di mana ciri-ciri khusus dan kebolehan berbagai-bagai bangsa telah dileburkan dalam dapur masyarakat Islam, dan dalam dapur inilah ciri-ciri dan kebolehan-kebolehan itu menjadi sebati dan dalam masa yang singkat sahaja melahirkan satu sebatian organik (gabungan manusia) yang didominan, dan perpaduan yang aneh, sebaya dan seia-sekata inilah yang telah berjaya melahirkan satu tamadun gemilang yang agung yang mendokong saripati tenaga manusia di semua zamannya walaupun dipisah oleh jarak-jarak yang jauh dan walaupun jalan-jalan komunikasi di zaman itu begitu lambat.

Tamadun Islam Ialah Tamadun 'aqidah Dan Bukan Tamadun Nasional

"Di dalam masyarakat Islam yang dominan itu terkumpul manusia-manusia Arab, Parsi, Syam, Mesir, Maghribi, Turki, China, India, Roman, Greek , Indonesia, Afrika dan seluruh bangsa dan kaum yang lain. Seluruh ciri-ciri dan kebolehan-kebolehan mereka, telah digemblengkan menjadi satu kesatuan yang sebati, saling membantu dan seia-sekata, membangun masyarakat Islam dan tamadun Islam. Tidak pernah satu hari pun tamadun Islam yang agung itu merupakan 'tamadun Arab', malah ia selama-lamanya merupakan tamadun Islam. Demikian

juga tidak pernah satu hari pun tamadun Islam yang agung itu merupakan 'tamadun nasional', malah ia selama-lamanya merupakan 'tamadun 'aqidah'.

"Seluruh bangsa itu berkumpul sama rata dan terikat dengan hubungan kasih sayang, perasaan dan cita-cita yang sama menuju satu hala. Kerana itu mereka masing-masing menyumbangkan kebolehan-kebolehan mereka yang paling tinggi dan menunjukkan ciri-ciri bangsa mereka yang paling mendalam. Mereka mencurahkan saripati pengalaman-pengalaman peribadi, pengalaman-pengalaman nasional dan pengalaman-pengalaman sejarah bangsa mereka untuk membangunkan satu masyarakat Islam yang menjadi masyarakat mereka, di mana mereka hidup sama rata dan di mana mereka disatupadukan oleh ikatan iman kepada Tuhan mereka Yang Maha Esa dan di mana hanya sifat insaniyah mereka sahaja yang menonjol tanpa sebarang halangan. Semuanya itu tidak pernah terkumpul dalam satu masyarakat yang lain di sepanjang sejarah.

"Masyarakat manusia yang paling terkenal di zaman purba ialah masyarakat Empayar Roman. Sebagai contoh, masyarakat ini telah mengumpulkan berbagai-bagai bangsa, bahasa, warna dan aneka tabi'at dan kelakuan, tetapi ia tidak ditegakkan di atas satu ikatan 'insaniyah' dan tidak pula dijelmakan dalam satu nilai utama seperti 'aqidah. Ia hanya merupakan satu masyarakat kelas yang ditegakkan di atas landasan 'kelas bangsawan' dan 'kelas hamba abdi' di seluruh empayar. Ia merupakan satu masyarakat perkauman yang ditegakkan di atas dasar 'ketuanan bangsa Roman' dan kehinaan bangsa-bangsa yang lain, kerana itu masyarakat Roman sama sekali tidak meningkat setinggi masyarakat Islam dan tidak pula dapat menghasilkan buah yang baik yang telah dihasilkan masyarakat Islam.

Masyarakat-masyarakat Empayar Lama Dan Baru

"Di dalam sejarah moden, berbagai-bagai masyarakat telah dibangunkan misalnya masyarakat Empayar British, tetapi masyarakat ini sama sahaja dengan masyarakat Roman yang diwarisinya, iaitu satu masyarakat nasional yang eksploitatif yang ditegakkan di atas dasar 'ketuanan bangsa inggeris' dan 'eksploitasi tanah jajahan' yang dijajah Empayar British, dan empayar-empayar yang sama seperti Empayar British ialah semua empayar Eropah yang lain. Empayar Sepanyol, Portugis di satu waktu dan Empayar Perancis semuanya berada di tahap masyarakat yang rendah, keji dan durjana. Komunisme ingin mendirikan sejenis masyarakat yang berlainan, iaitu satu masyarakat yang melewati batas-batas bangsa, kaum, negeri, bahasa dan warna, tetapi masyarakat komunis tidak ditegakkan di atas dasar 'insaniyah' yang menyeluruh, malah ia ditegakkan di atas 'kelas' kerana itu masyarakat komunis merupakan sebelah muka yang satu bagi masyarakat Roman purba. Jika masyarakat Roman ditegakkan di atas kelas 'bangsawan', maka masyarakat komunis ditegakkan di atas kelas 'proletariat'. Dan sentimen yang dominan dalam masyarakat komunis ialah sentimen dendam kesumat terhadap kelas-kelas yang lain, dan tentulah masyarakat kerdil dan keji ini tidak dapat menghasilkan selain daripada sifat yang paling buruk yang ada pada manusia. Masyarakat komunis dari awal-awal lagi ditegakkan di atas dasar menonjolkan sifat-sifat haiwaniyah sahaja serta menyubur dan mengukuhkannya. Ini berdasarkan perhitungan komunisme bahawa 'kehendak-kehendak asasi' manusia ialah makanan, tempat kediaman dan seks. Itulah kehendak-kehendak haiwaniyah yang utama, juga berdasarkan perhitungan bahawa sejarah manusia ialah sejarah mencari makan!!!

"Islam dengan sistem Rabbaniyahnya merupakan satu-satunya sistem unik yang berjuang untuk menonjolkan ciri-ciri manusia serta menyubur dan meninggikannya dalam usaha membangunkan masyarakat manusia. Dan hingga kini sistem Islam masih tetap unik. Orang-orang yang memilih sistem yang lain yang ditegakkan di atas asas yang lain seperti perkauman, kebangsaan, kenegerian, kelas dan sebagainya dari asas-asas yang kotor dan karut, mereka sebenarnya adalah musuh-musuh manusia, kerana mereka tidak mengingini manusia menjadi makhluk unik di alam ini dengan ciri-ciri insaniyahnya yang tinggi seperti yang telah dijadikan Allah, juga kerana mereka tidak mengingini masyarakat manusia mengambil manfaat yang sebaik-baiknya dari kebolehan semua bangsa manusia yang di adun dalam satu adunan yang sebati dan selaras".[5]

• Elok kami peringatkan di sini bahawa musuh-musuh Islam yang mengetahui titik-titik kekuatan tabi'at Islam dan pergerakannya, yang disifatkan Allah sebagai:

Barat Mewujudkan Berhala-berhala Moden Dalam Masyarakat Islam

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenalinya sebagaimana mereka mengenali anak-anak mereka."

(Surah al-Baqarah: 146)

Mereka tidak terluput dari menyedari bahawa masyarakat yang ditegakkan di atas landasan 'aqidah merupakan suatu rahsia dari rahsia-rahsia kekuatan Islam dan kekuatan masyarakat Islam yang dimantapkan di atas landasan ini. Dan oleh sebab mereka berusaha untuk meruntuhkan masyarakat

---

[5] *Petikan-petikan dari bab* "نشأة المجتمع المسلم و خصائص" *dari buku* "معالم في الطريق"

Islam atau untuk melemahkannya hingga ke tahap yang memudahkan mereka menguasainya dan meluahkan dendam kesumat yang terpendam di dalam hati mereka terhadap Islam dan penganut-penganutnya, juga mengeksploitasikan umat Muslimin dan segala kebolehan dan potensi mereka, mengeksploitasikan negeri-negeri mereka dan kekayaan-kekayaannya.... Oleh sebab mereka sedang bertarung dengan masyarakat Islam, mereka tidak terluput dari bertindak melemahkan masyarakat Islam dari bawah, iaitu meruntuhkan tapak asasnya di samping mengadakan untuk penganut-penganutnya yang beriman kepada Allah Yang Maha Esa berhala-berhala baru yang disembah, selain Allah, yang kadang-kadang dinamakan dengan "tanahair", kadang-kadang dengan nama "kaum" dan kadang-kadang dengan nama "bangsa". Berhala-berhala itu telah muncul di beberapa peringkat sejarah umat Islam kadang-kadang dengan nama Syu'biyah (pergerakan kebangsaan yang menolak keistimewaan bangsa Arab), kadang-kadang dengan nama pergerakan kebangsaan Turaniyah (nisbah kepada Tuwaran sebuah jajahan di Balukhistan dari Pakistan Barat), kadang-kadang dengan nama pergerakan nasionalisme Arab dan kadang-kadang dengan nama-nama lain yang diperjuangkan oleh berbagai-bagai puak yang saling bertarung satu sama lain dalam masyarakat Islam yang sama yang ditegakkan di atas asas 'aqidah dan diperintah dengan undang-undang syari'at sehingga tapak asas masyarakat itu menjadi lemah dan lumpuh akibat bertalu-talu dihentam dan diserang, juga akibat dari saranan propaganda-propaganda yang keji dan beracun, dan akhirnya berhala-berhala yang baru itu dipandang suci dan sesiapa yang menentangnya dianggap terkeluar dari agama bangsanya dan disifatkan sebagai penghianat kepada negaranya!

Cara Kaum Yahudi Menghapuskan Kepungan Kristian Terhadap Mereka

Kem yang paling jahat yang telah dan masih terus bekerja keras untuk merobohkan tapak asas masyarakat Islam yang kukuh dan unik di dalam sejarah ialah kem kaum Yahudi yang lihai (licik) yang telah menggunakan senjata "nasionalisme" untuk menghancurkan masyarakat Kristian dan mengubahkannya kepada masyarakat-masyarakat nasionalis yang mempunyai gereja nasional masing-masing, dan dengan langkah ini kaum Yahudi telah berjaya menghancurkan kepungan masyarakat Kristian terhadap bangsa Yahudi. Dan sebagai langkah yang kedua mereka bertindak menghancurkan kepungan masyarakat Islam terhadap bangsa yang amat kufur itu.

Begitulah juga tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh pejuang-pejuang salib (crusade) terhadap masyarakat Islam setelah mereka berusaha berabad-abad lamanya melaungkan seruan-seruan ke arah gagasan kebangsaan, perkauman dan kenegerian dalam kalangan umat-umat yang bergabung dalam masyarakat Islam. Dengan itu mereka dapat memuaskan nafsu dendam kesumat mereka yang sekian lama terhadap Islam dan kaum Muslimin, juga dapat mencaing dan memecah-belahkan umat Muslimin dan menundukkan mereka di bawah penjajahan Kristian Eropah. Mereka akan terus bertindak begitu sehingga umat Muslimin diizinkan Allah berjaya menghancurkan berhala-berhala yang jahat dan terkutuk itu untuk menegakkan kembali masyarakat Islam di atas tapak asasnya yang kukuh dan unik.

Jalan Menyelamatkan Islam Dari Panganisme

- Pada akhirnya umat manusia tidak dapat dikeluarkan dari belenggu paganisme jahiliyah sehingga 'aqidah dijadikan satu-satunya landasan masyarakat mereka, kerana konsep keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa tidak akan sempurna kecuali apabila 'aqidah dijadikan asas segala pandangan dan kefahaman mereka di samping dijadikan asas masyarakat mereka.

Yang seharusnya wujud di sana ialah Tuhan Yang Maha Suci sahaja bukannya wujud banyak tuhan yang suci. Begitu juga yang seharusnya wujud di sana ialah satu syi'ar sahaja dan bukannya berbagai-bagai syi'ar, seterusnya yang seharus wujud di sana ialah satu kiblat sahaja yang dituju manusia dengan seluruh jiwa raganya dan bukannya berbagai-bagai kiblat dan hala tujuan.

Paganisme bukannya sejenis sahaja, iaitu paganisme dalam bentuk berhala-berhala batu dan tuhan-tuhan dongeng sahaja, malah ia mungkin dimanifestasikan di dalam berbagai-bagai bentuk, sebagaimana berhala-berhala itu mungkin dibuat dengan berbagai-bagai rupa bentuk, dan tuhan-tuhan dongeng mungkin dimanifestasikan sekali lagi dalam berbagai-bagai sembahan yang dipandang kudus dan di sembahkan selain dari Allah walaupun dengan menggunakan apa sahaja nama dan apa sahaja upacaranya.

Islam tidak sekali-kali bertujuan menyelamatkan manusia dari menyembah berhala-berhala batu dan tuhan-tuhan dongeng kemudian selepas itu ia merelakan mereka menyembah berhala-berhala nasionalisme, perkauman dan kenegerian dan sebagainya, sedangkan kerana berhala-berhala inilah manusia berperang dan bertarung satu sama lain di bawah panji-panjinya. Dan dalam waktu yang sama Islam menyeru mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa dan supaya menumpukan seluruh keta'atan kepada-Nya sahaja dan bukannya kepada sesuatu yang lain dari makhluknya.

Definisi Umat Muslim Mengikut Al-Qur'an

Justeru itu Islam membahagikan manusia kepada dua umat sahaja di sepanjang sejarah manusia iaitu (pertama) umat Muslimin yang menjadi pengikut rasul-rasul di zaman rasul masing-masing sehingga datang Rasul yang terakhir yang diutuskan kepada seluruh umat manusia, dan (kedua) umat yang bukan Islam, yang menyembah Taghut-taghut dan berhala-

berhala dalam berbagai-bagai bentuk rupa di sepanjang zaman.

Apabila Allah hendak memberi definasi kepada orang-orang Islam tentang istilah "umat Muslimin" yang merangkumi seluruh Muslimin di sepanjang zaman, maka Allah mentakrifkan dalam bentuk pengikut rasul-rasul di zaman rasul masing-masing, dan Allah telah berfirman kepada mereka di akhir tayangan yang mempamerkan generasi-generasi umat Muslimin itu:

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَأَنَا۠ رَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُونِ ٩٢

"Sesungguhnya umat (yang mengikut rasul) ini adalah umat kamu, umat yang satu dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."

(Surah al-Anbiya': 92)

Allah tidak mengatakan kepada orang-orang Arab: "Umat kamu ialah umat Arab, sama ada yang berada di dalam jahiliyah atau berada di dalam Islam", dan tidak pula mengatakan kepada orang-orang Yahudi: "Umat kamu ialah Bani Israel atau kaum 'Ibrani' (Hebrews) sama ada yang berada di dalam jahiliyah atau berada di dalam Islam." Allah juga tidak pernah mengatakan kepada Salman al-Farisi: "Umat engkau ialah bangsa Parsi". Allah tidak pernah mengatakan kepada Suhayb ar-Rumi: "Umat engkau ialah bangsa Roman", atau mengatakan kepada Bilal al-Habsyi: "Umat engkau ialah bangsa Habsyi", malah Allah mengatakan kepada orang-orang Muslimin Arab, Parsi, Roman dan Habsyi, "Sesungguhnya umat kamu ialah seluruh Muslimin yang telah menganut Islam di zaman-zaman Musa, Harun, Ibrahim, Lut, Nuh, Daud, Sulaiman, Ayub, Ismail, Idris, Zulkifli, Zin Nun, Zakaria, Yahya dan Isa ibn Maryam" sebagaimana diterangkan dalam Surah al-Anbiya' dalam ayat-ayat (48-91).

Inilah umat Muslimin mengikut definasi Allah S.W.T. sendiri. Oleh itu siapa yang ingin mencari jalan yang lain, silalah ia ikutinya, tetapi hendaklah ia mengatakan bahawa ia bukan dari golongan Muslimin. Namun bagi kita yang telah menyerahkan diri kepada Allah, maka di sana tidak ada umat Muslimin yang lain kecuali umat Muslimin yang telah ditakrifkan Allah kepada kita, kerana segala apa yang diterangkan Allah itulah yang benar dan Dialah sebaik-baik Pemberi keputusan.

Sekadar ini cukuplah bagi kita untuk menghayati ilham-ilham dari kisah Nuh mengenai isu asasi dalam agama ini.

* * * * * *

Nilai Segelintir Pengikut Nuh

Kemudian marilah kita berhenti untuk kali terakhir bersama kisah Nuh a.s. untuk melihat setinggi mana nilai segelintir Muslimin (yang menjadi pengikut Nuh) dalam neraca pertimbangan Allah S.W.T.:

Segelintir Muslimin yang menjadi pengikut Nabi Nuh a.s. mengikut setengah-setengah riwayat hanya sebanyak dua belas orang sahaja. Itulah seluruh hasil pencapaian da'wah Nuh a.s. selama seribu tahun kurang lima puluh sebagaimana diterangkan Al-Qur'an selaku satu-satunya sumber yang diyakini kesahihannya dalam perkara ini.

Segelintir Muslimin yang merupakan keseluruhan hasil yang telah dicapai Nuh di sepanjang usia dan usahanya yang sebegitu lama itu telah mendapat penghargaan yang sewajar dari Allah apabila ia bertindak demi kepentingan mereka mengubahkan fenomena-fenomena alam yang lumrah dan mengadakan banjir raya yang menenggelamkan segala sesuatu dan segala yang bernyawa di seluruh kawasan bumi yang didiami manusia di zaman itu dan menjadikan segelintir Muslimin yang terselamat itu sebagai satu-satunya kelompok manusia yang mewarisi bumi selepas itu, di mana mereka merintiskan pembangunan-pembangunan yang baru dan menegakkan kembali khalifah Allah.

Ini adalah satu peristiwa yang amat bermakna.

Angkatan perintis kebangkitan Islam yang sedang berdepan dengan jahiliyah di seluruh dunia dan hidup dalam keadaan tersisih dan sepi dalam lingkungan jahiliyah serta mengalami penindasan, buruan dan penyeksaan seharusnya berhenti lama-lama di hadapan peristiwa yang amat bermakna ini dan di hadapan indikasi-indikasinya yang wajar direnungi dan difikirkan dengan teliti.

Kewujudan bibit-bibit Muslimin di bumi merupakan sesuatu yang amat bermakna di dalam neraca pertimbangan Allah sesuatu yang mewajarkan Allah bertindak menghancurkan jahiliyah dan buminya dengan segala bangunan dan institusi-institusinya, dengan segala kekuatan dan khazanah kekayaannya, juga mewajarkan Allah bertindak mempertahan, menjaga dan memelihara bibit Muslimin itu supaya mereka selamat dan dapat mewarisi bumi dan mengaturkan kembali pembangunannya.

Nuh a.s. telah membuat dan menukangi bahtera itu di bawah pengawasan dan bimbingan Allah sebagaimana diperintahkan Allah:

"Dan buatlah bahtera itu di bawah pengawasan penglihatan Kami dan arahan wahyu Kami dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, kerana sebenarnya mereka tetap akan ditenggelamkan."(37)

Apabila Nuh a.s. berlindung kepada Tuhannya ketika beliau diburu, disanggah, diancam dan dituduh

dusta sebagaimana diterangkan Allah dalam Surah al-Qamar:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَّبُوا عَبْدَنَا وَقَالُوا مَجْنُونٌ وَازْدُجِرَ ﴿٩﴾

فَدَعَا رَبَّهُ أَنِّي مَغْلُوبٌ فَانْتَصِرْ ﴿١٠﴾

"Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasul-Nya). Mereka telah mendustakan hamba Kami (Nuh) dan mereka berkata: Dia seorang gila, dan dia telah diancam, lalu dia berdo'a kepada Tuhannya: (Wahai Tuhanku)! Sesungguhnya aku telah dikalahkan. Oleh itu berilah kemenangan kepadaku."

(Surah al-Qamar: 9-10)

Dan apabila Nuh a.s. berdo'a kepada Allah dan mengumumkan kekalahannya serta memohon agar Allah membelanya, maka diwaktu inilah Allah melepaskan kekuatan alam yang besar untuk berkhidmat kepada para Mu'minin:

فَفَتَحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَاءٍ مُنْهَمِرٍ ﴿١١﴾

وَفَجَّرْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاءُ عَلَىٰ أَمْرٍ قَدْ قُدِرَ ﴿١٢﴾

"Lalu Kami bukakan pintu-pintu langit dan menurunkan air hujan yang lebat dan Kami jadikan bumi memancarkan berbagai-bagai mata air lalu air-air itu bertemu untuk melaksanakan satu rancangan yang telah ditetapkan Allah."

(Surah al-Qamar: 11-12)

Dan sementara kekuatan-kekuatan alam yang besar melaksanakan tugasnya mengikut tahap global yang mengkaget dan ngeri, maka Allah sendiri berada bersama hamba-Nya yang kalah:

وَحَمَلْنَاهُ عَلَىٰ ذَاتِ أَلْوَاحٍ وَدُسُرٍ ﴿١٣﴾

تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاءً لِمَنْ كَانَ كُفِرَ ﴿١٤﴾

"Kemudian Kami bawakannya (Nuh) di atas sebuah bahtera (yang diperbuat) dari papan-papan dan paku yang belayar di bawah pandangan Kami sebagai balasan kepada orang yang diingkarkan da'wahnya (Nuh)"

(Surah al-Qamar: 13-14)

Kisah Nuh Merupakan Pengajaran Kepada Angkatan Pejuang Da'wah

Inilah satu gambaran yang amat besar maknanya, yang harus difikirkan oleh angkatan perintis kebangkitan Islam di setiap tempat dan zaman apabila mereka diburu, ditindas dan dikalahkan jahiliyah.

Itulah peristiwa besar yang mewajarkan Allah bertindak menggunakan kekuatan-kekuatan alam yang besar dan kekuatan itu tidak semestinya berupa banjir raya, kerana kejadian banjir hanya merupakan salah satu dari gambaran-gambaran kekuatan alam yang besar:

وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ

"Dan tiada siapa yang mengetahui tentera Tuhanmu kecuali Dia."

(Surah al-Muddaththir: 31)

Kewajipan angkatan perintis kebangkitan Islam ialah meneruskan perjuangan mereka dengan sabar dan mengenal sumber kekuatan mereka, dan berlindung kepadanya. Kewajipan mereka ialah bersabar sehingga Allah melaksanakan keputusan-Nya dan yakin bahawa Allah yang menjadi Pelindung mereka Yang Maha Kuasa itu tidak akan dapat dilemahkan oleh mana-mana kuasa baik di bumi mahupun di langit, juga yakin bahawa Allah tidak akan membiarkan hamba-hamba kesayangan-Nya begitu sahaja kepada musuh-musuh mereka kecuali dalam tempoh, persediaan dan ujian. Dan apabila mereka berjaya melalui tempoh ini, maka Allah akan bertindak melakukan apa sahaja di bumi ini untuk menolong mereka dan akan bertindak melakukan apa yang dikehendaki-Nya melalui mereka.

Inilah pengajaran dari peristiwa alam yang besar ini.

Seorang pejuang Islam yang menghadapi jahiliyah tidak seharusnya berfikir bahawa Allah akan meninggalkannya menjadi mangsa jahiliyah apabila ia berda'wah supaya manusia mengifradkan Rububiyah kepada Allah S.W.T. Begitu juga ia tidak seharusnya mengukurkan kekuatan dirinya dengan kekuatan jahiliyah, lalu ia berfikir bahawa Allah akan membiarkannya diganyang oleh kekuatan jahiliyah, sedangkan ia tahu bahawa ia adalah hamba (yang berjuang di jalan-Nya) yang sentiasa berdo'a memohon pertolongan-Nya apabila merasa dirinya telah dikalahkan (seperti do'a Nuh a.s.):

أَنِّي مَغْلُوبٌ فَانْتَصِرْ ﴿١٠﴾

"(Wahai Tuhanku!) Sesungguhnya aku telah dikalahkan. Oleh itu berilah kemenangan kepada aku."

(Surah al-Qamar: 10)

Kekuatan pejuang Islam dan kekuatan jahiliyah pada hakikatnya adalah tidak setanding atau hampir setanding. Memang benar jahiliyah mempunyai kekuatan-kekuatannya tetapi kekuatan penda'wah adalah bersandar kepada kekuatan Allah dan Allah berkuasa menggunakan setengah-setengah kekuatan alam untuk menolongnya pada bila-bila masa dan mengikut bagaimana cara yang dikehendaki-Nya. Ia menggerakkan kekuatan-kekuatan alam itu menghancurkan jahiliyah dari arah yang di luar dugaan mereka.

Tempoh ujian dan dugaan itu kadang-kadang memakan waktu yang panjang kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah. Nuh a.s. telah berada bersama kaumnya selama seribu tahun kurang lima puluh sebelum beliau didalangi tempoh yang telah ditentukan Allah kepadanya, sedangkan hasil pencapaian da'wah dalam tempoh yang amat

panjang itu hanya dua belas orang sahaja, tetapi nilai segelintir Muslimin yang kecil itu dalam neraca pertimbangan Allah adalah sama dengan nilai menggerakkan kekuatan alam yang besar untuk membinasakan seluruh manusia yang sesat (di zaman itu) dan menyerahkan warisan bumi ini kepada sekelompok kecil insan yang baik itu supaya ia dapat dibangunkan kembali dan supaya khilafah Allah di bumi dapat ditegakkan semula.

Zaman kejadian-kejadian luar biasa itu belum lagi bertalu, kerana kejadian-kejadian luar biasa masih terus berlaku pada setiap waktu mengikut kehendak masyi'ah Allah yang bebas, tetapi Allah menukarkan bentuk dan pola kejadian-kejadian luar biasa itu dengan bentuk-bentuk dan pola-pola yang lain sesuai dengan realiti zaman dan kehendak-kehendaknya. Kadang-kadang setengah-setengah kejadian luar biasa itu begitu halus untuk difahamkan oleh setengah-setengah akal manusia, tetapi orang-orang yang berhubung dengan Allah sentiasa melihat tangan qudrat Allah dan menghayati kesan-kesan-Nya yang amat jelas.

Orang-orang yang berjuang di jalan Allah hendaklah menunaikan kewajipan mereka dengan sempurna dan dengan sedaya upaya mereka, kemudian serahkan sahaja urusan-urusan yang lain kepada Allah dengan penuh ketenangan dan keyakinan dan apabila mereka kalah, hendaklah mereka berlindung kepada Allah Penolongnya Yang Maha Agung sebagaimana yang telah dilakukan ḥamba-Nya yang soleh Nuh a.s.:

فَدَعَا رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَغْلُوبٌ فَٱنتَصِرْ ﴿١٠﴾

"Lalu dia berdo'a kepada Tuhannya: (Wahai Tuhanku!) Sesungguhnya aku telah dikalahkan. Oleh itu berilah kemenangan kepada aku."

(Surah al-Qamar: 10)

Setelah itu hendaklah mereka menunggu pertolongan Allah yang lambat-laun tetap akan tiba, kerana menunggu pertolongan Allah merupakan suatu ibadat dan kerana itu mereka akan diberi pahala di sepanjang masa menunggu.

Sekali lagi kita dapati Al-Qur'an tidak mendedahkan rahsia-rahsia-Nya melainkan kepada mereka yang terlibat dalam gelanggang pertarungan memperjuangkan Al-Qur'an dengan jihad yang besar, kerana merekalah sahaja golongan yang dapat menghayati suasana-suasana, di mana turunnya ayat-ayat Al-Qur'an itu. Merekalah yang dapat merasai cita rasanya dan dapat memahaminya, kerana mereka dapati diri mereka ditujukan ayat-ayat itu secara langsung sebagaimana ayat-ayat itu telah ditujukan kepada angkatan Muslimin yang pertama, yang telah menghayati cita rasanya dan memahami rahsia-rahsianya serta bergerak dan bertindak mengikut garis panduannya.

(Kumpulan ayat-ayat 50 - 68)

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾ يَٰقَوْمِ لَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِى فَطَرَنِىٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾ وَيَٰقَوْمِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا۟ مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾ قَالُوا۟ يَٰهُودُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِىٓ ءَالِهَتِنَا عَن قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾ إِن نَّقُولُ إِلَّا ٱعْتَرَىٰكَ بَعْضُ ءَالِهَتِنَا بِسُوٓءٍ ۗ قَالَ إِنِّىٓ أُشْهِدُ ٱللَّهَ وَٱشْهَدُوٓا۟ أَنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾ مِن دُونِهِۦ ۖ فَكِيدُونِى جَمِيعًا ثُمَّ لَا تُنظِرُونِ ﴿٥٥﴾ إِنِّى تَوَكَّلْتُ عَلَى ٱللَّهِ رَبِّى وَرَبِّكُم ۚ مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذٌۢ بِنَاصِيَتِهَآ ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقَدْ أَبْلَغْتُكُم مَّآ أُرْسِلْتُ بِهِۦٓ إِلَيْكُمْ ۚ وَيَسْتَخْلِفُ رَبِّى قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾ وَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا هُودًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَنَجَّيْنَٰهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٨﴾ وَتِلْكَ عَادٌ ۖ جَحَدُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا۟ رُسُلَهُۥ وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾ وَأُتْبِعُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ أَلَآ إِنَّ عَادًا كَفَرُوا۟ رَبَّهُمْ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّعَادٍ قَوْمِ هُودٍ ﴿٦٠﴾

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

قَالُوا۟ يَٰصَٰلِحُ قَدْ كُنتَ فِينَا مَرْجُوًّا قَبْلَ هَٰذَآ ۖ أَتَنْهَىٰنَآ أَن نَّعْبُدَ مَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا وَإِنَّنَا لَفِى شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٦٢﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى مِنْهُ رَحْمَةً فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

وَيَٰقَوْمِ هَٰذِهِۦ نَاقَةُ ٱللَّهِ لَكُمْ ءَايَةً فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِىٓ أَرْضِ ٱللَّهِ ۖ وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوٓءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ قَرِيبٌ ﴿٦٤﴾

فَعَقَرُوهَا فَقَالَ تَمَتَّعُوا۟ فِى دَارِكُمْ ثَلَٰثَةَ أَيَّامٍ ۖ ذَٰلِكَ وَعْدٌ غَيْرُ مَكْذُوبٍ ﴿٦٥﴾

فَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا صَٰلِحًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَمِنْ خِزْىِ يَوْمِئِذٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْعَزِيزُ ﴿٦٦﴾

وَأَخَذَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ٱلصَّيْحَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دِيَٰرِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٦٧﴾

كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَآ ۗ أَلَآ إِنَّ ثَمُودَا۟ كَفَرُوا۟ رَبَّهُمْ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّثَمُودَ ﴿٦٨﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Kamu sebenarnya telah mengada-adakan pembohongan terhadap Allah(50). Wahai kaumku! Aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu kerana da'wah ini. Tiada upahanku melainkan hanya terserah kepada Allah yang telah menciptakanku. Apakah tidak kamu berfikir?(51). Wahai kaumku! Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu dan menambahkan lagi satu kekuatan kepada kekuatan kamu dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa(52). Mereka berkata: Wahai Hud! Engkau belum lagi membawa kepada kami sesuatu bukti yang jelas dan kami tetap tidak akan meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana semata-mata mendengar kata-kata engkau. Dan kami tidak akan beriman kepada engkau(53). Kami hanya hendak mengatakan bahawa setengah-setengah tuhan kami telah menimpakan engkau dengan suatu penyakit yang buruk. Jawab Hud: Sesungguhnya aku mempersaksikan Allah dan kamu sekalian hendaklah turut menjadi saksi bahawa aku tidak kena mengena dengan perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah(54). Dengan yang lain dari-Nya. Oleh sebab itu, aturkanlah segala tipu daya kamu sekalian terhadap diriku kemudian (bertindaklah) tanpa memberi sebarang tempoh kepada aku(55). Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku berada di jalan yang lurus(56). Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telah pun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Allah, yang kerananya aku telah diutuskan kepada kamu dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada Allah. Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu.(57) Dan apabila datang 'azab Kami, Kami selamatkan Hud bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat dari Kami, dan Kami telah menyelamatkan mereka dari 'azab yang amat kasar(58). Dan itulah kaum 'Ad yang telah mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka terhadap rasul-rasul-Nya dan mereka telah mengikut perintah setiap ketua mereka yang bermaharajalela dan degil(59). Dan mereka diikuti dengan laknat di dunia ini, juga pada hari Qiamat. Ketahuilah, sesungguhnya kaum 'Ad telah mengingkarkan Tuhan mereka. Dan ketahuilah, Allah jauhkan 'Ad kaum Hud dari rahmat-Nya(60). Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Dialah yang telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu penghuni-penghuni yang memakmurkannya. Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan kepada-Nya kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sentiasa memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)(61). Mereka berkata: Wahai Soleh! Engkau telah berada di dalam kalangan kami sebelum ini sebagai seorang harapan kami. Apakah (kini) engkau melarang kami menyembah tuhan-tuhan yang telah disembah datuk nenek kami dan sesungguhnya kami berada dalam keraguan terhadap da'wah yang engkau mengajak kami supaya menganutinya(62). Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apa fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari-Nya. Oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Kamu sebenarnya tidak menambahkan suatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata(63). Wahai kaumku! Inilah unta Allah sebagai satu mu'jizat kepada kamu. Oleh sebab itu hendaklah kamu biarkannya makan di bumi Allah dan jangan sekali-kali kamu lakukan sebarang gangguan yang buruk terhadapnya, nanti kamu ditimpakan 'azab yang dekat(64). Lantas mereka menyembelihkan unta

itu lalu Soleh berkata: Bersuka rialah kamu di rumah kamu selama tiga hari. Itulah janji yang tidak dapat didustakan(65). Dan setelah datang 'azab Kami, Kami selamatkan Soleh bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat dari Kami, iaitu Kami selamatkan mereka dari kehinaan pada hari itu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuat dan Maha Perkasa(66). Dan orang-orang yang zalim itu telah dibinasakan oleh bahana 'azab yang amat kuat, lalu mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka(67). Seolah-olah mereka belum pernah tinggal di situ. Ketahuilah bahawa Thamud telah mengingkari Tuhan mereka. Ketahuilah, Allah jauhkan Thamud dari rahmat-Nya"(68).

Kaum Nuh telah berlalu di dalam sejarah. Segolongan terbesar dari mereka telah digulungi banjir raya dan dilipati sejarah. Mereka telah dijauhkan dari hayat dan rahmat Allah. Sebilangan kecil yang terselamat dari mereka telah dilantik selaku pemerintah-pemerintah di bumi Allah mengikut Sunnatullah dan tepat dengan janji-Nya:

إِنَّ ٱلْعَٰقِبَةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

"Sesungguhnya kesudahan yang baik disediakan untuk para Muttaqin"(49)

Janji Allah Kepada Nuh Ialah:

قِيلَ يَٰنُوحُ ٱهْبِطْ بِسَلَٰمٍ مِّنَّا وَبَرَكَٰتٍ عَلَيْكَ وَعَلَىٰٓ أُمَمٍ مِّمَّن مَّعَكَ ۚ وَأُمَمٌ سَنُمَتِّعُهُمْ ثُمَّ يَمَسُّهُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٨﴾

"Lalu diseru: Wahai Nuh! Turunlah (di sini) dengan selamat sejahtera dari Kami dan dengan limpah keberkatan ke atasmu dan ke atas umat-umat yang lahir dari mereka yang bersamamu, dan umat-umat yang lain (yang tidak beriman) akan Kami kurniakan kesenangan duniawi kepada mereka kemudian mereka akan ditimpakan 'azab yang amat pedih dari Kami."(48)

Setelah roda zaman berputar dan setelah langkah-langkah sejarah menghayun jauh, maka tibalah janji Allah ketika munculnya kaum 'Ad dari zuriat keturunan Nuh yang tinggal di sana sini di negeri itu, dan selepas mereka muncul pula kaum Thamud dari kaum-kaum yang telah ditimpakan 'azab mengikut keputusan Allah:

وَأُمَمٌ سَنُمَتِّعُهُمْ ثُمَّ يَمَسُّهُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٨﴾

"Dan umat-umat yang (yang tidak beriman) akan Kami kurniakan kesenangan duniawi kepada mereka kemudian mereka akan ditimpakan 'azab yang amat pedih dari Kami."(48)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 68)

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ

مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾

يَٰقَوْمِ لَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِى فَطَرَنِىٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾

وَيَٰقَوْمِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا۟ مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

قَالُوا۟ يَٰهُودُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِىٓ ءَالِهَتِنَا عَن قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

إِن نَّقُولُ إِلَّا ٱعْتَرَىٰكَ بَعْضُ ءَالِهَتِنَا بِسُوٓءٍ ۗ قَالَ إِنِّىٓ أُشْهِدُ ٱللَّهَ وَٱشْهَدُوٓا۟ أَنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾

مِن دُونِهِۦ ۖ فَكِيدُونِى جَمِيعًا ثُمَّ لَا تُنظِرُونِ ﴿٥٥﴾

إِنِّى تَوَكَّلْتُ عَلَى ٱللَّهِ رَبِّى وَرَبِّكُم ۚ مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذٌۢ بِنَاصِيَتِهَآ ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقَدْ أَبْلَغْتُكُم مَّآ أُرْسِلْتُ بِهِۦٓ إِلَيْكُمْ ۚ وَيَسْتَخْلِفُ رَبِّى قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾

وَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا هُودًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَنَجَّيْنَٰهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٨﴾

وَتِلْكَ عَادٌ ۖ جَحَدُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا۟ رُسُلَهُۥ وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾

وَأُتْبِعُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ أَلَآ إِنَّ عَادًا كَفَرُوا۟ رَبَّهُمْ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّعَادٍ قَوْمِ هُودٍ ﴿٦٠﴾

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ

وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

قَالُوا۟ يَٰصَٰلِحُ قَدْ كُنتَ فِينَا مَرْجُوًّا قَبْلَ هَٰذَآ ۖ أَتَنْهَىٰنَآ أَن نَّعْبُدَ مَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا وَإِنَّنَا لَفِى شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٦٢﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى مِنْهُ رَحْمَةً فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

وَيَٰقَوْمِ هَٰذِهِۦ نَاقَةُ ٱللَّهِ لَكُمْ ءَايَةً فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِىٓ أَرْضِ ٱللَّهِ وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوٓءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ قَرِيبٌ ﴿٦٤﴾

فَعَقَرُوهَا فَقَالَ تَمَتَّعُوا۟ فِى دَارِكُمْ ثَلَٰثَةَ أَيَّامٍ ۖ ذَٰلِكَ وَعْدٌ غَيْرُ مَكْذُوبٍ ﴿٦٥﴾

فَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا صَٰلِحًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَمِنْ خِزْىِ يَوْمِئِذٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْعَزِيزُ ﴿٦٦﴾

وَأَخَذَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ٱلصَّيْحَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دِيَٰرِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٦٧﴾

كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَآ ۗ أَلَآ إِنَّ ثَمُودَا۟ كَفَرُوا۟ رَبَّهُمْ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّثَمُودَ ﴿٦٨﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Kamu sebenarnya telah mengada-adakan pembohongan terhadap Allah(50). Wahai kaumku! Aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu kerana da'wah ini. Tiada upahanku melainkan hanya terserah kepada Allah yang telah menciptakanku. Apakah tidak kamu berfikir?(51). Wahai kaumku! Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu dan menambahkan lagi satu kekuatan kepada kekuatan kamu dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa(52). Mereka berkata: Wahai Hud! Engkau belum lagi membawa kepada kami sesuatu bukti yang jelas dan kami tetap tidak akan meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana semata-mata mendengar kata-kata engkau. Dan kami tidak akan beriman kepada engkau(53). Kami hanya hendak mengatakan bahawa setengah-setengah tuhan kami telah menimpakan engkau dengan suatu penyakit yang buruk. Jawab Hud: Sesungguhnya aku mempersaksikan Allah dan kamu sekalian hendaklah turut menjadi saksi bahawa aku tidak kena mengena dengan perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah(54). Dengan yang lain dari-Nya. Oleh sebab itu, aturkanlah segala tipu daya kamu sekalian terhadap diriku kemudian (bertindaklah) tanpa memberi sebarang tempoh kepada aku(55). Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku berada di jalan yang lurus(56). Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telah pun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Allah, yang kerananya aku telah diutuskan kepada kamu dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada Allah. Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu(57). Dan apabila datang 'azab Kami, Kami selamatkan Hud bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat dari Kami, dan Kami telah menyelamatkan mereka dari 'azab yang amat kasar(58). Dan itulah kaum 'Ad yang telah mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka terhadap rasul-rasul-Nya dan mereka telah mengikut perintah setiap ketua mereka yang bermaharajalela dan degil(59). Dan mereka diikuti dengan laknat di dunia ini, juga pada hari Qiamat. Ketahuilah, sesungguhnya kaum 'Ad telah mengingkarkan Tuhan mereka. Dan ketahuilah, Allah jauhkan 'Ad kaum Hud dari rahmat-Nya(60). Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Dialah yang telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu penghuni-penghuni yang memakmurkannya. Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan kepada-Nya kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sentiasa memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)(61). Mereka berkata: Wahai Soleh! Engkau telah berada di dalam kalangan kami sebelum ini sebagai seorang harapan kami. Apakah (kini) engkau melarang kami menyembah tuhan-tuhan yang telah disembah datuk nenek kami dan sesungguhnya kami berada dalam keraguan terhadap da'wah yang engkau mengajak kami supaya menganutinya(62). Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apa fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari-Nya. Oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Kamu sebenarnya tidak menambahkan suatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata(63). Wahai kaumku! Inilah unta Allah sebagai satu mu'jizat kepada kamu. Oleh sebab itu hendaklah kamu biarkannya makan di bumi Allah dan jangan sekali-kali kamu lakukan sebarang gangguan yang buruk terhadapnya, nanti kamu ditimpakan 'azab yang dekat(64). Lantas mereka menyembelihkan unta itu lalu Soleh berkata: Bersuka rialah kamu di rumah kamu selama tiga hari. Itulah janji yang tidak dapat didustakan(65). Dan setelah datang 'azab Kami, Kami selamatkan Soleh bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat dari Kami, iaitu Kami selamatkan mereka dari kehinaan pada hari itu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuat

dan Maha Perkasa (66). Dan orang-orang yang zalim itu telah dibinasakan oleh bahana 'azab yang amat kuat, lalu mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka(67). Seolah-olah mereka belum pernah tinggal di situ. Ketahuilah bahawa Thamud telah mengingkari Tuhan mereka. Ketahuilah, Allah jauhkan Thamud dari rahmat-Nya."(68).

Kini jahiliyah telah kembali sekali lagi sebagaimana ia kembali semula sebelum ini setelah dilalui angkatan-angkatan generasi Muslimin dari zuriat keturunan Adam, yang tiada siapa mengetahui bilangannya melainkan Allah. Tidak syak lagi bahawa angkatan-angkatan generasi dari zuriat Adam yang telah dilantik selaku khalifah Allah di bumi itu telah melahirkan angkatan-angkatan generasi Muslimin yang hidup dengan agama Islam yang dianuti oleh datuk nenek mereka sehingga mereka dipesongkan syaitan dari agama mereka dan menyebabkan mereka melencong kepada jahiliyah yang dihadapi Nuh a.s. Dan dengan kedatangan Nuh selamatlah kelompok Muslimin yang mengikutnya, sementara saki-baki kaumnya yang lain telah dibinasakan semuanya hingga tidak ada seorang kafir pun yang terselamat di negeri itu sebagaimana yang dikehendaki Nuh a.s. dalam permohonannya kepada Allah. Dan tidak syak lagi bahawa banyak angkatan generasi-generasi dari zuriat Nuh pula telah hidup dengan agama Islam selepas kewafatan beliau sehingga mereka sekali lagi telah dipesongkan syaitan dan menyebabkan mereka melencong kepada jahiliyah. Kemudian muncul kaum 'Ad dan setelah itu muncul pula kaum Thamud dari umat-umat jahiliyah.

Kaum 'Ad Mengulangi Sejarah Jahiliyah

Kaum 'Ad adalah satu kabilah yang tinggal di Ahqaf (di mana terdapat bukit-bukit pasir yang condong) di selatan Semenanjung Tanah Arab, sementara kaum Thamud pula adalah satu kabilah yang tinggal di bandar-bandar al-Hijr di utara Semenanjung Tanah Arab di antara Tabuk dan Madinah. Di zaman itu kedua-dua kabilah 'Ad dan Thamud telah berada di kemuncak kekuatan, kesenangan dan kemewahan, tetapi kedua-duanya telah dibinasakan Allah kerana melanggar perintah-perintah-Nya. Mereka telah memilih kepercayaan paganisme dan menolak kepercayaan tauhid; mereka telah memilih keta'atan kepada sesama manusia dan menolak keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa. Mereka telah mendustakan rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka dengan cara yang amat buruk dan keji. Kisah-kisah mereka yang diceritakan di sini membuktikan kebenaran hakikat-hakikat itu dan isu-isu yang telah dibicarakan di bahagian awal surah sama seperti kisah Nuh.

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾ يَٰقَوْمِ لَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِى فَطَرَنِىٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾ وَيَٰقَوْمِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا۟ مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Kamu sebenarnya telah mengada-adakan pembohongan terhadap Allah(50). Wahai kaumku! Aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu kerana da'wah ini. Tiada upahanku melainkan hanya terserah kepada yang telah menciptakanku. Apakah tidak kamu berfikir?(51). Wahai kaumku! Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu dan menambahkan lagi satu kekuatan kepada kekuatan kamu dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa."(52)

Nabi Hud a.s. adalah dari kaum 'Ad. Oleh kerana itu beliau disifatkan Allah sebagai saudara mereka dan salah seorang dari mereka. Beliau terikat dengan hubungan kekeluargaan yang merangkumi seluruh individu-individu kabilah itu. Dan hubungan inilah yang ditonjolkan di dalam ayat ini untuk menunjukkan bahawa wujudnya hubungan ini sepatutnya ada perasaan saling percaya, saling mesra dan saling menegur dengan ikhlas di antara saudara dengan saudara, juga untuk menunjukkan betapa aneh dan buruknya sikap kaum Hud terhadap saudara mereka sendiri Hud a.s., dan seterusnya untuk menunjukkan bahawa akhirnya perpisahan akan berlaku di antara kaum Hud dengan Hud a.s. kerana berdasarkan perbezaan 'aqidah mereka. Dengan perpisahan ini akan ketaralah dengan jelas makna terputusnya seluruh hubungan yang lain apabila terputusnya hubungan 'aqidah, juga ketara bahawa hubungan 'aqidah merupakan hubungan yang unik dan menonjol dalam tata perhubungan masyarakat Islam. Di sini ketaralah dengan jelas tabi'at agama Islam dan rencana pergerakannya. Apabila da'wah Islam dimulakan, maka ketika itu rasul dan kaumnya adalah dari satu umat dan di antara mereka terjalin hubungan kekerabatan, hubungan darah keturunan, hubungan keluarga dan tanahair. Kemudian pada akhirnya mereka berpisah dan umat yang satu itu berpecah menjadi dua umat yang berbeza, iaitu umat Muslimin dan umat Musyrikin dan di antara keduanya disekali dinding perpisahan. Di atas asas perpisahan inilah terletak janji Allah yang akan menolong para Mu'minin dan membinasakan para Musyrikin, kerana janji Allah tidak direalisasikan kecuali sesudah berlakunya perpisahan itu, di mana para Mu'minin dan para Musyrikin berada di dalam barisan masing-masing. Di waktu ini nabi dan para Mu'minin yang mengikutnya akan terpisah dari kaumnya dan segala

hubungan yang silam dengan kaumnya akan turut terputus. Mereka akan mencabut kesetiaan mereka kepada kaum dan kepimpinan yang silam dan menyerah seluruh kesetiaan mereka kepada Allah dan kepada kepimpinan Islam yang menyeru supaya menumpukan seluruh keta'atan mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan supaya mencabut keta'atan kepada sesama manusia. Di waktu inilah sahaja bukan sebelumnya - pertolongan Allah akan diturunkan kepada mereka:

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud."

Yakni Kami telah utuskan Hud kepada mereka sebagaimana Kami telah utuskan Nuh kepada kaumnya di dalam kisah yang telah lepas.

قَالَ يَٰقَوْمِ

"Lalu ia berkata: Wahai kaumku!"

Dengan menggunakan ungkapan yang penuh mesra, yang mengingatkan kepada hubungan-hubungan yang menjalinkan dirinya dengan mereka, Hud berharap dapat merangsangkan perasaan kemesraan mereka dan dapat menimbulkan rasa keyakinan mereka terhadap apa yang akan dikatakannya kepada mereka, kerana seorang rasul tentulah tidak wajar berbohong kepada keluarganya dan tidak pula wajar menipu kaumnya.

قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ

"Lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah."

Itulah da'wah yang sama yang dibawa oleh setiap rasul apabila kaumnya menyeleweng dari menyembah Allah Yang Maha Esa, iaitu da'wah yang didokong oleh kelompok Mu'minin yang turun bersama Nuh dari bahtera itu. Boleh jadi langkah pertama yang menjerumus mereka ke dalam penyelewengan ini adalah bermula dari keinginan mereka hendak memulia dan menghormati tokoh-tokoh kelompok Mu'minin yang menaiki bahtera bersama Nuh a.s.! Kemudian setelah dilalui generasi demi generasi, penghormatan itu perlahan-lahan berubah hingga mereka menganggapkan roh-roh suci tokoh-tokoh itu telah menjelma pada pokok-pokok dan batu-batu tertentu yang berguna kepada mereka, dan akhirnya pokok-pokok dan batu-batu itu menjadi tuhan-tuhan yang disembah, dan muncullah di belakangnya kahin-kahin dan penjaga-penjaga kuil yang menggalakkan manusia menyembah sesama manusia di atas nama tuhan-tuhan yang palsu itu yang merupakan salah satu dari berbagai-bagai bentuk jahiliyah, kerana penyelewengan bermula dari selangkah yang menyimpang dari jalan tauhid yang sempurna yang tidak menaruh perasaan memandang suci kepada yang lain dari Allah dan tidak memberi keta'atan kecuali kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, dan penyelewengan yang bermula dengan selangkah itu pasti akan diikuti pula dengan langkah-langkah penyelewengan yang lain, yang tiada siapa mengetahui hujungnya kecuali Allah.

Walau bagaimanapun, kaum Hud adalah kaum Musyrikin yang tidak menumpukan 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa. Oleh sebab itulah Hud berda'wah kepada mereka dengan da'wah yang dibawa oleh setiap rasul:

قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Kamu sebenarnya telah mengadakan pembohongan terhadap Allah."(50)

Yakni kamu membuat dakwaan-dakwaan yang dusta terhadap perbuatan kamu yang menyembah sembahan-sembahan yang lain dari Allah, dan mempersekutukan-Nya dengan berbagai-bagai sekutu.

Kemudian Hud dengan pantas menerangkan kepada kaumnya bahawa da'wah yang dikemukakan kepada mereka ialah da'wah dan nasihat yang ikhlas; ia tidak mempunyai sesuatu matlamat yang lain di sebaliknya dan tidak pula menuntut apa-apa upahan sebagai bayaran kepada hidayat dan nasihat yang diberikan kepada mereka, kerana upahannya adalah terserah kepada Allah yang telah mencipta dan memeliharanya:

يَٰقَوْمِ لَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِى فَطَرَنِىٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾

"Wahai kaumku! Aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahanku melainkan hanya terserah kepada Allah yang telah menciptakanku. Apakah tidak kamu berfikir?"(51)

Ungkapan **"Aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu"** menyarankan adanya tuduhan atau sindiran bahawa beliau hendak mencari upahan atau pendapatan kewangan di sebalik usaha berda'wah. Ungkapan iringan:

أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾

"Apakah tidak kamu berfikir?"(51)

Adalah bertujuan melahirkan rasa takjub terhadap sikap mereka yang memandang seorang rasul yang diutuskan dari Allah itu hendak mencari habuan rezeki dari manusia, sedangkan Allah yang mengutusnya adalah Pemberi rezeki yang memberi makanan kepada mereka yang memerlukannya.

Kemudian Hud a.s. menyuruh mereka beristighfar dan bertaubat. Ayat yang berikut mengulangi ungkapan yang sama yang telah diungkapkan rasul

Khatuml-Anbiya' di awal surah. Dan dalam ayat berikut Hud memberi janji dan peringatan kepada kaumnya, iaitu janji dan peringatan yang sama yang diberikan Muhammad s.a.w. kepada kaumnya selepas ribuan tahun kemudian:

وَيَٰقَوۡمِ ٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِ يُرۡسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيۡكُم مِّدۡرَارٗا وَيَزِدۡكُمۡ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمۡ وَلَا تَتَوَلَّوۡاْ مُجۡرِمِينَ ٥٢

"Wahai kaumku! Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu dan menambahkan lagi satu kekuatan kepada kekuatan kamu dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa."(52)

Yakni pohonkanlah keampunan kepada Tuhan kamu terhadap kesalahan-kesalahan kamu dan bertaubatlah kepada-Nya. Hendaklah kamu mulakan hidup kamu dari jalan yang baru yang merealisasikan niat kamu dan menterjemahkannya kepada amalan dan perbuatan yang membenarkan niat (yang tersemat di dalam hati kamu).

يُرۡسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيۡكُم مِّدۡرَارٗا

"Nescaya Allah menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu."

Ketika itu kaum Hud sangat memerlukan hujan yang menyirami tanaman-tanaman mereka dan memberi minuman kepada binatang-binatang ternakan mereka di kawasan padang pasir itu. Dengan air hujan mereka dapat memelihara kesuburan bumi mereka apabila kawasan itu kerap ditimpa hujan.

وَيَزِدۡكُمۡ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمۡ

"Dan menambahkan lagi satu kekuatan kepada kekuatan kamu."

Iaitu kekuatan yang menjadikan kamu terkenal.

وَلَا تَتَوَلَّوۡاْ مُجۡرِمِينَ ٥٢

"Dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa."(52)

Yakni janganlah kamu melakukan jenayah menolak dan mendustakan da'wah.

Marilah kita melihat kepada janji Allah ini, iaitu satu perjanjian yang berhubung dengan menurunkan hujan yang berturut-turut dan memberi kekuatan yang berlipat ganda kepada mereka, dan semuanya itu merupakan urusan-urusan yang dikendalikan oleh Sunnatullah mengikut undang-undang yang telah ditetapkan di dalam sistem alam dan semuanya adalah dari ciptaan dan kehendak Allah, maka apakah hubungan istighfar dan taubat dengan turunnya hujan dan kekuatan berlipat ganda yang dijanjikan itu?

Hubungan Di Antara Istighfar Dan Taubat Dengan Kekuatan Dan Kesuburan

Perkara penambahan kekuatan yang berlipat ganda itu adalah suatu perkara yang dekat dan mudah dimengerti. Ia berlaku di alam realiti yang boleh disaksi, kerana kebersihan hati dan amalan-amalan yang soleh memang menambahkan kekuatan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh. Kedua-duanya menambahkan kesihatan badan kepada mereka melalui sikap bersederhana dan memakan rezeki-rezeki yang baik, dan seterusnya menambahkan kerehatan hati, ketenangan saraf, keyakinan kepada Allah dan kepada rahmat-Nya pada setiap waktu. Dan kedua-duanya juga menambahkan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat melalui pendaulatan syari'at Allah yang baik yang membuat insan menjadi insan-insan yang bebas dan mulia yang tidak tunduk kepada yang lain dari Allah, kerana seluruh yang lain dari Allah adalah sama rendah dan sama tinggi di hadapan Allah Yang Maha Esa dan seluruh mereka harus tunduk kepada-Nya. Kebersihan hati dan amalan yang soleh juga dapat melepas dan menjanakan tenaga-tenaga manusia yang memungkinkan mereka bekerja, menghasilkan pengeluaran dan melaksanakan tugas-tugas khalifah di bumi Allah, di mana mereka tidak lagi sibuk dan diperalatkan untuk melakukan upacara-upacara dan adat istiadat mempertuhankan tuhan-tuhan palsu di bumi dengan kerja-kerja membakar dupa, memalu gendang kecapi di sekeliling tuhan-tuhan itu dan meniup serunai dan seruling siang dan malam untuk memenuhkan ruang kekosongan fitrah manusia dari Tuhan yang sebenar.

Yang selalu dapat diperhatikan ialah tuhan-tuhan palsu di bumi, juga penjaga kuilnya dan para penyembahnya kadang-kadang memerlukan agar mereka (tuhan-tuhan palsu itu) disalutkan sifat-sifat Uluhiyah seperti sifat-sifat maha kuasa, maha mengetahui dan maha belas kasihan dengan tujuan supaya manusia tunduk kepada mereka, kerana sifat Rububiyah memerlukan sifat-sifat Uluhiyah untuk menundukkan para hambanya. Dan semuanya ini, memerlukan usaha-usaha dan kerja-kerja yang memenatkan yang harus dilakukan oleh penjaga-penjaga kuil dan penyembah-penyembah. Itulah usaha-usaha dan kerja-kerja yang dicurahkan oleh para Mu'minin yang menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dalam kegiatan-kegiatan membangunkan bumi Allah dan melaksanakan tugas-tugas khalifah di buminya, sebagai ganti usaha-usaha dan kerja-kerja yang penat yang dicurahkan oleh para penyembah tuhan-tuhan palsu di bumi dalam kegiatan memuja dengan memalu gendang kecapi, meniup serunai, mengucapkan bacaan-bacaan dan pujian-pujian kepada tuhan-tuhan palsu.

Kadang-kadang kekuatan itu berada di tangan golongan orang-orang yang tidak memperhakimkan syari'at Allah baik di dalam hati mereka mahupun di dalam masyarakat mereka, tetapi kekuatan itu hanya kekal untuk seketika sahaja, kemudian segala keadaan akan berakhir pada titik penghabisannya mengikut Sunnatullah, di mana kekuatan yang tidak bersandarkan kepada kekuatan yang kukuh ini akan hancur, kerana kekuatan itu hanya bersandar kepada satu aspek undang-undang alam sahaja seperti berusaha, mematuhi peraturan dan menghasilkan pengeluaran yang banyak, sedangkan aspek ini sahaja tidak berkekalan, kerana tidak lama kemudian ia akan dimusnahkan oleh kerosakan kehidupan perasaan kesedaran dan kehidupan sosial.

Persoalan turunnya hujan yang banyak dan mewah - menurut pandangan lahir manusia - adalah berlaku mengikut peraturan alam yang telah ditetapkan di dalam sistem alam, tetapi perjalanan peraturan alam tidak menghalangkan hujan itu dari berfungsi sebagai penyubur dan penghidup bumi di suatu tempat dan masa yang tertentu dan sebagai pembinasa dan pemusnah di suatu tempat dan masa yang lain pula, juga dari berfungsi sebagai suatu perencanaan Allah untuk mengurniakan kesuburan melalui hujan kepada suatu kaum dan memberi kebinasaan melalui hujan kepada kaum yang lain pula. Dan seterusnya ia tidak menghalangkan Allah dari menyampaikan berita baik dan berita buruk melalui kuasa-Nya yang menggerakkan faktor-faktor alam, kerana Dialah yang menciptakan faktor-faktor dan sebab-sebab untuk merealisasikan undang-undang-Nya dalam setiap keadaan. Kemudian yang kekal berkuasa di sebalik faktor-faktor dan sebab-sebab itu ialah kehendak masyi'ah Allah yang bebas mengendalikan sebab-sebab dan faktor-faktor dan fenomena-fenomena alam secara luar biasa yang tidak lumrah diketahui manusia untuk merealisasikan perencanaan-Nya mengikut sebagaimana dan bila mana yang dikehendaki-Nya. Dan Allah merealisasikan perencanaannya dengan hikmat yang benar yang menguasai segala sesuatu yang wujud di langit dan di bumi tanpa terikat kepada peraturan-peraturan lumrah yang diketahui manusia.

Itulah da'wah Hud a.s. dan nampak jelas bahawa da'wahnya tidak disertakan dengan sesuatu mu'jizat yang luar biasa. Ini mungkin kerana peristiwa banjir raya Nuh a.s. masih dekat kepada kaum Hud, masih diingati dan disebut-sebutkan mereka. Di dalam surah yang lain, Allah pernah mengingatkan kaum Hud dengan banjir raya Nuh, tetapi kaum Hud menaruh sangkaan-sangkaan yang buruk terhadap Hud a.s.:

قَالُوا يَٰهُودُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِيٓ ءَالِهَتِنَا عَن قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

"Mereka berkata: Wahai Hud! Engkau belum lagi membawa kepada kami suatu bukti yang jelas dan kami tetap tidak akan meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana semata-mata mendengar kata-kata engkau. Dan kami tidak akan beriman kepada engkau."(53)

إِن نَّقُولُ إِلَّا ٱعْتَرَىٰكَ بَعْضُ ءَالِهَتِنَا بِسُوٓءٍ ۗ

Kami hanya hendak mengatakan bahawa setengah-setengah tuhan kami telah menimpakan engkau dengan sesuatu penyakit yang buruk." (54)

Penyelewengan telah sampai ke dalam hati kaum Hud hingga ke tahap ini, iaitu ke tahap sanggup mengatakan bahawa Hud bercakap tidak keruan kerana mengidap penyakit yang ditimpakan oleh salah satu dari tuhan-tuhan mereka dan inilah yang menyebabkan beliau mencacau dan merepek-repek!

يَٰهُودُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ

"Wahai Hud! Engkau belum lagi membawa kepada kami suatu bukti yang jelas."

Sebenarnya da'wah tauhid tidak memerlukan bukti yang jelas, kerana ia hanya memerlukan bimbingan dan peringatan di samping memerlukan usaha menghidupkan logik fitrah dan berkomunikasi dengan hati nurani.

وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِيٓ ءَالِهَتِنَا عَن قَوْلِكَ

"Dan kami tidak akan meninggalkan tuhan-tuhan kami kerana semata-mata mendengar kata-kata engkau."

Yakni kerana semata-mata mendengar cakap engkau yang tidak berlandaskan bukti dan dalil.

وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

"Dan kami tidak akan beriman kepada engkau."(53)

Yakni kami tidak akan menyambut dan mempercayai da'wah engkau. Pada hemat kami da'wah engkau itu tidak lain dan tidak bukan melainkan cakap-cakap yang meracau-racau disebabkan kerana engkau mengidap penyakit yang ditimpakan oleh salah satu dari tuhan-tuhan kami.

Sampai di sini Hud tidak mempunyai pilihan selain dari mencabar kaumnya, bertawajjuh dan berserah kepada Allah. Beliau tidak mempunyai pilihan selain dari memberi ancaman dan amaran terakhir kepada para pendusta itu, juga tidak mempunyai alternatif selain dari melakukan perpisahan di antara beliau dengan mereka dan berlepas diri dari mereka jika mereka terus berdegil mendustakannya:

Perisytiharan Hud Memutuskan Hubungan Dengan Kaumnya

إِن نَّقُولُ إِلَّا ٱعْتَرَىٰكَ بَعْضُ ءَالِهَتِنَا بِسُوٓءٍ ۗ قَالَ إِنِّيٓ أُشْهِدُ ٱللَّهَ وَٱشْهَدُوٓا۟ أَنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾ مِن دُونِهِۦ ۖ فَكِيدُونِى جَمِيعًا ثُمَّ لَا تُنظِرُونِ ﴿٥٥﴾ إِنِّى تَوَكَّلْتُ عَلَى ٱللَّهِ رَبِّى وَرَبِّكُم ۚ مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ

ءَاخِذُۢ بِنَاصِيَتِهَآۚ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٥٦ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقَدۡ أَبۡلَغۡتُكُم مَّآ أُرۡسِلۡتُ بِهِۦٓ إِلَيۡكُمۡۚ وَيَسۡتَخۡلِفُ رَبِّي قَوۡمًا غَيۡرَكُمۡ وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيۡـًٔاۚ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٍ حَفِيظٞ ٥٧

"Jawab Hud: Sesungguhnya aku mempersaksikan Allah dan kamu sekalian hendaklah turut menjadi saksi bahawa aku tidak kena mengena dengan perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah."(54) Dengan yang lain dari-Nya. Oleh sebab itu, aturkanlah segala tipu daya kamu sekalian terhadap diriku kemudian (bertindaklah) tanpa memberi sebarang tempoh kepadaku(55). Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku berada di jalan yang lurus(56). Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telah pun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Al-lah, yang kerananya aku telah diutuskan kepada kamu dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada Allah. Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu."(57)

Itulah pernyataan yang merupakan pemberontakan Hud yang memutuskan hubungan dengan kaumnya, sedangkan dahulunya beliau merupakan sebahagian dari mereka dan saudara mereka. Itulah pernyataan Hud yang melahirkan perasaan takut berada dalam golongan mereka setelah mereka memilih jalan yang lain dari jalan Allah. Itulah pernyataan yang membawa perpisahan di antara dua kelompok yang tidak mempunyai titik pertemuan dalam sesuatu hubungan setelah terputusnya hubungan 'aqidah di antara keduanya.

Hud a.s. telah mempersaksikan Allah Tuhannya bahawa beliau tidak mempunyai sebarang hubungan dengan kaumnya yang sesat itu. Dia telah terasing dan terpisah dari mereka, malah beliau telah meminta mereka turut menjadi saksi atas perpisahan ini yang berlaku di hadapan mereka supaya mereka tidak ragu-ragu terhadap kebencian dan ketakutannya untuk hidup dalam golongan mereka.

Semuanya itu kerana kekuatan keimanan dan keunggulannya dan kerana keyakinan keimanan dan kemantapannya.

Seseorang insan tentulah merasa takjub melihat Hud yang sebatang kara menghadapi satu kaum yang kasar, gagah berani dan bodoh hingga ke tahap mempercayai bahawa tuhan-tuhan palsu yang disembahkan mereka berkuasa menimpakan ke atasnya suatu penyakit yang menyebabkannya bercakap tidak keruan dan memandang da'wahnya kepada Allah Yang Maha Esa sebagai cakap-cakap mencacau yang tidak rasional akibat penyakit yang dihidapinya. Ia tentulah merasa takjub melihat Hud yang sebatang kara menghadapi kaumnya yang begitu yakin terhadap tuhan-tuhan palsu mereka dan ia sanggup memperbodoh-bodohkan 'aqidah mereka, mencela dan mengecam mereka di samping merangsangkan kemarahan mereka dan mencabar (agar mereka terus bertindak ke atasnya) tanpa meminta tempoh untuk bersedia dan tanpa membiarkan mereka berlengah-lengah yang boleh menyebabkan kemarahan mereka menjadi padam.

Ia tentulah merasa takjub melihat Hud yang sebatang kara sanggup mencabar kaumnya yang kasar dan gagah berani, tetapi ketakjuban itu akan hilang apabila ia memikirkan faktor-faktor dan sebab-sebab yang wujud sebaliknya.

Itulah faktor keimanan, kepercayaan dan keyakinan Hud kepada Allah dan kepada janji dan pertolongan-Nya. Itulah faktor keimanan yang meresap sebati di dalam hati yang membuat Hud memandang janji Allah itu sebagai satu realiti yang jelas di dalam hatinya dan tidak pernah diraguinya sedikit pun kerana realiti itu telah memenuhi tangan dan hatinya yang terletak di dalam dadanya. Ia bukanlah janji di masa hadapan yang masih dalam, alam ghaib, malah ia merupakan janji yang wujud di alam realiti, yang dapat dini'mati mata dan hati.

قَالَ إِنِّيٓ أُشۡهِدُ ٱللَّهَ وَٱشۡهَدُوٓاْ أَنِّي بَرِيٓءٞ مِّمَّا تُشۡرِكُونَ ٥٤ مِن دُونِهِۦۖ

"Jawab Hud: Sesungguhnya aku mempersaksikan Allah dan kamu sekalian hendaklah turut menjadi saksi bahawa aku tidak kena mengena dengan perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah dengan yang lain dari-Nya."(54-55)

Maksudnya, aku mempersaksikan Allah bahawa aku berlepas tangan dari perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah dan kamu juga harus turut menjadi saksi atas pembersihan tanganku ini agar penyaksian itu menjadi bukti terhadap diri kamu sendiri. Kini aku isytiharkan kepada kamu bahawa aku sama sekali tidak bersangkut-paut dengan perbuatan kamu yang telah mempersekutukan Allah. Kemudian hendaklah kamu berkumpul bersama tuhan-tuhan kamu mengikut dakwaan kamu yang telah menimpakan penyakit ke atas diriku. Berkumpullah kamu sekalian, kemudian lakukanlah angkara kamu terhadap diriku tanpa berlengah-lengah dan menempoh-nempoh. Aku tetap tidak menghiraukan kamu dan tidak sedikit pun merasa takut kepada kamu.

إِنِّي تَوَكَّلۡتُ عَلَى ٱللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمۚ

"Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu."

Biar bagaimanapun kamu mengingkar dan mendusta Rububiyah Allah terhadapku dan terhadap kamu namun ia merupakan satu hakikat yang teguh

kerana Allah Yang Maha Esa itu adalah Tuhan seluruh manusia. Dia tidak berbilang dan tidak pula mempunyai sekutu.

مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذُۢ بِنَاصِيَتِهَآ

"Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya."

Ini adalah satu gambaran penguasaan dalam bentuk fizikal. Ia menggambarkan kuasa dengan gambaran memegang ubun setiap binatang di bumi ini termasuk manusia sendiri. Ubun merupakan bahagian dahi yang tertinggi, ia melambangkan qudrat penguasaan Allah dalam bentuk fizikal yang sesuai dengan situasi, sesuai dengan kekasaran dan kegagahan kaum Hud dan seterusnya sesuai dengan kekasaran tanggapan dan perasaan mereka. Di samping itu ayat yang berikut menjelaskan tentang keteguhan perjalanan Sunnatullah yang tidak pernah melencong:

"Sesungguhnya Tuhanku berada di jalan yang lurus"(56)

Itulah pernyataan yang membayangkan kekuatan, keteguhan, kelurusan dan tekad yang kukuh.

Dalam kata-kata yang kuat dan tegas ini kita dapat memahami rahsia semangat Hud yang tinggi dan rahsia cabarannya yang berani. Kedua-duanya melukiskan gambaran hakikat ma'rifat yang tersemat di dalam hati Nabi Allah Hud terhadap Allah, iaitu hakikat ma'rifat yang begitu jelas bahawa Allah adalah Tuhannya dan Tuhan seluruh makhluk yang lain, Yang Maha Kuat dan Maha Kuasa.

مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذُۢ بِنَاصِيَتِهَآ

"Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya."

Kaum Hud yang kasar dan gagah perkasa itu hanya tidak lebih dari sekumpulan binatang dari binatang-binatang yang lain, yang ubun-ubunnya dipegang dan dikuasai qudrat Allah. Oleh sebab itu tidak ada ertinya kepada Hud merasa takut kepada binatang-binatang ini dan memberi perhatian yang berat kepadanya kerana binatang-binatang itu tidak dapat menguasainya melainkan dengan keizinan Allah. Begitu juga tidak ada ertinya kepada Hud untuk hidup dalam golongan kaumnya, sedangkan jalan hidup mereka berlainan dari jalan hidupnya.

Hakikat yang didapati Hud a.s. di dalam hatinya ini tidak lagi meninggalkan ruang di dalam hatinya kepada sebarang perasaan ragu-ragu terhadap akibat perjuangannya dan tidak pula kepada perasaan teragak-agak untuk meneruskan jalan perjuangannya.

Itulah hakikat Uluhiyah yang selama-lamanya menjelma di dalam hati para Mu'minin yang terpilih.

Setelah sampai ke tahap ini, di mana Hud mencabar kaumnya dengan kekuatan Allah dan melahirkan kekuatan ini dalam bentuk gambaran fizikal yang kuat dan jelas, maka Hud mula mengeluarkan amarannya:

فَإِن تَوَلَّوْاْ فَقَدْ أَبْلَغْتُكُم مَّآ أُرْسِلْتُ بِهِۦٓ إِلَيْكُمْ

"Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telah pun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Allah, yang kerananya aku diutuskan kepada kamu."

Yakni aku telah menunaikan kewajipanku kepada Allah dan aku telah berlepas tangan dari perbuatan kamu yang syirik supaya kamu menghadapi kekuatan Allah S.W.T.:

وَيَسْتَخْلِفُ رَبِّى قَوْمًا غَيْرَكُمْ

"Dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan kaum yang lain."

Iaitu kaum yang layak menerima da'wah Allah dan mempunyai pendirian yang jujur dan teguh setelah ia membinasakan kamu dengan sebab kezaliman dan penyelewengan kamu.

وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيْـًٔا

"Dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada-Nya."

Kerana kamu tidak mempunyai kekuatan untuk bertindak begitu, sedangkan kehapusan kamu pula tidak akan meninggalkan sebarang ruang kosong dan sebarang kekurangan di alam buananya.

إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu."(57)

Yakni Allah berkuasa memelihara agama-Nya, para hamba kesayangan-Nya dan segala undang-undang dan peraturan-Nya dari gugatan dan kehilangan. Dan Dia sentiasa mengawasi kamu dan kerana itu kamu tidak akan terlepas dari-Nya dan tidak dapat melemahkan-Nya dengan melarikan diri.

Itulah kata-kata pemutus dan dengan itu berakhirlah perdebatan dan percakapan untuk merealisasikan janji dan amaran Allah:

Kebinasaan Kaum Hud

وَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا هُودًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَنَجَّيْنَٰهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٨﴾

"Dan apabila datang 'azab Kami, Kami selamatkan Hud bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat dari Kami, dan Kami telah menyelamatkan mereka dari 'azab yang amat kasar."(58)

Maksudnya, setelah tiba masa untuk merealisasikan janji Kami dan membinasakan kaum Hud, maka Kami telah menyelamatkan Hud bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan rahmat secara langsung dari Kami, yang telah menghindarkan mereka dari 'azab besar yang menimpa kaum Hud

dan mengecualikan mereka dari ditimpa sebarang bencana. Mereka semua terselamat dari 'azab yang amat kasar. Ia disifatkan sebagai amat kasar dengan gambaran fizikal yang sesuai dengan situasi dan dengan kaum Hud yang amat kasar dan zalim.

Sekarang kaum Ad telah binasa dan kebinasaannya diisyaratkan di dalam ayat berikut dengan ungkapan "تلك" yang menunjukkan jauh, di samping merakamkan segala dosa yang dilakukan mereka dan kemudian mereka dihantar dengan do'a laknat yang diungkapkan dengan jelas, tegas dan berulang-ulang:

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾
وَأُتْبِعُوا فِي هَٰذِهِ الدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ أَلَا إِنَّ عَادًا كَفَرُوا رَبَّهُمْ أَلَا بُعْدًا لِعَادٍ قَوْمِ هُودٍ ﴿٦٠﴾

"Dan itulah kaum 'Ad yang telah mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka terhadap rasul-rasul-Nya dan mereka telah mengikut perintah setiap ketua mereka yang bermaharajalela dan degil.(59) Dan mereka diikuti dengan laknat di dunia ini, juga pada hari Qiamat. Ketahuilah, sesungguhnya kaum 'Ad telah mengingkarkan Tuhan mereka. Ketahuilah, Allah jauhkan 'Ad kaum Hud dari rahmat-Nya."(60)

وَتِلْكَ عَادٌ

"Itulah kaum 'Ad."

Mereka diisyaratkan dengan ungkapan yang menyarankan kedudukan yang berada jauh dari situ, sedangkan baru sebentar tadi kisah mereka diceritakan Al-Qur'an dan peristiwa kebinasaan mereka berlaku di hadapan penglihatan umum. Tetapi kini kisah mereka telah lama berakhir dan mereka telah berada begitu jauh dari pandangan mata dan pemikiran manusia.

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ

"Dan itulah kaum 'Ad yang telah mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka terhadap rasul-rasulNya."

Mereka sebenarnya telah menderhaka terhadap seorang rasul sahaja (bukannya rasul-rasul), tetapi bukankah risalah Allah itu adalah satu risalah yang sama sahaja yang dibawa oleh seluruh rasul-Nya? Oleh sebab itu siapa yang menolak risalah yang dibawa oleh seorang rasul bererti ia telah menderhaka terhadap seluruh rasul yang lain. Kita jangan lupa bahawa kata-kata "آيات ربهم" dan kata-kata "رُسُلَه" dengan sifat jama' itu memang disengaja dan dirancangkan dari segi uslub dengan tujuan untuk menunjukkan betapa besar dan betapa buruknya jenayah yang telah dilakukan kaum Hud. Mereka telah mengingkarkan ayat-ayat Allah dan menderhaka para rasul. Alangkah besar dan buruknya dosa dan jenayah yang telah dilakukan mereka!

"Dan mereka telah mengikut perintah setiap ketua mereka yang bermaharajalela dan degil."(59)

Isu Rububiyah Dan Keta'atan Kepada Allah

Maksudnya, mereka telah mematuhi perintah setiap penguasa mereka yang degil dan tidak mahu menerima kebenaran, sedangkan mereka bertanggungjawab membebaskan diri mereka dari kuasa penguasa-penguasa itu dan berfikir sendiri mengenai urusan diri mereka. Mereka tidak sepatutnya menjadi pak turut-pak turut yang tidak menghargakan sifat kemanusiaan mereka.

Demikianlah ternyata bahawa isu di antara Hud dan kaumnya 'Ad ialah isu Rububiyah Allah dan menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Besar sahaja. Itulah isu kuasa "Hakimiyah" dan isu "mengikut dan menjunjung perintah". Itulah isu, siapakah Tuhan yang seharusnya dita'ati dan dipatuhi perintahnya? Hakikat ini ternyata dengan jelas di dalam firman Allah:

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾

"Dan itulah kaum 'Ad yang telah mengingkarkan ayat-ayat Tuhan mereka dan menderhaka terhadap rasul-rasul-Nya dan mereka telah mengikut perintah setiap ketua mereka yang bermaharajalela dan degil."(59)

Itulah perbuatan menderhaka perintah para rasul dan mengikut perintah penguasa-penguasa yang bermaharajalela, sedangkan Islam mewajibkan ta'at kepada perintah para rasul kerana ia dari perintah Allah di samping mewajibkan derhaka kepada perintah penguasa-penguasa yang bermaharajalela. Inilah persimpangan jalan yang memisahkan di antara jahiliyah dan Islam, di antara kekufuran dan keimanan dalam setiap risalah yang dibawa oleh setiap rasul.

Demikianlah ternyata bahawa da'wah tauhid dari awal-awal lagi menekankan agar manusia membebaskan diri mereka dari keta'atan kepada yang lain dari Allah dan agar menentang kuasa tuhan-tuhan palsu yang zalim. Da'wah tauhid mengira perbuatan menghapuskan syakhsiyah seseorang dan menyerahkan hak kebebasan diri kerana mematuhi dan menta'ati penguasa-penguasa yang zalim dan angkuh itu sebagai jenayah syirik dan kufur yang wajar menerima kebinasaan di dunia dan 'azab di Akhirat. Allah menciptakan manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang bebas dan mereka yang tidak memberi 'Ubudiyah mereka kepada sesiapa pun dari makhluk Allah dan tidak pula menyerahkan hak kebebasan diri mereka kepada mana-mana penguasa ketua dan pemimpin yang zalim. Inilah asas kehormatan yang dikurniakan Allah kepada mereka,

oleh itu sesiapa yang tidak memeliharakan kehormatan dirinya, maka ia tidak wajar mendapat penghormatan di sisi Allah dan tidak pula wajar mendapat keselamatan. Mana-mana kelompok manusia tidak berhak mendakwa mempunyai kehormatan dirinya dan hak kemanusiaan, seandainya mereka memberi keta'atan mereka kepada yang lain dari Allah. Mereka yang menerima konsep keta'atan kepada Rububiyah manusia tidak berhak diberi justifikasi andainya mereka kalah di dalam perjuangan mereka, kerana bilangan mereka ramai, sedangkan bilangan penguasa-penguasa yang zalim itu kecil. Dan seandainya mereka benar-benar mahu membebaskan diri mereka tentulah mereka sanggup mengorbankan untuknya sebahagian dari cukai penghinaan diri, kehormatan diri dan harta benda yang terpaksa dikorbankan mereka kepada tuhan-tuhan palsu yang menguasai mereka.

Kaum 'Ad telah binasa kerana mereka mematuhi perintah setiap penguasa yang zalim dan degil. Mereka telah binasa dan pemergian mereka dihantar dengan do'a laknat di dunia dan di Akhirat:

وَأُتْبِعُواْ فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ

"Dan mereka diikuti dengan laknat di dunia ini, juga pada hari Akhirat."

Sebelum kaum 'Ad ditinggal, ayat berikut merekodkan kedudukan dan keadaan mereka di samping menerangkan sebab mengapa mereka telah ditimpakan 'azab Allah dalam satu perisytiharan umum dan peringatan yang lantang:

أَلَآ إِنَّ عَادًا كَفَرُواْ رَبَّهُمْ

"Ketahuilah, sesungguhnya kaum 'Ad telah mengingkarkan Tuhan mereka."

Kemudian ayat berikut mendo'akan agar mereka dilaknat dan diusir jauh dari rahmat-Nya:

أَلَا بُعْدًا لِّعَادٍ قَوْمِ هُودٍ ﴿٦٠﴾

"Ketahuilah, Allah jauhkan 'Ad kaum Hud dari rahmat-Nya."(60)

Ayat ini menyebut kaum 'Ad dengan begitu jelas dan tegas seolah-olah ia memberi alamat yang terang untuk dikirimkan laknat kepada mereka agar laknat itu benar-benar sampai kepada mereka.

(Saranan-saranan dari kisah Hud)

Elok kita berhenti sekejap-sekejap di hadapan saranan-saranan yang diilhamkan kisah Hud dengan kaumnya yang diceritakan di dalam surah ini sebelum kita berpindah kepada kisah Nabi Soleh a.s. Ini ialah kerana tinjauan terhadap garis perjalanan da'wah dengan sedemikian rupa hanya disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim dengan tujuan untuk melukiskan batu-batu pedoman jalan pergerakan 'aqidah Islam di sepanjang zaman bukan sahaja pergerakan di dalam sejarah silamnya, malah pergerakan masa depannya hingga ke akhir zaman, dan bukan sahaja merangkumi angkatan Muslimin pertama yang mula-mula menerima Al-Qur'an dan bergerak dengan bimbingan Al-Qur'an untuk menghadapi jahiliyah di zaman ini, malah merangkumi setiap kelompok Muslimin yang bergerak dengan Al-Qur'an untuk menghadapi jahiliyah hingga ke akhir zaman. Inilah yang menjadikan Al-Qur'an sebuah kitab da'wah Islamiyah yang kekal dan sebagai pemandu pergerakan da'wah di setiap masa.

Kami telah pun menyebut secara sepintas lalu berbagai-bagai isyarat Al-Qur'an yang kami akan ulangi seluruhnya di sini secara lebih kurang. Walaupun isyarat-isyarat itu telah disentuh sepintas lalu ketika mentafsirkan nas-nas Al-Qur'an dengan tujuan untuk mengikuti penerangan Al-Qur'an, namun ia memerlukan kita berhenti di hadapan isyarat-isyarat itu dengan lebih lama lagi (untuk merenungi indikasi-indikasinya) secara umum.

• Marilah kita berhenti di hadapan isyarat Al-Qur'an yang membayangkan da'wah Islamiyah sebagai satu da'wah yang kekal yang dituturkan oleh setiap rasul dan dijelaskan oleh setiap risalah. Da'wah Islamiyah merupakah da'wah yang mentauhidkan ibadat dan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa seperti yang diceritakan Al-Qur'anul-Karim mengenai setiap rasul:

قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ

"Hud berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah." (50)

Pengertian Ibadat

Kami selalunya mentafsirkan "ibadat" kepada Allah Yang Maha Esa dengan keta'atan yang syumul kepada Allah Yang Maha Esa dalam setiap urusan baik urusan duniawi mahupun urusan ukhrawi. Ini ialah kerana pengertian yang sedemikian merupakan pengertian yang diberikan oleh kata-kata "ibadat" itu sendiri mengikut makna asalnya dari segi bahasa kerana makna kata-kata "عبد" ialah patuh dan tunduk dan makna kata "طريق معبد" ialah jalan yang boleh dilalui dengan mudah dan selesa (terjemahan literal ialah jalan yang diperhambakan. Ia membayangkan jalan itu patuh dan tunduk kepada segala laluan - Penterjemah). Kata-kata "عبّده" pula bererti ia menjadikannya seorang hamba yang patuh dan ta'at.

Orang-orang Arab yang mula-mula ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka tidak pernah membataskan pengertian "ibadat" kepada semata-mata amalan mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja apabila mereka diperintahkan dengan kata-kata itu, kerana pada hari-hari awal diturunkan Al-Qur'an di Makkah, syi'ar-syi'ar ibadat belum lagi difardhukan ke atas mereka, malah maksud yang difahami mereka dari kata-kata ibadat apabila diperintah dengan kata-kata itu ialah memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa dalam segala perintah-Nya, iaitu mencabut dari lehernya belenggu keta'atannya kepada yang lain dari Allah. Rasulullah s.a.w. telah mentafsirkan makna

"ibadat" dari segi nas ialah "mengikut" atau menjunjung perintah dan bukannya dengan makna mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat apabila beliau berkata kepada Adi ibn Hatim mengenai kaum Yahudi dan kaum Kristian (yang diselarkan Al-Qur'an sebagai orang-orang) yang telah mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka sebagai tuhan-tuhan mereka: "Memang benar (mereka telah menyembah ulama'-ulama' dan paderi-paderi itu) kerana merekalah yang telah menghalalkan kepada mereka perkara-perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang halal lalu diikuti dan dipatuhi mereka dan inilah makna mereka telah menyembah ulama'-ulama' dan paderi-paderi itu".

Kata-kata "ibadat" telah diistilahkan juga dengan makna "mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat" kerana ia dipandang sebagai salah satu bentuk keta'atan kepada Allah, tetapi bentuk keta'atan itu tidak mencakup keseluruhan makna "ibadat", malah bentuk keta'atan ini hanya merupakan makna cabangan sahaja bukannya makna asal. Tetapi apabila konsep "agama" dan konsep "ibadat" telah pudar dan kabur di dalam jiwa orang ramai Islam, maka timbullah fahaman mereka bahawa yang dimaksudkan dengan ibadat kepada yang lain dari Allah yang boleh mengeluarkan mereka dari Islam kepada jahiliyah ialah amalan mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja seperti amalan mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat kepada berhala-berhala dan patung-patung dan apabila seorang itu telah menjauhi perbuatan ini, maka bererti ia telah menjauhi syirik dan jahiliyah dan telah menjadi seorang Muslim yang tidak boleh ditakfirkan lagi dan ia berhak meni'mati segala hak yang boleh dini'mati setiap Muslim di dalam Masyarakat Islam seperti hak mendapat jaminan keselamatan terhadap darahnya, kehormatannya, harta bendanya dan lain-lain dari hak-hak seorang Muslim terhadap Muslim yang lain.

Ini adalah satu fahaman yang salah dan batil, satu pemahaman yang singkat dan susut, malah ia merupakan satu pemahaman yang menukar dan mengubahkan pengertian kata-kata "ibadat" yang memasukkan seorang Muslim ke dalam Islam atau mengeluarkannya dari Islam, iaitu pengertian "ibadat" dengan makna keta'atan dan kepatuhan yang kamil kepada Allah di dalam segala urusan hidup dan menolak keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah dalam segala urusan hidup. Itulah pengertian asal dari kata-kata "ibadat" dari segi bahasa dan pengertian inilah yang dinaskan Rasulullah s.a.w. ketika mentafsirkan firman Allah:

ٱتَّخَذُوٓاْ أَحۡبَارَهُمۡ وَرُهۡبَٰنَهُمۡ أَرۡبَابٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Mereka telah mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah"

(Surah at-Taubah: 31)

dan tiada siapa pun yang berhak mempertikaikan mana-mana pentafsiran Rasulullah s.a.w. terhadap mana-mana istilah agama.[6]

Inilah hakikat yang sering kami jelaskan di dalam tafsir fi Zilal ini dan dalam buku-buku yang lain yang telah kami tuliskan - dengan taufik Allah - mengenai Islam, tabi'at Islam dan program-program pergerakannya.[7] Kini kita dapati dalam kisah yang dibentangkan oleh surah ini satu isyarat yang menentukan maudhu' isu ibadat itu dan menentukan titik pertarungan yang berlaku di antara Hud dengan kaumnya dan di antara agama Islam yang dibawa beliau dengan jahiliyah yang dihayati mereka, dan seterusnya menentukan apakah maksud seruan Hud yang ditujukan kepada mereka:

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah."(50)

Ayat ini bukanlah bermaksud: "Wahai kaumku! Janganlah kamu melakukan syi'ar-syi'ar ibadat kepada yang lain dari Allah" sebagaimana difahamkan oleh mereka yang mempersingkatkan pengertian (ibadat) di dalam tanggapan-tanggapan mereka hingga menyebabkan pengertiannya terbatas dalam bidang mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja, sedangkan pengertiannya yang sebenar ialah keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa dalam semua peraturan hidup dan membuang keta'atan dan kepatuhan kepada mana-mana kuasa Taghut dalam segala urusan kehidupan. Perbuatan yang mewajarkan kaum Hud ditimpa kebinasaan dan laknat di dunia dan di Akhirat bukanlah semata-mata kerana mereka mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat kepada yang lain dari Allah, kerana perbuatan melakukan syi'ar-syi'ar ibadat itu hanya merupakan salah satu bentuk dari bentuk-bentuk syirik yang beraneka ragam, yang kerananya Hud diutuskan Allah untuk mengeluarkan mereka dari amalan-amalan ibadat syirik kepada amalan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja iaitu kepada konsep keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa. Sebenarnya perbuatan keji yang mewajarkan kaum 'Ad ditimpa balasan ialah kerana mereka mengingkarkan ayat-ayat Allah,

---

[6] *Lihat kajian yang bermutu yang ditulis oleh seorang Muslim agung al-Ustaz as-Sayed Abul A'la al-Maududi Amir Jama'ah Islamiyah, Pakistan dengan judul* " المصطلحات الأربعة في القرأن الإله , الرب , الدين , العبادة "

[7] *Iaitu buku* "معالم في الطريق", *buku* " خصائص التصور الاسلامي و مقوماته", *buku* "هذا الدين", *buku* "المستقبل لهذا الدين", *buku* "الاسلام و مشكلات الحضارة", *buku* "العدالة الإختماعية" *dan buku* "السلام العالمي و الاسلام"

menderhaka terhadap para rasul-Nya dan mengikut dan menjunjung perintah setiap penguasa yang bermaharajalela dan degil sebagaimana telah diceritakan Allah.

Keingkaran mereka terhadap ayat-ayat Allah dapat dilihat pada perbuatan mereka yang menyangkal para rasul dan mematuhi perintah para penguasa yang bermaharajalela, iaitu menyangkal satu perintah sahaja bukannya berbagai perintah, kerana apabila sesuatu kaum itu menentang perintah-perintah Allah dalam bentuk undang-undang yang disampaikan kepada mereka oleh para rasul supaya mereka tidak ta'at kepada syari'at-syari'at yang lain dari Allah tetapi mereka tetap ta'at kepada yang lain dari Allah dan tidak ta'at kepada Allah, maka ini bererti mereka telah mengingkarkan ayat-ayat Allah dan menentang para rasul-Nya dan dengan perbuatan yang sedemikian mereka terkeluar dari Islam dan masuk ke dalam agama syirik. Sebelum ini kita telah mengetahui dengan jelas bahawa Islam merupakan agama asal manusia yang telah memulakan kehidupannya di muka bumi ini. Islam merupakan agama yang dibawa turun oleh Adam dari Syurga ke bumi, di mana beliau dilantik selaku khalifah di bumi Allah. Dan Islam juga merupakan agama yang dibawa turun oleh Nuh dari bahteranya lalu beliau dilantik selaku khalifah di bumi Allah. Kemudian apabila manusia keluar dari agama Islam dan masuk ke dalam agama jahiliyah, maka datanglah da'wah Allah untuk mengembalikan mereka dari jahiliyah kepada Islam. Demikianlah Islam dan jahiliyah silih berganti hingga ke zaman kita ini.

Sebenarnya jika hakikat pengertian ibadat itu ialah semata-mata melakukan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja, maka sudah tentu ia tidak mewajarkan munculnya barisan para rasul yang mulia dan turunnya siri risalah-risalah Allah itu, juga tidak mewajarkan seluruh pengorbanan tenaga yang begitu jerih dan penat yang telah dicurahkan oleh para rasul, Allah cucurkan rahmat ke atas mereka, dan seterusnya tidak mewajarkan segala 'azab penderitaan dan kesakitan yang telah dialami oleh para penda'wah dan para Mu'minin di sepanjang zaman! Tetapi satu-satunya matlamat yang mewajarkan pembayaran harga yang sebegitu mahal ialah mengeluarkan manusia umumnya dari keta'atan kepada sesama manusia dan mengembalikan mereka kepada keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam segala urusan dan program hidup mereka dunia dan Akhirat.

Sebenarnya usaha menegakkan tauhid Uluhiyah, tauhid Rububiyah, tauhid Qiwamah, tauhid Hakimiyah, tauhid sumber undang-undang, tauhid sistem hidup, tauhid sasaran yang harus ditumpukan keta'atan yang syumul manusia kepada-Nya, adalah satu usaha yang mewajarkan kebangkitan para rasul, pengorbanan segala usaha perjuangan dan penanggungan 'azab penderitaan dan kesakitan yang begitu pedih di sepanjang zaman. Ini bukannya kerana Allah S.W.T. memerlukan semuanya itu, kerana Allah S.W.T. adalah terkaya dari makhluk-Nya, tetapi kerana hidup insan tidak akan menjadi baik, teguh dan betul dan tidak akan menjadi sebuah hidup yang sesuai dengan manusia melainkan dengan prinsip tauhid yang mempunyai kesan yang tidak terbatas di dalam hidup mereka dari segala aspeknya. (Kami harap persoalan ini dapat kami jelaskan lagi dengan lebih terperinci di akhir kisah-kisah para rasul pada penghabisan surah ini).

• Marilah pula kita berhenti di hadapan hakikat yang telah dijelaskan Hud a.s. a kaumnya ketika beliau bersabda kepada mereka:

وَيَٰقَوۡمِ ٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِ يُرۡسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيۡكُم مِّدۡرَارٗا وَيَزِدۡكُمۡ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمۡ وَلَا تَتَوَلَّوۡاْ مُجۡرِمِينَ ٥٢

"Wahai kaumku! Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah akan menurunkan hujan yang berturut-turut ke atas kamu dan menambahkan satu lagi kekuatan kepada kekuatan kamu dan janganlah kamu berpaling dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa."(52)

Hakikat Hubungan Di Antara Nilai-nilai Keimanan Dan Nilai-nilai Hidup Di Alam Realiti

Hakikat yang disebut di dalam ayat ini adalah satu hakikat yang sama yang telah disebut di permulaan surah mengenai da'wah Rasulullah s.a.w. yang telah menyeru kaumnya supaya beriman kepada isi kandungan kitab Al-Qur'an yang telah disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi kemudian diberi huraian yang terperinci dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar. Ia disebut dalam firman-Nya:

وَأَنِ ٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِ يُمَتِّعۡكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى وَيُؤۡتِ كُلَّ ذِي فَضۡلٖ فَضۡلَهُۥۖ وَإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٖ كَبِيرٍ ٣

"Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya nescaya Allah mengurniakan kepada kamu keni'matan hidup yang baik sehingga ke suatu masa yang tertentu dan setiap orang yang mempunyai amalan yang baik akan dikurniakan balasannya yang baik. Dan oleh itu seandainya kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab hari (Qiamat) yang amat besar."(3)

Itulah hakikat hubungan di antara nilai-nilai keimanan dan nilai-nilai di alam kenyataan di dalam kehidupan manusia, juga hakikat hubungan tabi'at alam dan undang-undang umumnya dengan kebenaran yang didokong oleh agama ini, iaitu satu hakikat yang memerlukan penjelasan dan pengukuhan terutama kepada mereka yang hanya mengetahui kulit luar kehidupan dunia sahaja, sedangkan jiwa mereka belum lagi tergilap halus hingga ke tahap dapat melihat hubungan ini atau setidak-tidaknya merasakan adanya hubungan ini.

Kebenaran/al-Haq yang dibawa agama ini tidak terpisah dari kebenaran/al-Haq yang wujud pada Uluhiyah Allah S.W.T., juga tidak terpisah dari kebenaran/al-Haq yang menjadi asas ciptaan langit dan bumi, iaitu kebenaran/al-Haq yang wujud pada tabi'at alam dan pada undang-undang-Nya yang azali... Al-Qur'anul-Karim seringkali menghubungkan di antara kebenaran/al-Haq yang wujud pada Uluhiyah Allah dan kebenaran/al-Haq yang menjadi asas ciptaan langit dan bumi dan khususnya kebenaran / al-Haq yang wujud pada balasan baik dan jahat di dunia dan Akhirat... Hubungan itu dijelaskan di dalam ayat-ayat seperti berikut:

وَمَا خَلَقۡنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلۡأَرۡضَ وَمَا بَيۡنَهُمَا لَٰعِبِينَ (١٦)
لَوۡ أَرَدۡنَآ أَن نَّتَّخِذَ لَهۡوٗا لَّٱتَّخَذۡنَٰهُ مِن لَّدُنَّآ إِن كُنَّا فَٰعِلِينَ (١٧)
بَلۡ نَقۡذِفُ بِٱلۡحَقِّ عَلَى ٱلۡبَٰطِلِ فَيَدۡمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٞۚ وَلَكُمُ ٱلۡوَيۡلُ مِمَّا تَصِفُونَ (١٨)
وَلَهُۥ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَمَنۡ عِندَهُۥ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسۡتَحۡسِرُونَ (١٩)
يُسَبِّحُونَ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفۡتُرُونَ (٢٠)
أَمِ ٱتَّخَذُوٓاْ ءَالِهَةٗ مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ هُمۡ يُنشِرُونَ (٢١)
لَوۡ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَاۚ فَسُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلۡعَرۡشِ عَمَّا يَصِفُونَ (٢٢)
لَا يُسۡـَٔلُ عَمَّا يَفۡعَلُ وَهُمۡ يُسۡـَٔلُونَ (٢٣)
أَمِ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةٗۖ قُلۡ هَاتُواْ بُرۡهَٰنَكُمۡۖ هَٰذَا ذِكۡرُ مَن مَّعِيَ وَذِكۡرُ مَن قَبۡلِيۚ بَلۡ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ٱلۡحَقَّۖ فَهُم مُّعۡرِضُونَ (٢٤)
وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيٓ إِلَيۡهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدُونِ (٢٥)

"Dan tiadalah Kami ciptakan langit, bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan tujuan bermain-main sahaja(16). Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu permainan tentulah Kami mengambilnya dari sisi Kami sendiri (tetapi) tiadalah sekali-kali Kami melakukannya(17). Malah Kami melontarkan kebenaran untuk mengalahkan kebatilan lalu ia menghancurkannya dan terus terhapus dan kamu akan mendapat kecelakaan kerana perbuatan kamu menyifatkan Allah dengan sifat-sifat yang tidak wajar(18). Dan Dia memiliki sekalian penghuni langit dan bumi. Dan para malaikat yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk mengabdikan diri kepada Aku dan tidak pula pernah merasa penat(19). Mereka bertasbih malam dan siang tanpa berhenti(20). Apakah mereka telah memilih tuhan-tuhan dari bumi yang berkuasa membangkitkan manusia selepas mati?(21). Seandainya di langit dan di bumi ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah. Oleh itu Maha Sucilah Allah yang mempunyai 'Arasy dari sifat-sifat yang tidak wajar yang disifatkan mereka(22). Dia tidak dipersoalkan tentang segala apa yang dilakukannya, sedangkan mereka dipersoalkan(23). Apakah mereka telah memilih tuhan-tuhan selain Allah? Katakanlah: Bawalah dalil-dalil kamu. Inilah kitab Al-Qur'an yang menyebut cerita-cerita orang-orang yang semasa denganku, juga menyebut cerita-cerita orang-orang yang sebelumku, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui kebenaran dan kerana itu mereka berpaling(24). Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa tiada Tuhan melainkan hanya Aku sahaja, oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Ku."(25)

(Surah al-Anbiya')

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمۡ فِي رَيۡبٖ مِّنَ ٱلۡبَعۡثِ فَإِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ مِنۡ عَلَقَةٖ ثُمَّ مِن مُّضۡغَةٖ مُّخَلَّقَةٖ وَغَيۡرِ مُخَلَّقَةٖ لِّنُبَيِّنَ لَكُمۡۚ وَنُقِرُّ فِي ٱلۡأَرۡحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى ثُمَّ نُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ أَشُدَّكُمۡۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ هَامِدَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡ وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ

زَوۡجِۭ بَهِيجٖ ٥

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡحَقُّ وَأَنَّهُۥ يُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَأَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٦

وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٞ لَّا رَيۡبَ فِيهَا وَأَنَّ ٱللَّهَ يَبۡعَثُ مَن فِي ٱلۡقُبُورِ ٧

"Wahai manusia, jika kamu berada di dalam keraguan tentang kebangkitan (selepas mati), maka (sedarilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari sebuku sel yang melekat (di dinding rahim) kemudian dari segumpal lembaga yang dibentuk dengan rupa yang sempurna dan tidak dibentuk dengan rupa yang sempurna untuk Kami menjelaskan (kekuasaan Kami) kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim kandungan yang Kami kehendaki sehingga ke suatu tempoh yang telah ditentukannya, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai seorang bayi kemudian (kami lanjutkan usia kamu) supaya kamu sampai kepada usia dewasa yang paling kuat, dan di antara kamu ada orang-orang yang dimatikan dan ada pula di antara kamu orang-orang yang dilanjutkan usianya kepada peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui sesuatu yang telah diketahuinya. Dan engkau melihat bumi itu kaku tidak bermaya, kemudian apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya tiba-tiba ia bergerak dan berkembang subur dan menumbuhkan berbagai-bagai jenis tumbuhan yang indah(5). (Penciptaan-penciptaan) itu menunjukkan bahawa Allah itulah Tuhan yang sebenar (yang wajar disembah) dan Dialah yang berkuasa menghidupkan yang mati dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(6). (Juga menunjukkan) bahawa Qiamat itu tetap akan datang tanpa sebarang keraguan dan bahawa Allah akan membangkitkan orang-orang mati yang (bersemadi) di dalam kubur."(7)

(Surah al-Hajj)

وَلِيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ أَنَّهُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَيُؤۡمِنُواْ بِهِۦ فَتُخۡبِتَ لَهُۥ قُلُوبُهُمۡۗ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٥٤

وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فِي مِرۡيَةٖ مِّنۡهُ حَتَّىٰ تَأۡتِيَهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغۡتَةً أَوۡ يَأۡتِيَهُمۡ عَذَابُ يَوۡمٍ عَقِيمٍ ٥٥

ٱلۡمُلۡكُ يَوۡمَئِذٖ لِّلَّهِ يَحۡكُمُ بَيۡنَهُمۡۚ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ٥٦

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا فَأُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ عَذَابٞ مُّهِينٞ ٥٧

وَٱلَّذِينَ هَاجَرُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ثُمَّ قُتِلُوٓاْ أَوۡ مَاتُواْ لَيَرۡزُقَنَّهُمُ ٱللَّهُ رِزۡقًا حَسَنٗاۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ٥٨

لَيُدۡخِلَنَّهُم مُّدۡخَلٗا يَرۡضَوۡنَهُۥۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَعَلِيمٌ حَلِيمٞ ٥٩

۞ذَٰلِكَۖ وَمَنۡ عَاقَبَ بِمِثۡلِ مَا عُوقِبَ بِهِۦ ثُمَّ بُغِيَ عَلَيۡهِ لَيَنصُرَنَّهُ ٱللَّهُۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَعَفُوٌّ غَفُورٞ ٦٠

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ يُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِ وَأَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعُۢ بَصِيرٞ ٦١

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ هُوَ ٱلۡبَٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ٦٢

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَتُصۡبِحُ ٱلۡأَرۡضُ مُخۡضَرَّةًۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٞ ٦٣

لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ ٱلۡغَنِيُّ ٱلۡحَمِيدُ ٦٤

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَٱلۡفُلۡكَ تَجۡرِي فِي ٱلۡبَحۡرِ بِأَمۡرِهِۦ وَيُمۡسِكُ ٱلسَّمَآءَ أَن تَقَعَ عَلَى ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٞ رَّحِيمٞ ٦٥

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَحۡيَاكُمۡ ثُمَّ يُمِيتُكُمۡ ثُمَّ يُحۡيِيكُمۡۗ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَكَفُورٞ ٦٦

لِّكُلِّ أُمَّةٖ جَعَلۡنَا مَنسَكًا هُمۡ نَاسِكُوهُۖ فَلَا يُنَٰزِعُنَّكَ فِي ٱلۡأَمۡرِۚ وَٱدۡعُ إِلَىٰ رَبِّكَۖ إِنَّكَ لَعَلَىٰ هُدٗى مُّسۡتَقِيمٖ ٦٧

"Dan supaya orang-orang yang telah dikurniakan ilmu itu mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah benar dari Tuhanmu, lalu hati mereka tenang tenteram kepada-Nya dan sesungguhnya Allah itulah yang memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus (54). Dan orang-orang yang kafir terus berada di dalam keraguan terhadap Al-Qur'an sehingga mereka didatangi Qiamat secara mendadak atau dilanda 'azab hari Qiamat yang tidak memberi apa-apa kebaikan kepada mereka (55). Kuasa pemerintahan pada hari itu hanya dimiliki Allah. Dialah yang akan menghukum di antara mereka. Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat(56). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, maka mereka akan mendapat 'azab yang amat hina(57). Dan orang-orang yang berhijrah kerana Sabilullah kemudian mereka di bunuh atau mati, maka Allah tetap akan memberi rezeki yang baik kepada mereka dan sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik Pemberi rezeki(58). Allah akan memasukkan mereka ke tempat yang disukai mereka. Dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Sabar (59). Demikianlah (balasan Allah) dan barang siapa yang membalas dengan balasan yang setimpal dengan pencerobohan yang dilakukan terhadapnya, kemudian ia dicerobohi lagi, maka Allah tetap akan menolongnya. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun (60). Pertolongan itu (tetap akan ditunaikan) kerana Allah berkuasa memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan kerana Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat(61). Pertolongan itu (tetap akan ditunaikan) kerana Allah itulah Tuhan yang sebenar (yang wajar disembah) dan kerana tuhan-tuhan yang disembahkan mereka selain Allah adalah Tuhan palsu dan sesungguhnya Allah itulah Tuhan Yang Maha Tinggi dan Maha Besar(62). Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit lalu bumi menjadi subur menghijau. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar(63). Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi dan sesungguhnya Allah itulah Tuhan Maha Kaya dan Maha Terpuji(64). Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menundukkan kepada kamu segala isi bumi dan kapal-kapal yang berlari dalam lautan dengan perintah-Nya. Dan Dialah yang menahan langit dari jatuh ke atas bumi kecuali dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia(65). Dan Dialah yang telah menghidupkan kamu kemudian Dia akan matikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu kembali. Sesungguhnya manusia itu amat kufur (66). Bagi setiap umat kami jadikan syari'at masing-masing yang dilaksanakan mereka. Oleh sebab itu janganlah mereka menentang engkau dalam urusan syari'at (yang diturunkan kepadamu) ini. Dan serukanlah (wahai Muhammad) (ke jalan) Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan hidayat yang lurus."(67)

(Surah al-Hajj)

Demikianlah kita dapati di dalam nas-nas ini dan nas-nas yang seumpamanya di dalam Al-Qur'anul-Karim wujudnya hubungan yang jelas di antara Allah S.W.T. yang bersifat benar (al-Haq) dengan alam yang dicipta dan ditadbirkan-Nya melalui undang-undang dan kehendak masyi'ah-Nya dengan lunas kebenaran/al-Haq, juga hubungan-Nya dengan fenomena-fenomena alam yang berlangsung dengan lunas kebenaran/al-Haq, juga hubungan-Nya dengan kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan dengan lunas kebenaran/al-Haq, juga hubungan-Nya dengan pengadilan di antara manusia di dunia dan Akhirat yang dilaksanakan dengan lunas kebenaran/al-Haq. Semuanyalah merupakan satu kebenaran/al-Haq yang sama yang bersambung-sambung dan darinyalah terbit peraturan qadha' dan qadar Ilahi mengikut kehendak masyi'ah-Nya, juga terbit penguatkuasaan kuasa-kuasa alam yang membawa kebaikan dan malapetaka ke atas mereka yang dikehendaki Allah mengikut baik buruk yang berlaku pada manusia di negeri ujian ini (dunia). Dan dari sinilah wujudnya pertalian di antara istighfar dan taubat dengan pengurniaan ni'mat yang baik dan hujan yang melimpah. Semua lunas kebenaran/al-Haq itu adalah bersambung dengan satu sumber sahaja iaitu kebenaran/al-Haq yang wujud pada zat Allah S.W.T., pada qadha' dan qadar-Nya, pada pentadbiran dan pengurusan-Nya, pada hisab dan balasan-Nya, pada kebaikan dan keburukan.

Dan dari pertalian ini ketaralah bahawa nilai-nilai keimanan tidak terpisah dari nilai-nilai amalan dalam kehidupan manusia, kerana kedua-dua nilai itu memberi kesan kepada kehidupan manusia sama ada melalui peraturan qadha' dan qadar Allah yang ghaib yang berhubung dengan alam sebab-sebab yang berada di luar ilmu dan daya usaha manusia atau melalui kesan-kesan amalan yang boleh disaksi atau yang boleh dilihat dan dikawal manusia, iaitu kesan-kesan yang diwujudkan oleh keimanan atau ketidakimanan di dalam kehidupan mereka dalam bentuk natijah-natijah yang dapat ditanggap dan difahami.

Sebelum ini kami telah menyentuh setengah-setengah kesan amali yang realistik ini ketika kami menyatakan pada suatu kali bahawa dominasi sistem hidup Ilahi di dalam sesuatu masyarakat bererti setiap orang yang melakukan sesuatu amalan tetap akan menerima balasan yang adil di dalam masyarakat itu dan setiap individu akan dapat meni'mati ketenteraman dan kestabilan sosial lebih-lebih lagi keamanan, ketenangan dan kemantapan hati dengan sebab keimanan, dan dari sinilah manusia dapat meni'mati keni'matan hidup yang baik di dunia ini sebelum mereka menerima ganjaran yang terakhir di negeri Akhirat nanti, juga ketika kami mengatakan pada suatu kali yang lain bahawa penumpuan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam sesuatu masyarakat dapat menyelamatkan usaha dan tenaga manusia dari dikorbankan di dalam kegiatan-kegiatan memalu gendang kecapi, meniup seruling dan serunai, melafazkan kata-kata pujian dan sanjungan, mendendangkan lagu-lagu pujian dan sanjungan di sekeliling tuhan-tuhan palsu dengan tujuan untuk menyalutkannya dengan sesuatu ciri Uluhiyah supaya ia dihormati dan dijunjung tinggi oleh manusia. Dengan penumpuan keta'atan yang sedemikian rupa dapatlah diselamatkan usaha dan tenaga manusia itu agar dapat digunakan dalam projek-projek pembangunan dan kemajuan di bumi

dan dalam usaha-usaha melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab khilafah untuk mewujudkan kebaikan yang melimpah-ruah kepada manusia, lebih-lebih lagi untuk memelihara kehormatan, kebebasan dan hak persamaan yang dapat dini'mati manusia di bawah naungan konsep penumpuan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa tanpa berkongsi dengan manusia. Ini hanya merupakan beberapa contoh dari hasil-hasil keimanan apabila hakikatnya dapat direalisasikan dalam kehidupan manusia. (Setengah-setengah contoh ini akan dihuraikan dengan lebih terperinci pada akhir pembentangan kisah-kisah para Anbiya' di penghabisan surah insya Allah).

• Marilah pula kita berhenti sejenak di hadapan cabaran akhir Nabi Hud a.s. yang di hadapkan kepada kaumnya, juga di hadapan petisytiharan pemisahan yang diumumkan beliau kepada mereka dengan pernyataan yang begitu jelas dan dengan cabaran yang begitu lantang dan terbuka. Perisytiharan itu diungkapkan dengan kata-kata yang membayangkan keunggulan agama yang benar yang di bawa olehnya dan membayangkan keyakinannya terhadap Allah, yang beliau dapati hakikatnya tersemat begitu jelas di dalam hatinya:

قَالَ إِنِّيٓ أُشۡهِدُ ٱللَّهَ وَٱشۡهَدُوٓاْ أَنِّي بَرِيٓءٞ مِّمَّا تُشۡرِكُونَ ﴿٥٤﴾
مِن دُونِهِۦۖ فَكِيدُونِي جَمِيعٗا ثُمَّ لَا تُنظِرُونِ ﴿٥٥﴾
إِنِّي تَوَكَّلۡتُ عَلَى ٱللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمۚ مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ
ءَاخِذُۢ بِنَاصِيَتِهَآۚ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴿٥٦﴾
فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقَدۡ أَبۡلَغۡتُكُم مَّآ أُرۡسِلۡتُ بِهِۦٓ إِلَيۡكُمۡۚ وَيَسۡتَخۡلِفُ
رَبِّي قَوۡمًا غَيۡرَكُمۡ وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيۡـًٔاۚ إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٍ
حَفِيظٞ ﴿٥٧﴾

"Jawab Hud: Sesungguhnya aku mempersaksikan Allah dan kamu sekalian hendaklah turut menjadi saksi bahawa aku tidak kena mengena dengan perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah."(54) Dengan yang lain dari-Nya. Oleh sebab itu, aturkanlah serta tipu daya kamu sekalian terhadap diriku kemudian (bertindaklah) tanpa memberi sebarang tempoh kepadaku(55). Sesungguhnya aku telah berserah kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku berada di jalan yang lurus(56). Oleh itu jika kamu berpaling, maka aku telahpun menyampaikan kepada kamu segala perutusan Allah, yang kerananya aku telah diutuskan kepada kamu dan Tuhanku berkuasa menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan kamu sekali-kali tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudharatan kepada Allah. Sesungguhnya Tuhanku berkuasa memelihara segala sesuatu."(57)

Keangkuhan Kaum 'Ad

Para penda'wah kepada Allah di setiap tempat dan zaman sangat perlu berhenti lama di hadapan pemandangan yang gemilang ini, di mana seorang rasul yang sebatang kara yang hanya mempunyai segelintir pengikut yang beriman sanggup berdepan dengan satu kaum yang amat zalim, amat kaya dan amat tinggi tamadun kebendaannya di zaman itu sebagaimana diterangkan Allah di dalam surah yang lain ketika menceriterakan kisah 'Ad yang dihadapi Hud saudara mereka:

كَذَّبَتۡ عَادٌ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿١٢٣﴾
إِذۡ قَالَ لَهُمۡ أَخُوهُمۡ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾
إِنِّي لَكُمۡ رَسُولٌ أَمِينٞ ﴿١٢٥﴾
فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٢٦﴾
وَمَآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ مِنۡ أَجۡرٍۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ
ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٢٧﴾
أَتَبۡنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ ءَايَةٗ تَعۡبَثُونَ ﴿١٢٨﴾
وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمۡ تَخۡلُدُونَ ﴿١٢٩﴾
وَإِذَا بَطَشۡتُم بَطَشۡتُمۡ جَبَّارِينَ ﴿١٣٠﴾
فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٣١﴾
وَٱتَّقُواْ ٱلَّذِيٓ أَمَدَّكُم بِمَا تَعۡلَمُونَ ﴿١٣٢﴾
أَمَدَّكُم بِأَنۡعَٰمٖ وَبَنِينَ ﴿١٣٣﴾
وَجَنَّٰتٖ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾
إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ﴿١٣٥﴾
قَالُواْ سَوَآءٌ عَلَيۡنَآ أَوَعَظۡتَ أَمۡ لَمۡ تَكُن مِّنَ ٱلۡوَٰعِظِينَ ﴿١٣٦﴾
إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا خُلُقُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿١٣٧﴾
وَمَا نَحۡنُ بِمُعَذَّبِينَ ﴿١٣٨﴾

"Kaum 'Ad telah mendustakan para rasul(123). Ketika saudara mereka Hud berkata: Mengapa kamu tidak bertaqwa(124). Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang amanah (yang diutuskan) kepada kamu(125). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atilah kepada aku(126). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wahku. Sebenarnya tiada upahku melainkan hanya terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(127).

Apakah kamu membina bangunan mercu tanda di setiap tanah tinggi untuk kamu bersuka-suka dengan sia-sia(128). Dan membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal(129). Dan apabila kamu menyerang, kamu menyerang seperti pengganas-pengganas yang kejam(130). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atilah kepadaku(131). Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah mengurniakan kepada kamu segala ni'mat yang kamu ketahui(132). Dia telah mengurniakan kepada kamu ni'mat ternakan dan anak pinak(133). Dan ni'mat kebun-kebun dan matair-matairnya(134). Sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab pada hari (Qiamat) yang amat besar(135). Jawab mereka: Sama sahaja kepada kami sama ada engkau memberi nasihat atau engkau bukan dari golongan pemberi nasihat.(136). Sesungguhnya (agama kami) ini tidak lain melainkan ialah cara hidup orang-orang purbakala(137). Dan kami tidak sekali-kali akan dikenakan 'azab."(138)

(Surah asy-Syu'araa')

Kaum 'Ad yang zalim, bermaharajalela, yang menyerang tanpa kasihan belas, yang lupa daratan kerana dilanda ni'mat kesenangan, yang membina kilang dengan harapan terus berkuasa dan kekal. Kaum inilah yang dihadapi Hud a.s. dengan semangat keberanian, keunggulan, kepercayaan dan keyakinan seseorang Muslim. Beliau telah memisahkan diri dari mereka dengan pemisahan yang total dan tegas, di samping mencabar mereka supaya melakukan apa sahaja angkara dan tindakan jahat yang dapat dilakukan mereka terhadap dirinya tanpa berlengah-lengah dan menangguh dan beliau tetap tidak akan mempedulikan mereka sama sekali.

Pendirian Hud Terhadap Cabaran-cabaran Kaum 'Ad

Hud a.s. telah memperlihatkan pendiriannya yang gemilang ini setelah beliau puas memberi nasihat yang baik kepada mereka dan puas berda'wah kepada mereka dengan cara-cara bermesra dan berdiplomasi, dan akhirnya ternyata bahawa mereka tetap degil dan berkeras melawan Allah, memandang sepi kepada janji-janji 'azab dan berlagak biadab terhadap Allah.

Hud a.s. telah menunjukkan pendiriannya yang gemilang ini kerana beliau mengenali hakikat Allah yang tersemat di dalam hatinya dan yakin bahawa kaum 'Ad yang zalim bermaharajalela, mewah, makmur dan angkuh itu adalah sebenarnya kumpulan binatang, dan seterusnya beliau yakin setiap ubun-ubun binatang-binatang itu dipegang Qudrat Allah dan kerana itu tidak ada ertinya beliau menghirau dan memberi perhatian kepada binatang-binatang itu. Dan seterusnya beliau yakin bahawa Allahlah yang telah meluangkan kaum 'Ad menjadi pemerintah di negeri itu dan mengurniakan kepada mereka ni'mat kesenangan, kekayaan, kekuatan, keturunan yang biak, dan ni'mat kebolehan dan kemahiran di bidang perkilangan dan perlombongan dengan tujuan untuk menguji mereka bukan semata-mata untuk menghulurkan pemberian. Beliau yakin bahawa Allah berkuasa menghapuskan kaum 'Ad dan menggantikan mereka dengan kaum yang lain jika dikehendaki-Nya dan mereka tidak akan berkuasa mendatangkan apa-apa kemudharatan kepada Allah dan tidak akan berkuasa menolak sebarang keputusan Allah. Jadi, apakah ertinya beliau harus takut dan menggeruni mereka, sedangkan Tuhannya itulah yang berkuasa memberi dan menarik balik pemberian-Nya jika dikehendaki oleh-Nya?

Penda'wah-penda'wah ke jalan Allah sudah tentu telah menemui ma'ruf hakikat Allah yang sedemikan rupa di dalam hati mereka sehingga mereka sanggup berdiri teguh dengan keimanan mereka di hadapan jahiliyah dengan perasaan bangga dan unggul... iaitu sanggup berdiri di hadapan kekuatan kebendaan, kekuatan pertukangan dan keterampilan, kekuatan kekayaan, kekuatan ilmu pengetahuan manusia, kekuatan peraturan dan peralatan, juga kekuatan pengalaman dan kepakaran manusia. Mereka yakin bahawa Allah Tuhan mereka berkuasa mengawal atau memegang ubun-ubun setiap binatang dan manusia juga merupakan salah satu dari jenis binatang.

Pada suatu hari nanti para penda'wah akan berpisah secara total dan tegas dari kaum mereka menyebabkan umat itu berpecah menjadi dua umat yang berlainan 'aqidah. Satu umat menumpukan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah, semata-mata dan menolak keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah dan satu umat lagi memilih tuhan-tuhan yang lain dari Allah dan mencabar Allah.

Pada hari berlakunya perpisahan ini, akan terlaksanalah janji Allah yang akan membantu memberi kemenangan kepada para hamba kesayangan-Nya dan janji Allah yang akan membinasakan musuh-musuhnya dalam apa sahaja bentuk kebinasaan sama ada yang terlintas di dalam hati manusia atau tidak terlintas. Di dalam sejarah da'wah kepada Allah di sepanjang zaman, Allah tidak pernah mengasingkan di antara golongan para hamba kesayangan Allah dari golongan musuh-musuh Allah melainkan setelah golongan para hamba kesayangan Allah memisahkan diri dari golongan musuh-musuh Allah berasaskan prinsip 'aqidah, di mana mereka memilih Allah Yang Maha Esa sahaja. Merekalah golongan yang disifatkan Allah sebagai Hizbullah yang tidak berpegang kepada yang lain dari Allah dan tidak pula mengharapkan penolong yang lain dari Allah.

Setakat ini cukuplah kita dengan hentian-hentian sejenak untuk merenungi inspirasi-inspirasi dari kisah Hud dengan kaum 'Ad agar selepas itu kita dapat mengikuti pula huraian surah mengenai kisah Soleh dengan kaumnya Thamud.

Kisah Nabi Soleh Dengan Kaum Thamud

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ
مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ

وَٱسۡتَعۡمَرَكُمۡ فِيهَا فَٱسۡتَغۡفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِۚ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٞ مُّجِيبٞ ﴿٦١﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Dialah yang telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu penghuni-penghuni yang memakmurkannya. Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan kepada-Nya kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sentiasa memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)."(61)

Inilah seruan yang tidak berubah:

يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥ

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah."

Inilah satu cara hidup yang tidak berubah:

فَٱسۡتَغۡفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِۚ

"Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan kepada-Nya kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya."

Kemudian inilah pengenalan hakikat Uluhiyah yang tersemat di dalam hati Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ رَبِّي قَرِيبٞ مُّجِيبٞ ﴿٦١﴾

"Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sentiasa memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)."(61)

Soleh a.s. mengingatkan kaum Thamud tentang asal-usul kejadian mereka dari bumi iaitu asal-usul kejadian bangsa mereka dan individu-individu mereka yang berasal dari makanan-makanan di bumi atau dan unsur-unsur bumi yang membentuk struktur jasmani mereka. Walaupun mereka berasal dari bumi atau dari unsur-unsur bumi, namun Allah telah melantikkan mereka selaku khalifah-Nya di bumi untuk memakmur dan membangunkan bumi. Allah melantikkan bangsa mereka dan individu-individu mereka selaku pemerintah di bumi selepas berlalunya generasi-generasi sebelum mereka, tetapi selepas itu mereka mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang lain.

فَٱسۡتَغۡفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِۚ

"Oleh itu hendaklah kamu memohon keampunan kepada-Nya kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya."

Dan hendaklah kamu yakin bahawa Allah akan memperkenankan do'a kamu:

إِنَّ رَبِّي قَرِيبٞ مُّجِيبٞ ﴿٦١﴾

"Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sentiasa memperkenankan permohonan (para hamba-Nya)."(61)

Kata-kata "ربّي" (Tuhanku) dengan idhafat kepada dirinya dan kata-kata "قريب" (amat dekat), juga kata-kata "مجيب" (yang memperkenankan do'a) yang dikumpulkannya berdekatan satu sama lain menggambarkan hakikat Uluhiyah yang terserlah di dalam hati (Soleh) salah seorang dari para Mu'minin pilihan, di samping memberi suasana mesra dan hubungan rasa kasih sayang yang berpindah dari hati seorang nabi yang soleh kepada hati para pendengarnya dari kaum Thamud jika mereka mempunyai hati.

Tetapi hati kaum Thamud telah rosak, telah tertutup rapat, telah padam sinar cahayanya hingga ke tahap ia tidak lagi dapat merasakan keindahan dan kebesaran ungkapan itu, tidak lagi dapat menanggap ungkapan yang halus dan seni itu dan seterusnya tidak lagi dapat menghayati suasana yang bebas itu, malah tiba-tiba mereka terperanjat dan menaruh berbagai-bagai sangkaan yang buruk terhadap saudara mereka Soleh a.s.

قَالُواْ يَٰصَٰلِحُ قَدۡ كُنتَ فِينَا مَرۡجُوّٗا قَبۡلَ هَٰذَآۖ أَتَنۡهَىٰنَآ أَن نَّعۡبُدَ مَا يَعۡبُدُ ءَابَآؤُنَا وَإِنَّنَا لَفِي شَكّٖ مِّمَّا تَدۡعُونَآ إِلَيۡهِ مُرِيبٖ ﴿٦٢﴾

"Mereka berkata: Wahai Soleh! Engkau telah berada dalam kalangan kami sebelum ini sebagai seorang harapan kami. Apakah (kini) engkau melarang kami menyembah tuhan-tuhan yang telah disembah datuk nenek kami dan sesungguhnya kami berada di dalam keraguan terhadap da'wah yang engkau mengajak kami supaya mengikutinya."(62)

Maksudnya: Dulu engkaulah harapan kami kerana engkau seorang yang berilmu atau kerana engkau berakal besar atau kerana engkau bercakap benar atau kerana engkau bijak berfikir dan mentadbir atau kerana engkau mempunyai semua sifat-sifat ini, tetapi kini semua harapan itu telah bertukar kepada kekecewaan.

أَتَنۡهَىٰنَآ أَن نَّعۡبُدَ مَا يَعۡبُدُ ءَابَآؤُنَا

"Apakah (kini) engkau melarang kami menyembah tuhan-tuhan yang telah disembah oleh datuk nenek kami?"

Ini adalah suatu persoalan yang membawa pukulan maut. Wahai Soleh, engkau bebas mengatakan segala sesuatu yang engkau suka kecuali persoalan itu. Kami sekali-kali tidak menyangka bahawa engkau sanggup menyentuh persoalan ini. Alangkah kecewanya harapan kami terhadap engkau. Kini kami amat meragui da'wahmu hingga menyebabkan kami meragui dirimu sendiri dan apa sahaja yang dituturkan engkau:

وَإِنَّنَا لَفِي شَكّٖ مِّمَّا تَدۡعُونَآ إِلَيۡهِ مُرِيبٖ ﴿٦٢﴾

"Dan sesungguhnya kami berada dalam keraguan terhadap da'wah yang engkau mengajak kami supaya menganutinya."(62)

Demikianlah kaum Thamud meragui da'wah Soleh yang tidak sepatutnya diragui, malah mereka menyangkalkan sesuatu yang benar yang wajib dipercayai. Mereka merasa hairan kerana Soleh saudara mereka tergamak menyeru mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan kehairanan itu bukan kerana sesuatu hujjah atau sesuatu dalil atau kerana sesuatu konsep pemikiran, malah semata-mata kerana tuhan-tuhan ini telah disembah datuk nenek mereka.

Demikianlah pemikiran yang membatu dan jumud telah membawa manusia ke tahap menghairani agama yang benar dan berpegang dengan 'aqidah-'aqidah semata-mata dengan berlandaskan amalan datuk nenek. Dan demikianlah ternyata buat selama-lamanya bahawa intisari 'aqidah tauhid merupakan da'wah ke arah kebebasan yang syumul, sempurna dan betul, iaitu da'wah ke arah membebaskan manusia dari belenggu-belenggu adat dan tradisi dan dari ikatan pemikiran-pemikiran yang karut dan tahyul, yang tidak bersandarkan sesuatu dalil.

Perkataan kaum Thamud kepada Soleh yang berikut:

قَدْ كُنتَ فِينَا مَرْجُوًّا قَبْلَ هَٰذَآ

"Engkau telah berada di dalam kalangan kami sebelum ini sebagai seorang harapan kami"

telah mengingatkan kita kepada kaum Quraisy yang dulunya begitu percaya kepada kebenaran dan kejujuran Nabi Muhammad s.a.w., tetapi sebaik sahaja beliau menyeru mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja, mereka terus menentang beliau sama seperti kaum Thamud menentang Soleh a.s.

Itulah satu tabi'at yang sama dan satu cerita yang sama yang berulang-ulang di sepanjang zaman.

Kemudian Soleh berkata kepada kaumnya sama seperti datuknya Nuh berkata kepada kaumnya:

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى مِنْهُ رَحْمَةً فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

"Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apa fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari-Nya, maka siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Kamu sebenarnya tidak dapat menambahkan suatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata."(63)

Maksudnya, apakah pendapat kamu jika aku dapati dalam hatiku hakikat Tuhanku dengan bukti yang begitu terang dan jelas hingga membuat aku yakin bahawa inilah jalan yang lurus dan di samping itu Dia telah mengurniakan kepada aku rahmat dari-Nya, iaitu Dia telah memilihku sebagai seorang rasul untuk membawa risalah-Nya dan membekalkanku dengan ciri-ciri yang melayakkan diriku menjadi utusan-Nya maka siapakah yang dapat menolongku dari 'azab Allah jika aku melanggar perintah-Nya dan tidak menyampaikan da'wah-Nya dengan sempurna kepada kamu kerana memelihara harapan kamu terhadap diriku. Apakah harapan kamu ini berguna kepada aku dan dapat menyelamatkanku dari 'azab Allah? Sudah tentu tidak:

فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

"Oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya? Kamu sebenarnya tidak dapat menambahkan suatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata."(63)

Maksudnya: Kamu tidak dapat menambahkan sesuatu apa kepadaku selain dari kerugian demi kerugian, iaitu kerugian kerana kemurkaan Allah yang akan menafikanku dari kehormatan menjadi rasul dan kerugian kerana mendapat kehinaan di dunia dan mendapat 'azab di Akhirat. Itulah kerugian demi kerugian dan tiada sesuatu yang lain kecuali kerugian yang bertambah berat dan teruk!

وَيَٰقَوْمِ هَٰذِهِۦ نَاقَةُ ٱللَّهِ لَكُمْ ءَايَةً فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِىٓ أَرْضِ ٱللَّهِ وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوٓءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ قَرِيبٌ ﴿٦٤﴾

"Wahai kaumku! Inilah unta Allah sebagai satu mu'jizat kepada kamu. Oleh sebab itu hendaklah kamu biarkannya makan di bumi Allah dan jangan sekali-kali kamu lakukan sebarang gangguan yang buruk terhadapnya nanti kamu disambarkan 'azab yang dekat."(64)

Ayat ini tidak menyebut sebarang sifat unta itu, yang diisyaratkan oleh Soleh sebagai suatu mu'jizat (yang membuktikan kebenaran kerasulan Soleh) untuk kaum Thamud, tetapi berdasarkan idhafah " هذه ناقة الله" dan penentuannya sebagai sesuatu mu'jizat "لكم اية" menunjukkan unta itu mempunyai sifat istimewa yang membezakannya dari unta-unta biasa yang lain. Dan dengan sifat ini kaum Thamud dapat mengenal bahawa unta itu merupakan suatu mu'jizat dari Allah kepada mereka. Setakat ini cukuplah bagi kita mengetahui tentang unta itu dan kita tidak perlu membabitkan diri dalam dongeng-dongeng dan cerita-cerita tahyul Bani Israel yang membuat para Mufasirin berselisih pendapat mengenai unta yang menjadi bukti kebenaran Nabi Soleh itu sama ada di masa dahulu atau di masa akan datang.

هَٰذِهِۦ نَاقَةُ ٱللَّهِ لَكُمْ ءَايَةً فَذَرُوهَا تَأْكُلْ

فِيٓ أَرۡضِ ٱللَّهِۖ وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوٓءٖ

"Inilah unta Allah sebagai satu mu'jizat kepada kamu. Oleh sebab itu hendaklah kamu biarkannya makan di bumi Allah dan jangan sekali-kali kamu lakukan sebarang gangguan yang buruk terhadapnya."(64)

Jika kamu ganggu nescaya Allah akan bertindak segera mengenakan 'azab ke atas kamu. Pengenaan 'azab yang segera itu telah dibayangkan oleh huruf فاء للترتيب pada perkataan "فيأخذهم" (nanti kamu disambarkan) juga oleh kata-kata "قريب" dekat.

فَيَأۡخُذَكُمۡ عَذَابٞ قَرِيبٞ ﴿٦٤﴾

"Nanti kamu disambarkan 'azab yang dekat."(64)

Maksudnya, nanti kamu disambarkan 'azab yang segera. Gerakan "disambar" lebih keras dari gerakan disentuh atau ditimpa.

فَعَقَرُوهَا فَقَالَ تَمَتَّعُواْ فِي دَارِكُمۡ ثَلَٰثَةَ أَيَّامٖۖ ذَٰلِكَ وَعۡدٌ غَيۡرُ مَكۡذُوبٖ ﴿٦٥﴾

"Lantas mereka menyembelihkan unta itu lalu Soleh berkata: Bersuka rialah kamu di rumah kamu selama tiga hari. Itulah janji yang tidak dapat didustakan."(65)

Perbuatan mereka menyembelih unta atau menetak kaki unta dengan pedang dan membunuhnya secara itu menunjukkan betapa rosaknya akhlak mereka dan betapa ganasnya tindak-tanduk mereka. Ayat ini tidak memanjangkan cerita yang berlaku di antara masa mereka diberikan unta mu'jizat itu dan masa mereka menyembelihkannya, kerana kewujudan unta itu tidak memberi apa-apa kesan yang bermakna di dalam hati mereka terhadap da'wah Soleh. Kemudian penjelasan ayat yang berikut terus mengikuti putaran roda 'azab dan mengungkapkan dengan فاء للتعقيب dalam setiap langkah:

فَعَقَرُوهَا فَقَالَ تَمَتَّعُواْ فِي دَارِكُمۡ ثَلَٰثَةَ أَيَّامٖۖ

"Lantas mereka menyembelihkan unta itu lalu Soleh berkata: Bersukarialah kamu di rumah kamu selama tiga hari."(65)

Itulah baki masa terakhir keni'matan hidup duniawi mereka atau itulah baki hari-hari hidup mereka di dunia ini:

ذَٰلِكَ وَعۡدٌ غَيۡرُ مَكۡذُوبٖ ﴿٦٥﴾

"Itulah hari yang tidak dapat didustakan."(65)

Yakni janji itu adalah suatu janji yang benar yang tidak akan melencong. Dalam ayat yang berikut Al-Qur'an mengungkapkan dengan "فاء للتعقيب" untuk menunjukkan bahawa 'azab yang dijanjikan itu tidak akan terlewat:

فَلَمَّا جَآءَ أَمۡرُنَا نَجَّيۡنَا صَٰلِحٗا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ بِرَحۡمَةٖ مِّنَّا وَمِنۡ خِزۡيِ يَوۡمِئِذٍۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلۡقَوِيُّ ٱلۡعَزِيزُ ﴿٦٦﴾ وَأَخَذَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ ٱلصَّيۡحَةُ فَأَصۡبَحُواْ فِي دِيَٰرِهِمۡ جَٰثِمِينَ ﴿٦٧﴾

"Dan setelah datang 'azab Kami, Kami selamatkan Soleh bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat dari Kami, iaitu Kami selamatkan mereka dari kehinaan pada hari itu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuat dan Maha Perkasa(66). Dan orang-orang yang zalim itu telah dibinasakan oleh bahana 'azab yang amat kuat lalu mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka."(67)

Maksudnya, apabila tiba waktu untuk merealisasikan amaran atau pembinasaan, Kami selamatkan Soleh dan para pengikutnya yang beriman dengan limpah rahmat yang khusus dan langsung dari Kami, iaitu Kami selamatkan mereka dari maut dan dari kehinaan pada hari itu, kerana kematian kaum Thamud pada hari itu merupakan suatu kematian yang amat hina. Pemandangan yang menayang mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka setelah berlaku panahan petir yang kuat, yang membunuh seluruh mereka merupakan satu pemandangan yang amat menghinakan.

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلۡقَوِيُّ ٱلۡعَزِيزُ ﴿٦٦﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuat dan Maha Perkasa."(66)

Maksudnya Allah menimpakan 'azab yang dahsyat ke atas kaum Thamud yang zalim itu dengan cara yang begitu mudah.

Kemudian ayat yang berikut menayangkan pemandangan mereka dan melahirkan rasa takjub terhadap mereka yang begitu cepat binasa dan hilang dari dunia ini:

كَأَن لَّمۡ يَغۡنَوۡاْ فِيهَآۗ

"Seolah-olah mereka belum pernah tinggal di situ."(68)

Maksudnya, seolah-olah mereka belum pernah tinggal dan hidup dengan senang-lenang di tempat itu. Itulah satu pemandangan dan satu sentuhan yang amat mengharukan. Pemandangan itu ditayangkan sedemikian rupa, di mana jarak waktu di antara hidup dan mati hanya sekelip mata sahaja dan seluruh hidup mereka berlalu sepantas putaran filem seolah-olah mereka belum pernah tinggal di tempat itu.

Kemudian diiringi penghabisan kisah yang biasa di dalam surah ini, iaitu penghabisan yang merekod dosa-dosa kaum Thamud dan menghantar pemergian mereka dengan ucapan laknat dan melipatkan lembaran sejarah mereka dari realiti dan kenangan:

أَلَآ إِنَّ ثَمُودَاْ كَفَرُواْ رَبَّهُمۡۗ أَلَا بُعۡدٗا لِّثَمُودَ ﴿٦٨﴾

"Ketahuilah bahawa Thamud telah mengingkarkan Tuhan mereka. Ketahuilah, Allah jauhkan Thamud dari rahmat-Nya."(68)

* * * * * *

Sekali lagi kita dapati diri kita berhadapan dengan salah satu babak kerasulan di sepanjang sejarah, di mana diperjuangkan da'wah yang sama dan hakikat Islam yang sama, iaitu menumpukan ibadat, keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu yang lain... dan sekali lagi kita dapati jahiliyah muncul kembali selepas pudarnya Islam, dan syirik menjenguk semula selepas hilangnya tauhid, di mana kita dapati kaum Thamud menjadi seperti kaum 'Ad. Mereka adalah dari zuriat keturunan Muslimin yang selamat bersama Nuh di dalam bahteranya, tetapi pada akhirnya mereka telah menyeleweng dari Islam dan kembali kepada jahiliyah sehingga datang Nabi Soleh a.s. untuk mengembalikan mereka semula ke pangkuan Islam.

Kemudian kita lihat kaum Thamud menghadapi mu'jizat yang dipinta mereka, tetapi mereka tidak menghadapinya dengan keimanan dan kepercayaan, malah menghadapinya dengan keingkaran dan tindakan menyembelihkan unta mu'jizat.

Kaum Musyrikin Arab juga telah meminta dari Rasulullah s.a.w. supaya menunjukkan satu mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat yang telah dikurniakan kepada nabi-nabi yang terdahulu sebagai pra-syarat untuk mereka beriman. Kini kaum Soleh telah didatangi mu'jizat yang telah dipinta mereka, tetapi malangnya mu'jizat itu tidak sedikit pun mempengaruhi mereka, sedangkan keimanan sedikit pun tidak memerlukan mu'jizat, kerana keimanan merupakan satu da'wah yang mudah, yang dapat ditanggapi hati dan akal manusia, tetapi yang menjadi masalah ialah kerana sinar hati dan akal telah dipadamkan jahiliyah.

Sekali lagi kita dapati hakikat jahiliyah yang terserlah di dalam hati para insan pilihan, iaitu hati para rasul yang mulia itu telah terserlah pula di dalam pernyataan Nabi Soleh a.s. yang diceritakan Al-Qur'an:

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي وَءَاتَىٰنِي مِنۡهُ رَحۡمَةٗ فَمَن يَنصُرُنِي مِنَ ٱللَّهِ إِنۡ عَصَيۡتُهُۥۖ فَمَا تَزِيدُونَنِي غَيۡرَ تَخۡسِيرٖ ٦٣

"Jawab Soleh: Wahai kaumku! Apa fikiran kamu seandainya aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rahmat dari-Nya, oleh itu siapakah yang sanggup menolongku dari kemurkaan Allah jika aku melanggar perintah-Nya. Kamu sebenarnya tidak dapat menambahkan sesuatu apa kepadaku selain dari kerugian semata-mata."(63)

Beliau berkata begitu selepas menyatakan kepada kaumnya sifat-sifat Allah yang tersemat di dalam hatinya:

"Sesungguhnya Tuhanku amat dekat dan sentiasa memperkenankan do'a para hamba-Nya."(61)

Hakikat Uluhiyah tidak terserlah dengan gambarannya yang sempurna, luhur, permai dan indah sebagaimana gambarannya yang terserlah di dalam hati insan pilihan, kerana hati inilah sahaja yang layak menjadi wadah pamerannya yang bersih dan jernih, di mana hakikat Uluhiyah terserlah dengan gambarannya yang unik dan mengkagumkan.[8]

Di dalam kisah Nabi Soleh a.s. kita berdepan dengan jahiliyah yang melihat hidayat sebagai kesesatan dan kebenaran sebagai suatu yang aneh yang tidak dapat difahami. Nabi Soleh yang selama ini dipandang sebagai tokoh harapan kaumnya kerana sifat-sifatnya yang baik, akal fikirannya yang jitu dan akhlaknya yang tinggi, kini dipandang kaumnya dengan perasaan kecewa dan rasa terperanjat. Mengapa? Kerana beliau menyeru mereka supaya menumpukan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu berlainan dari konsep kepatuhan yang diwarisi dari datuk nenek mereka, yang memberi keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah.

Apabila hati manusia telah menyeleweng seurat rambut dari 'aqidah yang sahih, maka ia akan terus menyeleweng tanpa mengenal batas kesesatannya hingga suatu hakikat yang mudah difahami, diakui fitrah dan logik dipandangnya sebagai suatu hakikat yang amat aneh yang tidak dapat ditanggap olehnya, sedangkan penyelewengan yang sama sekali tidak berlandaskan logik fitrah atau logik 'aqliyah dapat ditelan mereka dengan enak dan penuh selera.

Soleh a.s. menyeru kaumnya:

يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ وَٱسۡتَعۡمَرَكُمۡ فِيهَا

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Dialah yang telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu penghuni-penghuni yang memakmurkannya"

Maksudnya, Soleh a.s. menyeru kaumnya dengan menggunakan dalil-dalil fitriyah dan logikal yang terdapat pada kejadian dan kewujudan mereka di bumi ini, yang tidak dapat ditolak mereka. Di samping mereka sendiri tidak pernah mendakwa bahawa

---

[8] *Lihat bab "حقيقة الألوهية" dalam buku "* **خصائص التصور الاسلامي و مقوماته***" bahagian ke dua.*

mereka menciptakan diri sendiri dan tidak pula pernah menjamin bahawa mereka akan hidup kekal abadi di bumi. Seterusnya mereka tidak pernah mendakwa bahawa merekalah yang mengadakan bekalan-bekalan rezeki yang memungkinkan mereka hidup dengan senang di bumi ini.

Yang nampak jelas mereka tidak mengingkarkan Allah S.W.T. sebagai Tuhan yang telah menciptakan mereka dari unsur bumi dan mengurniakan keupayaan dan potensi-potensi kepada mereka untuk memaju dan membangunkan bumi, tetapi (kesalahan mereka) ialah kerana pengi'tirafan terhadap Uluhiyah Allah yang telah menciptakan mereka dan melantikkan mereka sebagai pemerintah di bumi Allah itu tidak diikuti dengan amalan-amalan yang sewajarnya, iaitu amalan menumpukan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu dan menjunjung segala perintah-Nya tanpa sebarang saingan dan tandingan yang lain. Inilah intisari da'wah Soleh a.s. yang diseru dengan katanya:

يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah."

Isu ini sendiri merupakan isu Rububiyah bukannya isu Uluhiyah. Ia merupakan isu kepatuhan, isu hakimiyah dan isu mengikut dan menjunjung perintah dan menumpukan keta'atan. Itulah isu abadi yang menjadi punca pertarungan di antara Islam dan jahiliyah di sepanjang zaman.

(Kumpulan ayat-ayat 69 - 83)

وَلَقَدْ جَآءَتْ رُسُلُنَآ إِبْرَٰهِيمَ بِٱلْبُشْرَىٰ قَالُوا۟ سَلَٰمًا ۖ قَالَ سَلَٰمٌ ۖ فَمَا لَبِثَ أَن جَآءَ بِعِجْلٍ حَنِيذٍ ﴿٦٩﴾

فَلَمَّا رَءَآ أَيْدِيَهُمْ لَا تَصِلُ إِلَيْهِ نَكِرَهُمْ وَأَوْجَسَ مِنْهُمْ خِيفَةً ۚ قَالُوا۟ لَا تَخَفْ إِنَّآ أُرْسِلْنَآ إِلَىٰ قَوْمِ لُوطٍ ﴿٧٠﴾

وَٱمْرَأَتُهُۥ قَآئِمَةٌ فَضَحِكَتْ فَبَشَّرْنَٰهَا بِإِسْحَٰقَ وَمِن وَرَآءِ إِسْحَٰقَ يَعْقُوبَ ﴿٧١﴾

قَالَتْ يَٰوَيْلَتَىٰٓ ءَأَلِدُ وَأَنَا۠ عَجُوزٌ وَهَٰذَا بَعْلِى شَيْخًا ۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَىْءٌ عَجِيبٌ ﴿٧٢﴾

قَالُوٓا۟ أَتَعْجَبِينَ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۖ رَحْمَتُ ٱللَّهِ وَبَرَكَٰتُهُۥ عَلَيْكُمْ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ ۚ إِنَّهُۥ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ ﴿٧٣﴾

فَلَمَّا ذَهَبَ عَنْ إِبْرَٰهِيمَ ٱلرَّوْعُ وَجَآءَتْهُ ٱلْبُشْرَىٰ يُجَٰدِلُنَا فِى قَوْمِ لُوطٍ ﴿٧٤﴾

إِنَّ إِبْرَٰهِيمَ لَحَلِيمٌ أَوَّٰهٌ مُّنِيبٌ ﴿٧٥﴾

يَٰٓإِبْرَٰهِيمُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَآ ۖ إِنَّهُۥ قَدْ جَآءَ أَمْرُ رَبِّكَ ۖ وَإِنَّهُمْ ءَاتِيهِمْ عَذَابٌ غَيْرُ مَرْدُودٍ ﴿٧٦﴾

وَلَمَّا جَآءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِىٓءَ بِهِمْ وَضَاقَ بِهِمْ ذَرْعًا وَقَالَ هَٰذَا يَوْمٌ عَصِيبٌ ﴿٧٧﴾

وَجَآءَهُۥ قَوْمُهُۥ يُهْرَعُونَ إِلَيْهِ وَمِن قَبْلُ كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ هَٰٓؤُلَآءِ بَنَاتِى هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُخْزُونِ فِى ضَيْفِىٓ ۖ أَلَيْسَ مِنكُمْ رَجُلٌ رَّشِيدٌ ﴿٧٨﴾

قَالُوا۟ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا لَنَا فِى بَنَاتِكَ مِنْ حَقٍّ وَإِنَّكَ لَتَعْلَمُ مَا نُرِيدُ ﴿٧٩﴾

قَالَ لَوْ أَنَّ لِى بِكُمْ قُوَّةً أَوْ ءَاوِىٓ إِلَىٰ رُكْنٍ شَدِيدٍ ﴿٨٠﴾

قَالُوا۟ يَٰلُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَن يَصِلُوٓا۟ إِلَيْكَ ۖ فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ ٱلَّيْلِ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنكُمْ أَحَدٌ إِلَّا ٱمْرَأَتَكَ ۖ إِنَّهُۥ مُصِيبُهَا مَآ أَصَابَهُمْ ۚ إِنَّ مَوْعِدَهُمُ ٱلصُّبْحُ ۚ أَلَيْسَ ٱلصُّبْحُ بِقَرِيبٍ ﴿٨١﴾

فَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَٰلِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ ﴿٨٢﴾

مُّسَوَّمَةً عِندَ رَبِّكَ ۖ وَمَا هِىَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ بِبَعِيدٍ ﴿٨٣﴾

"Sesungguhnya utusan-utusan Kami telah datang kepada Ibrahim membawa berita gembira. Mereka mengucapkan salam sejahtera kepadanya dan ia membalasnya: Selamat sejahtera. Tidak lama kemudian Ibrahim membawa hidangan daging panggang anak lembu yang gemuk(69). Apabila Ibrahim melihat tangan mereka tidak sampai kepada

makanan itu, ia memandang perbuatan mereka sangat aneh dan terus merasa takut terhadap mereka. Lalu mereka berkata: Janganlah takut kami sebenarnya telah diutuskan Allah untuk membinasakan kaum Lut(70). Dan (ketika itu) isterinya berdiri di sampingnya lalu ia ketawa kemudian kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa ia akan memperolehi anak (bernama) Ishaq dan selepas Ishaq ia akan memperolehi (cucu bernama) Ya'kub(71). Ia lantas berkata: Alangkah hairannya keadaanku! Apakah aku akan melahirkan anak, sedangkan aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua. Sesungguhnya ini adalah sesuatu yang amat menghairankan(72). Jawab para malaikat: Apakah puan merasa hairan terhadap keputusan Allah? Inilah limpah rahmat Allah dan keberkatan-Nya ke atas kamu wahai sekalian Ahlil-Bait. Sesungguhnya Allah Maha Terpuji dan Maha limpah kemurahan-Nya(73). Dan apabila perasaan takut hilang dari Ibrahim dan berita gembira telah disampaikan kepadanya, ia pun mendebati kami tentang (keputusan Allah hendak membinasakan) kaum Lut(74). Kerana Ibrahim adalah seorang yang amat sabar, amat merendah diri dan amat segera bertaubat(75). (Ujar para malaikat) Wahai Ibrahim! Tinggalkan perdebatan ini kerana sesungguhnya keputusan Allah telah pun ditetapkan bahawa mereka akan ditimpakan 'azab yang tidak mungkin ditolakkan lagi(76). Apabila para utusan Kami datang menemui Lut, ia merasa tidak senang dan cemas terhadap kehadiran mereka lalu ia berkata: Inilah hari yang sungguh sulit(77). Dan kemudian kaumnya datang meluru kepadanya (untuk memperkosakan para tamunya yang muda belia) dan mereka sebelum ini memang biasa melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat itu. Lut berkata: Wahai kaumku! Itu dia anak-anak perempuanku. Mereka lebih suci untuk kamu. Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah dan janganlah kamu melakukan perbuatan yang mendukacitakanku terhadap para tetamuku. Apakah tidak ada di dalam kalangan kamu seorang lelaki yang berakal?(78). Mereka menjawab: Awak memang mengetahui bahawa kami tidak berhak meni'mati anak-anak perempuan awak. Dan awak tentulah mengetahui apakah kehendak kami yang sebenar(79). Lut berkata (kepada rombongan malaikat): Jika aku mendapat kekuatan dari kamu atau jika aku dapat berlindung di tempat perlindungan yang kuat (sudah tentu aku melawan mereka)(80). Jawab mereka: Wahai Lut! Sebenarnya kami adalah utusan-utusan dari Tuhanmu. Mereka tidak akan dapat mengganggumu, oleh sebab itu bawalah keluargamu (keluar dari negeri ini) di sebahagian waktu malam dan janganlah ada seorang pun dari kamu yang tidak ikut keluar, kecuali isterimu, kerana Allah akan menimpakan ke atasnya 'azab yang ditimpakan ke atas mereka. Sesungguhnya masa mereka akan ditimpakan 'azab ialah di waktu pagi, dan sekarang bukankah waktu pagi itu sudah dekat?(81). Apabila tiba waktu 'azab Kami, Kami jadikan negeri itu terbalik atas ke bawah dan Kami hujani mereka dengan batu yang berlumuran tanah dan diatur berturut-turut(82). Iaitu batu-batu yang dipelihara di sisi Tuhanmu dan ia berada tidak jauh dari orang-orang yang zalim".(83).

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 83)

Rangkaian ayat-ayat ini dalam laluan sejarahnya telah menyentuh secara ringkas kisah-kisah para anbiya' yang silam sejak Nabi Nuh a.s. dan menyentuh umat-umat yang telah diberkati Allah dan umat-umat yang ditimpakan 'azab Allah... Ia juga menyentuh sebahagian kisah Nabi Ibrahim a.s. yang telah diberkati Allah dalam perjalanannya menuju kisah Nabi Lut a.s. yang telah ditimpa 'azab Allah yang amat pedih. Dan dalam kisah Ibrahim dan Lut di sini telah direalisasikan janji keberkatan-Nya dan janji 'azab kebinasaan yang telah dijanjikan kepada Nabi Nuh a.s. dalam firman-Nya:

قِيلَ يَٰنُوحُ ٱهْبِطْ بِسَلَٰمٍ مِّنَّا وَبَرَكَٰتٍ عَلَيْكَ وَعَلَىٰٓ أُمَمٍ مِّمَّن مَّعَكَ ۚ وَأُمَمٌ سَنُمَتِّعُهُمْ ثُمَّ يَمَسُّهُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٨﴾

"Lalu diseru: Wahai Nuh! Turunlah (di sini) dengan ucapan selamat sejahtera dari Kami dan dengan limpah keberkatan ke atasmu dan ke atas umat-umat yang lahir dari mereka yang turut bersamamu dan umat-umat yang lain (yang tidak turut bersamamu) akan Kami kurniakan kesenangan dunia kepada mereka kemudian mereka akan ditimpakan 'azab yang amat pedih dari Kami."(48)

Janji keberkatan-keberkatan telah dilimpahkan ke atas Ibrahim dan zuriat keturunannya melalui Ishak dan anak-anaknya yang menjadi para Anbiya' Bani Israel, juga melalui Ismail dan zuriat keturunannya Nabi Muhammad.

وَلَقَدْ جَآءَتْ رُسُلُنَآ إِبْرَٰهِيمَ بِٱلْبُشْرَىٰ

"Sesungguhnya utusan-utusan Kami telah datang kepada Ibrahim membawa berita gembira."(69)

Ayat ini tidak menyebut apakah berita gembira itu melainkan pada waktunya yang sesuai dengan kehadiran isteri Ibrahim. Yang dimaksudkan dengan para utusan Allah yang mengunjungi Ibrahim itu ialah para malaikat yang tidak diketahui syakhsiyah mereka. Oleh itu kami tidak ingin melibatkan diri bersama para Mufassirin yang lain dalam menentukan syakhsiyah malaikat-malaikat itu tanpa berlandaskan apa-apa dalil.

Kisah Nabi Ibrahim Dikunjungi Malaikat

قَالُوا۟ سَلَٰمًا ۖ قَالَ سَلَٰمٌ ۖ

"Mereka mengucapkan: Salam sejahtera kepadanya dan ia membalas: Selamat sejahtera!"

Nabi Ibrahim a.s. telah berhijrah dari bumi kaum Kaldani tempat tumpah darahnya di negeri Iraq. Beliau telah menyeberangi negeri Jordan dan tinggal di bumi Kan'an di sebuah perkampungan di Padang Sahara. Sebagai mematuhi adat orang Badwi yang terkenal dengan budaya menghormati tetamu, Ibrahim telah menghidangkan jamuan istimewa untuk ahli-ahli rombongan yang disangkakannya sebagai tetamu itu:

فَمَا لَبِثَ أَن جَآءَ بِعِجْلٍ حَنِيذٍ ﴿٦٩﴾

"Tidak lama kemudian, Ibrahim membawa hidangan daging panggang anak lembu yang gemuk."(69)

Maksudnya, daging lembu muda yang lemak yang dipanggang di atas batu yang panas, tetapi makhluk malaikat tidak makan makanan penduduk bumi.

فَلَمَّا رَءَآ أَيْدِيَهُمْ لَا تَصِلُ إِلَيْهِ

"Apabila Ibrahim melihat tangan mereka tidak sampai kepada makanan itu."

"Apabila Ibrahim melihat tangan mereka tidak menjamah makanan itu" yakni tidak menghulurkan dan menjamah makanan itu.

نَكِرَهُمْ وَأَوْجَسَ مِنْهُمْ خِيفَةً ۚ

"Ia memandang perbuatan mereka sangat aneh dan terus merasa takut terhadap mereka."

Kerana orang yang tidak sudi makan makanan yang disajikan kepadanya memang menimbulkan kesangsian kepada tuan rumah dan membuatnya merasa bahawa tetamunya itu berniat buruk dan serong terhadapnya mengikut adat orang-orang desa di perkampungan Sahara. Dan orang-orang kampung kita juga memang merasa tidak senang terhadap sebarang niat orang-orang yang dihidangkan makanan apabila mereka enggan makan, kerana ini bererti bahawa mereka menyimpan perasaan serong terhadapnya atau setidak-tidaknya mereka tidak begitu percaya kepada niatnya yang baik terhadap mereka. Apabila sampai ke tahap ini, rombongan itu terus memperkenalkan diri mereka:

قَالُوا۟ لَا تَخَفْ إِنَّآ أُرْسِلْنَآ إِلَىٰ قَوْمِ لُوطٍ ﴿٧٠﴾

"Lalu mereka berkata: Janganlah takut kami sebenarnya telah diutuskan Allah untuk membinasakan kaum Lut."(70)

Ibrahim a.s. memang menyedari maksud di sebalik tujuan Allah mengirim rombongan malaikat kepada kaum Lut, tetapi pada sa'at itu berlaku sesuatu yang mengubahkan dialog mereka iaitu:

وَٱمْرَأَتُهُۥ قَآئِمَةٌ فَضَحِكَتْ

"Dan (ketika itu) isterinya berdiri di sampingnya lalu ia ketawa."

Boleh jadi ia ketawa kerana gembira mendengar berita kebinasaan yang akan menimpa kaum Lut yang kotor itu.

فَبَشَّرْنَٰهَا بِإِسْحَٰقَ وَمِن وَرَآءِ إِسْحَٰقَ يَعْقُوبَ ﴿٧١﴾

"Kemudian Kami sampaikan kepadanya berita gembira bahawa ia akan memperolehi anak (bernama) Ishaq dan selepas Ishaq ia akan memperolehi (cucu bernama) Ya'kub."(71)

Isteri Ibrahim a.s. selama ini mandul tidak pernah melahirkan anak dan kini berada dalam usia yang tua. Oleh itu ia amat terperanjat apabila diberita bahawa ia akan memperolehi anak lelaki bernama Ishaq dan lebih-lebih lagi apabila diberita bahawa Ishaq pula akan memperolehi anak lelaki bernama Ya'kub. Seorang perempuan terutama yang mandul sekian lama sudah tentu menyambut berita itu dengan perasaan kaget dan hairan:

قَالَتْ يَٰوَيْلَتَىٰٓ ءَأَلِدُ وَأَنَا۠ عَجُوزٌ وَهَٰذَا بَعْلِى شَيْخًا ۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَىْءٌ عَجِيبٌ ﴿٧٢﴾

"Ia lantas berkata: Alangkah hairannya keadaanku! Apakah aku akan melahirkan anak, sedangkan aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua. Sesungguhnya ini adalah sesuatu yang amat menghairankan."(72)

Ini memang benar sesuatu yang amat aneh, kerana biasanya perempuan yang telah putus haid dan berada di peringkat umur yang tua tidak lagi dapat mengandung, tetapi sebenarnya tiada sesuatu yang aneh apabila diukur dengan Qudrat Allah:

قَالُوٓا۟ أَتَعْجَبِينَ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۖ رَحْمَتُ ٱللَّهِ وَبَرَكَٰتُهُۥ عَلَيْكُمْ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ ۚ إِنَّهُۥ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ ﴿٧٣﴾

"Jawab para malaikat: Apakah puan merasa hairan terhadap keputusan Allah? Inilah limpah rahmat Allah dan keberkatan-Nya ke atas kamu wahai sekalian Ahlil-Bait. Sesungguhnya Allah Maha Terpuji dan Maha limpah kemurahan-Nya."(73)

Di Antara Undang-undang Adat Dan Kehendak Allah Yang Bebas

Tiada suatu keputusan Allah yang dapat dihairankan, kerana apabila hukum adat memperlakukan sesuatu, maka ini bukanlah bererti bahawa hukum adat telah menjadi suatu undang-undang yang tidak berubah, malah apabila Allah hendak melakukan sesuatu kerana sesuatu hikmat yang tertentu - dalam kes ini hikmat itu ialah Allah hendak melimpahkan rahmat dan keberkatan-Nya ke atas Ahlil-Bait Ibrahim yang memang dijanjikan kepada para Mu'minin - nescaya berlakulah sesuatu yang menyalahi hukum adat, malah ia berlaku mengikut undang-undang Uluhiyah yang kita tidak mengetahui batas-batasnya dan segala apa yang berlaku itu tidak dapat kita hukumkannya dengan hukum adat yang serba terbatas itu. Kerana kita tidak mungkin menyelidik segala peristiwa yang berlaku di alam ini.

Mereka yang mengikatkan kehendak masyi'ah Allah dengan undang-undang Allah yang diketahui mereka adalah dikira belum lagi mengenal hakikat Uluhiyah seperti yang diterangkan Allah di dalam kitab suci-Nya, sedangkan keterangan-Nya merupakan keterangan muktamad yang tidak boleh diungkit oleh akal manusia, malah mereka yang mengikatkan kehendak masyi'ah Allah dengan undang-undang yang dijelaskan Allah sebagai undang-undangnya juga dikira sebagai orang-orang yang belum lagi mengenal hakikat Uluhiyah, kerana kehendak masyi'ah Allah S.W.T. merupakan kehendak masyi'ah yang bebas di sebalik undang-undang yang dijelaskan Allah, kerana

kehendak masyi'ah Allah tidak terikat dengan segala undang-undang.

Memang benar Allah S.W.T. mentadbirkan alam buana ini mengikut undang-undang yang telah ditetapkan-Nya, namun hakikat ini merupakan satu perkara dan hakikat yang mengatakan bahawa kehendak masyi'ah Allah berkait dengan undang-undang ini selepas wujudnya merupakan suatu perkara yang lain pula, kerana undang-undang ini berlaku dan berkuatkuasa pada setiap kali dengan keputusan dari Allah, yakni ia tidak berkuatkuasa secara automatik. Oleh sebab itu apabila Allah - pada suatu kali - memutuskan untuk menguatkuasakan undang-undang ini dengan satu bentuk yang lain dari bentuk-bentuk penguatkuasaan yang dilakukan pada kali-kali yang terdahulu, maka bentuk penguatkuasaan yang baru yang diputuskan Allah itulah yang berlaku, tetapi undang-undang itu tidak pula terhenti dengan bentuk keputusannya yang baru itu. Ini ialah kerana undang-undang yang termasuk di bawahnya segala undang-undang yang lain ialah kebebasan kehendak masyi'ah Allah dari segala ikatan dan kaitan umumnya, dan undang-undang itu berkuatkuasa pada setiap kali dalam bentuk yang tertentu yang diputuskan Allah dengan kehendak masyi'ah-Nya yang bebas.

Sampai di sini hati Ibrahim terus merasa aman dan tenteram terhadap kedatangan rombongan utusan Allah itu. Beliau merasa tenang terhadap berita baik yang di bawa oleh rombongan itu, tetapi semuanya itu tidak membuat hati Ibrahim a.s. lupa kepada nasib Lut dan kaumnya, kerana Lut adalah anak saudaranya yang telah berhijrah bersama-sama dengannya dari bumi tumpah darahnya dan kini ia tinggal tidak pula jauh darinya. Beliau tidak dapat melupakan Lut dan tidak pula dapat melupakan akibat kebinasaan dan penghapusan di sebalik keputusan Allah yang telah mengirimkan rombongan malaikat yang akan membinasa dan menghapuskan mereka. Tabi'at Ibrahim yang penyayang itu telah membuat hati Ibrahim tidak sanggup melihat kebinasaan dan kehapusan kaum Lut:

فَلَمَّا ذَهَبَ عَنْ إِبْرَٰهِيمَ ٱلرَّوْعُ وَجَآءَتْهُ ٱلْبُشْرَىٰ يُجَٰدِلُنَا فِى قَوْمِ لُوطٍ ﴿٧٤﴾

إِنَّ إِبْرَٰهِيمَ لَحَلِيمٌ أَوَّٰهٌ مُّنِيبٌ ﴿٧٥﴾

"Dan apabila perasaan takut hilang dari Ibrahim dan berita gembira telah disampaikan kepadanya, ia pun mendebati kami tentang (keputusan Allah hendak membinasakan) kaum Lut(74). Kerana Ibrahim adalah seorang yang amat sabar, amat merendah diri dan amat segera bertaubat."(75)

Kata-kata "الحليم" bererti seorang yang sangat sabar, yang mampu menanggung sebab-sebab yang merangsangkan kemarahan dan menjadikannya tidak gundah, berhati-hati dan tidak cepat melenting. Kata "الأوّاه" bermakna seorang yang amat merendahkan diri ketika berdo'a kerana didorong oleh sikap ketaqwaannya. Sementara kata-kata المنيب bererti seorang yang amat segera bertaubat atau kembali ke pangkuan Tuhannya. Sifat-sifat inilah yang telah mendorong Ibrahim mendebati para malaikat itu tentang nasib kaum Lut walaupun kita tidak mengetahui bagaimana perdebatan itu berlaku kerana ia tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an. Kemudian beliau diberi jawapan bahawa keputusan Allah telah pun ditetapkan ke atas mereka dan di sana tiada lagi sebarang ruang untuk berdebat:

يَٰٓإِبْرَٰهِيمُ أَعْرِضْ عَنْ هَٰذَآ ۖ إِنَّهُۥ قَدْ جَآءَ أَمْرُ رَبِّكَ ۖ وَإِنَّهُمْ ءَاتِيهِمْ عَذَابٌ غَيْرُ مَرْدُودٍ ﴿٧٦﴾

"(Ujar para malaikat) wahai Ibrahim, tinggalkan perdebatan ini kerana sesungguhnya keputusan Allah telah pun ditetapkan bahawa mereka akan ditimpakan 'azab yang tidak mungkin ditolakkan lagi."(76)

* * * * * *

Kemudian rangkaian ayat ini mendiamkan diri tidak berkata apa-apa dan sudah tentu Ibrahim juga turut mendiamkan diri. Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan Ibrahim bersama isterinya dan setelah itu tirai disingkapkan kembali untuk menayangkan satu pemandangan yang penuh dengan pergerakan dan sentimen bersama Lut a.s. Kaum Lut tinggal di 'Amuriyah dan Sadum dari bandar-bandar Jordan.

وَلَمَّا جَآءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِىٓءَ بِهِمْ وَضَاقَ بِهِمْ ذَرْعًا وَقَالَ هَٰذَا يَوْمٌ عَصِيبٌ ﴿٧٧﴾

"Apabila para utusan Kami datang menemui Lut, ia merasa tidak senang dan cemas terhadap kehadiran mereka lalu ia berkata: Inilah hari yang sungguh sulit."(77)

Kaum Lut Dengan Keinginan Homoseksual

Lut memang mengetahui keadaan kaumnya. Beliau mengetahui bahawa fitrah mereka telah dihinggapi penyelewengan dan keinginan seksual yang abnormal. Mereka tidak menaruh perasaan berahi terhadap kaum perempuan, tetapi sebaliknya menaruh perasaan berahi terhadap lelaki. Mereka melanggar kehendak fitrah semulajadi yang memahami hikmat Allah yang telah menciptakan makhluk yang hidup secara berpasang-pasangan, jantan dan betina demi memelihara kesinambungan hayat melalui zuriat keturunan selama yang dikehendaki Allah. Mereka melanggar fitrah semulajadi yang menghayati kelazatan seksual yang haqiqi dengan mengikuti seruan hikmat azali yang bukan dari hasil pemikiran, malah dari hasil hidayat Allah dan tabi'at yang lurus.

Umat manusia secara individu pernah mengalami penyakit-penyakit jiwa yang ganjil, tetapi

penyelewengan seksual kaum Lut merupakan suatu fenomena yang luar biasa, iaitu satu fenomena yang menunjukkan bahawa penyakit jiwa boleh menular seperti penyakit-penyakit fizikal. Ia boleh menjalar sedemikian rupa apabila rosaknya neraca pertimbangan dalam sesuatu masyarakat dan apabila berkembangnya contoh teladan yang buruk melalui inspirasi masyarakat yang sakit. Di samping itu ia bertentangan dengan fitrah manusia yang dikendalikan undang-undang alam yang mengendalikan hidup manusia, sedangkan undang-undang hidup ini menghendaki agar fitrah manusia menghayati kelazatan seks di dalam kegiatan seks yang dapat memenuhi keperluan hayat bukannya dalam kegiatan seks yang bertentangan dengan keperluan hayat, dan menghapuskan hayat, kerana ia membuang benih-benih hayat ke tanah yang tidak dapat menerima dan menyuburkannya, sedangkan sepatutnya ia menyemaikan benih-benih hayat itu di tanah subur yang bersedia menerima dan menyuburkannya. Oleh sebab itulah fitrah manusia yang sihat dari semulajadi lagi memandang jijik kepada penyelewengan seks kaum Lut bukannya jijik dari segi moral sahaja, kerana fitrah manusia adalah dikendalikan oleh undang-undang Ilahi di dalam kehidupan, iaitu undang-undang Ilahi yang menjadikan kelazatan seks semulajadi yang sihat di dalam kegiatan seks yang boleh menolong menyuburkan hayat bukannya di dalam kegiatan seks yang bertentangan dengan hayat dan melumpuhkan hayat.

Kadang-kadang kita meni'mati kelazatan dalam kematian, iaitu kematian (syahid) di jalan yang lebih luhur dari matlamat hidup duniawi, tetapi kelazatan ini bukannya kelazatan fizikal, malah ia merupakan suatu kelazatan niskala yang relatif. Namun begitu, kelazatan ini tidak bertentangan dengan hayat, malah ia merupakan suatu kelazatan yang menyubur dan meningkatkan hayat dari jalan yang lain. Oleh itu kematian syahid ini tidak termasuk di dalam kegiatan abnormal yang memusnahkan hayat dan membinasakan sel-selnya.

Lut merasa sedih terhadap kedatangan rombongan tetamunya, kerana beliau mengetahui apa yang akan dilakukan kaumnya terhadap mereka. Beliau benar-benar menyedari keaiban yang akan menimpa dirinya dengan sebab penghinaan yang dilakukan kaumnya terhadap para tetamunya:

"Lalu ia berkata: Inilah hari yang sungguh sulit!"(77)

Kemudian hari yang sulit itu bermula:

وَجَآءَهُۥ قَوۡمُهُۥ يُهۡرَعُونَ إِلَيۡهِ

"Dan kemudian kaumnya datang meluru kepadanya."

Yakni mereka datang meluru kepadanya dengan keadaan yang serupa dengan orang yang ditimpa demam nafsu.

وَمِن قَبۡلُ كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِۚ

"Dan mereka sebelum ini memang biasa melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat itu."

Inilah yang menyebabkan Lut merasa sedih dan susah hati terhadap para tetamunya dan inilah yang membuat beliau menduga bahawa hari ini merupakan satu hari yang sungguh sulit dan gawat.

Lut melihat jasad-jasad kaumnya yang meluru masuk ke dalam rumahnya itu gementar dengan nafsu seks bagaikan orang-orang yang diserang demam. Mereka mengancam memperkosa dan mencabul kehormatan para tamunya. Lalu Lut berusaha merangsangkan fitrah mereka yang sihat dan mengarahkan keinginan seks mereka kepada kaum perempuan yang sememangnya telah diciptakan Allah untuk kaum lelaki. Dan pada masa itu anak-anak perempuannya sedang berada di rumahnya jika mereka yang diserang deman nafsu itu ingin berkahwin dengan mereka dalam masa yang segera untuk menenangkan ledakan nafsu berahi mereka yang sedang menggila itu:

هَٰٓؤُلَآءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطۡهَرُ لَكُمۡۖ

"Itu Dia anak-anak perempuanku. Mereka lebih suci untuk kamu".

Yakni kaum perempuan itu adalah lebih suci dengan seluruh erti kata kesucian baik dari aspek jiwa mahupun dari aspek fizikal. Mereka dapat memenuhi keinginan fitrah yang bersih di samping dapat membangkitkan perasaan-perasaan yang suci, iaitu suci dari segi fitrah fizikal, di mana Qudrat Allah Pencipta telah menyediakan kaum perempuan sebagai wadah yang suci untuk melahirkan generasi-generasi baru manusia.

فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ

"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah"

Lut telah memaparkan pernyataan ini untuk menggerakkan hati mereka dari aspek ketaqwaan setelah ia menggerakkan hati mereka dari aspek fitrah.

"Dan janganlah kamu melakukan perbuatan yang mendukacitakanku terhadap para tetamuku."

Beliau mengeluarkan pernyataan ini untuk menggerakkan rasa kehormatan diri dan semangat tradisi kaum Badwi yang sangat menghormati para tetamu.

أَلَيۡسَ مِنكُمۡ رَجُلٞ رَّشِيدٞ ﴿٧٨﴾

"Apakah tidak ada di dalam kalangan kamu seorang lelaki yang berakal?"(78)

Yang menjadi isu di sini ialah kematangan dan kebodohan di samping isu fitrah, agama dan maruah,

tetapi semuanya tidak dapat menyedarkan fitrah manusia yang menyeleweng dan sakit dan tidak pula dapat menggerakkan hati yang mati dan reput dan seterusnya tidak dapat merangsangkan akal yang sakit dan lemah dan ini menyebabkan ledakan nafsu seks mereka yang sakit dan abnormal itu terus mengelonjak bagaikan diserang demam:

قَالُوا۟ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا لَنَا فِى بَنَاتِكَ مِنْ حَقٍّ وَإِنَّكَ لَتَعْلَمُ مَا نُرِيدُ ﴿٧٩﴾

"Mereka menjawab: Awak memang mengetahui bahawa kami tidak berhak meni'mati anak-anak perempuan awak. Dan awak tentulah mengetahui apakah kehendak kami yang sebenar."(79)

Maksudnya, anda memang tahu seandainya kami mahukan anak-anak perempuan anda sudah tentulah kami telah mengahwini mereka dan ini memang hak kami.

وَإِنَّكَ لَتَعْلَمُ مَا نُرِيدُ ﴿٧٩﴾

"Dan awak tentulah mengetahui apakah kehendak kami yang sebenar."(79)

Itu adalah suatu isyarat yang lucah terhadap amalan homoseks yang buruk itu.

Lut merasa begitu kecewa dan lemah dan seterusnya merasa begitu asing dalam kalangan kaumnya, kerana beliau hanya seorang pendatang baru yang berhijrah kepada mereka dari sebuah negeri yang jauh. Di sini beliau tidak mempunyai keluarga yang dapat melindunginya .dan tidak pula mempunyai kekuatan untuk menghadapi hari yang sangat kritikal itu, lalu tiba-tiba dua bibir mulutnya terbuka dan meluahkan kata-kata yang sedih dan pedih:

قَالَ لَوْ أَنَّ لِى بِكُمْ قُوَّةً أَوْ ءَاوِىٓ إِلَىٰ رُكْنٍ شَدِيدٍ ﴿٨٠﴾

"Lut berkata (kepada rombongan malaikat): Jika aku mendapat kekuatan dari kamu atau jika aku dapat berlindung di tempat perlindungan yang kuat (sudah tentu aku melawan mereka)."(80)

Lut hadapkan kata-kata ini kepada para malaikat yang menjelma dengan rupa manusia yang muda belia dan berwajah tampan, yang mana pada pandangan Lut mereka tidak mempunyai kekuatan fizikal yang gagah (untuk dijadikan tenaga juang demi menentang kebiadaban kaumnya). Oleh sebab itulah Lut menoleh kepada mereka dengan angan-angan agar mereka menjadi pemuda-pemuda yang gagah dan perkasa atau agar ia dapat berlindung di tempat perlindungan yang kuat untuk menghindarkan para tamunya dari ancaman kaumnya.

Ketika berada di sa'at-sa'at yang genting itu, Lut terlupa bahawa beliau telah pun berada di tempat perlindungan yang kuat, iaitu beliau sedang berlindung di bawah naungan Allah yang tidak pernah membiarkan hamba kesayangan-Nya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. sewaktu beliau membaca ayat ini:

رحمة الله على لوط لقد كان يأوى إلى ركن شديد

"Allah limpahkan rahmat ke atas Lut kerana ia sebenarnya telah berlindung di bawah naungan Allah yang amat kuat."

Apabila situasi yang gawat itu telah menjadi begitu cemas, mendesak dan memuncak, maka rombongan malaikat itu mendedahkan kepada Lut siapakah tempat perlindungannya yang sebenar yang amat kuat:

قَالُوا۟ يَٰلُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَن يَصِلُوٓا۟ إِلَيْكَ

"Jawab mereka: Wahai Lut! Sebenarnya kami adalah utusan-utusan dari Tuhanmu. Mereka tidak akan dapat mengganggumu."(81)

Kemudian mereka memberitakan kepada Lut supaya menyelamatkan ahli keluarganya yang bersih kecuali isterinya yang telah tergolong di dalam golongan kaumnya yang rosak akhlak:

فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ ٱلَّيْلِ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنكُمْ أَحَدٌ إِلَّا ٱمْرَأَتَكَ إِنَّهُۥ مُصِيبُهَا مَآ أَصَابَهُمْ إِنَّ مَوْعِدَهُمُ ٱلصُّبْحُ أَلَيْسَ ٱلصُّبْحُ بِقَرِيبٍ ﴿٨١﴾

"Oleh sebab itu bawalah keluargamu (keluar dari bandar ini) di sebahagian waktu malam dan janganlah ada seorang pun dari kamu yang tidak ikut keluar, kecuali isterimu kerana Allah akan menimpakan ke atasnya 'azab yang ditimpakan ke atas mereka. Sesungguhnya masa mereka akan ditimpakan 'azab ialah di waktu pagi dan (sekarang) bukankah waktu pagi itu sudah dekat?"(81)

Kata-kata "أسر" yang berumbikan "أسرى" bermakna perjalanan di waktu malam. Ungkapan "بقطع من الليل" bermakna "sebahagian dari waktu malam" dan ungkapan "ولا يلتفت منكم أحد" bermakna "jangan ada seseorang pun dari kamu yang tidak ikut keluar atau tertinggal", kerana waktu pagi merupakan waktu kebinasaan yang dijanjikan kepada mereka. Oleh sebab itu sesiapa yang terus berada di bandar itu hingga ke waktu pagi, nescaya mereka akan binasa bersama orang-orang yang binasa.

أَلَيْسَ ٱلصُّبْحُ بِقَرِيبٍ ﴿٨١﴾

"Bukankah sekarang waktu Subuh sudah dekat?"(81)

Kebinasaan Kaum Lut

Ia merupakan satu pernyataan untuk menyegarkan hati Lut yang telah menderita sekian lama, juga untuk menguatkan kehampiran waktu kebinasaan itu yang akan tiba sebaik sahaja pagi terserlah. Kemudian Allah bertindak terhadap kaum Lut dengan Qudrat-Nya yang tidak mungkin dilakukan oleh kekuatan yang diangan-angankan Lut.

Pemandangan terakhir ialah pemandangan kebinasaan yang mengerikan dan benar-benar layak dengan kaum Lut:

فَلَمَّا جَآءَ أَمۡرُنَا جَعَلۡنَا عَٰلِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمۡطَرۡنَا عَلَيۡهَا حِجَارَةٗ مِّن سِجِّيلٖ مَّنضُودٖ ﴿٨٢﴾ مُّسَوَّمَةً عِندَ رَبِّكَۖ وَمَا هِيَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ بِبَعِيدٖ ﴿٨٣﴾

"Apabila tiba waktu 'azab Kami, Kami jadikan bandar itu terbalik atas ke bawah dan Kami hujani mereka dengan batu yang berlumuran tanah dan diatur berturut-turut(82). Iaitu batu-batu yang dipelihara di sisi Tuhanmu dan ia berada tidak jauh dari orang-orang yang zalim."(83)

Maksudnya, apabila tiba masa pelaksanaan keputusan Allah. Dia jadikan bandar itu terbalik atas ke bawah. Itulah gambaran kebinasaan yang menyeluruh, yang membalikkan segala sesuatu, mengubah dan menghapuskan segala garisan tanda di muka bumi.

Pembalikan bumi atas ke bawah itu adalah serupa dengan keadaan fitrah manusia yang terbalik songsang dari kemuncak kemuliaan insan ke dasar kerendahan haiwan, malah lebih rendah lagi dari haiwan, kerana haiwan tetap menjunjung iltizamnya dalam ruang batas fitrah haiwan.

وَأَمۡطَرۡنَا عَلَيۡهَا حِجَارَةٗ مِّن سِجِّيلٖ

"Dan Kami hujani mereka dengan batu yang berlumuran tanah."

Yakni batu yang berpalit dengan tanah sesuai dengan situasi kebinasaan.

مَّنضُودٖ ﴿٨٢﴾

"Yang diatur berturut-turut."(82)

Yakni dilonggok bertindih tindan satu sama lain.

مُّسَوَّمَةً عِندَ رَبِّكَۖ

"Iaitu batu-batu yang dipelihara di sisi Tuhanmu." [9]

Yakni batu-batu itu persis seperti binatang-binatang ternakan yang dipelihara dan dilepaskan beramai-ramai. Batu-batu itu seolah-olah dipelihara dan dilepaskan sebegitu rupa supaya membiakkan dengan banyak untuk memenuhi keperluan masa tertentu. Ini adalah satu gambaran yang menarik yang melontarkan bayangan pengertiannya di dalam hati, iaitu satu bayangan pengertian yang tidak dapat dijelaskan dengan huraian yang seterang bayangan yang dilontarkan itu.

وَمَا هِيَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ بِبَعِيدٖ ﴿٨٣﴾

"Dan batu-batu itu berada tidak jauh dari orang-orang yang zalim."(83)

Maksudnya, batu-batu itu berada begitu dekat dan siap sedia menunggu perintah dan apabila perlu ia akan dilontarkan tepat mengenai sasarannya.

Gambaran malapetaka yang menimpa kaum Lut yang dilukiskan ayat ini hampir-hampir serupa dengan fenomena ledakan gunung berapi yang menenggelamkan bumi dan menelan segala apa yang ada di permukaannya dengan disertai lahar-lahar yang panas, batu-batu dan lumpur dan sememangnya Allah menyediakan berbagai-bagai 'azab kepada orang-orang yang zalim.

Apa yang kami katakan tadi bukanlah bertujuan untuk mengatakan bahawa malapetaka yang menimpa kaum Lut itu ialah ledakan gunung berapi yang aktif di waktu itu dan menyebabkan berlakunya segala apa yang berlaku, tetapi kami tidak menafikan kemungkinan semuanya ini. Boleh jadi apa yang telah berlaku itu ialah ledakan gunung berapi, tetapi kami tidak mahu mengatakannya secara pasti, kerana kami tidak ingin mengikatkan perencanaan Ilahi itu dengan satu fenomena yang lumrah diketahui umum.

Kesimpulan kata mengenai isu-isu seperti ini ialah harus dalam perencanaan Allah berlakunya ledakan gunung berapi itu bertepatan dengan masa itu untuk merealisasikan keputusan Allah terhadap kaum Lut sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah yang azali, kerana urusan penentuan waktu dan keselarasannya adalah dari urusan Uluhiyah dan Rububiyah Allah S.W.T. yang mentadbirkan alam buana ini, juga dari urusan pengendalian-Nya terhadap segala sesuatu yang berlaku di alam buana ini selaras dengan perencanaannya terhadap segala makhluk yang tidak bernyawa dan segala makhluk yang bernyawa yang wujud di alam buana ini.

Begitu juga harus bahawa ledakan gunung berapi itu adalah berlaku dengan perencanaan Ilahi yang khusus dan dengan kehendak masyi'ah Ilahi yang telah memutuskan untuk membinasakan kaum Lut dengan ledakan gunung berapi yang telah berlaku pada masa itu. Pemahaman terhadap hubungan kehendak masyi'ah Allah dengan alam buana dalam bentuk yang kami telah jelaskan ketika menghuraikan peristiwa isteri Ibrahim [10] tidak akan meninggal ruang kemusykilan yang berasaskan pandangan manusia terhadap fenomena-fenomena yang seperti ini.

---

[9] *Di antara makna kata-kata "مسومة" ialah "yang ditanda dengan tanda yang tertentu", tetapi pengungkapan secara gambaran yang kami pilih untuk kata-kata itu adalah lebih hampir kepada penggambaran.*

[10] *Yang merasa hairan terhadap kemungkinan dirinya yang mandul dan suaminya yang tua dapat melahirkan anak. (Penterjemah)*

(Kumpulan ayat-ayat 84 - 99)

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ وَلَا تَنقُصُوا۟ ٱلْمِكْيَالَ وَٱلْمِيزَانَ ۚ إِنِّىٓ أَرَىٰكُم بِخَيْرٍ وَإِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ مُّحِيطٍ ﴿٨٤﴾

وَيَٰقَوْمِ أَوْفُوا۟ ٱلْمِكْيَالَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٨٥﴾

بَقِيَّتُ ٱللَّهِ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ۚ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيْكُم بِحَفِيظٍ ﴿٨٦﴾

قَالُوا۟ يَٰشُعَيْبُ أَصَلَوٰتُكَ تَأْمُرُكَ أَن نَّتْرُكَ مَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَآ أَوْ أَن نَّفْعَلَ فِىٓ أَمْوَٰلِنَا مَا نَشَٰٓؤُا۟ ۖ إِنَّكَ لَأَنتَ ٱلْحَلِيمُ ٱلرَّشِيدُ ﴿٨٧﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَرَزَقَنِى مِنْهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ وَمَآ أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَآ أَنْهَىٰكُمْ عَنْهُ ۚ إِنْ أُرِيدُ إِلَّا ٱلْإِصْلَٰحَ مَا ٱسْتَطَعْتُ ۚ وَمَا تَوْفِيقِىٓ إِلَّا بِٱللَّهِ ۚ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿٨٨﴾

وَيَٰقَوْمِ لَا يَجْرِمَنَّكُمْ شِقَاقِىٓ أَن يُصِيبَكُم مِّثْلُ مَآ أَصَابَ قَوْمَ نُوحٍ أَوْ قَوْمَ هُودٍ أَوْ قَوْمَ صَٰلِحٍ ۚ وَمَا قَوْمُ لُوطٍ مِّنكُم بِبَعِيدٍ ﴿٨٩﴾

وَٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى رَحِيمٌ وَدُودٌ ﴿٩٠﴾

قَالُوا۟ يَٰشُعَيْبُ مَا نَفْقَهُ كَثِيرًا مِّمَّا تَقُولُ وَإِنَّا لَنَرَىٰكَ فِينَا ضَعِيفًا ۖ وَلَوْلَا رَهْطُكَ لَرَجَمْنَٰكَ ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْنَا بِعَزِيزٍ ﴿٩١﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَهْطِىٓ أَعَزُّ عَلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَٱتَّخَذْتُمُوهُ وَرَآءَكُمْ ظِهْرِيًّا ۖ إِنَّ رَبِّى بِمَا تَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٩٢﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada penduduk Madyan saudara mereka Syu'ayb (lalu dia berseru:) Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya Aku melihat kamu berada dalam keadaan yang baik (senang-lenang) dan sesungguhnya Aku takut kamu akan ditimpakan 'azab yang akan meliputi seluruh kamu(84). Wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil. Dan janganlah, kamu mengurangi (nilai) segala sesuatu yang dimiliki mereka. Dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi(85). Keuntungan yang kekal di sisi Allah itu lebih baik bagi kamu jika kamu benar-benar beriman dan aku sekali-kali tidak berkuasa memelihara kamu(86). Mereka berkata: Wahai Syu'ayb! Apakah solatmu menyuruhmu supaya kami tinggalkan segala apa yang disembahkan datuk nenek kami atau melarangkan kami menguruskan harta benda kami mengikut cara yang kami suka? Sesungguhnya engkau seorang yang sangat berakal dan berfikir matang (bukankah begitu?)(87). Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rezeki yang baik dari-Nya (wajarkah aku tidak menyampaikannya kepada kamu). Dan aku tidak bertujuan hendak menyalahi kamu dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang aku telah melarangkan kamu melakukannya. Aku tidak mempunyai tujuan yang lain melainkan untuk melakukan islah sedaya upayaku, dan aku tidak mengharapkan kejayaanku melainkan dengan taufik dari Allah. Kepada-Nya aku berserah dan kepada-Nya aku kembali(88). Wahai kaumku! Janganlah pertentangan kamu terhadapku menyebabkan kamu ditimpakan kebinasaan seperti mana yang telah menimpa kaum Nuh atau kaum Hud atau kaum Soleh dan (peristiwa kebinasaan) yang telah menimpa kaum Lut tidak begitu jauh dari kamu(89). Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu dan bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengasih dan Maha Penyayang(90). Mereka berkata: Wahai Syu'ayb! Kami sebenarnya tidak banyak memahami apa yang dikatakan engkau dan kami sebenarnya memandang engkau seorang yang lemah di dalam kalangan kami. Dan jika tidak kerana keluargamu sudah tentu kami telah membunuh engkau dengan rejam dan engkau bukanlah seorang yang gagah perkasa di sisi kami(91). Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah keluargaku lebih kuat di sisi kamu dari Allah lalu kamu jadikan Allah sesuatu yang terbuang di belakang kamu. Sesungguhnya Tuhanku meliputi segala apa yang dilakukan kamu."(92).

وَيَٰقَوْمِ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّى عَٰمِلٌ ۖ سَوْفَ تَعْلَمُونَ مَن يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَمَنْ هُوَ كَٰذِبٌ ۖ وَٱرْتَقِبُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُمْ رَقِيبٌ ﴿٩٣﴾

وَلَمَّا جَآءَ أَمۡرُنَا نَجَّيۡنَا شُعَيۡبٗا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ بِرَحۡمَةٖ مِّنَّا وَأَخَذَتِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ ٱلصَّيۡحَةُ فَأَصۡبَحُواْ فِي دِيَٰرِهِمۡ جَٰثِمِينَ ﴿٩٤﴾

كَأَن لَّمۡ يَغۡنَوۡاْ فِيهَآۗ أَلَا بُعۡدٗا لِّمَدۡيَنَ كَمَا بَعِدَتۡ ثَمُودُ ﴿٩٥﴾

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٍ ﴿٩٦﴾

إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ وَمَلَإِيْهِۦ فَٱتَّبَعُوٓاْ أَمۡرَ فِرۡعَوۡنَۖ وَمَآ أَمۡرُ فِرۡعَوۡنَ بِرَشِيدٖ ﴿٩٧﴾

يَقۡدُمُ قَوۡمَهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ فَأَوۡرَدَهُمُ ٱلنَّارَۖ وَبِئۡسَ ٱلۡوِرۡدُ ٱلۡمَوۡرُودُ ﴿٩٨﴾

وَأُتۡبِعُواْ فِي هَٰذِهِۦ لَعۡنَةٗ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ بِئۡسَ ٱلرِّفۡدُ ٱلۡمَرۡفُودُ ﴿٩٩﴾

"Dan wahai kaumku! Berusahalah mengikut cara hidup kamu dan aku juga akan berusaha mengikut cara hidupku. Kelak kamu akan mengetahui siapakah yang akan ditimpakan 'azab yang menghinakannya dan siapakah yang berdusta. Dan tunggulah ('azab Allah) dan aku juga menunggu bersama kamu(93). Dan apabila datang 'azab Kami, Kami selamatkan Syu'ayb bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan rahmat dari Kami dan orang-orang yang zalim telah dibinasakan bahana 'azab yang amat kuat dan menyebabkan mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka(94). Seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di situ. Ketahuilah, Allah jauhkan rahmat dari penduduk Madyan sebagaimana jauhnya rahmat dari kaum Thamud(95). Dan sesungguhnya Kami mengutuskan Musa dengan bukti-bukti kekuasaan Kami (mu'jizat) dan hujjah yang amat jelas(96). Kepada Fir'aun dan para pembesarnya, tetapi mereka tetap mematuhi perintah Fir'aun, sedangkan perintah Fir'aun itu bukanlah suatu perintah yang benar (97). Dia berjalan mengepalai kaumnya pada hari Qiamat lalu dia memasukkan mereka ke Neraka seburuk-buruk tempat yang dimasuki(98). Dan mereka sentiasa diikuti laknat Allah di dunia dan di hari Qiamat. Itulah seburuk-buruk pemberian yang diberikan".(99).

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 99)

Ini satu lagi peranan dari peranan da'wah yang sama yang memperjuangkan 'aqidah yang kekal abadi yang dilakukan oleh Syu'ayb a.s. dalam kalangan kaumnya yang menghuni negeri Madyan, iaitu di samping beliau berda'wah kepada 'aqidah tauhid, beliau juga memperjuangkan satu lagi isu, iaitu isu amanah dan keadilan dalam bidang mu'amalat di antara manusia. Isu ini mempunyai hubungan yang amat rapat dengan 'aqidah terhadap Allah dan dengan konsep kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, juga dengan konsep menjunjung syari'at Allah dan segala perintah-Nya walaupun penduduk Madyan telah menerima isu ini dengan perasaan hairan dan takjub, kerana mereka tidak pernah memahami wujudnya hubungan di antara mu'amalah kewangan dengan ibadat solat yang mengungkapkan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah.

Kisah Syu'ayb a.s. berlaku sejalan dengan kisah Hud a.s. yang menghadapi kaum 'Ad, juga sejalan dengan kisah Soleh a.s. yang menghadapi kaum Thamud walaupun kisah Syu'ayb lebih dekat dengan kisah Soleh dari segi kesudahan kisah, uslub pembentangan dan pengungkapan pada akhir kisah hingga kedua-dua kisah ini berkongsi jenis 'azab yang sama dan pengungkapan yang sama dalam menggambarkan 'azab itu.

* * * * * *

Kisah Nabi Syu'ayb a.s.

وَإِلَىٰ مَدۡيَنَ أَخَاهُمۡ شُعَيۡبٗاۚ قَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥۖ

"Dan (Kami utuskan) kepada penduduk Madyan saudara mereka Syu'ayb (lalu dia berseru:) Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah."

Itulah konsep keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang merupakan asas pertama 'aqidah, asas pertama hidup manusia, asas pertama undang-undang dan syari'at dan asas pertama kegiatan bermu'amalah... tanpa asas ini tiada 'aqidah, tiada ibadat dan tiada mu'amalah yang dapat ditegakkan.

Perilaku Menipu Sukatan Dan Timbangan

وَلَا تَنقُصُواْ ٱلۡمِكۡيَالَ وَٱلۡمِيزَانَۖ إِنِّيٓ أَرَىٰكُم بِخَيۡرٖ وَإِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٖ مُّحِيطٖ ﴿٨٤﴾

"Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam keadaan yang baik (senang lenang) dan sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab yang akan meliputi seluruh kamu."(84)

وَيَٰقَوۡمِ أَوۡفُواْ ٱلۡمِكۡيَالَ وَٱلۡمِيزَانَ بِٱلۡقِسۡطِۖ وَلَا تَبۡخَسُواْ ٱلنَّاسَ أَشۡيَآءَهُمۡ وَلَا تَعۡثَوۡاْ فِي ٱلۡأَرۡضِ مُفۡسِدِينَ ﴿٨٥﴾

بَقِيَّتُ ٱللَّهِ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَۚ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيۡكُم بِحَفِيظٖ ﴿٨٦﴾

"Wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil. Dan janganlah kamu mengurangi (nilai) segala sesuatu yang dimiliki mereka. Dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi(85). Keuntungan yang kekal di sisi Allah itu lebih baik bagi kamu jika kamu benar-benar beriman dan aku sekali-kali tidak berkuasa memelihara kamu."(86)

Isu yang diperkatakan di sini ialah isu amanah dan keadilan - selepas memperkatakan isu 'aqidah dan keta'atan - atau isu syari'at dan peraturan mu'amalah yang lahir dari asas 'aqidah dan keta'atan. Negeri Madyan dan para penduduknya berada di tengah jalan di antara Hijaz dan Syam. Mereka mengurangi sukatan dan timbangan dan mengurangi nilai-nilai barangan orang lain di dalam kegiatan mu'amalah mereka. Ini adalah satu amalan yang buruk yang menyentuh kebersihan hati dan tangan di samping menyentuh maruah dan kehormatan diri. Oleh sebab kedudukan negeri mereka yang strategik, mereka mempunyai kesempatan merompak angkatan unta-unta yang membawa dagangan yang berulang-alik di antara bahagian utara dan bahagian selatan Semenanjung Tanah Arab. Mereka menguasai jalan-jalan laluan angkatan-angkatan unta perdagangan dan mengenakan peraturan-peraturan yang sewenang-sewenang dan melakukan mu'amalah-mu'amalah yang zalim sebagaimana yang diperikan Allah di dalam surah ini.

Hubungan 'Aqidah Tauhid Dengan Perilaku Dan Akhlak

Dari sini nyatalah bagaimana rapatnya hubungan 'aqidah tauhid dan konsep keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa dengan konsep amanah, kebersihan, keadilan mu'amalah dan konsep mengambil dan memberi... juga mempunyai hubungan yang rapat dengan usaha untuk menghapuskan amalan mencuri secara halus baik dilakukan oleh individu-individu mahupun dilakukan oleh kerajaan-kerajaan. Oleh sebab itu 'aqidah tauhid merupakan jaminan untuk kehidupan insaniyah yang paling baik di samping menjamin keadilan dan keamanan di antara manusia di muka bumi ini. Ia merupakan satu-satunya jaminan yang berasaskan takut kepada Allah dan keinginan mendapatkan keredhaan Allah. Ini bererti jaminan itu berlandaskan tapak asas yang kuat dan tidak terumbang-ambing di antara kehendak-kehendak dan keinginan hawa nafsu.

Peraturan-peraturan mu'amalah dan akhlak pastilah berlandaskan asas yang kukuh yang tidak terpengaruh kepada faktor-faktor yang berubah-ubah. Inilah pandangan Islam yang berbeza dari akar umbinya dengan seluruh teori sosial dan akhlak yang berlandaskan pemikiran-pemikiran manusia, kefahaman-kefahaman, peraturan-peraturan dan kepentingan-kepentingan mereka yang dominan.

Apabila mu'amalah dan akhlak berlandaskan dasar yang kukuh, maka ia tidak terpengaruh kepada kepentingan-kepentingan kebendaan yang dekat, dan tidak pula terpengaruh kepada persekitaran dan faktor-faktor yang dominan yang wujud di persekitaran itu.

Oleh itu faktor yang mempengaruhi akhlak manusia dan peraturan-peraturan mu'amalah dari aspek akhlak bukanlah keadaan hidup mereka yang bergantung kepada pertanian atau penternakan atau perindustrian, kerana faktor-faktor yang berubah-ubah ini telah kehilangan pengaruhnya dalam mencorakkan kefahaman akhlak dan dasar-dasar peraturan-peraturan mu'amalah yang berasaskan akhlak.

Apabila syari'at Allah menjadi sumber seluruh undang-undang dan peraturan hidup, dan apabila dasar mencari keredhaan Allah, mengharapkan ganjaran dari Allah dan menjauhi balasan Allah menjadi dasar akhlak, maka pendapat yang digembar-gemburkan oleh tokoh-tokoh aliran positivisme yang mengatakan corak akhlak manusia itu adalah mengikut corak hubungan-hubungan ekonomi dan tahap perkembangan sosial sesuatu umat, adalah satu pendapat yang kosong mengikut pandangan akhlak Islamiyah. [11]

وَلَا تَنقُصُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ ۚ إِنِّي أَرَاكُم بِخَيْرٍ

"Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu dalam keadaan yang baik (senang-lenang)."

Maksudnya, Allah telah mengurniakan rezeki yang baik kepada kamu. Justeru itu kamu tidak perlu menggunakan cara yang hina ini untuk menambahkan kekayaan kamu. Kamu tidak akan menjadi miskin atau mendapat sesuatu kesusahan jika kamu tidak mengurangkan sukatan dan timbangan, malah rezeki yang baik ini akan terancam jika kamu terus melakukan penipuan di dalam mu'amalah atau mengamalkan dasar rampas dan menyamun di dalam kegiatan mengambil dan memberi.

وَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ مُّحِيطٍ ﴿٨٤﴾

"Sesungguhnya aku takut kamu ditimpakan 'azab yang akan meliputi seluruh kamu."(84)

Yakni 'azab yang meliputi kamu itu akan menimpa kamu sama ada pada hari Akhirat di sisi Allah atau akan menimpa kamu di dunia ini lagi apabila amalan menipu, merampas dan menyamun itu melahirkan akibat yang pahit kepada kehidupan masyarakat dan kepada pergerakan perniagaan dalam negeri, di mana orang ramai merasa kesan buruknya menimpa satu sama lain dalam aktiviti-aktiviti hidup seharian, dalam

---

[11] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam buku "* نظرية الاسلام الخلقية *" oleh Abul-A'la al-Maududi Amir al-Jama'ah al-Islamiyah, Pakistan. Juga lihat bab "*نظام أخلاق*" dalam "* نحو مجتمع إسلامي *" oleh pengarang.*

setiap kegiatan mu'amalah dan setiap kegiatan perhubungan.

Kemudian Syu'ayb a.s. sekali lagi mengulangkan nasihatnya dalam bentuk yang positif selepas memberi nasihat dalam bentuk larangan yang negatif:

وَيَٰقَوۡمِ أَوۡفُواْ ٱلۡمِكۡيَالَ وَٱلۡمِيزَانَ بِٱلۡقِسۡطِۖ

"Wahai kaumku, sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil".

Perintah menyempurnakan sukatan dan timbangan lebih kuat dari larangan mengurangkan sukatan dan timbangan kerana ia lebih hampir kepada menambahkan sukatan dan timbangan.

Ungkapan ayat-ayat ini masing-masing memberi makna bayangan di dalam hati, kerana makna bayangan bagi ungkapan yang mengungkapkan perintah menyempurnakan sukatan dan timbangan itu berlainan dari makna bayangan bagi ungkapan yang mengungkapkan larangan mengurangkan sukatan dan timbangan kerana ia lebih membayangkan toleransi dan kejujuran.

وَلَا تَبۡخَسُواْ ٱلنَّاسَ أَشۡيَآءَهُمۡ

"Dan janganlah kamu mengurangi (nilai) segala sesuatu yang dimiliki mereka."

Pernyataan ini lebih umum dari pernyataan yang menyebut barangan-barangan yang disukat dan ditimbang, kerana ia merangkumi segala nilai yang baik bagi segala jenis barangan yang dimiliki manusia, iaitu penilaian yang betul dari aspek sukatan atau timbangan, dari aspek harga atau nilaian dan dari aspek fizikal atau mental. Dan kadang-kadang ungkapan "segala sesuatu" itu juga merangkumi perkara-perkara yang bersangkutan dengan aspek kerja-kerja dan spesifikasi-spesifikasi kerana kata-kata "sesuatu" itu kadang-kadang digunakan untuk maksud mengungkapkan segala sesuatu yang di luar tanggapan pancaindera.

Perbuatan mengurangkan nilaian segala sesuatu yang dimiliki manusia, di samping merupakan suatu perbuatan yang zalim, ia juga menimbulkan perasaan-perasaan yang buruk dalam hati manusia, iaitu perasaan sakit hati dan dendam kesumat atau perasaan putus asa dari mendapat keadilan, kebaikan dan penilaian yang betul. Semua perasaan ini boleh merosakkan suasana hidup dan suasana bermu'amalah, juga merosakkan hubungan-hubungan sosial, jiwa dan hati dan mengakibatkan tiada sesuatu yang baik yang tinggal di dalam kehidupan ini.

"Dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi."(85)

Kata "تعثوا" dari umbi kata "العثو" bererti melakukan kerosakan dengan sewenang-wenang. Ia bermaksud: Janganlah kamu melakukan kerosakkan dengan sengaja dengan tujuan merealisasikan kerosakkan itu di alam realiti. Kemudian ayat yang berikut menggerakkan perasaan mereka agar berusaha ke arah mencapaikan kebaikan yang lebih kekal dari hasil pendapatan yang kotor, yang diperolehi melalui amalan mengurangkan sukatan dan timbangan, juga melalui amalan mengurangkan nilai segala sesuatu yang dimiliki orang lain:

بَقِيَّتُ ٱللَّهِ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَۚ

"Keuntungan yang kekal di sisi Allah itu lebih baik bagi kamu jika kamu benar-benar beriman."

Keuntungan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih kekal dan lebih utama. Syu'ayb a.s. mula-mula menyeru mereka kepada menyembah Allah Yang Maha Esa, iaitu kepada konsep menumpukan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan di sini beliau mengingatkan konsep ini kepada mereka serta menyebut kebaikan dan keuntungan yang kekal yang sediakan di sisi Allah jika mereka beriman kepada da'wahnya dan mengikut nasihatnya dalam urusan bermu'amalah yang merupakan cabang dari keimanan.

بَقِيَّتُ ٱللَّهِ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَۚ

"Keuntungan yang kekal di sisi Allah itu lebih baik bagi kamu jika kamu benar-benar beriman."

Kemudian Syu'ayb a.s. memutuskan hubungan di antara mereka dengan Allah yang beliau menyeru mereka kepada-Nya dan menerangkan kepada mereka bahawa beliau tidak mempunyai sebarang kuasa untuk melindungi mereka dari sebarang bencana dan 'azab Allah atau melindungi mereka dari kesesatan, dan beliau tidak pula bertanggung-jawab terhadap mereka jika mereka sesat. Tugas beliau hanya menyampaikan perutusan Allah dan tugas ini telah pun ditunaikan beliau:

وَمَآ أَنَا۠ عَلَيۡكُم بِحَفِيظٖ ﴿٨٦﴾

"Dan aku tidak sekali-kali berkuasa memelihara kamu."(86)

Uslub pengungkapan yang seperti ini membuat orang-orang yang menjadi sasaran ayat ini sedar betapa pentingnya persoalan ini dan betapa berat tanggungjawabnya. Ia membuat mereka berdiri sendirian di hadapan akibat yang buruk itu tanpa sebarang orang tengah dan tanpa seorang pun yang sanggup memelihara dan melindungi mereka.

* * * * * *

Tetapi kaum Syu'ayb terus melakukan kerosakan dan berdegil dengan penyelewengan dan keruntuhan akhlak dan dengan amalan eksploitasi mereka yang buruk:

قَالُواْ يَٰشُعَيۡبُ أَصَلَوٰتُكَ تَأۡمُرُكَ أَن نَّتۡرُكَ مَا يَعۡبُدُ
ءَابَآؤُنَآ أَوۡ أَن نَّفۡعَلَ فِيٓ أَمۡوَٰلِنَا مَا نَشَٰٓؤُاْۖ إِنَّكَ

لَأَنتَ ٱلۡحَلِيمُ ٱلرَّشِيدُ ﴿٨٧﴾

"Mereka berkata: Wahai Syu'ayb! Apakah solatmu menyuruhmu supaya kami tinggalkan segala apa yang disembahkan datuk nenek kami atau melarangkan kami menguruskan harta benda kami mengikut cara yang kami suka. Sesungguhnya engkau seorang yang sangat berakal dan berfikiran matang (bukankah begitu?)"(87)

Itulah jawapan yang begitu jelas bertujuan mengejek Syu'ayb a.s. melalui setiap susunan katanya, walaupun ejekan itu datang dari orang yang jahil, bebal dan degil, yang tidak berilmu pengetahuan dan berdaya faham.

أَصَلَوٰتُكَ تَأۡمُرُكَ أَن نَّتۡرُكَ مَا يَعۡبُدُ ءَابَآؤُنَآ أَوۡ أَن نَّفۡعَلَ فِيٓ أَمۡوَٰلِنَا مَا نَشَٰٓؤُاْۖ

"Apakah solatmu menyuruhmu supaya kami tinggalkan segala apa yang disembahkan datuk nenek kami atau melarangkan kami menguruskan harta benda kami mengikut cara yang kami suka?"(87)

Hubungan 'Aqidah Dengan Syari'at

Mereka tidak faham atau segaja tidak mahu memahami bahawa ibadat solat adalah dari tuntutan 'aqidah dan dari gambaran 'Ubudiyah dan keta'atan kepada Allah, mereka juga sengaja tidak mahu memahami bahawa 'aqidah tidak mungkin ditegakkan tanpa konsep tauhid kepada Allah dan tanpa membuang segala sembahan yang disembah mereka dan datuk nenek mereka selain dari Allah. Begitu juga 'aqidah tidak mungkin ditegakkan melainkan dengan melaksanakan syari'at Allah dalam urusan perniagaan dan kewangan, iaitu dalam segala urusan hidup dan urusan mu'amalah.

'Aqidah itu ibarat sepotong daging yang padu, di mana i'tiqad tidak boleh dipisahkan dari solat, dari undang-undang dan peraturan hidup.

Sebelum kita pergi lebih jauh dalam usaha menolak kefahaman yang tidak sihat terhadap wujudnya hubungan di antara syi'ar-syi'ar ibadat dengan 'aqidah dan wujudnya hubungan di antara ibadat dan 'aqidah dengan kegiatan mu'amalah... sebelum kita pergi lebih jauh untuk menolak kefahaman penduduk Madyan sejak ribuan tahun sebelum ini, eloklah kami tegaskan di sini bahawa manusia pada hari ini tidak berbeza dari kaum Syu'ayb dalam aspek kefahaman dan penolakan mereka terhadap da'wah yang ditujukan Syu'ayb kepada mereka. Begitu juga jahiliyah yang kita hadapi pada masa ini adalah tidak lebih baik, tidak lebih murni dan tidak lebih tinggi dari jahiliyah zaman dahulu. Dan amalan syirik yang dipraktikkan oleh kaum Syu'ayb adalah pada keseluruhannya sama dengan amalan syirik yang dipraktikkan umat manusia di zaman ini termasuk umat yang menamakan diri mereka sebagai penganut-penganut agama Yahudi atau penganut-penganut agama Kristian dan Islam, kerana seluruh mereka memisahkan di antara 'aqidah dengan ibadat, dan dengan syari'at dan peraturan bermu'amalah dan justeru itu mereka jadikan bidang 'aqidah dan ibadat kepunyaan Allah dan mengikut perintah Allah, sementara bidang undang-undang dan peraturan mu'amalah mereka jadikannya kepunyaan yang lain dari Allah dan mengikut perintah yang lain dari Allah inilah hakikat syirik dan asal-usulnya.

Walaupun kita sedar bahawa pada hari ini hanya kaum Yahudi sahaja yang nampaknya berpegang teguh agar peraturan-peraturan dan mu'amalah-mu'amalah mereka menepati dengan kehendak 'aqidah dan syari'at mereka yang dianggap benar mengikut tanggapan mereka, iaitu tanpa memandang kepada penyelewengan-penyelewengan yang wujud di dalam 'aqidah mereka dan kepada pindaan dan pengubahan yang dilakukan mereka dalam syari'at mereka. Contohnya satu krisis telah berlaku di dalam parlimen Israel kerana gara-gara sebuah kapal dagang Israel yang telah menghidangkan makanan yang tidak halal kepada penumpang-penumpang yang bukan Yahudi. Dalam sidang itu parlimen Israel telah memaksa syarikat dan kapal itu supaya menghidangkan makanan halal sahaja kepada semua penumpangnya walaupun syarikat itu terpaksa menanggung kerugian. Di sini di manakah hendak dibandingkan mereka yang menamakan diri sebagai kaum Muslimin dalam aspek keteguhan berpegang dengan asas-asas agama seperti ini?

Di kalangan kita pada hari ini terdapat orang-orang yang mengaku Muslimin mengingkarkan adanya hubungan di antara 'aqidah dan akhlak terutama akhlak dalam menangani urusan mu'amalah-mu'amalah perniagaan.

Sikap Orang-orang Islam Yang Memisahkan 'Aqidah Dengan Persoalan Hidup Moden

Orang-orang yang mendapat ijazah-ijazah tinggi dari universiti-universiti di negeri kita dan dari universiti-universiti luar negeri tertanya-tanya dengan sikap membantah, apakah Islam mempunyai hubungan dengan perilaku peribadi kami? Apakah Islam mempunyai hubungan dengan pendedahan aurat di tepi-tepi pantai? Apakah Islam mempunyai hubungan dengan fesyen-fesyen pakaian wanita di tengah jalan? Apakah Islam mempunyai hubungan dengan kegiatan-kegiatan menyalurkan keinginan seks dengan cara apa sahaja? Apakah Islam mempunyai hubungan dengan amalan meneguk segelas arak untuk membetulkan mood? Apakah Islam mempunyai hubungan dengan segala perbuatan yang dilakukan oleh "orang-orang yang bertamadun"? Apakah perbezaan di antara pertanyaan-pertanyaan ini dengan pertanyaan-pertanyaan penduduk Madyan?

أَصَلَوٰتُكَ تَأْمُرُكَ أَن نَّتْرُكَ مَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَآ

"Apakah solatmu menyuruhmu supaya kami tinggalkan segala apa yang disembahkan datuk nenek kami?"(87)

Mereka (orang-orang yang berijazah tinggi di negeri kita) sekali lagi tertanya-tanya malah dengan kuat membantah campur tangan agama di dalam urusan ekonomi dan campur tangannya yang mewujudkan hubungan di antara urusan mu'amalah dengan urusan i'tiqad atau dengan urusan akhlak tanpa i'tiqad. Apakah agama mempunyai hubungan dengan mu'amalah Rububiyah? Apakah agama mempunyai hubungan dengan kemahiran menipu dan mencuri selama kedua-duanya tidak tertangkap di bawah undang-undang ciptaan manusia. Mereka terus membantah hingga terhadap setengah-setengah penaja teori-teori ekonomi Barat sendiri - sebagaimana contoh ialah teori akhlak - dan membangkitkan teori itu sebagai suatu campur aduk zaman silam.

Justeru itu kita tidak seharusnya merasa begitu sombong terhadap penduduk Madyan yang hidup dalam jahiliyah zaman purba, kerana kita pada hari ini berada dalam jahiliyah yang lebih jahil lagi walaupun ia mendakwa mempunyai ilmu pengetahuan dan tamadun yang tinggi. Jahiliyah zaman ini menuduh orang-orang yang mengadakan hubungan di antara 'aqidah terhadap Allah dengan perilaku peribadi manusia dalam kehidupan dan dengan urusan mu'amalah perniagaan di pasar-pasar sebagai orang-orang yang kolot, fanatik dan jumud.

'Aqidah tauhid tidak mungkin ditegakkan di dalam hati apabila kita tinggalkan syari'at Allah yang berkaitan dengan urusan perilaku dan urusan mu'amalah dan mengambil undang-undang dan peraturan ciptaan manusia yang lain dari syari'at Allah, kerana tauhid dan syirik tidak mungkin berkumpul dalam sebuah hati. Syirik mempunyai berbagai-bagai warna dan di antaranya ialah warna syirik yang kita hayati pada masa kini, iaitu syirik yang menggambarkan asal usul syirik dan hakikatnya yang menjadi titik pertemuan seluruh musyrikin di semua zaman dan tempat.

Penduduk Madyan mengejek dan mempersenda-sendakan Syu'ayb a.s. sama seperti orang-orang sekarang mengejek dan mempersenda-sendakan para penda'wah yang memperjuangkan tauhid yang sebenar. Mereka berkata:

"Sesungguhnya engkau seorang yang sangat berakal dan berfikir matang."(87)

Mereka maksudkan pengertian sebaliknya dari ungkapan ini, kerana pada hemat mereka orang yang berakal dan fikiran matang itu ialah orang yang menyembah tuhan--tuhan yang disembah datuk nenek mereka tanpa berfikir lebih lanjut dan memisahkan di antara urusan ibadat dengan urusan mu'amalah di pasar-pasar. Ini adalah sama dengan golongan terpelajar dan bertamadun pada hati ini mencela dan mengkritik para penda'wah sebagai golongan fanatik dan kolot.

* * * * * *

Syu'ayb Berda'wah Dengan Lemah Lembut

Syu'ayb a.s. tetap mengambil sikap berlemah-lembut yang sesuai dengan perilaku penda'wah yang yakin kepada kebenaran yang diperjuangkannya. Beliau tidak mempedulikan ejekan dan sendaan kaumnya, kerana beliau sedar mereka tidak mengerti dan jahil. Beliau berbicara dengan lemah-lembut untuk menyedarkan mereka bahawa beliau mendapat bukti yang jelas dari Tuhannya dan kebenaran bukti itu telah dirasakannya dalam hati nuraninya, juga untuk menyedarkan mereka bahawa beliau yakin terhadap kebenaran apa yang dikatakannya, kerana beliau telah dikurniakan ilmu pengetahuan yang tidak pernah dikurniakan kepada mereka, dan seterusnya untuk menjelaskan kepada mereka bahawa apabila beliau menyeru mereka mengamalkan prinsip amanah di dalam urusan mu'amalah, maka beliau juga akan turut menerima hasilnya, kerana beliau adalah sama seperti mereka, iaitu sama-sama mempunyai harta benda dan hubungan-hubungan mu'amalah. Beliau sama sekali tidak bertujuan mencari keuntungan peribadi di sebalik kegiatan da'wahnya dan justeru itu beliau tidak sepatutnya melarang mereka melakukan sesuatu, sedangkan beliau sendiri melakukannya agar beliau sahaja yang dapat membolot keuntungan di pasar-pasar itu, malah da'wah yang dilancarkan beliau adalah satu da'wah umum yang merangkumi mereka, dirinya dan orang ramai seluruhnya. Dan di samping itu, da'wah yang diperjuangkannya itu tidak akan membawa sebarang kerugian kepada mereka sebagaimana yang disangkakan mereka:

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَرَزَقَنِى مِنْهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ وَمَآ أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَآ أَنْهَىٰكُمْ عَنْهُ ۚ إِنْ أُرِيدُ إِلَّا ٱلْإِصْلَٰحَ مَا ٱسْتَطَعْتُ ۚ وَمَا تَوْفِيقِىٓ إِلَّا بِٱللَّهِ ۚ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿٨٨﴾

"Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepadaku rezeki yang baik dari-Nya (wajarkah aku tidak menyampaikannya kepada kamu). Dan aku tidak bertujuan hendak menyalahi kamu dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang aku telah melarangkan kamu melakukannya. Aku tidak mempunyai tujuan yang lain melainkan untuk melakukan islah sedaya upayaku, dan aku tidak mengharapkan kejayaanku melainkan dengan taufik Allah. Kepada-Nya aku berserah dan kepada-Nya aku kembali."(88)

يَٰقَوۡمِ

"Wahai kaumku!"

Demikianlah Syu'ayb menyeru mereka dengan lemah-lembut dan dengan kata-kata yang mengingatkan mereka betapa hampirnya hubungan mereka dengan dirinya.

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَءَيۡتُمۡ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّي

"Wahai kaumku! Apakah fikiran kamu jika aku mempunyai bukti kebenaran yang jelas dari Tuhanku."

Maksudnya, aku telah menemui hakikat Allah di dalam hatiku dan aku yakin bahawa Dialah yang telah mewahyukan kepadaku supaya menyampaikan perintah-perintah ini kepada kamu. Dan berdasarkan bukti yang jelas yang tersemat di dalam hatiku inilah aku tampil berda'wah dengan penuh keyakinan.

وَرَزَقَنِي مِنۡهُ رِزۡقًا حَسَنٗا

"Dan Dia telah mengurniakan kepada aku rezeki yang baik dari-Nya."

Dan di antara rezeki itu ialah harta kekayaan yang aku gunakannya dalam urusan bermu'amalah dengan orang ramai sama seperti yang dilakukan kamu.

وَمَآ أُرِيدُ أَنۡ أُخَالِفَكُمۡ إِلَىٰ مَآ أَنۡهَىٰكُمۡ عَنۡهُ

"Dan aku tidak bertujuan hendak menyalahi kamu dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang aku telah larangkan kamu melakukannya."

Maksudnya, aku bukannya bertujuan hendak melarangkan kamu melakukan sesuatu perbuatan kemudian di belakang kamu aku sendiri melakukannya dengan tujuan meraih keuntungan untuk diriku.

إِنۡ أُرِيدُ إِلَّا ٱلۡإِصۡلَٰحَ مَا ٱسۡتَطَعۡتُ

"Aku tidak mempunyai tujuan yang lain melainkan untuk melakukan islah sedaya upayaku."

Iaitu melakukan kebaikan umum untuk kesejahteraan kehidupan dan masyarakat yang akan membawa kebajikan kepada setiap individu dan kelompok masyarakat walaupun setengah-setengah orang menyangka bahawa akibat mengikut dasar 'aqidah dan mematuhi prinsip-prinsip akhlak akan menghilangkan sebahagian dari keuntungan peribadi dan peluang-peluang yang baik. Sebenarnya yang akan hilang itu hanyalah hasil-hasil pendapatan dan peluang-peluang yang kotor, namun kehilangan itu akan digantikan Allah dengan pendapatan yang bersih dan rezeki yang halal di samping melahirkan sebuah masyarakat padu, di mana para warganya saling membantu dan bekerjasama tanpa menyimpan perasaan hasad dengki, dendam kesumat dan tanpa khianat dan berseteru satu sama lain.

وَمَا تَوۡفِيقِيٓ إِلَّا بِٱللَّهِ

"Dan aku tidak mengharapkan kejayaanku melainkan dengan taufik dari Allah."

Allah sahaja yang berkuasa menjayakan usaha islahku, kerana Dialah yang mengetahui niatku dan akan membalas segala usahaku.

عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُ

"Kepada-Nya aku berserah."

Aku hanya berserah kepada Allah dan tidak bergantung kepada yang lain dari-Nya.

وَإِلَيۡهِ أُنِيبُ ﴿٨٨﴾

"Dan kepada-Nya aku kembali."(88)

Hanya kepada Allah sahaja aku kembali.

Kepada-Nya sahaja aku kembali apabila aku dilanda kesusahan dan kesulitan dan kepada-Nya sahaja aku tumpukan seluruh niatku, amalanku dan usahaku.

Kemudian Syu'ayb a.s. membawa kaumnya merenungi bidang peringatan yang lain, di mana beliau menunjukkan kepada mereka akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum Nuh, kaum Hud, kaum Soleh dan kaum Lut, kerana kadang-kadang cerita-cerita seperti ini memberi kesan yang baik kepada hati manusia yang keras, yang tidak dapat dibentuk dengan bimbingan 'aqli yang lembut yang memerlukan kepada kematangan berfikir:

وَيَٰقَوۡمِ لَا يَجۡرِمَنَّكُمۡ شِقَاقِيٓ أَن يُصِيبَكُم مِّثۡلُ مَآ أَصَابَ قَوۡمَ نُوحٍ أَوۡ قَوۡمَ هُودٍ أَوۡ قَوۡمَ صَٰلِحٖۚ وَمَا قَوۡمُ لُوطٖ مِّنكُم بِبَعِيدٖ ﴿٨٩﴾

"Wahai kaumku! Janganlah pertentangan kamu terhadapku menyebabkan kamu ditimpakan kebinasaan seperti mana yang telah menimpa kaum Nuh atau kaum Hud atau kaum Soleh dan (peristiwa kebinasaan) yang telah menimpa kaum Lut tidak begitu jauh dari kamu."(89)

Maksudnya, pertentangan dan kedegilan kamu terhadapku janganlah sampai mendorong kamu melakukan pendustaan dan perseteruan yang terbuka, kerana aku bimbang kamu akan ditimpa malapetaka kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang lain sebelum kamu seperti kaum Lut yang tidak jauh dari tempat kamu dan tidak pula jauh masanya dari masa kamu, kerana bandar Madyan terletak di antara Hijaz dan Syam.

Kemudian Syu'ayb a.s. membuka pintu keampunan dan taubat kepada mereka semasa mereka sedang menghadapi malapetaka 'azab dan kebinasaan dan merangsangkan harapan mereka agar mendapat

rahmat Allah dengan kata-kata yang amat halus dan lembut:

وَٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِۚ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٞ وَدُودٞ ٩٠

"Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan kamu dan bertaubat kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengasih dan Maha Penyayang."(90)

Demikianlah Syu'ayb a.s. membawa kaumnya menjelajah bidang-bidang pengajaran, peringatan, ketakutan dan harapan semoga hati mereka terbuka, khusyu' dan lembut.

Keangkuhan Sikap Kaum Syu'ayb Sampai Kemuncaknya

Tetapi malangnya hati mereka telah menjadi begitu rosak, penilaian mereka terhadap nilai-nilai hidup telah menjadi begitu buruk dan pandangan mereka terhadap motif-motif amalan dan perilaku orang lain telah menjadi begitu jelik hingga keangkuhan mereka menjadi begitu terdedah dan ketara sebelum ini dalam tindak-tanduk mereka yang mengejek dan mendustakan Syu'ayb a.s.:

قَالُواْ يَٰشُعَيۡبُ مَا نَفۡقَهُ كَثِيرٗا مِّمَّا تَقُولُ وَإِنَّا لَنَرَىٰكَ فِينَا ضَعِيفٗاۖ وَلَوۡلَا رَهۡطُكَ لَرَجَمۡنَٰكَۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيۡنَا بِعَزِيزٖ ٩١

"Mereka berkata: Wahai Syu'ayb! Kami sebenarnya tidak banyak memahami apa yang dikatakan engkau dan kami sebenarnya memandang engkau seorang yang lemah di dalam kalangan kami. Dan jika tidak kerana keluargamu sudah tentu kami telah membunuh engkau dengan rejam dan engkau bukanlah seorang yang gagah perkasa di sisi kami."(91)

Dan justeru itu mereka berdada sempit dalam menghadapi kebenaran yang jelas, yang tidak mahu difahami mereka:

قَالُواْ يَٰشُعَيۡبُ مَا نَفۡقَهُ كَثِيرٗا مِّمَّا تَقُولُ

"Mereka berkata: Wahai Syu'ayb! Kami sebenarnya tidak banyak memahami apa yang dikatakan engkau."

Dan mereka mengukur nilai-nilai hidup dengan ukuran kekuatan fizikal yang lahir:

وَإِنَّا لَنَرَىٰكَ فِينَا ضَعِيفٗاۖ

"Dan kami sebenarnya memandang engkau seorang yang lemah di dalam kalangan kami."

Justeru itu mereka tidak memberi sebarang nilai kepada hakikat da'wah yang kuat, yang dipeluangkan oleh Syu'ayb a.s. dalam kalangan mereka:

وَلَوۡلَا رَهۡطُكَ لَرَجَمۡنَٰكَۖ

"Dan jika tidak kerana keluargamu sudah tentu kami telah membunuh engkau dengan rejam."

Apa yang diperhitungkan mereka ialah hubungan kekeluargaan bukannya hubungan i'tiqad atau hubungan darah bukannya hubungan hati. Di samping itu mereka lupakan kasih sayang Allah terhadap para hamba kesayangan-Nya dan justeru itu mereka tidak meletakkannya dalam perhitungan mereka.

وَمَآ أَنتَ عَلَيۡنَا بِعَزِيزٖ ٩١

"Dan engkau bukanlah seorang yang gagah perkasa di sisi kami."(91)

Maksudnya, engkau bukanlah seorang yang gagah kuasa dari segi kehormatan dan kemuliaan dan tidak pula dari segi kekuatan yang dapat mengalahkan orang lain, kerana kekuatan yang diperhitungkan kami ialah kekuatan keluarga!

Apabila hati manusia kosong dari 'aqidah yang betul, nilai yang tinggi dan contoh-contoh yang ideal, mereka akan tersorok di bumi dengan kepentingan dan nilai-nilai yang rendah, dan justeru itu mereka tidak dapat melihat da'wah yang mulia dan hakikat keimanan yang besar itu mempunyai sesuatu nilai, dan mereka tidak merasa segan untuk menghentamkan penda'wah kecuali ia mempunyai kekuatan kebendaan yang sanggup melindunginya. Dalam pandangan hati-hati yang kosong itu, kehormatan 'aqidah, kehormatan kebenaran dan kehormatan da'wah tidak mempunyai apa-apa nilai dan makna.

* * * * * *

Kata Pemutus Syu'ayb Terhadap Kaumnya

Apabila sampai ke tahap ini, kecemburuan dan keghairahan Syu'ayb a.s. terhadap keagungan dan kebesaran Allah terus berkobar-kobar dalam jiwanya. Beliau menghindarkan dirinya dari bermegah-megah dengan kekuatan keluarga dan terus mencabar mereka kerana penilaian mereka yang buruk terhadap hakikat kekuatan yang berkuasa di alam buana ini, juga kerana kebiadaban mereka terhadap Allah yang mengetahui segala apa yang dilakukan mereka. Kemudian Syu'ayb a.s. menuturkan kata pemutusnya yang terakhir dan mengumumkan perpisahan dari kaumnya demi prinsip 'aqidah dan membiarkan mereka menghadapi Allah secara langsung sambil memberi amaran bahawa mereka akan ditimpakan 'azab Allah yang sentiasa menunggu orang-orang yang seperti mereka, dan seterusnya membiarkan mereka menghadapi destinasi yang telah dipilih mereka:

قَالَ يَٰقَوۡمِ أَرَهۡطِيٓ أَعَزُّ عَلَيۡكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَٱتَّخَذۡتُمُوهُ وَرَآءَكُمۡ ظِهۡرِيًّاۖ إِنَّ رَبِّي بِمَا تَعۡمَلُونَ مُحِيطٞ ٩٢
وَيَٰقَوۡمِ ٱعۡمَلُواْ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمۡ إِنِّي عَٰمِلٞۖ سَوۡفَ تَعۡلَمُونَ مَن يَأۡتِيهِ عَذَابٞ يُخۡزِيهِ وَمَنۡ

هُوَ كَٰذِبٌۖ وَٱرۡتَقِبُوٓاْ إِنِّي مَعَكُمۡ رَقِيبٞ ٩٣

"Jawab Syu'ayb: Wahai kaumku! Apakah keluargaku lebih kuat di sisi kamu dari Allah lalu kamu jadikan Allah sesuatu yang terbuang di belakang kamu. Sesungguhnya Tuhanku meliputi segala apa yang dilakukan kamu(92). Dan wahai kaumku! Berusahalah mengikut cara hidup kamu dan aku juga akan berusaha mengikut cara hidupku. Kelak kamu akan mengetahui siapakah yang akan ditimpakan 'azab yang menghinakannya dan siapakah yang berdusta. Dan tunggulah ('azab Allah) dan aku juga menunggu bersama kamu."(93)

أَرَهۡطِيٓ أَعَزُّ عَلَيۡكُم مِّنَ ٱللَّهِ

"Apakah keluargaku lebih kuat di sisi kamu dari Allah?"

Apakah sekumpulan manusia - walau sekuat dan sehandal mana lebih kuat di sisi kamu dari Allah, sedangkan mereka tidak lebih dari manusia yang lemah dan tidak lebih dari hamba Allah belaka. Apakah mereka lebih gagah dan lebih menakutkan hati kamu dari Allah?

وَٱتَّخَذۡتُمُوهُ وَرَآءَكُمۡ ظِهۡرِيًّاۖ

"Lalu kamu jadikan Allah sesuatu yang terbuang di belakang kamu."

Ini merupakan satu gambaran fizikal yang menggambarkan perbuatan mereka yang meninggal dan tidak mempedulikan Allah. Gambaran ini menambahkan lagi kejelikan perbuatan mereka yang mengabai dan membelakangi Allah, sedangkan Dialah yang mengurniakan rezeki dan ni'mat kesenangan yang dihayati mereka. Itulah sifat angkuh dan sombong, sifat tidak mengenang budi dan sifat tidak malu di samping sifat-sifat mereka yang kafir, mendustakan rasul dan membuat penilaian yang buruk terhadapnya.

إِنَّ رَبِّي بِمَا تَعۡمَلُونَ مُحِيطٞ ٩٢

"Sesungguhnya Tuhanku meliputi segala apa yang dilakukan kamu." (92)

Ungkapan "meliputi" merupakan satu gambaran fizikal yang paling halus untuk menggambarkan ilmu dan qudrat Allah yang mengetahui dan berkuasa di atas segala sesuatu.

Syu'ayb Bersikap Tegas Terhadap Kaumnya Yang Degil

Itulah kemarahan seorang hamba Mu'minin yang membela Tuhannya yang telah dicemari kebesaran dan kemuliaan-Nya, iaitu kemarahan yang tidak wujud di sampingnya segala perasaan bangga dengan keturunannya, dengan hubungan kaum dan keluarganya. Syu'ayb tidak pernah merasa bangga dan merasa hidungnya kembang apabila beliau mengetahui bahawa kaumnya menaruh perasaan gerun dan takut kepada kekuatan keluarganya dan justeru itu mereka tidak berani melakukan sesuatu tindakan yang kasar yang mahu dilakukan mereka terhadap dirinya. Beliau tidak pernah merasa lega dan senang hati kerana keluarganya telah berfungsi sebagai perisai yang melindunginya dari kejahatan kaumnya yang berlainan cara hidup mereka dari cara hidupnya, inilah keimanan yang haqiqi, kerana seorang Mu'minin yang sebenar tidak merasa gagah dan kuat melainkan dengan Allah. Ia tidak redha mempunyai kumpulan kaum yang digeruni umum, sedangkan Tuhannya Allah tidak digeruni sesiapa, kerana semangat 'asabiyah seorang Muslim bukan keluarga dan kaumnya, tetapi ialah Allah dan agamanya. Inilah persimpangan jalan yang memisahkan di antara kefahaman Islam dengan kefahaman jahiliyah di setiap zaman dan tempat.

Dan dari kemarahan kerana membela Allah dan membebaskan diri dari bermegah dan berlindung diri pada yang lain dari Allah inilah yang membangkitkan cabaran yang dihadapkan Syu'ayb a.s. kepada kaumya dan mencetuskan perpisahan di antara beliau dengan kaumnya, sedangkan dulunya beliau merupakan salah seorang dari mereka. Kedua-duanya masing-masing mengikut cara hidup masing-masing tanpa titik pertemuan:

وَيَٰقَوۡمِ ٱعۡمَلُواْ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمۡ

"Wahai kaumku! Berusahalah mengikut cara hidup kamu."

Yakni silalah kamu ikuti jalan hidup yang dipilih kamu dan aku tidak mempunyai sebarang hubung kait dengan kamu.

إِنِّي عَٰمِلٞۖ

"Aku juga akan berusaha mengikut cara hidupku."

Yakni mengikut cara hidupku.

سَوۡفَ تَعۡلَمُونَ مَن يَأۡتِيهِ عَذَابٞ يُخۡزِيهِ وَمَنۡ هُوَ كَٰذِبٞۖ

"Kelak kamu akan mengetahui siapakah yang akan ditimpakan 'azab yang menghinakannya dan siapakah yang berdusta."

Aku atau kamu

وَٱرۡتَقِبُوٓاْ إِنِّي مَعَكُمۡ رَقِيبٞ ٩٣

"Dan tunggulah ('azab Allah) dan aku juga menunggu bersama kamu."(93)

Maksudnya, aku juga menunggu akibat yang menunggu aku dan kamu. Ungkapan ini membayangkan keyakinan Syu'ayb terhadap nasib kesudahan masing-masing di samping membayangkan pemisahan jalan hidup masing-masing.

Di sini tabir dilabuhkan menutup senario kata pemutus Syu'ayb yang terakhir, juga menutup

pengumuman perpisahan beliau dengan kaumnya, kemudian tabir disingkapkan kembali untuk menayangkan senario kebinasaan kaum Syu'ayb yang mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka akibat panahan petir yang amat kuat yang telah membinasakan kaum Soleh. Mereka telah menerima nasib yang sama yang telah menimpa kaum Soleh, di mana rumah-rumah di situ tidak lagi berpenghuni seolah-olah mereka tidak pernah memiliki rumah-rumah di situ dan seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di situ selama masa yang tertentu. Mereka telah berlalu dari situ sama seperti berlalunya kaum Soleh dan pemergian mereka telah dihantar dengan ucapan kutukan dan laknat. Kini lembaran hidup mereka telah ditutup di alam buana ini, juga telah ditutup di dalam hati manusia:

Kaum Syu'ayb Dibinasakan Allah

وَلَمَّا جَآءَ أَمۡرُنَا نَجَّيۡنَا شُعَيۡبٗا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ بِرَحۡمَةٖ مِّنَّا وَأَخَذَتِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ ٱلصَّيۡحَةُ فَأَصۡبَحُواْ فِي دِيَٰرِهِمۡ جَٰثِمِينَ ﴿٩٤﴾

كَأَن لَّمۡ يَغۡنَوۡاْ فِيهَآۗ أَلَا بُعۡدٗا لِّمَدۡيَنَ كَمَا بَعِدَتۡ ثَمُودُ ﴿٩٥﴾

"Dan apabila datang 'azab Kami, Kami selamatkan Syu'ayb bersama pengikut-pengikutnya yang beriman dengan rahmat dari Kami dan orang-orang yang zalim telah dibinasakan bahana 'azab yang amat kuat dan menyebabkan mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka(94). Seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di situ. Ketahuilah, Allah jauhkan rahmat dari penduduk Madyan sebagaimana jauhnya rahmat dari kaum Thamud."(95)

Dengan ini tergolonglah satu lembaran hitam dari lembaran-lembaran sejarah, di mana 'azab Allah telah direalisasikan ke atas kaum Syu'ayb yang telah mendustakan janji 'azab itu.

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٍ ﴿٩٦﴾ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ وَمَلَإِيْهِۦ فَٱتَّبَعُوٓاْ أَمۡرَ فِرۡعَوۡنَۖ وَمَآ أَمۡرُ فِرۡعَوۡنَ بِرَشِيدٖ ﴿٩٧﴾

يَقۡدُمُ قَوۡمَهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ فَأَوۡرَدَهُمُ ٱلنَّارَۖ وَبِئۡسَ ٱلۡوِرۡدُ ٱلۡمَوۡرُودُ ﴿٩٨﴾

وَأُتۡبِعُواْ فِي هَٰذِهِۦ لَعۡنَةٗ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ بِئۡسَ ٱلرِّفۡدُ ٱلۡمَرۡفُودُ ﴿٩٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami mengutuskan Musa dengan bukti-bukti kekuasaan Kami (mu'jizat) dan hujjah yang amat jelas(96). Kepada Fir'aun dan para pembesarnya, tetapi mereka tetap mematuhi perintah Fir'aun, sedangkan perintah Fir'aun itu bukanlah suatu perintah yang benar (97). Dia berjalan di hadapan mengepalai kaumnya pada hari Qiamat lalu dia memasukkan mereka ke Neraka seburuk-buruk tempat yang dimasuki(98). Dan mereka sentiasa diikuti laknat Allah di dunia dan di hari Qiamat. Itulah seburuk-buruk pemberian yang diberikan."(99)

Kisah Nabi Musa a.s.

Cerita sepintas lalu Musa dengan Fir'aun dalam rangkaian ayat-ayat berikut merupakan penamat kisah-kisah para Anbiya' dalam surah ini. Ia disebut di sini untuk merekodkan penghabisan cerita Fir'aun dengan para pembesarnya, juga penghabisan cerita kaumnya yang begitu patuh menurut perintah Fir'aun. Cerita sepintas lalu ini mengandungi isyarat-isyarat kepada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam cerita itu yang tidak disebut di sini di samping menayangkan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang hidup dan bergerak. Dan kedua-duanya bertujuan menjelaskan satu prinsip pokok Islam, iaitu prinsip "tanggungjawab peribadi" yang tidak boleh digugurkan dengan alasan kerana mengikut dan mematuhi perintah ketua-ketua dan para pembesar.

Panorama yang ditayangkan itu dimulai dengan satu pernyataan yang menerangkan pengiriman Musa a.s. sebagai seorang rasul yang membawa ayat-ayat Allah dan dibekalkan dengan hujjah yang amat jelas dari Allah kepada Seri Maharaja Fir'aun dan para pembesarnya:

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٍ ﴿٩٦﴾ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ وَمَلَإِيْهِۦ

"Dan sesungguhnya Kami mengutuskan Musa dengan bukti-bukti kebenaran Kami (mu'jizat) dan hujjah yang amat jelas kepada Fir'aun dan para pembesarnya."(96-97)

Ayat-ayat ini menceritakan semua babak-babak kisah Musa dengan begitu ringkas untuk sampai ke penghabisannya, di mana mereka tetap mematuhi perintah Fir'aun dan melanggar perintah Allah walaupun perintah Fir'aun itu penuh dengan ketololan, kejahilan dan kesesatan:

Fir'aun Mengepalai Kaumnya Menuju Ke Neraka

فَٱتَّبَعُوٓاْ أَمۡرَ فِرۡعَوۡنَۖ وَمَآ أَمۡرُ فِرۡعَوۡنَ بِرَشِيدٖ ﴿٩٧﴾

"Tetapi mereka tetap mematuhi perintah Fir'aun, sedangkan perintah Fir'aun itu bukanlah suatu perintah yang benar."(97)

Oleh sebab mereka tetap mematuhi perintah Fir'aun dalam urusan da'wah ini, iaitu mereka berjalan di belakangnya dan mengikut setiap langkahnya yang sesat tanpa berfikir dan menggunakan akal mereka dan tanpa berusaha membentukkan pandangan sendiri. Mereka telah menghinakan diri sendiri dan

mensia-siakan penghormatan Allah yang telah mengurniakan kepada mereka iradat, akal fikiran dan ni'mat kebebasan untuk memilih jalan dan arah tujuan...... kerana semuanya ini, maka ayat yang berikut menjelaskan bahawa Fir'aun kelak akan berjalan di hadapan mengepalai mereka pada hari Qiamat dan seluruh mereka akan mengikutnya:

يَقْدُمُ قَوْمَهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ

"Dia berjalan di hadapan mengepalai kaumnya pada hari Qiamat."

Ketika kita sedang asyik mendengar cerita Fir'aun di zaman silam dan janji Allah di zaman mendatang, tiba-tiba pemandangan itu telah terbalik, iaitu cerita zaman mendatang Fir'aun telah pun berlaku, di mana Fir'aun telah pun memimpin kaumnya dan membawa mereka ke dalam Neraka dan di sini berakhirlah ceritanya:

فَأَوْرَدَهُمُ ٱلنَّارَ

"Lalu dia memasukkan mereka ke Neraka."

Fir'aun membawa kaumnya sama seperti seorang gembala biri-biri membawa kumpulan ternakan. Bukankah kaumnya seolah-olah sekumpulan ternakan yang berjalan di belakang gembalanya tanpa berfikir apa-apa? Bukankah mereka telah membuang ciri manusia yang paling istimewa, iaitu ciri kebebasan iradat dan kebebasan membuat pilihan? Dan kerana itulah Fir'aun dapat mengheretkan mereka ke dalam Neraka, satu tempat yang paling malang, yang tidak akan menghilangkan dahaga dan haus, malah akan membakar perut dan hati ternakannya:

وَبِئْسَ ٱلْوِرْدُ ٱلْمَوْرُودُ ﴿٩٨﴾

"Itulah seburuk-buruk tempat yang dimasuki."(98)

Itulah kesudahan kepimpinan Fir'aun yang membawa mereka kepada kebinasaan. Itulah seluruh cerita yang diperi dan diulas dengan pernyataan:

وَأُتْبِعُوا۟ فِى هَٰذِهِۦ لَعْنَةً وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ

"Dan mereka sentiasa diikuti laknat Allah di dunia dan di hari Qiamat."

Di samping itu mereka diejek:

بِئْسَ ٱلرِّفْدُ ٱلْمَرْفُودُ ﴿٩٩﴾

"Itulah seburuk-buruk pemberian yang dikurniakan"(99)

Neraka merupakan satu-satunya pemberian dan hadiah yang diberikan Fir'aun kepada kaumnya. Bukankah Fir'aun telah menjanjikan ahli-ahli sihir bahawa mereka akan dikurniakan satu pemberian yang banyak dan mewah? Kini Fir'aun telah menyediakan pemberiannya untuk para pengikutnya dan hadiah itu ialah Neraka seburuk-buruk tempat yang dimasuki dan seburuk-buruk pemberian yang dikurniakan.

Itulah di antara pengungkapan-pengungkapan dan penggambaran yang amat indah, yang terlukis di dalam kitab suci Al-Qur'an yang amat menakjubkan ini.

(Kumpulan ayat-ayat 100 - 123)

Inilah rangkaian ayat-ayat yang menjadi penamat surah ini. Ia mengandungi ulasan-ulasan dan kesimpulan-kesimpulan ke atas penjelasan kata pengantar dan kisah-kisah yang terdahulu di dalam surah ini. Ulasan-ulasan dan kesimpulan itu berkait rapat dengan penjelasan-penjelasan yang terdahulu di samping merupakan pernyataan-pernyataan yang sepadu dengannya dalam menjelaskan matlamat-matlamat surah.

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْقُرَىٰ نَقُصُّهُۥ عَلَيْكَ ۖ مِنْهَا قَآئِمٌ وَحَصِيدٌ ﴿١٠٠﴾

وَمَا ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ ۖ فَمَآ أَغْنَتْ عَنْهُمْ ءَالِهَتُهُمُ ٱلَّتِى يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ لَّمَّا جَآءَ أَمْرُ رَبِّكَ ۖ وَمَا زَادُوهُمْ غَيْرَ تَتْبِيبٍ ﴿١٠١﴾

وَكَذَٰلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَآ أَخَذَ ٱلْقُرَىٰ وَهِىَ ظَٰلِمَةٌ ۚ إِنَّ أَخْذَهُۥٓ أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّمَنْ خَافَ عَذَابَ ٱلْءَاخِرَةِ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّجْمُوعٌ لَّهُ ٱلنَّاسُ وَذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّشْهُودٌ ﴿١٠٣﴾

وَمَا نُؤَخِّرُهُۥٓ إِلَّا لِأَجَلٍ مَّعْدُودٍ ﴿١٠٤﴾

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ فَمِنْهُمْ شَقِىٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ شَقُوا۟ فَفِى ٱلنَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ ﴿١٠٦﴾

خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ سُعِدُوا۟ فَفِى ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۖ عَطَآءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ ﴿١٠٨﴾

"Itulah sebahagian dari berita negeri-negeri yang Kami ceritakan kepadamu (Muhammad). Di antaranya ada negeri-negeri yang masih ada kesan-kesannya (hingga ke hari ini) dan ada negeri-negeri yang hilang segala kesannya(100). Dan Kami tidak sekali-kali menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri. Dan tuhan-tuhan mereka yang disembah mereka selain Allah itu tidak sedikit pun dapat menolong mereka ketika datang 'azab Tuhanmu dan tuhan-tuhan palsu itu tidak dapat menambah apa-apa kepada mereka selain dari kebinasaan(101). Dan demikianlah tindakan 'azab Tuhanmu apabila Dia bertindak membinasakan negeri-negeri yang zalim. Sesungguhnya tindakan 'azab Allah itu amat pedih dan amat keras(102). Sesungguhnya dalam 'azab kebinasaan (di dunia ini) terdapat bukti bagi mereka yang takutkan 'azab Akhirat. Itulah suatu hari yang dikumpulkan seluruh manusia dan itulah hari yang disaksikan (seluruh makhluk)(103). Dan Kami tidak menundakan hari Akhirat itu melainkan untuk satu tempoh yang tertentu sahaja(104). Sewaktu datangnya hari itu tiada seorang pun yang dibenarkan bercakap melainkan dengan keizinan Allah. Di antara mereka ada yang celaka dan ada yang berbahagia(105). Ada pun orang-orang yang celaka, mereka akan ditempatkan di dalam Neraka, di mana mereka mengeluar dan menarik nafas (yang berat)(106). Mereka akan kekal abadi di dalamnya selama kekalnya langit dan bumi kecuali keputusan yang dikehendaki Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya(107). Dan ada pun orang-orang yang berbahagia, mereka akan ditempatkan di dalam Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi selama kekalnya langit dan bumi kecuali keputusan yang dikehendaki Tuhanmu sebagai suatu pengurniaan yang tak kunjung putus(108)."

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ سُعِدُوا۟ فَفِى ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۖ عَطَآءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ ﴿١٠٨﴾

فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّمَّا يَعْبُدُ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُهُم مِّن قَبْلُ ۚ وَإِنَّا لَمُوَفُّوهُمْ نَصِيبَهُمْ غَيْرَ مَنقُوصٍ ﴿١٠٩﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ ۚ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّهُمْ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١١٠﴾

وَإِنَّ كُلًّا لَّمَّا لَيُوَفِّيَنَّهُمْ رَبُّكَ أَعْمَٰلَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١١﴾

فَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا۟ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٢﴾

وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَىِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفًا مِّنَ ٱلَّيْلِ ۚ إِنَّ ٱلْحَسَنَٰتِ يُذْهِبْنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ ذَٰلِكَ ذِكْرَىٰ لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾

وَٱصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

"Oleh itu janganlah engkau (Muhammad) berada dalam sebarang keraguan terhadap apa yang disembahkan mereka, kerana mereka tidak menyembah melainkan sama dengan apa yang disembahkan datuk nenek mereka sebelum ini dan sesungguhnya Kami akan menyempurnakan habuan balasan mereka dengan sempurna tanpa dikurangi sedikit pun(109). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab suci Taurat kepada Musa lalu kebenarannya dipertikaikan mereka. Dan jika tidak kerana adanya keputusan dari Tuhanmu, sudah tentu hukuman 'azab telah dilaksanakan ke atas mereka. Dan sesungguhnya mereka masih berada di dalam keraguan yang mendalam terhadap kebenarannya(110). Dan sesungguhnya Allah akan memberi balasan yang setimpal kepada setiap orang dari mereka terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka (111). Oleh itu hendaklah engkau beristiqamah menjunjung perintah yang diperintahkan kepadamu dan kepada mereka yang telah bertaubat yang ada bersamamu. Dan janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(112). Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang boleh menyebabkan kamu disentuh api Neraka, dan (di sana) kamu tidak akan mendapat pelindung-pelindung yang lain dari Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan (113). Dan (wahai Muhammad) dirikanlah solat di dua hujung siang (Subuh dan Maghrib) dan sebahagian dari waktu malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan kepada para Zakirin(114). Dan bersabarlah (wahai Muhammad) kerana sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala amalan para Muhsinin"(115).

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ ٱلْقُرُونِ مِن قَبْلِكُمْ أُو۟لُوا۟ بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْفَسَادِ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّنْ أَنجَيْنَا مِنْهُمْ ۗ وَٱتَّبَعَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَآ أُتْرِفُوا۟ فِيهِ وَكَانُوا۟ مُجْرِمِينَ ﴿١١٦﴾

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا مُصْلِحُونَ ﴿١١٧﴾

وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ ٱلنَّاسَ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ
مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾
إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ
رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾
وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِۦ فُؤَادَكَ
وَجَآءَكَ فِى هَٰذِهِ ٱلْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾
وَقُل لِّلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنَّا
عَٰمِلُونَ ﴿١٢١﴾
وَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٢٢﴾
وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ ٱلْأَمْرُ
كُلُّهُۥ فَٱعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ
عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

"Sepatutnya ada dari generasi-generasi sebelum kamu saki-baki golongan yang baik, yang melarang manusia dari melakukan kerosakan di bumi, kecuali di sana hanya terdapat sekumpulan kecil sahaja yang terdiri dari mereka yang telah Kami selamatkan (dari malapetaka kebinasaan), sedangkan orang-orang yang zalim dari mereka semuanya mengikut kehendak kemewahan hidup yang dikurniakan kepada mereka dan mereka telah melakukan berbagai-bagai dosa(116). Dan Tuhanmu tidak sekali-kali membinasakan negeri-negeri dengan cara yang zalim, sedangkan penduduk-penduduknya melakukan amalan yang baik(117). Dan jika Tuhanmu kehendaki tentulah Dia berkuasa menjadikan seluruh manusia sebagai satu umat yang sama, tetapi mereka tetap berbeza-beza pendapat(118). Melainkan mereka yang telah dirahmati Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menjadikan mereka. Keputusan Tuhanmu telah ditetapkan: Sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan seluruh makhluk jin dan manusia (yang menderhaka)(119). Dan setiap kisah yang kami ceriterakan kepadamu (wahai Muhammad) dari kisah-kisah para rasul ialah kisah-kisah yang dapat meneguhkan keyakinan hatimu. Dan di dalam surah ini telah datang kepadamu kebenaran, pengajaran dan peringatan kepada para Mu'minin(120). Dan katakanlah kepada orang-orang yang tidak beriman: Berusahalah kamu mengikut cara hidup kamu dan Kami juga berusaha mengikut cara hidup Kami(121). Dan tunggulah (keputusan Allah) dan Kami juga menunggu bersama-sama(122). Dan Allah memiliki segala urusan ghaib di langit dan di bumi dan seluruh urusan dirujukkan kepada-Nya. Oleh itu abdikanlah dirimu kepada-Nya dan berserahlah kepada-Nya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(123).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah bahagian akhir surah yang mengandungi berbagai-bagai ulasan dan kesimpulan yang berlandaskan keterangan ayat-ayat surah yang lepas yang terdiri dari Muqaddimah surah dan kisah-kisahnya. Ulasan-ulasan dan kesimpulan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan keterangan ayat-ayat surah yang silam yang turut bersepadu dengannya dalam menyampaikan matlamat-matlamat surah ini.

Ulasan pertama dalam pelajaran ini merupakan satu ulasan secara langsung terhadap kisah-kisah para Anbiya'.

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْقُرَىٰ نَقُصُّهُۥ عَلَيْكَ مِنْهَا قَآئِمٌ
وَحَصِيدٌ ﴿١٠٠﴾
وَمَا ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ فَمَآ أَغْنَتْ
عَنْهُمْ ءَالِهَتُهُمُ ٱلَّتِى يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ
لَّمَّا جَآءَ أَمْرُ رَبِّكَ وَمَا زَادُوهُمْ غَيْرَ تَتْبِيبٍ ﴿١٠١﴾
وَكَذَٰلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَآ أَخَذَ ٱلْقُرَىٰ وَهِىَ ظَٰلِمَةٌ إِنَّ
أَخْذَهُۥٓ أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

"Itulah sebahagian dari berita negeri-negeri yang Kami ceritakan kepadamu (Muhammad). Di antaranya ada negeri-negeri yang masih ada kesan-kesannya (hingga ke hari ini) dan ada negeri-negeri yang hilang segala kesannya(100). Dan Kami tidak sekali-kali menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri. Dan tuhan-tuhan mereka yang disembah mereka selain Allah itu tidak sedikit pun dapat menolong mereka ketika datang 'azab Tuhanmu, dan tuhan-tuhan palsu itu tidak dapat menambah apa-apa kepada mereka selain dari kebinasaan(101). Dan demikianlah tindakan 'azab Tuhanmu apabila Dia bertindak membinasakan negeri-negeri yang zalim. Sesungguhnya tindakan 'azab Allah itu amat pedih dan amat keras."(102)

Ulasan kedua diambil dari peristiwa-peristiwa kebinasaan yang telah menimpa negeri-negeri yang telah dibinasakan itu dan menyarankan agar mereka takut kepada 'azab hari Akhirat yang ditayangkan dalam satu pemandangan Qiamat yang begitu jelas seolah-olah terpampang di hadapan mata:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّمَنْ خَافَ عَذَابَ ٱلْءَاخِرَةِ ذَٰلِكَ يَوْمٌ
مَّجْمُوعٌ لَّهُ ٱلنَّاسُ وَذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّشْهُودٌ ﴿١٠٣﴾
وَمَا نُؤَخِّرُهُۥٓ إِلَّا لِأَجَلٍ مَّعْدُودٍ ﴿١٠٤﴾

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ شَقُوا۟ فَفِى ٱلنَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ ﴿١٠٦﴾

خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ سُعِدُوا۟ فَفِى ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۖ عَطَآءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ ﴿١٠٨﴾

"Sesungguhnya dalam 'azab kebinasaan (di dunia ini) terdapat bukti bagi mereka yang takutkan 'azab Akhirat. Itulah suatu hari yang dikumpulkan seluruh manusia dan itulah hari yang disaksikan (seluruh makhluk)(103). Dan Kami tidak menundakan hari Akhirat itu melainkan untuk satu tempoh yang tertentu sahaja(104). Sewaktu datangnya hari itu tiada seorang pun yang dibenarkan bercakap melainkan dengan keizinan Allah. Di antara mereka ada yang celaka dan ada yang berbahagia(105). Ada pun orang-orang yang celaka, mereka akan ditempatkan di dalam Neraka, di mana mereka mengeluar dan menarik nafas (yang berat)(106). Mereka akan kekal abadi di dalamnya selama kekalnya langit dan bumi kecuali keputusan yang dikehendaki Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya(107). Dan ada pun orang-orang yang berbahagia, mereka akan ditempatkan di dalam Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi selama kekalnya langit dan bumi kecuali keputusan yang dikehendaki Tuhanmu sebagai suatu pengurniaan yang tak kunjung putus."(108)

Kemudian diiringi satu lagi ulasan yang diambil dari peristiwa kebinasaan yang telah menimpa negeri-negeri tertentu, juga diambil dari pemandangan Qiamat untuk menjelaskan bahawa keadaan kaum Musyrikin yang dihadapi Nabi Muhammad s.a.w. adalah sama dengan keadaan Musyrikin sebelum mereka dalam dua keadaan itu. Dan seandainya 'azab kebinasaan habis-habisan tidak berlaku kepada mereka di dunia ini disebabkan wujudnya keputusan Allah yang telah menangguhkan 'azab itu ke suatu tempoh tertentu sebagaimana Allah menangguhkan 'azab ke atas kaum Musa walaupun mereka masih berselisih tentang kebenaran kitab suci Taurat yang diturunkan kepada mereka, tetapi kaum Musyrikin di zaman Musa dan kaum Musyrikin di zaman Muhammad tetap akan menerima balasan masing-masing dengan sempurna. Oleh itu wahai rasul-Ku, hendaklah engkau tetap berdiri teguh mengikut jalanmu bersama mereka yang telah bertaubat dan janganlah sekali-kali kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim dan mensyirikkan Allah. Dirikanlah solat dan bersabarlah kerana Allah sekali-kali tidak akan mempercumakan pahala amalan para Muhsinin:

فَلَا تَكُ فِى مِرْيَةٍ مِّمَّا يَعْبُدُ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُهُم مِّن قَبْلُ ۚ وَإِنَّا لَمُوَفُّوهُمْ نَصِيبَهُمْ غَيْرَ مَنقُوصٍ ﴿١٠٩﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ ۚ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّهُمْ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١١٠﴾

وَإِنَّ كُلًّا لَّمَّا لَيُوَفِّيَنَّهُمْ رَبُّكَ أَعْمَٰلَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١١﴾

فَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا۟ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٢﴾

وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَىِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفًا مِّنَ ٱلَّيْلِ ۚ إِنَّ ٱلْحَسَنَٰتِ يُذْهِبْنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ ذَٰلِكَ ذِكْرَىٰ لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾

وَٱصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

"Oleh itu janganlah engkau (Muhammad) berada dalam sebarang keraguan terhadap apa yang disembahkan mereka, kerana mereka tidak menyembah melainkan sama dengan apa yang disembahkan datuk nenek mereka sebelum ini, dan sesungguhnya Kami akan menyempurnakan habuan balasan mereka dengan sempurna tanpa dikurangi sedikit pun(109). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab suci Taurat kepada Musa lalu kebenarannya dipertikaikan mereka. Dan jika tidak kerana adanya keputusan dari Tuhanmu, sudah tentu hukuman 'azab telah dilaksanakan ke atas mereka. Dan sesungguhnya mereka masih berada di dalam keraguan yang mendalam terhadap kebenarannya(110). Dan sesungguhnya Allah akan memberi balasan yang setimpal kepada setiap orang dari mereka terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka(111). Oleh itu hendaklah engkau beristiqamah menjunjung perintah yang diperintahkan kepadamu dan kepada mereka yang telah bertaubat yang ada bersamamu. Dan janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang

dilakukan kamu(112). Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang boleh menyebabkan kamu disentuh api Neraka, dan (di sana) kamu tidak akan mendapat pelindung-pelindung yang lain dari Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan (113). Dan (wahai Muhammad) dirikanlah solat di dua hujung siang (Subuh dan Maghrib) dan sebahagian dari waktu malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan kepada para Zakirin(114). Dan bersabarlah (wahai Muhammad) kerana sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala amalan para Muhsinin."(115)

Kemudian rangkaian ayat-ayat berikut membawa kita kembali kepada abad-abad yang silam; di mana tidak terdapat orang-orang yang berusaha melarang orang lain dari melakukan kegiatan yang merosakan masyarakat kecuali sebilangan kecil sahaja, sedangkan golongan yang terbesar tetap bermaharajalela dengan kegiatan mereka yang merosak dan menyeleweng dan kerana itu mereka wajar dibinasakan Allah, kerana Allah tidak membinasakan negeri-negeri di bumi ini secara zalim, sedangkan penduduk-penduduknya terdiri dari warga-warga masyarakat yang melakukan kebaikan:

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ ٱلْقُرُونِ مِن قَبْلِكُمْ أُو۟لُوا۟ بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْفَسَادِ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّنْ أَنجَيْنَا مِنْهُمْ ۗ وَٱتَّبَعَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَآ أُتْرِفُوا۟ فِيهِ وَكَانُوا۟ مُجْرِمِينَ ﴿١١٦﴾ وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا مُصْلِحُونَ ﴿١١٧﴾

"Sepatutnya ada dari generasi-generasi sebelum kamu saki baki golongan yang baik yang melarang manusia dari melakukan kerosakan di bumi kecuali di sana hanya terdapat sekumpulan kecil sahaja yang terdiri dari mereka yang telah Kami selamatkan (dari malapetaka kebinasaan), sedangkan orang-orang yang zalim dari mereka hanya mengikut kehendak kemewahan hidup yang dikurniakan kepada mereka dan mereka telah melakukan berbagai-bagai dosa(116). Dan Tuhanmu tidak sekali-kali membinasakan negeri-negeri dengan cara yang zalim, sedangkan penduduk-penduduknya melakukan amalan-amalan yang baik."(117)

Ayat yang berikut mendedahkan salah satu dari undang-undang Allah yang telah menciptakan seluruh manusia dengan keadaan yang berbeza-beza cara hidup dan arah tujuan mereka masing-masing, sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia berkuasa menciptakan seluruh umat manusia ini sebagai satu umat yang sama, tetapi sememangnya telah menjadi kehendak iradat Allah untuk mengurniakan kepada manusia satu kebolehan yang tertentu untuk mereka membuat pilihan sendiri masing-masing:

وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ ٱلنَّاسَ أُمَّةً وَٰحِدَةً ۖ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾ إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ ۚ وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾

"Dan jika Tuhanmu kehendaki tentulah Dia berkuasa menjadikan seluruh manusia sebagai satu umat yang sama, tetapi mereka tetap berbeza-beza pendapat(118). Melainkan mereka yang telah dirahmati Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menjadikan mereka. Keputusan Tuhanmu telah ditetapkan: Sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan seluruh makhluk jin dan manusia (yang derhaka)."(119)

Pada akhirnya rangkaian ayat-ayat yang betikut merakamkan salah satu dari tujuan-tujuan pembentangan kisah-kisah para Anbiya' ini, iaitu untuk memantapkan keyakinan hati Nabi s.a.w., dan beliau telah diperintah menyampaikan keputusannya yang terakhir kepada kaum Musyrikin dan menyerahkan mereka kepada hukuman Allah yang ghaib, yang sedang menunggu mereka, juga diperintah agar beliau mengabdikan dirinya kepada Allah dan berserah kepada-Nya dan seterusnya menyerahkan kepada Allah urusan menghukum manusia berdasarkan perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka:

وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِۦ فُؤَادَكَ ۚ وَجَآءَكَ فِى هَٰذِهِ ٱلْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾ وَقُل لِّلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنَّا عَٰمِلُونَ ﴿١٢١﴾ وَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٢٢﴾ وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ ٱلْأَمْرُ كُلُّهُۥ فَٱعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

"Dan setiap kisah yang kami ceriterakan kepadamu (wahai Muhammad) dari kisah-kisah para rasul ialah kisah-kisah yang dapat meneguhkan keyakinan hatimu. Dan di dalam surah ini telah datang kepadamu kebenaran, pengajaran dan peringatan kepada para Mu'minin(120). Dan katakanlah kepada orang-orang yang tidak beriman: Berusahalah kamu mengikut cara hidup kamu dan Kami juga berusaha mengikut cara hidup Kami(121). Dan tunggulah (keputusan Allah) dan Kami juga menunggu bersama-sama(122). Dan Allah memiliki segala urusan ghaib di langit dan di bumi dan

seluruh urusan dirujukkan kepada-Nya. Oleh itu abdikanlah dirimu kepada-Nya dan berserahlah kepada-Nya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(123)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 100 - 102)

Peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang silam telah dibentangkan dan pemandangan-pemandangan mereka telah memenuhi jiwa dan imaginasi. Di antara mereka ada yang tenggelam dalam banjir yang amat besar. Ada yang dibinasakan dengan ribut taufan yang dahsyat, ada yang dibinasakan dengan bahana 'azab yang amat kuat dan ada yang dibinasakan dengan gempa bumi. Di antara pemandangan mereka ialah pemandangan Fir'aun yang sedang berjalan di hadapan kaumnya mengepalai mereka pada hari Qiamat dan membawa mereka masuk ke dalam Neraka, sedangkan malapetaka yang telah menimpa kaumnya semasa di dunia masih terbayang di hadapan mata... Semua pemandangan itu ditayangkan di dalam surah ini, di mana penjelasan Al-Qur'an yang menggambarkan peristiwa-peristiwa kebinasaan dan pemandangan itu telah menjejak lubuk hati dan menyentuh perasaan dengan begitu mendalam... dan apabila sampai ke sini tibalah ulasan ayat yang berikut:

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْقُرَىٰ نَقُصُّهُۥ عَلَيْكَ ۖ مِنْهَا قَآئِمٌ وَحَصِيدٌ ﴿١٠٠﴾

"Itulah sebahagian dari berita negeri-negeri yang Kami ceritakan kepadamu (Muhammad). Di antaranya ada negeri-negeri yang masih ada kesan-kesannya (hingga ke hari ini) dan ada negeri-negeri yang hilang segala kesannya."(100)

Itulah cerita-cerita yang tidak pernah diketahui engkau, malah hanya wahyu dari Allah sahaja yang menerangkan kepada engkau kisah-kisah ghaib yang tersembunyi itu, dan inilah sebahagian dari tujuan-tujuan dibentangkan kisah-kisah tersebut di dalam Al-Qur'an. [12]

مِنْهَا قَآئِمٌ

"Di antaranya ada negeri-negeri yang masih ada kesan-kesannya."

Iaitu kesan-kesan yang membuktikan kekuatan dan kemajuan penduduknya seperti kesan-kesan kaum 'Ad di al-Ahqaf dan kesan-kesan kaum Thamud di al-Hijr.

"Dan ada negeri-negeri yang hilang segala kesannya."(100)

Negeri-negeri itu telah menjadi laksana bendang-bendang yang telah dituai, di mana pokok-pokoknya telah dipotong dan meninggalkan permukaan bumi kelihatan kosong dan bogel sebagaimana yang telah berlaku kepada negeri-negeri kaum Nuh atau kaum Lut.

Kaum-kaum dan kemajuan itu merupakan ladang-ladang manusia yang sama dengan ladang-ladang tanaman; di mana terdapat ladang-ladang yang subur dan ladang-ladang yang tandus dan di mana terdapat tanaman-tanaman yang segar dan tanaman-tanaman yang kering dan mati!

وَمَا ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ ۖ

"Dan Kami tidak sekali-kali menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri."

Mereka tidak menggunakan akal dan fikiran mereka. Mereka menolak hidayat dan mendustakan ayat-ayat Allah. Mereka mempermain-mainkan janji 'azab dari Allah hingga mereka ditimpa malapetaka yang membinasakan mereka. Ini bermakna mereka sendiri menzalimi diri mereka bukannya mereka dizalimi Allah.

فَمَآ أَغْنَتْ عَنْهُمْ ءَالِهَتُهُمُ ٱلَّتِى يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ لَّمَّا جَآءَ أَمْرُ رَبِّكَ ۖ وَمَا زَادُوهُمْ غَيْرَ تَتْبِيبٍ ﴿١٠١﴾

"Dan tuhan-tuhan mereka yang disembah mereka selain Allah itu tidak sedikit pun dapat menolong mereka ketika datang 'azab Tuhanmu dan tuhan-tuhan palsu itu tidak dapat menambah apa-apa kepada mereka selain dari kebinasaan."(101)

Ini merupakan satu lagi tujuan dari pemerian kisah-kisah para Anbiya', iaitu surah ini telah memulakan pembicaraannya dengan satu pernyataan yang memberi amaran kepada golongan manusia yang memberi keta'atan dan kepatuhan mereka kepada yang lain dari Allah. Dan amaran itu telah diulangi oleh setiap rasul yang dibangkitkan Allah. Mereka telah diingatkan bahawa tuhan-tuhan palsu yang disembahkan mereka tidak berkuasa sedikit pun untuk melindungi mereka dari 'azab Allah. Lihatlah akibat-akibat kebinasaan yang telah membuktikan kebenaran amaran ini, di mana tuhan-tuhan palsu itu tidak sedikit pun memberi manfaat kepada mereka atau dapat melindungkan mereka dari 'azab Allah sewaktu tibanya 'azab itu, malah tuhan-tuhan palsu itu tidak berkuasa menambahkan sesuatu apa selain dari kerugian dan kehancuran. (Kata-kata "تتبيب" memberi pengertian yang kuat dengan struktur lafaznya dan dengan nadanya yang kasar). Ini disebabkan kaum Musyrikin begitu kuat bergantung dan berserah kepada tuhan-tuhan palsu dan membuat mereka semakin bertambah bermaharajalela dan berani mendustakan ayat-ayat Allah dan kerana itu Allah menambahkan keseksaan

---

[12] *Lihat huraian tentang tujuan-tujuan dibentangkan kisah di dalam al-Qur'an dalam buku: "التصوير الفني في القرآن" bab "القصة في القرآن"*

dan kehancuran yang lebih berat lagi kepada mereka. Inilah maksud ungkapan "مازادوهم" (dan tidak pula menambahkan sesuatu apa kepada mereka), malah tuhan-tuhan palsu itu tidak berkuasa mendatangkan sesuatu kemudharatan dan membawa sesuatu manfaat kepada mereka, bahkan tuhan-tuhan itulah yang menyebabkan mereka ditimpa kerugian dan kehancuran yang berlipat ganda dan 'azab keseksaan yang amat dahsyat.

وَكَذَٰلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَآ أَخَذَ ٱلْقُرَىٰ وَهِىَ ظَٰلِمَةٌ ۚ إِنَّ أَخْذَهُۥٓ أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

"Dan demikianlah tindakan 'azab Tuhanmu apabila Dia bertindak membinasakan negeri-negeri yang zalim. Sesungguhnya tindakan 'azab Allah itu amat pedih dan amat keras."(102)

Demikianlah kami ceriterakan kisah-kisah para Anbiya' itu kepadamu, wahai Muhammad, dan menerangkan bagaimana penduduk negeri-negeri yang zalim itu telah dibinasakan sedemikian dahsyat disebabkan perbuatan mereka yang zalim, iaitu mereka mempersekutukan Allah dengan memberi keta'atan dan kepatuhan mereka kepada yang lain dari Allah. Mereka telah menzalimi diri sendiri kerana menganut kepercayaan syirik dan melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan di bumi Allah. Mereka enggan menerima da'wah tauhid dan kebaikan menyebabkan kepercayaan syirik berkembang subur dan masyarakat dikuasai kaum Musyrikin.

إِنَّ أَخْذَهُۥٓ أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

"Sesungguhnya tindakan 'azab Allah itu amat pedih dan amat keras."(102)

Tindakan itu telah dilakukan setelah diberi tempoh, setelah diberi peluang meni'mati kesenangan hidup, setelah diuji dan diduga, setelah diberi segala alasan dengan perantaraan para rasul yang telah membawa penjelasan-penjelasan dan ayat-ayat Allah yang jelas, setelah amalan syirik berkembang subur dan setelah kaum Musyrikin menguasai masyarakat, setelah ternyata bahawa golongan penda'wah yang memperjuangkan agama yang benar dan menegakkan islah itu telah menjadi satu golongan kecil yang terpencil dan tidak mempunyai pengaruh dalam kehidupan masyarakat syirik dan hanyut di dalam kesesatan... kemudian (sekali lagi) tindakan 'azab itu telah dilakukan setelah kelompok Mu'minin memisahkan diri dari kaum mereka yang hayut di dalam kesesatan dan menganggapkan kelompok mereka sebagai satu umat yang tersendiri, yang mempunyai agama, Tuhan dan kepimpinan yang tersendiri serta mempunyai hubungan kesetiaan yang khusus di antara sesama mereka. Seterusnya mereka mengumumkan semuanya ini kepada kaum mereka yang Musyrikin dan membiarkan mereka menemui nasib kesudahan yang telah ditetapkan Allah kepada mereka mengikut undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir di sepanjang zaman.

(Pentafsiran ayat-ayat 103 - 108)

Tindakan 'azab Allah yang amat pedih dan kasar di dunia itu merupakan alamat adanya 'azab Akhirat yang dapat dilihat oleh orang-orang yang takut kepada 'azab Akhirat, (atau dengan lain-lain ungkapan) orang-orang yang beriman yang telah terbuka mata hati nurani mereka sudah tentu dapat memahami bahawa Allah yang telah membinasakan penduduk negeri-negeri yang zalim itu dalam kehidupan duniawi itu akan mengazabkan mereka sekali lagi di Akhirat dengan sebab dosa-dosa mereka. Oleh sebab itulah orang-orang yang beriman takut kepada 'azab Akhirat ... Di sini ayat-ayat yang berikut membawa hati manusia menjelajah untuk meninjau berbagai-bagai pemandangan dari pemandangan-pemandangan di bumi kepada pemandangan-pemandangan hari Qiamat mengikut cara pembentangan Al-Qur'an yang menyambung dua penjelajahan dunia dan Akhirat itu tanpa dipisahkan di dalam ayat-ayat yang berikut:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّمَنْ خَافَ عَذَابَ ٱلْءَاخِرَةِ ۚ ذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّجْمُوعٌ لَّهُ ٱلنَّاسُ وَذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّشْهُودٌ ﴿١٠٣﴾ وَمَا نُؤَخِّرُهُۥٓ إِلَّا لِأَجَلٍ مَّعْدُودٍ ﴿١٠٤﴾ يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ فَمِنْهُمْ شَقِىٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ شَقُوا۟ فَفِى ٱلنَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ ﴿١٠٦﴾ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ سُعِدُوا۟ فَفِى ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۖ عَطَآءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ ﴿١٠٨﴾

"Sesungguhnya dalam 'azab kebinasaan (di dunia ini) terdapat bukti bagi mereka yang takutkan 'azab Akhirat. Itulah suatu hari yang dikumpulkan seluruh manusia dan itulah hari yang disaksikan (seluruh makhluk)(103). Dan Kami tidak menundakan hari Akhirat itu melainkan untuk satu tempoh yang tertentu sahaja(104). Sewaktu datangnya hari itu tiada seorang pun yang dibenarkan bercakap melainkan dengan keizinan Allah. Di antara mereka ada yang celaka dan ada yang berbahagia(105). Ada pun orang-orang yang

celaka, mereka akan ditempatkan di dalam Neraka, di mana mereka mengeluar dan menarik nafas (yang berat)(106). Mereka akan kekal abadi di dalamnya selama kekalnya langit dan bumi kecuali keputusan yang dikehendaki Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya(107). Dan ada pun orang-orang yang berbahagia, mereka akan ditempatkan di dalam Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi selama kekalnya langit dan bumi kecuali keputusan yang dikehendaki Tuhanmu sebagai suatu pengurniaan yang tak kunjung putus."(108)

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّمَنْ خَافَ عَذَابَ ٱلْآخِرَةِ ۚ

"Sesungguhnya dalam 'azab kebinasaan (di dunia ini) terdapat bukti bagi mereka yang takutkan 'azab Akhirat."(103)

Maksudnya, 'azab kebinasaan yang amat pedih dan keras yang ditimpakan ke atas mereka di dunia ini adalah mirip dengan 'azab keseksaan pada hari Akhirat. Ia mengingat dan menakutkan mereka terhadap hari itu.

Bagi mereka yang tidak takut kepada hari Akhirat, hati mereka tertutup sama sekali kepada ayat-ayat Allah. Mereka tidak nampak hikmat kekuasaan Allah yang mencipta dan mengulangi ciptaan-Nya, dan tidak pula dapat melihat kecuali realiti hikmat ciptaan-Nya yang dekat di dunia ini sahaja, dan hingga contoh teladan yang berlangsung dalam kehidupan dunia ini juga tidak merangsangkan apa-apa pengajaran dan kefahaman kepada mereka.

Kemudian ayat yang berikut memerikan sifat hari Qiamat itu:

ذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّجْمُوعٌ لَّهُ ٱلنَّاسُ وَذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّشْهُودٌ ﴿١٠٣﴾

"Itulah suatu hari yang dikumpulan seluruh manusia dan itulah hari yang disaksikan (seluruh makhluk)."(103)

Di sini tergambarlah pemandangan gerakan pengumpulan yang merangkumi seluruh makhluk insan yang berlaku di luar kemahuan mereka; mereka dibawa dan diheret ke tempat perhimpunan agung itu, yang disaksikan seluruh makhluk. Seluruh mereka terpaksa hadir dan terpaksa pula menunggu apa yang akan berlaku.

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ

"Sewaktu datangnya hari itu tiada seorang pun yang dibenarkan bercakap melainkan dengan keizinan Allah."

Suasana sunyi sepi menyelubungi seluruh mereka. Perasaan takut dan cemas menguasai panorama padang perhimpunan agung itu dan para hadirin yang bersesak-sesak di situ. Tiada siapa pun yang berani meminta keizinan untuk berbicara, kerana keizinan hanya diberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya dan dengan keizinan ini sahaja seseorang itu dapat keluar dari alam kebisuannya yang sunyi sepi. Kemudian proses penapisan dan pembahagian kumpulan dimulakan:

فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾

"Di antara mereka ada yang celaka dan ada yang berbahagia."(105)

Dari celah-celah ungkapan ini kita dapat melihat orang-orang yang menerima nasib yang malang itu berada di dalam Neraka, di mana mereka menarik dan mengeluarkan nafas-nafas yang mengah dan berat kerana terlalu panas, lemas dan sempit, juga kita dapat melihat orang-orang yang berbahagia berada di dalam Syurga, di mana mereka dikurniakan ni'mat-ni'mat yang tak kunjung putus dan tak pernah tersekat-sekat.

Kedua-dua kumpulan insan yang malang dan insan yang berbahagia itu masing-masing akan kekal di dalam Neraka dan Syurga "selama kekalnya langit dan bumi". Ungkapan ini menyampaikan kepada minda kita sifat kedudukan yang kekal dan berterusan di dalam Neraka dan Syurga. Pengungkapan-pengungkapan itu mempunyai pengertian-pengertian bayangan masing-masing dan yang dimaksudkan dengan ungkapan "selama kekalnya langit dan bumi" di sini ialah pengertian bayangan.

Kemudian ayat yang berikut menggantungkan kedudukan yang kekal dan berterusan di dalam Neraka dan Syurga itu kepada kehendak masyi'ah Allah di dalam kedua-dua kedudukan itu, kerana segala keputusan dan segala undang-undang adalah pada akhirnya bergantung kepada kehendak masyi'ah Allah. Oleh itu kehendak masyi'ah Allah merupakan penentu kepada keputusan dan undang-undang itu dan bukannya terikat dan terbatas dengan undang-undang itu, malah kehendak masyi'ah Allah tetap bebas; ia boleh menukar dan mengubahkan undang-undang itu jika dikehendaki Allah:

إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu Maha Kuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya."(107)

Mengenai kedudukan kumpulan insan yang berbahagia, maka ayat yang berikut menambahkan satu pernyataan yang meyakinkan mereka bahawa kehendak masyi'ah Allah telah memutuskan untuk menganugerahkan kepada mereka ni'mat-ni'mat yang tak kunjung putus walaupun kedudukan mereka di dalam Syurga diandaikan berubah, dan andaian ini hanya merupakan suatu andaian semata-mata yang disebut untuk tujuan menjelaskan kebebasan kehendak masyi'ah Allah selepas wujudnya pernyataan yang seolah-olah mengikatkannya:

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ سُعِدُوا۟ فَفِى ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۖ عَطَآءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ ﴿١٠٨﴾

"Dan ada pun orang-orang yang berbahagia, mereka akan ditempatkan di dalam Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi selama kekalnya langit dan bumi kecuali keputusan yang dikehendaki Tuhanmu sebagai suatu pengurniaan yang tak kunjung putus."(108)

(Pentafsiran ayat-ayat 109 - 111)

Selepas keterangan selingan tadi yang memperkatakan tentang nasib kesudahan manusia di Akhirat sesuai dengan pembentangan peristiwa-peristiwa kebinasaan yang menimpa umat-umat di dunia, yang membayangkan titik-titik persamaan di antara 'azab keseksaan di dunia dengan 'azab keseksaan di Akhirat, juga menggambarkan balasan-balasan 'azab keseksaan yang menunggu para pendusta di dunia atau di Akhirat atau di dunia kemudian di Akhirat, maka ayat-ayat yang berikut kembali membawa kesimpulan yang menghibur dan meneguhkan keyakinan Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin yang kecil di kota Makkah, juga mengingatkan para pendusta, iaitu kesimpulan dan peringatan yang diambil dari kisah-kisah para Anbiya' dan pemandangan-pemandangannya yang menyarankan bahawa keadaan kaum Musyrikin Makkah yang menyembah tuhan-tuhan yang disembah datuk nenek mereka adalah tidak syak lagi sama dengan keadaan kaum Musyrikin yang disebut di dalam kisah-kisah para Anbiya' dan kisah-kisah para umat yang telah ditimpa kebinasaan itu. Mereka masing-masing akan menerima balasan yang wajar dengan sempurna dan adil. Dan andainya 'azab kebinasaan secara habis-habisan telah ditangguhkan ke atas kaum Musyrikin Makkah, maka 'azab kebinasaan yang sama juga telah ditangguhkan ke atas kaum Musa setelah mereka berpecah belah di dalam agama mereka. Penangguhan itu dibuat kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah. Tetapi walau bagaimanapun umat Musa dan umat Muhammad tetap akan menerima balasan masing-masing dengan sempurna dan adil pada suatu masa yang ditetapkan selepas penangguhan itu. 'azab kebinasaan habis-habisan itu bukan ditunda kerana mereka berada di atas kebenaran, malah mereka tetap berada di atas kebatilan yang dihayati datuk nenek mereka:

فَلَا تَكُ فِي مِرْيَةٍ مِّمَّا يَعْبُدُ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُهُم مِّن قَبْلُ ۚ وَإِنَّا لَمُوَفُّوهُمْ نَصِيبَهُمْ غَيْرَ مَنقُوصٍ ﴿١٠٩﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ ۚ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّهُمْ لَفِي شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١١٠﴾

وَإِنَّ كُلًّا لَّمَّا لَيُوَفِّيَنَّهُمْ رَبُّكَ أَعْمَٰلَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١١﴾

"Oleh itu janganlah engkau (Muhammad) berada dalam sebarang keraguan terhadap apa yang disembahkan mereka, kerana mereka tidak menyembah melainkan sama dengan apa yang disembahkan datuk nenek mereka sebelum ini dan sesungguhnya Kami akan menyempurnakan habuan balasan mereka dengan sempurna tanpa dikurangi sedikit pun(109). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab suci Taurat kepada Musa lalu kebenarannya dipertikaikan mereka. Dan jika tidak kerana adanya keputusan dari Tuhanmu, sudah tentu hukuman 'azab telah dilaksanakan ke atas mereka. Dan sesungguhnya mereka masih berada di dalam keraguan yang mendalam terhadap kebenarannya(110). Dan sesungguhnya Allah akan memberi balasan yang setimpal kepada setiap orang dari mereka terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(111)

Hati anda tidak seharusnya diserapi sebarang keraguan terhadap kerosakan ibadat mereka. Ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w., juga untuk mengingatkan kaumnya. Uslub ini kadang-kadang lebih berkesan kepada hati kerana ia menyarankan bahawa isu yang dibangkitkan itu adalah satu isu objektif yang diterangkan Allah kepada rasul-Nya bukannya suatu perdebatan dengan seseorang dan bukan pula suatu firman yang dituju kepada mereka yang terlibat denganya. Uslub ini bertujuan untuk tidak mempeduli atau memberi perhatian kepada mereka (kaum Musyrikin) agar dengan cara ini hakikat tulen yang dibangkitkan itu mempunyai kesan yang lebih menarik perhatian mereka dari cara memperkatakan hakikat itu secara langsung kepada mereka.

فَلَا تَكُ فِي مِرْيَةٍ مِّمَّا يَعْبُدُ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ ءَابَآؤُهُم مِّن قَبْلُ ۚ

"Oleh itu janganlah engkau (Muhammad) berada di dalam sebarang keraguan terhadap apa yang disembahkan mereka, kerana mereka tidak menyembah melainkan sama dengan apa yang disembahkan datuk nenek mereka sebelum ini."

Di sini jelaslah bahawa 'azab keseksaan yang akan diterima mereka adalah sama dengan 'azab keseksaan yang akan diterima datuk nenek mereka, tetapi 'azab keseksaan itu tidak disebut dengan jelas dalam ayat ini selaras dengan uslub ini:

وَإِنَّا لَمُوَفُّوهُمْ نَصِيبَهُمْ غَيْرَ مَنقُوصٍ ﴿١٠٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami akan menyempurna habuan balasan mereka dengan sempurna tanpa dikurangi sedikit pun."(109)

Memang diketahui bahawa nasib kesudahan mereka adalah sama dengan nasib kesudahan kaum-kaum sebelum mereka, di mana kita telah melihat

contoh-contoh dan pemandangan-pemandangannya. Kadang-kadang mereka tidak ditimpakan 'azab kebinasaan secara habis-habisan di dunia ini sebagaimana yang tidak berlaku kepada kaum Musa a.s.:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ ۗ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab suci Taurat kepada Musa lalu kebenarannya dipertikaikan mereka."

Mereka telah berpecah belah dan membentuk berbagai-bagai aliran i'tiqad dan ibadat, tetapi Allah telah membuat keputusan bahawa mereka akan dihisab dengan sempurna dan adil pada hari Qiamat:

وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ

"Dan jika tidak kerana adanya keputusan dari Tuhanmu, sudah tentu hukuman 'azab telah dilaksanakan ke atas mereka."

Kerana sesuatu hikmat, keputusan itu telah pun ditetapkan Allah dan dengan keputusan ini 'azab kebinasaan secara habis-habisan tidak pernah menimpa mereka kerana mereka mempunyai kitab suci dan mereka yang mempunyai kitab suci dari pengikut-pengikut para rasul juga turut diberi tempoh hingga kepada hari Qiamat, kerana kitab suci merupakan bukti hidayat yang masih kekal yang dapat diteliti dan dikaji persis seperti yang dilakukan generasi pertama yang telah diturunkan kitab suci itu kepada mereka. Kitab suci tidak sama dengan mu'jizat fizikal yang hanya dapat disaksikan oleh generasi yang pertama sahaja. Oleh kerana itu mereka tidak mempunyai pilihan selain dari mempercayai mu'jizat itu atau tidak mempercayainya dan kerana itu mereka ditimpa 'azab kebinasaan. Taurat dan Injil merupakan dua buah kitab suci yang sepadu yang terus dibentangkan kepada generasi-generasi manusia hingga datang kitab suci yang terakhir yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci sebelumnya, iaitu Taurat dan Injil. Oleh itu Al-Qur'an merupakan kitab terakhir bagi seluruh umat manusia, yang mana mereka diseru menerimanya dan seluruh mereka akan dihisab berlandaskan kepercayaan mereka kepada Al-Qur'an termasuk umat-umat yang menerima Taurat dan Injil.

"Dan sesungguhnya mereka masih berada di dalam keraguan terhadap kebenarannya."(110)

Mereka meragui kebenaran kitab Taurat kerana ia hanya ditulis selepas dilalui beberapa abad setelah diturunkannya. Di samping itu ia ditulis mengikut berbagai-bagai riwayat yang tidak sama dan kacau bilau menyebabkan isi kandungannya tidak memberi keyakinan yang teguh kepada para pengikutnya.

Walaupun 'azab keseksaan itu telah ditangguhkan, namun segala amalan yang dilakukan mereka baik amalan yang baik mahupun amalan yang buruk akan dibalas dengan sempurna dan adil oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan segala amalan itu tidak akan hilang dan sia-sia:

وَإِنَّ كُلًّا لَّمَّا لَيُوَفِّيَنَّهُمْ رَبُّكَ أَعْمَٰلَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١١﴾

"Dan sesungguhnya Allah akan memberi balasan yang setimpal kepada setiap orang dari mereka terhadap segala perbuatan yang dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(111)

Ayat ini mengandungi berbagai-bagai penguat kata agar setiap orang tidak meragui kesempurnaan dan keadilan balasan Allah dengan sebab penangguhan itu, juga supaya setiap orang tidak meragui bahawa amalan agama yang dilakukan oleh kaum Musyrikin adalah suatu amalan yang karut dan suatu kepercayaan syirik yang dianuti oleh umat-umat Musyrikin sebelum ini.

Penegasan-penegasan dan penguatkata-penguatkata yang sedemikian merupakan sesuatu yang diperlukan oleh realiti pergerakan Islam di masa itu, di mana kaum Musyrikin sedang menunjukkan tentangan yang degil terhadap pergerakan Islam, terhadap Rasulullah dan kelompok Muslimin yang kecil di Makkah, dan perkembangan da'wah Islamiyah sedang menghadapi tahap lembab dan membeku, sedangkan 'azab yang dijanjikan Allah ke atas kaum Musyrikin belum lagi berlaku. Penindasan terus menerus dilakukan ke atas kelompok Muslimin, sedangkan musuh-musuh yang menindas mereka berlalu dengan selamat. Masa ini merupakan masa kritikal yang menggoncangkan setengah-setengah hati yang beriman dan hingga hati-hati yang kuat beriman juga merasa ditekan kesepian dan menginginí hiburan dan peneguhan hati yang seperti ini.

Tiada cara peneguhan hati para Mu'minin yang lebih berkesan dari pernyataan yang tegas dari Allah bahawa musuh-musuh mereka adalah musuh-musuh Allah yang tidak syak lagi berada dalam kepercayaan yang karut dan batil.

Begitu juga tiada cara peneguhan hati para Mu'minin yang lebih berkesan dari menghuraikan hikmat Allah yang menangguhkan balasan 'azab ke atas kaum Musyrikin yang zalim, juga menangguhkan hisab ke atas golongan yang bermaharajalela hingga ke suatu hari yang tertentu, di mana mereka akan menerima balasan dan sama sekali tidak berupaya melepaskan diri darinya.

Demikianlah kita dapat memerhatikan kehendak-kehendak pergerakan yang memperjuangkan 'aqidah Islamiyah di dalam berbagai-bagai nas Al-Qur'an dan seterusnya kita dapat melihat bagaimana Al-Qur'an membawa kelompok Muslimin mengharungi perjuangan itu dan bagaimana Al-Qur'an menunjukkan batu-batu tanda jalan perjuangan itu kepada mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 112 - 115)

Penjelasan yang terang di samping penekanan dan penegasan ini menimbulkan kesedaran di dalam hati bahawa undang-undang Allah tetap berjalan mengikut relnya yang lurus dalam agamanya dan dalam urusan janji-janji ni'mat-Nya dan janji-janji 'azab-Nya. Oleh sebab itu para Mu'minin dan para penda'wah kepada agama Allah harus berjuang dengan penuh istiqamah mengikut jalan perjuangan yang diperintahkan kepada mereka tanpa bertindak keterlaluan dan menokok tambah dalam urusan agama Allah, dan di samping itu mereka tidak seharusnya cenderung kepada kaum Musyrikin yang zalim walau bagaimana sekali pun kekuatan mereka dan mereka juga tidak seharusnya memberi keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah walau bagaimana sekalipun jauhnya jalan perjuangan mereka. Kemudian mereka harus menyediakan bekalan yang cukup untuk menempuh jalan perjuangan mereka serta bersabar sehingga Allah merealisasikan undang-undang-Nya ketika dikehendaki-Nya.

فَٱسۡتَقِمۡ كَمَآ أُمِرۡتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطۡغَوۡاْۚ إِنَّهُۥ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ١١٢

وَلَا تَرۡكَنُوٓاْ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنۡ أَوۡلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ١١٣

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَيِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفٗا مِّنَ ٱلَّيۡلِۚ إِنَّ ٱلۡحَسَنَٰتِ يُذۡهِبۡنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِۚ ذَٰلِكَ ذِكۡرَىٰ لِلذَّٰكِرِينَ ١١٤

وَٱصۡبِرۡ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجۡرَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١١٥

"Oleh itu hendaklah engkau beristiqamah menjunjung perintah yang diperintahkan kepadamu dan kepada mereka yang telah bertaubat yang ada bersamamu. Dan janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (112). Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang boleh menyebabkan kamu disentuh api Neraka, dan (di sana) kamu tidak akan mendapat pelindung-pelindung yang lain dari Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan(113). Dan (wahai Muhammad) dirikanlah solat di dua hujung siang (Subuh dan Maghrib) dan sebahagian dari waktu malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan kepada para Zakirin(114). Dan bersabarlah (wahai Muhammad) kerana sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala amalan para Muhsinin."(115)

Perintah yang berikut ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada mereka yang bertaubat yang berada bersama beliau:

Di Antara Sikap Istiqamah Dan Keterlaluan

فَٱسۡتَقِمۡ كَمَآ أُمِرۡتَ

"Oleh itu hendaklah engkau beristiqamah menjunjung perintah yang telah diperintahkan kepadamu."

Kehebatan dan kekuatan ayat ini benar-benar dirasakan Rasulullah s.a.w. sehingga - menurut riwayat sebuah cerita - beliau bersabda sambil menunjukkan kepada ayat ini:

شيبتني هود

"Surah Hud telah mengubankan rambutku."

Sikap istiqamah ialah sikap kesederhanaan dan kepatuhan menjunjung ajaran agama tanpa penyelewengan. Ia memerlukan kesedaran, ketelitian dan kewaspadaan pada setiap waktu terhadap batas-batas agama Allah, di samping ia memerlukan kawalan terhadap perasaan dan emosi insan yang boleh menyelewengkan arah tujuan sama ada sedikit atau banyak. Oleh sebab itu istiqamah merupakan ketelitian dan kewaspadaan pada setiap masa terhadap setiap pergerakan hidup.

Satu perkara yang amat wajar diperhatikan di sini ialah larangan yang disebut selepas perintah beristiqamah itu bukanlah larangan dari melakukan kecuaian dan keabaian, malah ialah larangan dari bertindak keterlaluan atau keterlampauan kerana perintah beristiqamah yang memerlukan kewaspadaan hati nurani itu kadang-kadang membawa kepada keterlaluan yang boleh mengubahkan ajaran agama yang senang itu menjadi sukar dan sulit, sedangkan Allah mahukan agama-Nya yang senang itu kekal di dalam keadaan asalnya sebagaimana ia diturunkan, dan mahukan manusia beristiqamah menjunjung perintah-Nya tanpa keterlaluan, kerana perbuatan keterlaluan boleh mengeluarkan agama Allah yang senang itu dari sifat aslinya yang mudah sama seperti perbuatan cuai dan abai. Ini adalah satu tarikan perhatian yang amat penting untuk mengawal hati supaya tetap beristiqamah di atas jalan yang betul tanpa menyeleweng ke arah keterlaluan atau ke arah kecuaian dan keabaian.

إِنَّهُۥ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ١١٢

"Sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(112)

Kata-kata melihat - iaitu melihat dengan penelitian yang mendalam - adalah amat sesuai di tempat ini (di mana dibicarakan persoalan istiqamah) yang

memerlukan penelitian, pemahaman dan penilaian yang baik.

Oleh itu (wahai rasul-Ku), hendaklah engkau beristiqamah sebagaimana yang diperintah kepadamu dan kepada orang-orang yang telah bertaubat yang berada bersamamu.

وَلَا تَرْكَنُوٓاْ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ

"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang boleh menyebabkan kamu disentuh api Neraka."

Maksudnya, janganlah kamu cenderung dan percaya kepada kaum Musyrikin yang zalim dan kepada para pemerintah yang bertindak sewenang-wenang dan zalim yang memegang tampuk kekuasaan di bumi Allah dan memaksa orang ramai dengan kekuatan mereka serta memperhambakan mereka kepada yang lain dari Allah atau kepada sesama makhluk... Janganlah kamu cenderung kepada mereka kerana kecenderungan itu mengertikan pengi'tirafan kamu terhadap kemungkaran mereka yang amat besar yang diamalkan mereka, juga mengertikan perkongsian dosa kemungkaran yang amat besar itu dengan mereka.

فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ

"Menyebabkan kamu disentuh api Neraka."

Sebagai balasan yang setimpal terhadap penyelewengan itu.

وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

"Dan (di sana) kamu tidak akan mendapat pelindung-pelindung yang lain dari Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan."(113)

Sikap istiqamah atau berdiri teguh dan jujur di atas agama Allah dalam masa kritikal seperti ini merupakan sesuatu yang sukar, yang memerlukan bekalan yang tertentu. Dan dalam ayat yang berikut Allah menunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada sekelompok kecil para Mu'minin yang bersama beliau bagaimana cara untuk mendapatkan bekalan di jalan perjuangan itu:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَيِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفًا مِّنَ ٱلَّيْلِ ۚ إِنَّ ٱلْحَسَنَٰتِ يُذْهِبْنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ

"Dan (wahai Muhammad) dirikanlah solat di dua hujung siang (Subuh dan Maghrib) dan sebahagian dari waktu malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan yang buruk."

Solat Pembekal Kekuatan Rohaniyah Yang Kekal

Allah mengajar Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin bahawa solat ini adalah suatu bekalan yang kekal ketika habisnya segala bekalan yang lain dan inilah bekalan yang meneguhkan binaan kerohanian insan dan mengukuhkan hati mereka untuk mempertahankan kebenaran yang penuh dengan tugas-tugas yang sulit. Ini ialah kerana solat merupakan bekalan yang menyambung hati Mu'minin dengan Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang, Maha Dekat dengan para hamba-Nya dan amat memperkenankan do'a para hamba-Nya. Ibadat solat membelaikan hati manusia dengan tiupan bayu mesra yang menghilangkan kesepian dan rasa tersisih di alam jahiliyah yang malang itu.

Ayat ini menyebut "dua hujung siang" iaitu waktu awal dan akhir siang juga menyebut 'sebahagian waktu malam" dengan ini ia merangkumi seluruh waktu solat, fardhu tanpa menentukan bilangannya kerana bilangan solat itu dan waktu-waktunya ditentukan oleh Sunnah Rasulullah s.a.w.

Dalam ayat ini perintah mendirikan solat yang sempurna itu diiringi dengan pernyataan bahawa **"perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan yang buruk."** Nas ini merupakan satu nas yang umum, yang merangkumi segala perbuatan yang baik dan solat merupakan sebesar-besar perbuatan atau amalan yang baik. Oleh itu ibadat solat termasuk di dalam nas ini sebagai amalan yang paling utama dan nas ini bukan bermakna bahawa ibadat solat merupakan amalan yang baik yang menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan yang buruk begitu sahaja sebagaimana diutarakan oleh setengah-setengah ahli tafsir.

ذَٰلِكَ ذِكْرَىٰ لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾

"Itulah peringatan kepada para Zakirin."(114)

Solat pada pokoknya ialah mengingati Allah. Dan oleh sebab itu ulasan ayat ini sesuai dengannya.

Oleh sebab sikap istiqamah memerlukan sifat sabar, begitu juga kesanggupan menunggu ketibaan tempoh yang dijanjikan Allah untuk merealisasikan tindakan undang-undangnya terhadap pendusta itu memerlukan sifat sabar, maka ulasan ke atas perintah beristiqamah dan perintah-perintah yang lain sebelumnya ialah menggalakkan bersabar:

وَٱصْبِرْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

"Dan bersabarlah (wahai Muhammad) kerana sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakankan pahala amalan para Muhsinin."(115)

Sikap istiqamah merupakan amalan yang baik, mendirikan solat dalam waktu-waktunya merupakan amalan yang baik dan kesabaran menghadapi pendustaan dari orang-orang yang tidak beriman juga merupakan amalan yang baik dan Allah tidak akan mensia-siakan pahala orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang baik.

(Pentafsiran ayat-ayat 116 - 117)

Negeri-negeri Yang Dibinasakan Allah Secara Habis-habisan

Kemudian rangkaian ayat-ayat berikut kembali menyambungkan ulasan dan kesimpulannya dari peristiwa negeri-negeri dan umat-umat yang telah dibinasakan Allah, kemudian secara halus ia menyebut iaitu sepatutnya di sana ada saki baki golongan yang baik di kalangan penduduk negeri-negeri itu yang terus mengekalkan kebaikan diri mereka di sisi Allah, lalu mereka tampil melarang orang ramai dari melakukan kerosakan di bumi Allah dan mencegahkan orang-orang yang zalim dari melakukan perbuatan mereka yang zalim nescaya negeri-negeri itu tidak dibinasakan Allah secara habis-habisan sebagaimana yang telah berlaku kepada mereka, kerana Allah tidak membinasakan sebuah negeri secara zalim, sedangkan penduduk-penduduknya melakukan kebaikan atau jika golongan yang baik dari kalangan mereka masih mempunyai kebolehan, keupayaan dan kekuatan yang dapat mencegahkan kerosakan dan kezaliman, tetapi malangnya negeri-negeri yang telah dibinasakan Allah itu hanya mempunyai segelintir orang-orang yang beriman yang tidak mempunyai sebarang pengaruh dan kekuatan dan mereka inilah sahaja merupakan kumpulan yang telah diselamatkan Allah dari kebinasaan itu, sedangkan majoriti penduduk negeri itu adalah terdiri dari golongan-golongan yang hidup mewah dan mempunyai pengikut-pengikut yang ramai, yang tunduk setia kepada mereka dan kerana inilah negeri-negeri itu dengan seluruh penduduknya yang zalim dibinasakan Allah:

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ ٱلْقُرُونِ مِن قَبْلِكُمْ أُو۟لُوا۟ بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْفَسَادِ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّنْ أَنجَيْنَا مِنْهُمْ ۗ وَٱتَّبَعَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَآ أُتْرِفُوا۟ فِيهِ وَكَانُوا۟ مُجْرِمِينَ ﴿١١٦﴾

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا مُصْلِحُونَ ﴿١١٧﴾

"Sepatutnya ada dari generasi-generasi sebelum kamu saki baki golongan yang baik, yang melarang manusia dari melakukan kerosakan di bumi, kecuali di sana hanya terdapat sekumpulan yang kecil sahaja yang terdiri dari mereka yang telah Kami selamatkan (dari malapetaka kebinasaan), sedangkan orang-orang yang zalim dari mereka semuanya mengikut kehendak kemewahan hidup yang dikurniakan kepada mereka dan mereka telah melakukan berbagai-bagai dosa(116). Dan Tuhanmu tidak sekali-kali membinasakan negeri-negeri dengan cara yang zalim, sedangkan penduduk-penduduknya melakukan amalan-amalan yang baik."(117)

Penjelasan ayat-ayat ini mendedahkan rahsia Sunnatullah terhadap umat-umat manusia, iaitu mana-mana umat di mana berlakunya kerosakan 'aqidah yang berpunca dari perbuatan mereka memperhambakan manusia kepada yang lain dari Allah dalam apa sahaja bentuknya kemudian terdapat di kalangan mereka segolongan Mu'minin yang bangkit menentang perbuatan syirik itu, maka umat itu tidak dibinasakan Allah dengan 'azab keseksaan dan kehancuran, tetapi sebaliknya mana-mana umat yang berlaku kezaliman dan kerosakan di kalangan mereka, sedangkan di sana tiada golongan yang bangkit menentang kezaliman dan kerosakan itu atau terdapat golongan yang membantah perlakuan-perlakuan itu, tetapi bantahan mereka tidak memberi kesan hingga ke tahap yang dapat mengubahkan realiti yang rosak itu, maka umat itu akan menerima tindakan Sunnatullah sama ada mereka dibinasakan secara habis-habisan atau dibinasakan dengan keruntuhan dan kacau-bilau.

Para penda'wah yang mempeluangkan konsep Rububiyah Allah Yang Maha Esa dan membersihkan bumi Allah dari kerosakan 'aqidah yang berpunca dari perbuatan syirik yang memberi kepatuhan dan keta'atan kepada yang lain dari Allah, maka merekalah sebenarnya golongan insan yang menjadi injap keamanan dan ketenteraman sesuatu umat atau bangsa. Di sinilah terletaknya nilai usaha para penda'wah yang berjuang menegakkan konsep Rububiyah Allah Yang Maha Esa dan mencegahkan kezaliman dan kerosakan dalam segala bentuk dan rupanya. Mereka bukan sahaja menunaikan kewajipan mereka terhadap Allah, malah mereka dapat menghalangkan kemurkaan Allah terhadap umat mereka di samping menghalangkan sebab yang mewajarkan mereka menerima balasan dari Allah yang menimpakan 'azab kesengsaraan dan kehilangan.

(Pentafsiran ayat-ayat 118 - 119)

Ulasan terakhir terhadap hakikat kelainan individu-individu insan yang menjurus ke arah hidayat dan ke arah kesesatan, juga terhadap Sunnatullah yang lurus mengenai arah tujuan yang dipilih oleh seseorang manusia sama ada ke arah hidayat atau ke arah kesesatan ialah:

وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ ٱلنَّاسَ أُمَّةً وَٰحِدَةً ۖ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾

إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ ۚ وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾

"Dan jika Tuhanmu kehendaki tentulah Dia berkuasa menjadikan seluruh manusia sebagai satu umat yang sama, tetapi mereka tetap berbeza-beza pendapat(118). Melainkan

mereka yang telah dirahmati Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menjadikan mereka. Keputusan Tuhanmu telah ditetapkan: Sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan seluruh makhluk jin dan manusia (yang menderhaka)."(119)

Kelainan Dan Perbezaan Individu-individu Merupakan Asas Sunnatullah

Maksudnya, jika Allah kehendaki tentulah Dia berkuasa menciptakan seluruh manusia dengan satu bentuk yang sama dan dengan bakat-bakat kesediaan yang sama, iaitu Dia menciptakan mereka sebagai satu naskah yang sama dan berulang-ulang tanpa kelainan dan keragaman di antara individu-individu mereka, tetapi penciptaan yang seperti ini bukanlah merupakan tabi'at kehidupan yang direncanakan Allah di bumi ini dan bukanlah pula merupakan tabi'at makhluk insan yang dilantikkan Allah selaku khalifah di bumi.

Tetapi Allah telah menghendaki agar individu-individu makhluk insan itu berlainan dari segi bakat-bakat kesediaan, kebolehan dan dari segi arah tujuan hidup masing-masing dan agar individu-individu insan itu dikurniakan keupayaan dan kebebasan untuk memilih arah tujuan dan jalan hidup masing-masing dan agar mereka masing-masing bertanggungjawab terhadap pilihan-pilihan yang dibuat mereka dan menerima balasan masing-masing kerana memilih hidayat atau kesesatan itu.

Demikianlah kehendak Sunnatullah dan kehendak iradat-Nya. Justeru itu orang yang memilih hidayat adalah sama dengan orang yang memilih kesesatan, iaitu kedua-duanya bertindak mengikut Sunnatullah terhadap makhluk ciptaan-Nya dan mengikut kehendak iradat Allah yang telah mengurniakan kepada makhluk insan kebebasan membuat pilihan dan menerima balasan masing-masing kerana memilih cara hidup yang disukainya.

Memang telah menjadi kehendak Allah agar makhluk insan tidak diciptakan sebagai satu umat yang sama, malah mereka diciptakan sebagai umat yang berlain-lainan, juga telah menjadi kehendak Allah agar kelainan dan perselisihan mereka berlaku dalam bidang pegangan asas-asas 'aqidah kecuali mereka yang mendapat rahmat Allah dan menemui agama yang benar, kerana agama yang benar itu hanya satu sahaja tidak berbilang lalu mereka sepakat menerimanya, tetapi ini tidak menafikan bahawa mereka adalah berbeza dari penganut-penganut agama yang sesat.

Di antara pernyataan setanding yang disebut ayat berikut ialah:

"Keputusan Tuhanmu telah ditetapkan: Sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan seluruh makhluk jin dan manusia (yang menderhaka)."(119)

Dari ayat ini difahamkan bahawa orang-orang yang bersama-sama menerima agama yang benar dan mendapat rahmat Allah itu akan mendapat kesudahan hidup yang berlainan, iaitu mereka akan ditetapkan di dalam Syurga yang penuh dengan kumpulan mereka sebagaimana Neraka Jahannam akan dipenuhi kumpulan manusia dan jin yang sesat yang tidak sama dengan kumpulan penganut-penganut agama yang benar. Sementara kumpulan-kumpulan yang sesat itu pula berbeza-beza di antara satu sama lain dari segi jenis-jenis kebatilan dan cara-cara hidup yang beraneka ragam.

(Pentafsiran ayat-ayat 120 - 123)

Seluruh Kisah Para Anbiya' Membawa Kebenaran Pengajaran Dan Peringatan

Ayat-ayat penamat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. Ia menjelaskan tentang hikmat Allah mengemukakan kisah-kisah para Anbiya' kepada beliau dan khususnya kepada orang-orang yang beriman. Sementara kepada orang-orang yang tidak beriman, beliau diperintah menyampaikan kata-kata terakhir kepada mereka, juga diperintah melakukan pengasingan dan pemisahan diri yang tegas dari barisan mereka serta membiarkan mereka bersendirian menghadapi akibat hukuman Allah yang menunggu mereka di alam ghaib. Kemudian beliau diperintah mengabdikan diri dan berserah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan membiarkan kaumnya dengan amalan mereka masing-masing.

وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِۦ فُؤَادَكَ ۚ وَجَآءَكَ فِى هَٰذِهِ ٱلْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾ وَقُل لِّلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنَّا عَٰمِلُونَ ﴿١٢١﴾

وَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٢٢﴾

وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ ٱلْأَمْرُ كُلُّهُۥ فَٱعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

"Dan setiap kisah yang kami ceriterakan kepadamu (wahai Muhammad) dari kisah-kisah para rasul ialah kisah-kisah yang dapat meneguhkan keyakinan hatimu. Dan di dalam surah ini telah datang kepadamu kebenaran, pengajaran dan peringatan kepada para Mu'minin(120). Dan katakanlah kepada orang-orang yang tidak beriman: Berusahalah kamu mengikut cara hidup kamu dan Kami juga berusaha mengikut cara hidup Kami(121). Dan tunggulah (keputusan Allah) dan Kami juga menunggu bersama-sama(122). Dan Allah memiliki segala urusan ghaib di langit dan di bumi dan seluruh urusan dirujukkan kepada-Nya. Oleh itu abdikanlah dirimu kepada-Nya dan berserahlah kepada-Nya. Dan

Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(123)

Allah memang mengetahui kesulitan-kesulitan yang dialami Rasulullah s.a.w. Beliau dapati tindak-tanduk dan penyelewengan-penyelewengan kaumnya serta beban-beban da'wah yang berat telah sampai ke tahap yang memerlukan hiburan dan pengukuhan semangat dari Allah walaupun beliau seorang yang amat sabar, tabah dan yakin kepada Allah:

وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِۦ فُؤَادَكَ

"Dan setiap kisah yang Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) dari kisah-kisah para rasul ialah kisah-kisah yang dapat meneguhkan keyakinan hatimu."

وَجَآءَكَ فِي هَٰذِهِ ٱلْحَقُّ

"Dan di dalam surah ini telah datang kepadamu kebenaran."

Iaitu kebenaran da'wah, kebenaran kisah-kisah para anbiya', kebenaran Sunnatullah dan kebenaran berita-berita gembira dan janji-janji 'azab dari Allah.

وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

"Pengajaran dan peringatan kepada para Mu'minin."(120)

Iaitu pengajaran yang memberi contoh yang baik kepada mereka dari umat-umat yang silam di samping memberi peringatan kepada mereka terhadap Sunnatullah, suruhan-suruhan dan larangan-larangan Allah.

Bagi mereka yang terus enggan beriman selepas penjelasan-penjelasan itu, maka tidak ada gunanya diberi sebarang pengajaran dan peringatan kepada mereka, malah tindakan yang sewajarnya ialah mengumumkan kata-kata terakhir kepada mereka dan bertindak tegas melakukan pengasingan dan pemisahan dari barisan mereka:

وَقُل لِّلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنَّا عَٰمِلُونَ ﴿١٢١﴾

وَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan katakanlah kepada orang-orang yang tidak beriman: Berusahalah kamu bertindak mengikut cara hidup kamu dan kami juga berusaha mengikut cara hidup kami(121). Dan tunggulah (keputusan Allah) dan kami juga menunggu bersama-sama."(122)

Persis seperti kata-kata akhir yang diucapkan oleh saudaramu dari rasul-rasul yang telah diceritakan kisah-kisah mereka di dalam surah ini kepada kaumnya kemudian membiarkan mereka berdepan sendirian dengan nasib kesudahan mereka dan dengan hukuman Allah yang menunggu mereka di alam ghaib:

وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Dan Allah memiliki segala urusan ghaib di langit-langit dan di bumi."

Seluruh urusan dirujukkan kepada Allah, iaitu segala urusanmu, urusan orang-orang yang beriman, urusan orang-orang yang tidak beriman dan urusan seluruh makhluk yang berada di alam ghaib dan yang akan berlaku.

فَٱعْبُدْهُ

"Oleh itu abdikanlah dirimu kepada-Nya."

Kemudian hanya Allah sahaja yang wajar ditumpukan seluruh pengabdian diri dan keta'atan.

وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ

"Dan berserahlah kepada-Nya."

Kerana Allah sahaja satu-satunya Pelindung dan Penolong yang sebenar, dan Dia Maha Mengetahui dengan segala kebaikan dan kejahatan yang dilakukan kamu dan Allah tidak sekali-kali melupakan balasan terhadap sesiapa pun.

وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(123)

* * * * * *

Demikianlah surah ini yang dimulai dengan pembicaraan mentauhidkan ibadat kepada Allah, taubat dan pulang kepada Allah pada akhir perjalanan hidup, dan diakhiri dengan pembicaraan yang sama dengan pembicaraan-pembicaraan yang dimulakan di awal surah ini, iaitu pembicaraan mengenai beribadat dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dan pembicaraan mengenai kepulangan kepada Allah di akhir perjalanan hidup. Dan pembicaraan-pembicaraan itu dilakukan setelah menjelajah ufuk-ufuk alam buana, lubuk-lubuk hati dan jiwa manusia dan menjelajah di dalam lipatan lembaran sejarah umat-umat yang silam.

Demikian keindahan susunan ayat yang seni di awal dan di akhir surah dan keselarasan di antara kisah-kisah dan penjelasan telah bertemu dengan kesempurnaan pandangan, gagasan dan arah tujuan di dalam Al-Qur'an. Dan seandainya Al-Qur'an bukan datang dari Allah nescaya mereka menemui berbagai-bagai percanggahan dan ketidakselarasan.

* * * * * *

Para pengkaji yang mengikuti penjelasan seluruh surah ini, malah para pengkaji yang mengikuti penjelasan seluruh ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah akan mendapati bahawa di sana terdapat satu garisan tetap yang lebar dan mendalam yang menjadi asas dan paksi seluruh pembicaraan dan penjelasan ayat-ayat Makkiyah, iaitu garisan pembicaraan mengenai 'aqidah yang menjadi

asas agama Islam. Itulah paksi yang berlegar di sekitarnya segala pembicaraan Surah Makkiyah. Itulah paksi 'aqidah yang berlegar di sekitarnya penjelasan mengenai sistem hidup Rabbani untuk mengatur kehidupan manusia baik dalam bentuk penjelasan saripati mahupun dalam bentuk huraian yang terperinci.

Hakikat-hakikat Yang Ditonjolkan Dalam Surah Ini

Untuk membuat kesimpulan umum dari penjelasan surah ini kita perlu membuat hentian-hentian untuk renungan dan tinjauan di sekitar garisan dan paksi 'aqidah tersebut sebagaimana yang dapat dilihat di dalam penjelasan surah dan setengahnya telah termasuk di dalam kesimpulan-kesimpulan yang telah kami buat sebelum ini ketika melakukan hentian-hentian untuk renungan ringkas di sana, tetapi dalam kesimpulan umum di sini kita perlu mengumpulkan kembali kesimpulan-kesimpulan itu untuk mengikatkan semua bahagian kesimpulan yang terakhir ini.

Hakikat pertama yang amat menonjol dalam penjelasan seluruh surah ini, sama ada di dalam kata pengantar yang membentangkan kandungan Al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. atau di dalam kisah-kisah para Anbiya' yang membentangkan garis pergerakan 'aqidah Islamiyah di sepanjang sejarah manusia atau di dalam kesimpulan terakhir yang mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menghadapi kaum Musyrikin dengan mengemukakan natijah-natijah terakhir yang diambil dari kisah-kisah ini dan dari isi kandungan Al-Qur'an yang dikemukakan kepada mereka di akhir penjelasan itu, ialah penekanan dan penumpuan perintah supaya mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa dan melarang dari mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah di samping menjelaskan bahawa inilah intipati agama serta menegakkan janji-janji ni'mat, janji-janji 'azab, hisab, balasan, ganjaran pahala dan hukuman Allah di atas prinsip tauhid ibadat yang tunggal, syumul dan lebar ini sebagaimana telah kami jelaskan di dalam Muqaddimah surah ini dan di berbagai-bagai tempat yang lain dalam pentafsirannya.

Apa yang perlu di sini ialah pertama menerangkan cara metodologi Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini di samping menerangkan nilai metodologi ini.

Perintah Menyembah Allah Yang Maha Esa Dan Larangan Menyembah Yang Lain Dari-Nya Harus Dijelaskan Melalui Ungkapan Secara Langsung Yang Berasingan

Hakikat mentauhidkan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa disebut dalam dua ungkapan yang berikut:

يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah."(50)

"Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu."(2)

Dalam ayat ini nampak jelas perbezaan di antara ungkapan perintah dengan ungkapan larang. Oleh itu apakah pengertian kedua-duanya sama? Pengertian ungkapan yang pertama ialah perintah supaya mengabdikan diri kepada Allah serta menjelaskan bahawa di sana tiada Tuhan yang layak disembah melainkan hanya Allah, dan pengertian ungkapan yang kedua ialah melarang seseorang mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah.

Pengertian ungkapan yang kedua merupakan kehendak dan mafhum dari pengertian ungkapan pertama, tetapi pengertian ungkapan yang pertama merupakan pengertian secara "منطوق" sedangkan pengertian ungkapan yang kedua merupakan pengertian secara "مفهوم".

Untuk menjelaskan hakikat yang agung ini, hikmat kebijaksanaan Allah telah menghendaki agar penjelasan itu tidak memadai dengan melalui pengertian secara "مفهوم" sahaja untuk melarang manusia dari mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah, malah dijelaskan larangan ini melalui pengertian secara "منطوق" yang berasingan walaupun larangan itu dapat difahami dan terkandung di dalam ungkapan perintah yang pertama.

Ini menyarankan kepada kita secara mendalam betapa tingginya nilai hakikat yang agung itu dan betapa pentingnya hakikat itu dalam neraca pertimbangan Allah S.W.T. hingga ke tahap yang mewajarkan agar hakikat itu tidak hanya diserahkan kepada pengertian secara mafhum yang terkandung dalam ungkapan perintah yang menyuruh supaya mengabdikan diri kepada Allah atau terkandung dalam penjelasan tiada Tuhan yang layak disembah selain dari Allah, dan agar larangan mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah itu disampaikan nas melalui pengertian secara mantuq yang berasingan yang mengandungi larangan itu dengan nas secara langsung dan bukan melalui pengertian secara mafhum dan bukan pula secara kehendak yang lazim.

Metodologi Al-Qur'an juga menunjukkan kepada kita bagaimana cara menjelaskan hakikat yang agung itu dengan kedua-dua bahagiannya, iaitu menyuruh manusia mengabdikan diri kepada Allah dan melarangkan mereka mengabdikan kepada yang lain dari Allah... Ia menunjukkan kepada kita bahawa jiwa manusia memerlukan kepada nas yang tegas yang menjelaskan kedua-dua bahagian hakikat yang agung itu tanpa berpada dengan perintah menyuruh manusia mengabdikan diri kepada Allah, dan menjelaskan bahawa di sana tiada Tuhan yang layak disembah kecuali Allah, juga tanpa berpada dengan menyandarkan larangan yang terang dari mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah kepada pengertian secara "mafhum" yang tersirat yang terkandung dalam perintah yang menyuruh

mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa, kerana manusia pernah melalui zaman-zaman di mana mereka tidak mengingkarkan kewujudan Allah dan tidak pula meninggalkan amalan ibadat kepada Allah, namun begitu mereka menyembah sembahan-sembahan yang lain di samping menyembah Allah menyebabkan mereka terjerumus ke dalam perbuatan syirik, sedangkan mereka masih menganggapkan diri mereka sebagai golongan Muslimin.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menjelaskan hakikat tauhid dengan ungkapan perintah dan ungkapan melarang kedua-dua sekali, dan kedua-dua ungkapan itu menguatkan satu sama lain, di mana tiada satu lubang pun yang dapat ditembusi oleh amalan syirik dalam mana-mana bentuk rupanya yang beraneka ragam itu.

Pengungkapan Al-Qur'an yang sedemikian rupa telah disebut berulang-ulang kali di berbagai-bagai tempat dan di antara contoh-contohnya yang diambil dari surah ini dan surah-surah yang lain ialah:

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾

"Alif Laam Raa'. Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang disusunkan ayat-ayatnya dengan rapi kemudian diberi huraian terperinci dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar(1). Agar kamu jangan menyembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku adalah seorang rasul dari-Nya yang memberi peringatan dan menyampaikan berita gembira kepada kamu."(2)

(Surah Hud)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦٓ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾ أَن لَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya (lalu dia berkata): Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang diutuskan kepada kamu untuk menyampaikan peringatan yang amat jelas(25). Iaitu hendaklah kamu jangan menyembah melainkan Allah, kerana sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab hari (Qiamat) yang amat pedih."(26)

(Surah Hud)

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud, lalu ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana kamu sekali-kali tidak mempunyai Tuhan yang lain dari Allah. Kamu sebenarnya telah mengada-adakan pembohongan terhadap Allah."(50)

(Surah Hud)

وَقَالَ ٱللَّهُ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ إِلَٰهَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَإِيَّٰىَ فَٱرْهَبُونِ ﴿٥١﴾

"Dan Allah telah berfirman: Janganlah kamu menyembah dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan yang sebenar itu ialah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh kerana itu hendaklah kamu takut kepada-Ku sahaja."(51)

(Surah an-Nahl)

مَا كَانَ إِبْرَٰهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَٰكِن كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

"Bukanlah Ibrahim itu seorang penganut agama Yahudi dan bukan pula penganut agama Kristian, tetapi dia adalah seorang penganut agama tauhid yang Muslim dan dia tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."

(Surah Aali 'Imran: 67)

إِنِّى وَجَّهْتُ وَجْهِىَ لِلَّذِى فَطَرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ حَنِيفًا ۖ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٧٩﴾

"Sesungguhnya aku hadapkan wajahku kepada Tuhan - yang telah menciptakan langit dan bumi - sedangkan aku seorang hanif (yang berpegang dengan agama tauhid) dan aku tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."

(Surah al-An'am: 79)

Ia merupakan satu metodologi yang tetap di dalam pengungkapan Al-Qur'an ketika menjelaskan hakikat tauhid. Dan metodologi ini tidak syak mempunyai makna yang penting sama ada dalam menjelaskan nilai hakikat yang agung ini hingga ke tahap tidak wajar diserahkan penjelasannya kepada pengertian secara "mafhum" dan pengertian mengikut kehendak yang lazim, malah penjelasannya dibuat dengan nas yang tegas yang merangkumi segala aspeknya. Metodologi ini mempunyai makna yang penting kerana ia menunjukkan kepada ilmu Allah yang mengetahui tabi'at makhluk insan dan kehendak mereka agar hakikat yang agung ini dijelas dan dipeliharakan di dalam tanggapan dan kefahaman mereka dari sebarang kekeliruan dan kesamaran, dan kerana itu hakikat yang agung itu memerlukan pengungkapan yang halus sedemikian rupa agar maksud dan tujuannya ketara begitu jelas. Allah memiliki hikmat kebijaksanaan Yang Maha Tinggi dan Dia Mengetahui segala rahsia makhluk ciptaan-Nya dan Dia bersifat Maha Halus dan Maha Pakar.

* * * * * *

Istilah Ibadat Dalam Al-Qur'an

Kemudian matilah kita berhenti di hadapan pengertian istilah "ibadat" yang disebut dalam surah ini dan di dalam Al-Qur'an seluruhnya untuk mengetahui hikmat di sebalik penekanan dan penumpuan perintah yang menyuruh manusia beribadat kepada Allah Yang Maha Esa, dan hikmat di sebalik penekanan larangan yang melarangkan mereka beribadat kepada yang lain dari Allah, juga untuk mengetahui hikmat di sebalik perhatian serius Al-Qur'an di dalam menjelaskan kedua-dua bahagian hakikat yang agung dengan menggunakan nas yang terang dan tegas bukan hanya berpada dengan pengertian secara "mafhum"sahaja.

Sebelum ini kami telah pun menjelaskan - ketika mengulas kisah Hud dan kaumnya dalam surah ini - tentang pengertian istilah "ibadat" yang memerlukan penekanan dan perhatian serius sedemikian rupa di samping memerlukan seluruh tenaga perjuangan angkatan para rasul yang mulia dan seluruh penderitaan dan 'azab kesengsaraan hidup yang dialami para penda'wah yang menyeru manusia mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa di sepanjang zaman. Oleh itu kini kami ingin menambahkan beberapa pandangan kepada ulasan dan kesimpulan-kesimpulan itu.

Istilah "ibadat" ditujukan kepada syi'ar-syi'ar ibadat dan kepada hubungan timbal balik di antara hamba dan Tuhan, iaitu lawan kepada istilah "mu'amalah" yang ditujukan kepada hubungan timbal balik di antara sesama manusia. Pembahagian yang sedemikian rupa hanya muncul selepas zaman turunnya Al-Qur'anul-Karim dan ia tidak terkenal di zaman awal Islam.

Sebelum ini kami telah menulis di dalam buku خصائص التصور الاسلامي و مقوماته [13] sebahagian kecil dari persoalan ini dan di bawah ini, kami petikkan beberapa para darinya:

Pembahagian Kegiatan Manusia Kepada Ibadat Dan Mu'amalah Melahirkan Kesan Yang Buruk

"Pembahagian kegiatan manusia kepada kegiatan-kegiatan ibadat dan mu'amalah adalah satu pembahagian yang baru timbul di masa mutakhir ketika wujudnya usaha menyusun ilmu fiqah, sedangkan tujuan asalnya ialah cuma membuat pembahagian secara teknikal, yang menjadi ciri biasa dalam karangan-karangan ilmiyah, tetapi malangnya selepas itu pembahagian ini telah melahirkan kesan-kesan yang buruk di dalam kefahaman Islam, dan tidak lama kemudian melahirkan kesan-kesan yang buruk dalam kehidupan Islamiyah seluruhnya, kerana pembahagian ini telah menanamkan pandangan yang salah dalam fikiran dan tanggapan orang ramai Islam bahawa yang dikatakan ibadat itu ialah kumpulan kegiatan ibadat yang dibicarakan oleh ilmu Fiqah di dalam bab "Ibadat" sedangkan sifat ibadat itu menjadi pudar dan tidak jelas di dalam kegiatan mu'amalah yang dibicarakan oleh ilmu fiqah dalam bab "Mu'amalah". Ini tidak syak lagi satu penyelewengan dalam kefahaman Islam dan kerana itu ia mengakibatkan penyelewengan dalam seluruh kehidupan masyarakat Islam.

"Sebenarnya dalam konsep dan kefahaman Islam tidak ada aktiviti manusia yang tidak tergolong di dalam amal ibadat atau tidak dituntut agar direalisasikan konsep ibadat dalam aktiviti itu, kerana matlamat seluruh sistem hidup Islam ialah merealisasikan konsep ibadat dari awal hingga akhir.

"Tidak ada matlamat yang lain di dalam sistem hidup Islam yang berkaitan dengan peraturan pemerintahan, peraturan ekonomi, undang-undang jenayah, undang-undang sivil, undang-undang keluarga dan sebagainya dari undang-undang dan peraturan yang terkandung dalam sistem hidup Islam kecuali semuanya bermatlamat untuk merealisasikan konsep ibadat di dalam kehidupan manusia.

"Aktiviti manusia dikira tidak bersifat ibadat dan dikira tidak merealisasikan matlamat ibadat yang digariskan oleh Al-Qur'an sebagai matlamat kewujudan manusia kecuali aktiviti itu dilakukan mengikut sistem hidup Rabbani. Dengan cara ini sahaja terlaksananya tujuan mengkhususkan sifat Uluhiyah kepada Allah sahaja dan tujuan mengi'tirafkan 'Ubudiyah kepada Allah sahaja, jika tidak, maka aktiviti itu akan terkeluar dari konsep ibadat dan dari konsep 'Ubudiyah atau dengan lain-lain ungkapan, ia terkeluar dari matlamat kewujudan manusia seperti yang dikehendaki Allah, iaitu terkeluar dari agama Allah.

"Jenis-jenis aktiviti yang disifatkan oleh ulama' fiqah dengan nama ibadat-ibadat, apabila disemakkan kedudukan-kedudukannya di dalam Al-Qur'an nescaya terserlah satu hakikat yang nyata, yang tidak boleh diabaikan, iaitu aktiviti-aktiviti ibadat itu tidak disebut di dalam Al-Qur'an secara menunggal atau terasing dari segala jenis aktiviti yang lain, yang diistilahkan oleh ulama' fiqah dengan nama "Mu'amalah", malah kedua-dua jenis aktiviti itu mempunyai hubung kait yang rapat dalam huraian Al-Qur'an, di samping mempunyai hubung kait yang rapat di dalam sistem bimbingan Al-Qur'an, kerana aktiviti mu'amalah itu dikira sebagai sebahagian dari sistem ibadat yang menjadi matlamat kewujudan manusia, juga dikira sebagai sebahagian dari sistem ibadat yang menjadi matlamat kewujudan manusia, juga dikira sebagai kegiatan yang merealisasikan konsep 'Ubudiyah dan konsep mengifradkan sifat Uluhiyah kepada Allah S.W.T. sahaja.

"Pembahagian aktiviti-aktiviti manusia kepada ibadat dan mu'amalah lama kelamaan telah membuat setengah-setengah orang Islam berfikir bahawa mereka boleh menjadi kaum Muslimin apabila mereka melaksanakan aktiviti ibadat mengikut hukum-hukum

---

[13] *Buku ini telah dialih ke bahasa Melayu oleh penterjemah tafsir ini.*

Islam walaupun mereka menjalankan segala aktiviti mu'amalah mengikut satu sistem hidup yang lain, yang tidak diterimai dari Allah, malah diterima dari tuhan yang lain, yang mengatur undang-undang dan peraturan hidup mereka tanpa diizinkan Allah.

"Ini adalah satu pandangan atau kefahaman yang salah, kerana Islam adalah satu kesatuan yang tidak boleh dicaing dan dicerai, dan sesiapa yang mencaingkan Islam kepada dua bahagian bererti ia keluar dari kesatuan ini atau dengan ungkapan yang lain ia keluar dari sistem agama ini.

"Ini adalah satu hakikat yang agung yang harus diberi perhatian yang berat oleh setiap Muslim yang ingin menegakkan keislamannya dan dalam waktu yang sama ingin merealisasikan matlamat kewujudannya sebagai insan.[14]

Kini kami ingin menambahkan kepada keterangan petikan-petikan yang kami nukilkan di sini pernyataan yang kami telah paparkannya sebelum ini di dalam juzu' ini bahawa orang-orang Arab yang pertama kali ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka tidak pernah membataskan pengertian kata-kata "ibadat", apabila diperintah beribadat kepada penunaian syi'ar-syi'ar ibadat semata-mata, malah mereka memahami bahawa yang dimaksudkan dengan kata-kata ibadat itu ialah keta'atan dan kepatuhan menjunjung semua perintah Allah dan mereka harus menanggalkan dari leher mereka belenggu keta'atan kepada yang lain dari Allah dalam semua perintah-Nya. Rasulullah s.a.w. sendiri telah mentafsirkan dengan nas yang terang pengertian kata-kata ibadat itu sebagai "mengikut dan menjunjung perintah" dan bukannya syi'ar-syi'ar amalan ibadat yang tertentu ketika menjawab sangkalan 'Adi ibn Hatim mengenai orang-orang Yahudi dan Kristian yang telah disifatkan oleh Al-Qur'an sebagai orang-orang yang mempertuhankan ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka. Ujar beliau: "Sebenarnya mereka (ulama'-ulama' dan paderi-paderi kaum Yahudi dan Kristian) telah menghalalkan perkara-perkara yang diharamkan Allah kepada mereka dan mengharamkan perkara-perkara yang dihalalkan Allah kepada mereka, lalu mereka (orang-orang Yahudi dan Kristian) mengikut dan menjunjung (fatwa-fatwa mereka yang karut itu), dan inilah maknanya mereka telah menyembah mereka". Sebenarnya kata-kata ibadat yang diertikan dengan syi'ar-syi'ar ibadat yang tertentu itu adalah dibuat kerana memandangkan syi'ar-syi'ar ibadat itu sebagai salah satu bentuk gambaran keta'atan dan kepatuhan kepada Allah dalam sesuatu urusan yang tertentu; tetapi pengertian syi'ar-syi'ar ibadat itu tidaklah merangkumi segala pengertian ibadat dan ia hanya merupakan pengertian secara cabangan bukan pengertian secara pokok.

* * * * * *

Sebelum ini kami telah jelaskan seperti berikut di dalam juzu' ini: "Sebenarnya jika hakikat pengertian ibadat itu ialah semata-mata melakukan syi'ar ibadat sahaja, maka sudah tentu ia tidak mewajarkan munculnya barisan para rasul yang mulia dan turunnya siri risalah-risalah Allah itu, juga tidak mewajarkan seluruh pengorbanan tenaga yang begitu jerih dan penat yang telah dicurahkan oleh para rasul Salawatullah Wasalaamuhu 'Alaihim, dan seterusnya tidak mewajarkan segala 'azab penderitaan dan kesakitan yang telah dialami para penda'wah dan para Mu'minin di sepanjang zaman. Tetapi satu-satunya matlamat yang mewajarkan pembayaran harga yang sebegitu mahal ialah mengeluarkan manusia umumnya dari keta'atan kepada sesama manusia dan mengembalikan mereka kepada keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam segala urusan dan program hidup mereka dunia dan Akhirat.

"Sebenarnya usaha menegakkan tauhid Uluhiyah, tauhid Rububiyah, tauhid Qiwamah, tauhid Hakimiyah, tauhid sumber undang-undang, tauhid sistem hidup, tauhid sasaran yang harus ditumpukan keta'atan yang syumul manusia kepadanya adalah satu usaha yang mewajarkan kebangkitan para rasul, pengorbanan segala usaha perjuangan dan penanggungan 'azab penderitaan dan kesakitan yang begitu pedih di sepanjang zaman. Ini bukannya kerana Allah S.W.T. memerlukan semuanya itu, kerana Allah S.W.T. adalah terkaya dari makhluk-makhluk-Nya, tetapi kerana hidup insan tidak akan menjadi baik, teguh dan betul dan tidak akan menjadi sebuah hidup yang sesuai dengan manusia melainkan dengan prinsip tauhid, yang mempunyai kesan yang tidak terbatas di dalam hidup mereka dari segala aspeknya."

Di sana kami telah berjanji untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai persoalan ini di dalam kesimpulan terakhir ini.

Kini kami ingin menjelaskan secara umum nilai hakikat tauhid di dalam semua sudut kehidupan manusia:

Nilai Konsep Tauhid Dalam Kehidupan Manusia

Mula-mula marilah kita melihat kesan hakikat tauhid yang syumul kepada entiti manusia itu sendiri dari aspek kewujudan dirinya dan keperluan fitrahnya, juga dari aspek struktur insaniyahnya, iaitu kesan hakikat tauhid kepada pandangan dan kefahamannya dan kesan kefahaman ini kepada entitinya:

"Pandangan dan kefahaman ini yang memperkatakan segala urusan dengan ciri syumul dalam ertinya yang meliputi segala pengertian syumul adalah memperkatakan entiti manusia yang meliputi segala aspeknya, segala kegemaran dan keinginannya, segala keperluannya dan segala arah

---

[14] خصائص التصور الاسلامي و مقوماته *Bahagian Pertama, m.s. 129-130.*

tujuannya dan mengembalikan semuanya itu kepada Allah selaku satu pihak yang berinteraksi dengannya, satu pihak yang menjadi tempat ia mencari segala sesuatu dan menjadi arah tujuannya, satu pihak yang menjadi tempat harapannya, satu pihak yang ditakuti olehnya, satu pihak yang dihindari kemurkaannya dan dipohon keredhaannya, satu pihak yang memiliki segala sesuatu, kerana Dialah Pencipta segala sesuatu, Pemilik segala sesuatu dan Pentadbir segala sesuatu.

"Begitu juga pandangan dan kefahaman ini mengembalikan entiti manusia kepada satu sumber, di mana ia menerima segala pandangan dan kefahamannya, nilai-nilai dan ukurannya, undang-undang dan peraturan-peraturannya, satu sumber yang membolehkannya mendapat jawapan terhadap segala kemusykilan yang berkecamuk di dalam hatinya ketika ia berdepan dengan alam buana, kehidupan dan manusia yang sering menimbulkan berbagai-bagai tanda tanya.

"Di waktu inilah entiti manusia berpadu dari segi perasaan dan perilaku, dari segi kefahaman dan reaksi dalam urusan 'aqidah dan sistem hidup, urusan mengambil dan menerima perintah, urusan hidup dan mati, urusan berusaha dan bertindak, urusan kesihatan dan rezeki dan urusan dunia dan Akhirat. Dengan entiti yang padu itu, jiwa manusia tidak terkotak-katik dan tidak menjurus ke arah berbagai jalan dan hala yang bertentangan.

"Entiti manusia yang berpadu sedemikian rupa akan membuat seorang manusia berada dalam keadaan yang paling baik, kerana ia berada dalam keadaan kesatuan entiti atau keesaan diri yang padu yang menjadi ciri hakikat di dalam segala bidangnya, kerana keesaan dan kesatuan merupakan hakikat Allah S.W.T. Yang Maha Pencipta, juga merupakan hakikat alam buana di sebalik wujudnya keragaman bentuk-bentuk rupa dan keadaannya, juga merupakan hakikat hayat dan makhluk-makhluk yang hidup di sebalik wujudnya kepelbagaian jenis, juga merupakan hakikat insan di sebalik wujudnya berbagai jenis individu-individu dan berbagai bakat-bakat kebolehan semulajadi mereka masing-masing, malah keesaan dan kesatuan merupakan matlamat kewujudan insan iaitu mengabdikan diri kepada Allah di sebalik wujudnya berbagai-bagai bidang dan bentuk ibadat. Demikianlah wujudnya hakikat-hakikat kesatuan dan keesaan apabila manusia mencari hakikat di alam al-wujud ini.

"Apabila entiti manusia berada di dalam kedudukan yang selaras dengan "hakikat" dalam segala bidangnya, maka ia berada di kemuncak kekuatan diri dan di kemuncak keselarasannya dengan "hakikat alam buana", di mana ia hidup dan berinteraksi dengannya, juga dengan hakikat segala sesuatu yang ada di alam ini, di mana ia mempengaruhi dan dipengaruhi. Dan keselarasan inilah yang membolehkan entiti manusia mewujudkan kesan-kesan yang paling besar dan memainkan peranan yang paling penting.

"Apabila hakikat ini sampai ke kemuncaknya di dalam kelompok terpilih angkatan Muslimin yang pertama, maka Allah telah membolehkan angkatan ini memainkan peranan-peranan yang besar di bumi Allah dan meninggalkan kesan-kesan yang amat mendalam di alam insan dan sejarah insan.

"Apabila hakikat ini wujud sekali lagi - dan dengan izin Allah ia pasti wujud maka Allah akan membolehkan kelompok Muslimin menciptakan berbagai-bagai kejayaan walaupun dirintangi oleh berbagai-bagai halangan, kerana kewujudan hakikat ini sendiri dapat mewujudkan kekuatan yang tidak tercabar, sebab kekuatan ini adalah dari jantung kekuatan alam buana ini dan sehala dengan kekuatan Pencipta alam ini.

"Hakikat ini bukan sahaja penting untuk membetulkan tanggapan keimanan walaupun pembetulan itu sendiri merupakan satu matlamat yang besar, selaku asas pembinaan seluruh hidup manusia, malah ia penting dalam penghayatan hidup baik yang dapat mencapai darjat kesempurnaan dan keselarasan yang setinggi-tingginya, kerana nilai hidup insaniyah itu sendiri akan meningkat apabila ia meningkat ke tahap ibadat kepada Allah, iaitu apabila seluruh kegiatannya sama ada kecil mahupun besar menjadi sebahagian atau keseluruhan ibadat. Ini memandang kepada tujuannya yang besar yang terkandung di dalam kegiatan ibadat, iaitu mengifradkan sifat Uluhiyah kepada Allah Yang Maha Esa di samping mengi'tirafkan 'Ubudiyah kepada-Nya. Inilah darjat yang paling tinggi yang dapat dicapai manusia dan tiada lagi darjat yang lebih tinggi dari itu. Kesempurnaan insaniyah seorang tidak tercapai kecuali ia mencapai darjat ini dan inilah darjat yang telah dicapai oleh Rasulullah s.a.w., iaitu setinggi maqam yang dicapai oleh beliau, iaitu maqam menerima wahyu dan maqam Isra': [15]

تَبَارَكَ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِۦ لِيَكُونَ لِلْعَٰلَمِينَ نَذِيرًا ۝١

"Maha Suci Allah yang telah menurunkan al-Furqan (Al-Qur'an) kepada hamba-Nya agar ia menjadi rasul yang memberi peringatan kepada semesta alam".

(Surah al-Furqan: 1)

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ۝١

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya menjelajah di waktu malam dari Masjidil-Haram ke Masjidil-Aqsa yang telah Kami berkati di sekelilingnya untuk

[15] *Petikan dari buku* خصائص التصور الاسلامي و مقوماته *bab* الشمول *bahagian pertama m.s. 126 – 131 secara petikan di sana sini*

memperlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."

(Surah al-Isra': 1)

• Kini marilah kita berpindah kepada pembicaraan mengenai satu nilai yang lain dari nilai-nilai tauhid ibadat, iaitu ibadat dengan erti kata kepatuhan dan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dan kesan-kesannya di dalam kehidupan manusia.

Kepatuhan dan keta'atan kepada Allah dapat membebaskan manusia dari keta'atan kepada yang lain dari Allah dan dapat mengeluarkan manusia dari ibadat kepada sesama manusia kepada ibadat kepada Allah Yang Maha Esa. Dengan demikian keta'atan kepada Allah dapat merealisasikan kehormatan dan kebebasan insan yang haqiqi, sedangkan kedua-duanya tidak terjamin di dalam mana-mana sistem yang lain dari sistem hidup Islam, di mana manusia memperhambakan diri terhadap sesama manusia dalam berbagai-bagai bentuk 'Ubudiyah, sama ada 'Ubudiyah kepada kepercayaan-kepercayaan, 'Ubudiyah kepada syi'ar-syi'ar ibadat atau 'Ubudiyah kepada undang-undang ciptaan manusia. Semuanya termasuk dalam erti kata 'Ubudiyah, yang mana setengah-setengahnya sama dengan yang lain, iaitu memperhambakan manusia kepada yang lain dari Allah dengan memaksa mereka menerima undang-undang dan peraturan dari yang lain dari Allah dalam mana-mana urusan kehidupan mereka.

Manusia tidak mampu hidup tanpa menganut agama, kerana manusia pasti memberi sesuatu keta'atan kepada Tuhan, dan mereka yang tidak memberi keta'atan dan kepatuhan mereka kepada Allah Yang Maha Esa akan terjerumus ke dalam keta'atan yang paling buruk kepada yang lain dari Allah dalam mana-mana aspek kehidupan mereka.

Mereka akan gugur sebagai mangsa keinginan hawa nafsu mereka sendiri tanpa batas dan kawalan, dan kerana itu mereka akan kehilangan ciri kemanusiaan mereka dan akan masuk ke alam haiwan:

"Dan orang-orang kafir hidup senang-lenang (di dunia) dan mereka makan seperti binatang ternakan, sedangkan api Neraka itulah tempat kediaman mereka."

(Surah Muhammad: 12)

Manusia Menjadi Mangsa Berbagai-bagai 'Ubudiyah

Manusia tidak mengalami kerugian sebesar kerugian yang dialaminya apabila ia kehilangan ciri kemanusiaannya dan terjerumus ke alam haiwan. Inilah yang pasti berlaku kepadanya sebaik sahaja ia menyimpang dari keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dan jatuh ke dalam keta'atan kepada keinginan hawa nafsunya.

Kemudian mereka gugur sebagai mangsa kepada berbagai-bagai bentuk 'Ubudiyah kepada sesama manusia, iaitu gugur ke dalam 'Ubudiyah kepada para pemerintah dan pemimpin yang mengendali kehidupan mereka dengan undang-undang dan peraturan dari ciptaan mereka sendiri, yang tidak mempunyai kawalan dan matlamat selain dari melindungi kepentingan-kepentingan para penggubal undang-undang itu sendiri sama ada mereka dimanifestasikan dalam bentuk seorang pemerintah atau dalam bentuk satu kelas pemerintah atau dalam bentuk satu bangsa yang memerintah. Oleh sebab itu seimbas pandangan yang berlandaskan tahap insaniyah yang sempurna dapat mendedahkan fenomena ('Ubudiyah kepada pemerintah) ini dalam setiap pemerintahan manusia yang tidak mengambil pedoman dan bimbingan dari Allah Yang Maha Esa dan tidak terikat dengan syari'at Allah sahaja.

'Ubudiyah Kepada Rekaan Fesyen

Tetapi 'Ubudiyah kepada sesama manusia tidak terbatas kepada 'Ubudiyah kepada para pemerintah dan para pemimpin, juga para penggubal undang-undang kerana 'Ubudiyah ini merupakan 'Ubudiyah yang terang, tetapi ia bukannya merupakan keseluruhan 'Ubudiyah, kerana 'Ubudiyah kepada sesama makhluk muncul di dalam berbagai-bagai bentuk yang halus, tetapi ia kadang-kadang lebih kuat, lebih mendalam dan lebih kejam dari 'Ubudiyah yang terang. Sebagai contoh ialah 'Ubudiyah kepada rekaan-rekaan fesyen dan ciptaan pakaian-pakaian moden yang mempunyai pengaruh yang begitu dominan ke atas sebilangan besar umat manusia yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang yang bertamadun. Fesyen-fesyen yang dipaksa oleh tuhan-tuhan fesyen itu sama ada pakaian atau kenderaan atau bangunan atau pemandangan atau majlis-majlis jamuan dan sebagainya merupakan 'Ubudiyah yang amat memaksa dan tidak dapat dihindari oleh lelaki dan perempuan yang berfikiran jahiliyah, malah tidak dapat difikir oleh mereka untuk mengelakkan diri dari mengikut fesyen-fesyen itu. Seandainya manusia yang berada di dalam jahiliyah yang bertamadun ini memberi separuh dari keta'atan mereka kepada rekaan-rekaan fesyen itu kepada Allah sudah tentu mereka tergolong dalam golongan para hamba Allah yang amat ta'at kepada mereka. Jika tidak begitu, apakah lagi pengertian 'Ubudiyah itu jika tidak seperti pengertian 'Ubudiyah kepada rekaan-rekaan fesyen? Dan apakah lagi pengertian kuasa Hakimiyah dan Rububiyah jika tidak seperti pengertian Hakimiyah dan Rububiyah kepada pereka-pereka fesyen pakaian?

Kadang-kadang kita melihat seorang wanita malang yang memakai pakaian yang mendedahkan aurat, sedangkan pakaian itu tidak cocok dengan rupa dan bentuk badannya. Di samping itu ia mengenakan alat-alat solek yang membuatnya kelihatan buruk dan

menimbulkan sendaan orang-orang yang melihatnya, tetapi pengaruh ketuhanan para pereka fesyen dan pakaian itu tetap memaksa wanita itu supaya memakainya dan ia tidak berdaya menolak pakaian itu kerana dia tidak sanggup menolak keta'atannya kepada pereka-pereka fesyen memandang seluruh masyarakat di sekeliling tunduk dan ta'at kepada mereka. Oleh itu bagaimanakah lagi bentuk keta'atan, bentuk Hakimiyah dan Rububiyah jika tidak seperti bentuk keta'atan, bentuk Hakimiyah dan Rububiyah yang sedemikian rupa?

Ini merupakan satu contoh 'Ubudiyah yang menghinakan manusia apabila mereka tidak menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dan memberi keta'atan kepada yang lain dari Allah, iaitu memberi keta'atan kepada sesama manusia. Di samping itu kuasa Hakimiyah para pemimpin dan pemerintah bukan satu-satunya bentuk Hakimiyah yang menghinakan manusia yang dilakukan manusia terhadap manusia yang lain dan bukan pula satu-satunya bentuk 'Ubudiyah manusia terhadap sesama manusia.

• Inilah yang membawa kita memberi penilaian yang tinggi kepada tauhid ibadat dan tauhid keta'atan untuk melindungi keselamatan jiwa, maruah dan harta benda manusia. Dan semua keselamatan ini tidak akan terjamin apabila manusia memberi keta'atan kepada sesama manusia dalam apa sahaja bentuk keta'atan, sama ada dalam bentuk keta'atan kepada kuasa Hakimiyah manusia atau dalam bentuk keta'atan kepada adat resam dan tradisi-tradisi masyarakat atau dalam bentuk keta'atan kepada kuasa Hakimiyah sesuatu kepercayaan dan kefahaman.

Keta'atan kepada yang lain dari Allah dalam bidang i'tiqad dan kefahaman bererti kejatuhan ke dalam cengkaman fikiran-fikiran yang karut, dongeng-dongeng, dan tahyul-tahyul yang tidak berhujung, yang menggambarkan jahiliyah, paganisme yang berbagai-bagai bentuk, juga menggambarkan berbagai-bagai kepercayaan orang-orang awam yang karut hingga mereka mempersembahkan nazar-nazar dan korban-korban dalam bentuk harta benda dan kadang-kadang dalam bentuk pengorbanan anak-anak sendiri, dan seluruhnya adalah berlaku di bawah tekanan 'aqidah yang rosak dan kefahaman yang menyeleweng, di mana manusia hidup dalam ketakutan kepada berbagai-bagai tuhan yang dibentuk oleh imaginasi-imaginasi mereka dan kepada penjaga-peniaga kuil dan sami-sami yang dikatakan mempunyai hubungan dengan tuhan-tuhan palsu itu, juga kepada ahli-ahli sihir yang dikatakan mempunyai hubungan dengan jin-jin dan kepada ketua-ketua agama dan orang-orang suci yang dikatakan menyimpan rahsia ghaib dan kepada fikiran-fikiran yang karut yang membuat manusia berada di dalam ketakutan dan kebimbangan dan membuat mereka sentiasa memuja-muja untuk mendampingi diri kepada tuhan-tuhan itu dan sentiasa menaruh harapan, dan akhirnya segala-galanya tidak tercapai, usaha-usaha mereka terhambur tidak menentu dan tenaga-tenaga mereka terbuang begitu sahaja dalam omong-omong kosong.

Kami telah menggambarkan perbelanjaan-perbelanjaan kerana memberi keta'atan kepada yang lain dari Allah dalam bidang adat dan tradisi dengan mengemukakan contoh keta'atan kepada tuhan-tuhan fesyen dan gaya, di mana kita harus sedar berapa banyak wang dan tenaga yang terbuang selain kehilangan kehormatan dan keruntuhan akhlak kerana keta'atan kepada tuhan-tuhan fesyen itu.

Beban-beban Berat Kerana Mempertuhankan Sesama Manusia

Satu keluarga yang berpendapatan sederhana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan untuk membeli alat-alat solek dan air wangi, mendandan rambut dan membeli kain-kain untuk dibuat pakaian yang sentiasa berubah-ubah dari tahun ke tahun, di samping membeli kasut-kasut dan alat-alat mekap yang selaras dengan fesyen pakaian, dandanan rambut, dan sebagainya dari hiasan-hiasan yang telah ditetapkan oleh tuhan-tuhan fesyen... Di sini keluarga yang berpendapatan sederhana terpaksa menghabiskan separuh pendapatannya dan separuh tenaganya untuk mengikut hawa nafsu tuhan-tuhan fesyen yang tak kunjung berubah itu, sedangkan di sebalik gedung-gedung fesyen terdapat kapitalis-kapitalis Yahudi yang menguasai industri fesyen dan pakaian. Lelaki dan wanita yang berada di bawah tekanan fesyen-fesyen ini tidak mampu untuk berhenti seketika dari mengikut kehendak-kehendak tuhan-tuhan fesyen yang sentiasa menuntut mereka berkorban tenaga, harta, kehormatan dan akhlak.

Pada akhirnya dibentangkan pula perbelanjaan kerana keta'atan kepada Hakimiyah perundangan manusia. Jika orang-orang yang mengabdikan diri kepada Allah membuat pengorbanan-pengorbanan yang tertentu kepada Allah, maka orang-orang yang memberi keta'atan kepada yang lain dari Allah membuat pengorbanan-pengorbanan harta, jiwa raga dan kehormatan yang berlipat ganda kepada tuhan-tuhan manusia yang memerintah.

Berhala-berhala didirikan iaitu berhala-berhala "tanahair', "perkauman", "kebangsaan", "kelas" dan "pengeluaran ekonomi" dan sebagainya dari berbagai berhala dan tuhan.

Di sana gendang-gendang dipalu dan bendera-bendera dikibarkan dan para pemujanya diseru supaya mengorbankan jiwa raga dan harta untuk kepentingannya tanpa teragak-agak, dan jika tidak, maka sikap yang teragak-agak akan dianggap suatu pengkhianatan dan suatu sikap yang memalukan. Apabila kehormatan bertentangan dengan kepentingan berhala-berhala itu, maka yang harus dikorbankan ialah kehormatan dan ini merupakan suatu penghormatan yang harus dipertahankan dengan darah sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh para pendi'ayah yang berdiri di

sekeliling berhala-berhala ini, dan di belakangnya pula bersemayam tuhan-tuhan manusia yang memerintah.

Segala pengorbanan yang diperlukan oleh gerakan jihad fi Sabilillah yang bertujuan agar hanya Allah sahaja yang disembahkan di muka bumi ini dan agar manusia bebas dari menyembah Taghut dan berhala dan seterusnya agar kehidupan manusia ditingkatkan ke puncak yang luhur seperti yang dikehendaki Allah kepada manusia, maka segala pengorbanan yang seperti ini, malah lebih dari ini, telah dikorbankan oleh mereka yang memberi keta'atan dan kepatuhan mereka kepada yang lain dari Allah! Orang-orang yang takut kepada penderitaan dan kesusahan, takut kepada mati syahid, kehilangan jiwa, anak-anak dan harta benda, jika mereka keluar berjihad fi Sabilillah harus memikirkan dengan teliti betapa banyaknya pengorbanan jiwa, harta dan anak-anak selain pengorbanan akhlak dan kehormatan diri yang diperlukan dari mereka untuk memberi keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah, sedangkan perbelanjaan dan pengorbanan bagi gerakan jihad fi Sabilillah untuk menentang Taghut-taghut di bumi Allah tidak membebankan mereka seberat perbelanjaan yang dibebankan oleh keta'atan mereka kepada yang lain dari Allah, dan di samping semua pengorbanan mereka kepada yang lain dari Allah akan meraih kehinaan, kecemaran hidup dan keaiban.

• Akhir kata, tauhid ibadat dan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dan penolakan terhadap konsep ibadat dan keta'atan kepada yang lain dari Allah atau kepada makhluk-makhluk ciptaan Allah merupakan suatu nilai yang amat besar yang dapat memelihara tenaga dan usaha manusia dari tercurah untuk maksud mendaulatkan tuhan-tuhan palsu agar seluruh tenaga dan usaha itu dapat digunakan untuk tujuan-tujuan membangun dan memajukan bumi, juga untuk mempertingkatkan kehidupan manusia.

Langkah-langkah Perlu Untuk Mewujudkan Seorang Taghut

Di sana ada satu fenomena yang nyata dan berulang-ulang kali yang telah kami sebut sebelum ini di dalam juzu' ini, iaitu apabila seorang hamba Allah yang kecil ingin menjadikan dirinya seorang penguasa yang dipuja manusia selain Allah, maka ia akan menggunakan segala kekuatan dan tenaga dengan tujuan, pertama: Untuk melindungi keselamatan dirinya dan kedua untuk mendewa-dewakan dirinya, ia juga perlu berusaha mewujudkan manusia-manusia yang menjadi pagarnya dan manusia-manusia yang menjadi ekornya, dan seterusnya menggunakan media massa dan juru-juru kempen dan pendi'ayah-pendi'ayah yang mendendangkan segala macam sanjungan dan kepujian di samping bekerja keras untuk mengepam angin ke dalam tubuhnya yang kecil dan kerdil, akan menggelembung menjadi besar hingga dapat memenuhi ruang ketuhanan yang agung. Mereka tidak dibenarkan berhenti mengepam angin itu walau sedetik pun ke dalam tubuhnya yang kerdil itu. Mereka ditugas mengumandangkan pujaan-pujaan dan sanjungan-sanjungan di sekitar peribadinya dan mengumpulkan orang ramai dengan berbagai-bagai cara untuk menyanjung namanya dan mengadakan aneka upacara untuk mendewa-dewakannya.

Itulah daya usaha dan tenaga yang harus dicurahkan tanpa putus dan berhenti, kerana saiz dirinya yang kerdil itu akan mengempis dan menjadi kecil sebaik sahaja kerana mengepam angin itu berhenti dan sebaik sahaja paluan gendang kecapi, tiupan serunai, pembakaran dupa, lagu-lagu pujian dan pujaan itu diberhentikan. Oleh sebab itu usaha dan tenaga yang berterusan itu perlu diulangi.

Usaha yang berterusan itu mengorbankan banyak tenaga dan harta dan kadang-kadang mengorbankan jiwa dan kehormatan diri. Seandainya sebahagian dari tenaga itu digunakan untuk aktiviti-aktiviti memajukan bumi dan menggerakkan pengeluaran-pengeluaran yang berguna untuk mempertingkat dan memperkayakan kehidupan manusia sudah tentu akan menghasilkan berbagai-bagai kebaikan dan kesenangan kepada mereka, tetapi sayang, tenaga, harta, kadang-kadang nyawa dan kehormatan diri itu tidak dapat dicurahkan ke arah kebaikan ini selama manusia tidak menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dan selama mereka terus memberi keta'atan kepada para Taghut selain dari Allah.

Dari penerangan sepintas ini ternyatalah sejauh mana kerugian tenaga, harta, pembangunan dan pengeluaran ekonomi yang dialami manusia akibat penyelewengan mereka dari menumpukan keta'atan kepada Allah dan dan perbuatan mereka mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah. Ini tidak termasuk kerugian jiwa, kehilangan kehormatan diri, nilai-nilai dan akhlak yang murni, juga tidak termasuk kehinaan, kekalahan, kekotoran dan keaiban.

Kerugian seperti ini bukannya berlaku di dalam setengah-setengah sistem masyarakat ciptaan manusia sahaja, malah ia berlaku dalam semua sistem masyarakat ciptaan manusia walaupun berlain-lainan kedudukan dan jenis-jenis pengorbanan.

"Apa yang telah terjadi ialah satu umat telah menyeleweng dari keta'atan kepada Allah lalu mereka memberi peluang kepada segolongan dari mereka untuk memerintah mereka dengan undang-undang dan peraturan yang bukan dari syari'at Allah, tetapi akhirnya mereka terjatuh ke dalam 'Ubudiyah yang malang kepada yang lain dari Allah, iaitu 'Ubudiyah yang menelan insaniyah, kehormatan diri dan kebebasan diri mereka biarpun bagaimana kelainan dan perbezaan sistem-sistem hidup yang memerintah mereka, yang menurut sangkaan mereka bahawa setengah-setengahnya mempunyai ciri-ciri yang dapat menjamin insaniyah, kebebasan dan kehormatan diri mereka.

Akibat Eropah Lari Dari Allah

"Negeri Eropah telah lari dari Allah semasa ia lari dari kekuasaan gereja yang zalim yang memerintah atas nama agama yang palsu. [16] Ia memberontak menentang Allah S.W.T. semasa ia memberontak melawan gereja yang telah melanyak nilai-nilai insaniyah sewaktu berada di kemuncak kekuasaannya yang zalim. Kemudian manusia di Eropah berfikir bahawa mereka akan memperolehi insaniyah, kebebasan, kehormatan diri dan kepentingan-kepentingan mereka di bawah naungan sistem-sistem individualisme (demokrasi), di mana mereka meletak seluruh harapan untuk mendapat kebebasan-kebebasan dan jaminan-jaminan yang dijamin oleh perlembagaan-perlembagaan ciptaan manusia, prinsip kebebasan akhbar, jaminan pengadilan dan perundangan, prinsip pemerintahan majoriti yang dipilih rakyat dan sebagainya dari cahaya kegemilangan-kegemilangan yang melingkungi sistem itu. Tetapi apakah sebenarnya yang telah berlaku? Apa yang telah berlaku ialah munculnya dominasi kapitalisme yang telah mengubahkan segala jaminan dan peraturan itu menjadi tulisan-tulisan kosong dan khayalan-khayalan yang tidak wujud dalam kenyataan. Kini golongan majoriti terbesar ditindas oleh golongan minoriti yang zalim, yang mempunyai kekuatan modal. Dan dengan kekuatan ini mereka dapat menguasai majoriti parlimen, perlembagaan ciptaan manusia, kebebasan akhbar dan jaminan-jaminan yang difikirkan orang ramai sebagai satu kekuatan yang cukup untuk menjaga hak-hak insaniyah, kehormatan diri dan kebebasan mereka tanpa campur tangan dari Allah!!! [17]

"Kemudian sebahagian dari umat Eropah itu pula lari dari sistem individualisme (demokrasi) yang dikuasai kekuatan modal dan kelas kepada sistem collectivism (sosialisme), tetapi apakah sebenarnya yang telah dibuat oleh mereka? Mereka telah menukarkan keta'atan kepada golongan kapitalis dengan keta'atan kepada golongan pekerja atau menukar keta'atan kepada kaum pemodal dan syarikat-syarikat dengan keta'atan kepada negara yang memiliki modal di samping mempunyai kuasa pemerintahan dan ia menjadikan negara lebih berbahaya dari kelas kaum kapitalis."

"Dalam segala keadaan kedudukan dan sistem bagaimanapun, manusia tetap memberi keta'atan kepada sesama manusia, di mana mereka mengorbankan harta dan jiwa mereka sebagai cukai yang berat kepada berbagai-bagai tuhan."

Mengapa Isi 'Ubudiyah Dan Uluhiyah Menjadi Isu Pokok Dalam Semua Risalah Allah

"'Ubudiyah merupakan sesuatu yang pasti, jika tidak ber'ubudiyah kepada Allah, maka ia ber'ubudiyah kepada yang lain dari Allah, tetapi hanya 'Ubudiyah kepada Allah sahaja yang dapat membuat manusia bebas dan mulia, sedangkan 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah akan menelan insaniyah, kehormatan diri, kebebasan dan akhlak mereka yang murni, dan selepas itu ia akan menelan harta dan kepentingan-kepentingan mereka."

"Oleh sebab itulah isu Uluhiyah dan 'Ubudiyah mendapat perhatian yang begitu besar dan serius di dalam semua risalah Allah dan kitab suci-Nya, dan surah ini merupakan salah satu dari contoh perhatian yang amat besar itu. Isu Uluhiyah dari 'Ubudiyah bukan sahaja merupakan isu yang berhubung dengan penyembah-penyembah berhala dan patung di dalam jahiliyah-jahiliyah kuno, malah ia berhubung dengan seluruh manusia di semua zaman dan tempat, juga berhubung dengan semua jenis jahiliyah iaitu jahiliyah pra-sejarah, jahiliyah di dalam sejarah, jahiliyah di abad dua puluh dan segala jenis jahiliyah yang berlandaskan perhambaan diri kepada sesama makhluk".

Intisari dari huraian surah ini ternyata dengan jelas dari keterangan-keterangan Al-Qur'an termasuk surah ini sebagai contohnya bahawa isu keta'atan, mengikut dan menjunjung perintah Allah, juga isu kuasa Hakimiyah yang diungkapkan oleh Al-Qur'an dalam surah ini sebagai "ibadat" merupakan isu 'aqidah, iman dan Islam dan bukannya isu fiqah atau politik atau sistem.

Ia merupakan isu tegak atau robohnya 'aqidah, ia merupakan isu ada atau tidak adanya keimanan, juga merupakan isu wujud atau tidak wujudnya Islam. Kemudian selepas itu ia merupakan isu sistem hidup yang realistik yang dijelmakan di dalam undang-undang dan peraturan-peraturan, di dalam gegala kedudukan dan perhimpunan manusia, di mana direalisasikan peraturan syari'at.

Begitu juga isu "ibadat". Ia bukannya isu upacara-upacara ibadat, malah ia merupakan isu keta'atan, isu menjunjung perintah, isu peraturan dan syari'at, isu perundangan, isu hukum-hakam dalam kehidupan di alam realiti. Justeru inilah isu ibadat memerlukan perhatian yang sebesar ini dalam sistem hidup, Rabbani yang dimanifestasikan dalam agama ini, di samping mewajarkan pengiriman para rasul dan penurunan seluruh risalah serta mewajarkan segala penderitaan dan pengorbanan ini.

Sekarang tibalah waktunya untuk kita mengikuti kisah-kisah para anbiya' dalam surah ini dan indikasinya kepada garis pergerakan 'aqidah Islam di dalam sejarah manusia.

Jahiliyah Merupakan Pendatang Baru Dalam Masyarakat Manusia Selepas Kedatangan Islam

Sebelum ini telah kami jelaskan dalam ulasan kisah Nuh a.s. bahawa Islam merupakan 'aqidah ulung yang diketahui manusia menerusi Adam a.s. selaku moyang manusia yang pertama, kemudian menerusi Nuh a.s. moyang kedua manusia kemudian melalui para rasul

---

[16] *Lihat bab "القصام التكد" dalam buku "المستقبل لهذا الدين"*

[17] *Petikan dari ulasan ke atas Surah Yunus yang juga sesuai untuk dijadikan ulasan ke atas Surah Hud*

yang dibangkitkan selepas itu... Kami juga telah menjelaskan bahawa Islam bertujuan mentauhidkan Uluhiyah dari segi i'tiqad, pandangan, kefahaman, penumpuan mengabdikan diri dan melakukan syi'ar-syi'ar ibadat, di samping mentauhidkan 'Ubudiyah dari sudut keta'atan, mengikut dan menjunjung perintah, tunduk dan patuh iaitu mentauhidkan Qiwamah, Hakimiyah, arahan dan perundangan.

Kemudian kami telah jelaskan pula bahawa jahiliyah sama ada jahiliyah dari sudut i'tiqad dan kefahaman, pengabdian diri dan pengamalan syi'ar-syi'ar ibadat atau jahiliyah dari sudut keta'atan, mengikut dan menjunjung perintah, tunduk dan patuh atau kedua sekali merupakan pendatang yang baru dalam masyarakat manusia selepas mereka mengenal Islam melalui para rasul (Allah cucurkan rahmat ke atas mereka). Kedatangannya telah merosakkan 'aqidah, tanggapan dan kefahaman manusia di samping merosakkan kehidupan dan kedudukan mereka dengan sebab mereka memberi keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah, sama ada kepada Totem atau kepada batu atau pokok atau bintang atau planet atau roh atau hantu, semangat atau kepatuhan kepada sesama manusia seperti kahin yang menjaga kuil atau pengamal ilmu sihir atau pemerintah. Seluruh keta'atan itu mempunyai indikasi yang menunjukkan wujudnya penyelewengan dari kepercayaan tauhid kepada kepercayaan syirik atau keluarnya dari Islam kepada jahiliyah.

Di Mana Silapnya Metodologi Kajian Perbandingan Agama?

Dari pemeriksaan sejarah yang diceritakan Allah dalam kitab suci-Nya yang benar dari segala aspeknya ternyatalah betapa salahnya metodologi kajian agama yang dilakukan oleh para pengikut perbandingan agama, dan betapa salahnya hasil kesimpulan yang diperolehi mereka dari kajian itu.

Kesilapan metodologi kajian mereka adalah berpunca kerana mereka hanya mengkaji garis sejarah jahiliyah-jahiliyah yang diketahui manusia sahaja, sedangkan mereka mengabaikan garis sejarah tauhid yang diperjuangkan oleh para rasul (Allah cucurkan rahmat ke atas mereka), dan sehingga dalam kajian sejarah jahiliyah-jahiliyah itu sendiri mereka hanya merujukkan kepada kesan-kesan zaman jahiliyah yang dicari oleh sejarah, sedangkan sejarah itu sendiri masih merupakan seorang bayi yang baru lahir, yang hanya mengetahui sekelumit sahaja dari peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kepada manusia dan sekelumit sejarah ini pun hanya diketahui melalui andaian-andaian dan tarjih sahaja. Sehingga sekalipun mereka menemui salah satu kesan dari kesan-kesan tauhid yang dibawa secara langsung oleh agama-agama samawi di dalam mana-mana sejarah jahiliyah dalam bentuk kepercayaan tauhid yang telah diselewengkan seperti kepercayaan tauhid yang dibawa oleh raja Akhnaton dalam ajaran-ajaran keagamaan Mesir purba, namun mereka tetap mengabaikan kesan agama tauhid itu walaupun secara andaian, kerana raja Akhnaton muncul selepas zaman Nabi Yusuf a.s. yang telah menyebarkan agama tauhid sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an ketika menyebut penjelasan Nabi Yusuf a.s. kepada dua orang sahabat sepenjara dengan beliau di dalam surah Yusuf:

إِنِّي تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَهُم بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Sesungguhnya aku telah meninggalkan agama sesuatu kaum yang tidak beriman kepada Allah dan mereka juga tidak percaya kepada hari Akhirat."(37)

وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ آبَائِي إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ ۚ مَا كَانَ لَنَا أَن نُّشْرِكَ بِاللَّهِ مِن شَيْءٍ ۚ ذَٰلِكَ مِن فَضْلِ اللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٨﴾ يَا صَاحِبَيِ السِّجْنِ أَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾ مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءً سَمَّيْتُمُوهَا أَنتُمْ وَآبَاؤُكُم مَّا أَنزَلَ اللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَانٍ ۚ إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

"Dan aku telah mengikut agama datuk nenekku Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub. Kami tidak wajar sekali-kali mempersekutukan Allah dengan sesuatu. Itulah sebahagian dari limpah kurnia Allah kepada kami dan kepada manusia (seluruhnya), tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur(38). Wahai dua sahabat sepenjaraku, apakah tuhan-tuhan yang banyak itu lebih baik atau Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa (lebih baik)(39). Kamu tidak sembah selain dari Allah melainkan hanya nama tuhan-tuhan yang dinamakan oleh kamu dan datuk nenek kamu sahaja. Allah tidak pernah menurunkan sebarang hujah mengenainya. Sesungguhnya urusan perintah itu hanya dimiliki Allah sahaja. Dia telah memerintah supaya kamu jangan mengabdikan diri melainkan hanya kepada Allah sahaja. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(40)

(Surah Yusuf)

Mereka (para pengkaji perbandingan agama) berbuat begitu kerana seluruh metodologi yang digunakan mereka adalah dari awal-awal lagi

berlandaskan perseteruan dan penolakan terhadap metodologi agama dengan sebab wujudnya permusuhan di antara gereja Eropah dengan (para ilmuan) yang membuat kajian-kajian ilmiyah di dalam segala bentuknya dalam tempoh sejarah yang tertentu. Di sinilah bermulanya metodologi itu, dan para pendokongnya telah berazam untuk menggunakannya hingga ke tahap-tahap di mana mereka dapat menolak segala penerangan gereja dari akar umbinya dengan tujuan untuk menghancurkan kuasa gereja itu sendiri. Oleh sebab itulah metodologi ini dari awal-awal lagi telah membuat kesimpulan-kesimpulan yang tertentu sebelum memulakan kajian.

Kemudian walaupun permusuhan terhadap gereja telah reda setelah hancurnya kekuasaan ilmiyahnya, kekuasaan politik dan ekonominya yang zalim, namun metodologi itu terus dipakaikan juga kerana ia tidak mampu melepaskan dirinya dari landasan tapak tegaknya dan dari tradisi-tradisi yang terbina di atas landasan itu hingga tradisi-tradisi itu akhirnya menjadi sebahagian asas metodologi itu.

Kesilapan natijah-natijah atau kesimpulan-kesimpulan kajian merupakan hasil yang pasti dari kesilapan metodologi itu sendiri. Kesilapan inilah yang mencorakkan seluruh natijah metodologi itu dengan ciri yang silap ini.

Walau bagaimana sekalipun metodologi itu dan walau bagaimana sekalipun natijah-natijah yang dihasilkan oleh metodologi itu, namun penjelasan-penjelasannya adalah bertentangan dengan penjelasan-penjelasan Allah di dalam Al-Qur'anul-Karim. Seandainya orang bukan Islam boleh mengambil natijah-natijah yang terang-terang bertentangan dengan Al-Qur'an di dalam sesuatu masalah, namun tidak harus bagi seseorang pengkaji Muslim yang mengemukakan kajiannya kepada orang ramai Islam mengambil natijah-natijah yang salah itu, kerana penjelasan-penjelasan Al-Qur'an dalam persoalan Islam dan jahiliyah merupakan penjelasan muktamad yang tidak dapat dita'wilkan lagi. Ini berasaskan hakikat bahawa Islam mendahului jahiliyah di dalam sejarah manusia dan agama tauhid mendahului agama syirik yang menduakan Tuhan atau mempelbagaikan tuhan-tuhan. Oleh sebab itu penjelasan Al-Qur'an di dalam persoalan ini merupakan suatu persoalan yang diketahui umum secara pasti sebagai intipati agama. Orang yang mengambil hasil kajian ilmu perbandingan agama di dalam persoalan (asal-usul agama) ini harus membuat pilihan di antara penjelasan Allah S.W.T. dengan penjelasan ahli-ahli ilmu perbandingan agama, atau dengan kata-kata yang lain harus memilih di antara penerangan Islam dan penerangan bukan Islam kerana penjelasan Allah di dalam persoalan ini merupakan penjelasan dengan pengertian secara mantuk yang amat jelas bukan penjelasan dengan pengertian secara tersirat dan bukan pula dengan pengertian secara mafhum.

Walau bagaimanapun persoalan ini bukanlah merupakan maudhu' yang kami ingin bicarakannya dalam ulasan terakhir ini, malah tujuan kami di sini ialah meninjau garis pergerakan 'aqidah Islam di dalam sejarah manusia, di mana Islam dan jahiliyah bergilir-gilir menguasai umat manusia. Syaitan mengeksploitasi kelemahan manusia dan tabi'at struktur diri mereka yang mempunyai dua tabi'at dan dua arah tujuan kemudian syaitan memesongkan mereka dari Islam kepada jahiliyah setelah sekian lama mereka mengenali dan menghayati Islam. Apabila jahiliyah sampai kemuncaknya, Allah mengutuskan rasul kepada manusia untuk mengembalikan mereka kepada Islam dan mengeluarkan mereka dari lembah jahiliyah. Faktor pertama yang mengeluarkan mereka dari Islam ialah keta'atan mereka kepada yang lain dari Allah Yang Maha Esa, dan faktor pertama yang mengembalikan mereka ke pangkuan Islam ialah keta'atan mereka kepada Allah Yang Maha Esa dalam seluruh urusan mereka bukannya di dalam urusan syi'ar ibadat yang tertentu sahaja dan bukan pula di dalam urusan i'tiqad dan kepercayaan hati sahaja.

Tinjauan ini berguna kepada kita untuk menilaikan kedudukan umat manusia pada hari ini, juga untuk menentukan tabi'at da'wah Islamiyah.

Umat manusia pada hari ini secara keseluruhannya sedang mengatur langkah kembali yang menyeluruh kepada jahiliyah, di mana umat manusia telah pun dikeluarkan darinya oleh rasul terakhir Muhammad s.a.w. jahiliyah ini telah menjelma dalam berbagai-bagai bentuk. Setengahnya menjelma dalam bentuk mengingkarkan Allah dan menafikan kewujudan-Nya. Itulah jahiliyah i'tiqad dan kefahaman yang dianuti oleh penganut-penganut komunis.

Setengah jahiliyah menjelma dalam bentuk pengakuan yang tidak betul terhadap kewujudan Allah S.W.T., juga dalam bentuk penyelewengan dalam bidang mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat dan melakukan keta'atan. Itulah bentuk jahiliyah umat-umat yang menyembah berhala seperti umat Hindu dan lainnya, juga seperti jahiliyah yang diamalkan oleh umat Yahudi dan umat Kristian.

Setelah jahiliyah pula muncul dalam bentuk pengakuan yang betul terhadap kewujudan Allah S.W.T. dan dalam amalan menunaikan syi'ar-syi'ar ibadat, tetapi melakukan penyelewengan yang berat dalam memahami konsep syahadat La illaha Illallah dan Muhammad Rasulullah, di samping melakukan perbuatan syirik yang jelas dalam bidang keta'atan dan kepatuhan mengikut dan menjunjung perintah seperti jahiliyah yang terdapat pada orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang Islam dan menyangka telah menganut Islam dan berhak mendapat sifat Islam dan segala haknya sebaik sahaja mereka melafazkan dua kalimat syahadat dan menunaikan amal ibadat yang tertentu, sedangkan mereka mempunyai pengertian yang buruk terhadap konsep dua kalimat syahadat dan memberi keta'atan

dan kepatuhan mereka kepada makhluk yang lain dari Allah.

Semuanya merupakan budaya jahiliyah dan budaya kufur seperti yang telah dilakukan oleh umat-umat di zaman dahulu atau budaya syirik seperti yang dilakukan oleh orang-orang di zaman kebelakangan ini.[18]

Kini Manusia Kembali Semula Kepada Jahiliyah

Tinjauan dengan sedemikian jelas terhadap realiti umat manusia membuktikan kepada kita bahawa umat manusia pada hari ini pada keseluruhannya telah kembali kepada jahiliyah yang menyeluruh. Mereka sedang mengalami perkembalian semula yang menyedihkan kepada jahiliyah, sedangkan sebelum ini mereka telah pun beberapa kali diselamatkan Islam darinya. Dan kali terakhir mereka telah diselamatkan Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Inilah yang menentukan bentuk peranan asasi angkatan perintis kebangkitan Islamiyah. Ia merupakan tugas asasi yang harus dilaksanakan mereka untuk kebaikan umat manusia dan seterusnya ia merupakan titik permulaan yang jelas bagi tugas ini.

Angkatan perintis kebangkitan semula Islam di zaman ini harus memulakan tugas mereka dengan berda'wah menyeru umat manusia masuk ke dalam Islam sekali lagi dan keluar dari budaya jahiliyah yang malang, yang dimasuki semula itu, tetapi di samping itu mereka harus menekankan konsep Islam yang asasi, iaitu percaya kepada Uluhiyah Allah Yang Maha Esa sahaja, melakukan syi'ar ibadat untuk Allah Yang Maha Esa sahaja, menumpukan keta'atan mengikut dan menjunjung perintah dalam semua urusan kehidupan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, tanpa penekanan konsep-konsep asasi ini, kemasukan mereka ke dalam Islam belum lagi sempurna dan mereka dikira belum lagi berhak meni'mati hak-hak yang telah dijaminkan Islam terhadap diri dan harta benda mereka. Oleh itu ketiadaan salah satu dari konsep-konsep asasi ini sama dengan ketiadaan seluruh konsep itu, iaitu ia boleh mengeluarkan mereka dari Islam kepada budaya jahiliyah dan boleh memalit mereka dengan sifat-sifat kufur dan syirik secara qat'i.

(Jahiliyah yang wujud sekarang ini) merupakan pusingan giliran baru jahiliyah yang muncul selepas Islam dan ia pasti dihadapi dan ditentang oleh pusingan giliran baru Islam untuk mengembalikan manusia kepada Allah sekali lagi dan mengeluarkan mereka dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa.

Persoalan ini harus sampai ke tahap yang cukup jelas, tegas dan terang di dalam jiwa kelompok Muslimin yang sedang menghadapi kebangkitan jahiliyah yang menyeluruh di zaman yang malang ini di dalam sejarah manusia. Tanpa kejelasan dan ketegasan yang sedemikian akan menyebabkan angkatan perintis kebangkitan semula itu terumbang-ambing di hadapan masyarakat jahiliyah yang disangkakan mereka sebagai masyarakat Islam, di samping menyebabkan mereka kehilangan matlamat-matlamat yang haqiqi akibat gagal menentukan titik permulaan perjuangan yang harus bermula dari kedudukan manusia yang sebenar secara yakin bukan secara andaian semata-mata, kerana jarak di antara andaian dan kedudukan yang sebenar itu amat jauh.

* * * * * *

Perbezaan Pendirian Seorang Rasul Di Antara Peringkat Awal Dan Peringkat Akhir Perjuangan

Kini marilah kita berhenti seketika buat kali terakhir dalam ulasan terakhir ini di hadapan pendirian yang sama yang telah ditunjukkan oleh para rasul terhadap kaum masing-masing, di mana mereka diutuskan dan bagaimana pendirian itu berbeza di antara peringkat awal dan di peringkat akhir perjuangan sebagaimana yang dipaparkan oleh kisah-kisah para Anbiya' di dalam surah ini.

Setiap rasul diutuskan kepada kaumnya masing-masing, dan di permulaan da'wah, rasul merupakan salah seorang anggota dalam masyarakat kaumnya. Ia menyeru mereka kepada Islam dengan seruan seorang saudara kepada saudara-saudaranya. Ia ingin mereka mendapat hidayat dari Allah sama dengan seorang yang telah mendapat hidayat inginkan saudara-saudaranya yang lain mendapat hidayat yang sama, kerana ia mendapat bukti kebenaran yang jelas di dalam hatinya dari Allah.

Inilah pendirian setiap rasul terhadap kaumnya di peringkat permulaan perjuangan da'wah, tetapi pendirian itu berbeza di peringkat akhir perjuangan da'wah.

Hasil dari da'wah (di peringkat pertama), sekumpulan dari kaumnya menyambut da'wahnya dan beriman kepada ajaran-ajaran Allah yang dibawa olehnya. Mereka menyembah Allah Yang Maha Esa sebagaimana yang dituntut oleh rasul dari mereka dan menanggalkan belenggu keta'atan kepada sesama makhluk dari leher mereka dan dengan itu mereka telah menjadi "umat Muslimin" yang sebenar, tetapi kumpulan-kumpulan kaumnya yang lain tidak menyambut da'wahnya dan mengingkarkan segala ajaran yang dibawa olehnya dan terus memberi keta'atan mereka kepada yang lain dari Allah. Mereka kekal di dalam budaya jahiliyah dan enggan keluar ke pangkuan Islam dan kerana itu kumpulan ini menjadi "umat Musyrikin".

Kini kaum itu telah berpecah dalam menghadapi da'wah rasul itu kepada dua umat, iaitu umat Muslimin dan umat Musyrikin. Mereka tidak lagi hidup sebagai satu kaum sebagaimana keadaan

---

[18] *Lihat bab "لا اله الا الله منهج الحياة" dalam buku "معالم في الطريق"*

mereka sebelum kebangkitan rasul walaupun mereka merupakan satu kaum dari segi bangsa dan hubungan darah keturunan, kerana kini hubungan bangsa dan darah keturunan, hubungan kenegerian dan kepentingan bersama tidak lagi berfungsi menjalinkan hubungan yang erat di antara mereka seperti di zaman sebelum dibangkitkan rasul, kerana selepas kebangkitan rasul satu tali hubungan yang baru telah muncul dan tali hubungan inilah yang menjalinkan hubungan satu kaum atau memecahkannya. Itulah tali hubungan 'aqidah, tali hubungan sistem hidup dan tali hubungan keta'atan. Tali hubungan inilah yang telah memecahkan satu kaum itu kepada dua umat yang tidak mempunyai titik pertemuan dan tidak dapat hidup bersama.

Perpecahan itu berlaku setelah munculnya perbezaan 'aqidah di antara dua umat itu. Di waktu inilah rasul dan pengikut-pengikutnya yang tidak beriman memisahkan diri dari kaumnya berlandaskan prinsip 'aqidah, prinsip sistem hidup dan prinsip keta'atan. Mereka kini telah berpisah dari umat Musyrikin, sedangkan sebelum kebangkitan rasul mereka merupakan satu kaum sahaja. Apabila dua sistem hidup telah berbeza, maka dengan sendirinya lahir dua umat dan kedua-dua umat yang lahir dari satu kaum itu tidak lagi mempunyai tidak pertemuan dan tidak dapat hidup bersama.

Apabila umat Muslimin berpisah dari kaumnya di atas prinsip 'aqidah, prinsip sistem hidup dan prinsip keta'atan, maka Allah memisahkan di antara dua umat itu dan bertindak membinasakan umat Musyrikin dan menyelamatkan umat Muslimin. Inilah peraturan yang tetap di sepanjang sejarah sebagaimana dapat kita lihat di dalam surah ini.

Hakikat yang harus disedari dengan penuh keyakinan oleh angkatan perintis kebangkitan semula Islam ialah Allah tidak memisahkan kaum Muslimin dari musuh-musuh mereka melainkan setelah kaum Muslimin sendiri memisahkan diri dari musuh-musuh mereka kerana perbuatan mereka yang telah mempersekutukan Allah serta mengisytiharkan bahawa mereka hanya memberi keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan tidak akan tunduk dan ta'at kepada tuhan-tuhan palsu mereka, juga tidak akan mengikut para Taghut yang zalim dan seterusnya mereka tidak akan hidup bersama dalam masyarakat yang dikuasai para Taghut yang memerintah dengan undang-undang dan peraturan yang tidak diizinkan Allah sama ada yang berhubung dengan i'tiqad atau syi'ar ibadat atau undang-undang dan peraturan masyarakat.

Allah tidak mencampur tangan untuk membinasakan kaum yang zalim melainkan apabila kaum Muslimin memisahkan diri dari mereka. Selama kaum Muslimin tidak memisahkan diri dan memutuskan hubungan dengan kaum mereka yang tidak beriman, selama mereka tidak mengumumkan bahawa agama mereka berlainan dari agama mereka, sistem dan cara hidup mereka berlainan dari sistem dan cara hidup mereka, maka selama itulah Allah tidak mencampur tangan memisahkan mereka dari kaum mereka dan merealisasikan janjinya untuk menolong orang-orang yang beriman dan membinasakan orang-orang yang zalim.

Inilah peraturan Ilahi yang tetap yang harus difahami oleh angkatan perintis kebangkitan semula Islam, dan di atas landasan peraturan inilah mereka harus menyusun pergerakan mereka.

Langkah pertama dimulai dengan usaha da'wah menyeru manusia supaya masuk ke dalam agama Islam dan menumpukan keta'atan mereka kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu serta membuang keta'atan mereka kepada sesama manusia dalam apa sahaja bentuknya. Kemudian kaum yang satu itu berpecah kepada dua golongan. Golongan beriman yang mentauhidkan Allah dan menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa berdiri dalam satu barisan dan membentuk satu umat, sementara golongan Musyrikin yang memberi keta'atan kepada sesama makhluk Allah berdiri dalam satu barisan yang lain. Kemudian golongan yang beriman memisahkan diri dari golongan orang-orang Musyrikin, dan di sini berlakulah janji Allah yang menolong golongan yang beriman dan membinasakan golongan Musyrikin sebagaimana yang telah berlaku di sepanjang sejarah manusia.

Keperluan Pemisahan Untuk Membangun Identiti Kelompok Muslim

Kadang-kadang tempoh perjuangan berda'wah itu memakai waktu yang panjang sebelum berlakunya pemisahan di antara dua golongan itu di alam kenyataan, tetapi pemisahan secara 'aqidah dan perasaan harus bermula dari detik pertama perjuangan.

Proses pemisahan di antara dua umat yang berasal dari satu kaum itu kadang-kadang berlaku dalam jangka waktu yang lembab, di mana satu generasi atau lebih dari generasi-generasi para penda'wah terpaksa melakukan berbagai-bagai pengorbanan dan mengalami berbagai-bagai keseksaan dan penderitaan yang pedih, tetapi janji Allah yang akan memisahkan mereka dari golongan yang tidak beriman itu pastilah tersemat di dalam hati kelompok Mu'minin, kerana janji itu lambat laun akan tetap terlaksana dalam satu atau beberapa generasi mereka. Janji itu tetap akan tiba kerana Allah tidak akan memungkiri janji-Nya yang telah menjadi peraturannya yang tetap di sepanjang sejarah.

Melihat peraturan Allah dengan pandangan yang tegas dan jelas seperti ini merupakan suatu keperluan bagi setiap pergerakan Islam dalam perjuangan menghadapi jahiliyah yang menyeluruh ini, kerana peraturan itu merupakan satu peraturan yang tetap, yang tidak terikat dengan masa dan tempat yang tertentu. Selama angkatan perintis kebangkitan semula Islam menghadapi umat manusia pada hari ini dalam mana-mana peringkat jahiliyah yang berulang-

ulang itu dengan 'aqidah yang sama, yang diperjuangkan oleh para rasul 'alayhim Salawatullahi wa salamu-Hu dan terus berjuang pada setiap kali umat manusia kembali semula kepada jahiliyah, maka sudah tentu kelompok Muslimin dapat meneruskan perjuangan mereka dengan titik mula dan titik akhir yang jelas, di mana di antara keduanya diselangi tempoh berda'wah dan dengan keyakinan bahawa peraturan Allah tetap akan berlaku dan kesudahan yang baik tetap akan berada di pihak taqwa.

* * * * * *

Di celah-celah hentian kita di hadapan kisah-kisah Al-Qur'an di dalam surah ini ternyata kepada kita tabi'at semulajadi cara pergerakan agama ini sebagaimana yang dapat dilihat di dalam Al-Qur'anul-Karim tabi'at haraki yang menghadapi realiti hidup manusia dengan bimbingan Al-Qur'an secara realistik dan praktikal.

Angkatan Perintis Kebangkitan Islam Memerlukan Bimbingan Haraki Al-Qur'an Yang Praktikal

Kisah-kisah para Anbiya' itu diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. di negeri Makkah, di mana kelompok Muslimin yang kecil sedang terkepung di lorong-lorong bukit dan proses da'wah sedang menghadapi kebekuan. Jalan perjuangan da'wah kelihatan begitu sulit dan begitu jauh hingga kaum Muslimin hampir-hampir tidak nampak di mana berakhirnya penghujung jalan. Kisah-kisah para Anbiya' telah memperlihatkan penghujung jalan itu kepada mereka. Ia menunjukkan kepada mereka batu-batu tanda jalan itu di semua peringkat perjalanan. Ia memimpin tangan mereka menyusuri jalan itu, iaitu satu jalan yang terang, yang bersambung dengan jalan angkatan da'wah (para rasul) yang luhur di sepanjang sejarah manusia, dan dengan wujudnya angkatan ini, maka jalan ini merupakan satu jalan yang selesa bukannya jalan yang sepi dan menakutkan. Kini mereka sedar bahawa mereka adalah satu rombongan dari angkatan yang bersambung itu dan mereka sedang menyusuri jalan yang betul dan mereka bukannya satu kumpulan yang sesat di padang belantara, malah mereka sedang berangkat dari titik awal menuju titik akhir jalan itu mengikut peraturan Allah dan mereka bukannya mengembara serampangan begitu sahaja dengan mengikut arah kebetulan sahaja.

Demikianlah Al-Qur'an bergerak di dalam barisan kaum Muslimin dan menggerakkan mereka ke arah pergerakan yang teratur dan aman.

Demikianlah Al-Qur'an pada hari ini dan pada hari esok berpotensi untuk bergerak di dalam barisan angkatan perintis kebangkitan semula Islam dan menggerakkan mereka ke jalan perjuangan da'wah yang teratur.

Angkatan perintis kebangkitan semula Islam amat memerlukan bimbingan Al-Qur'an sebagai sumber ilham dan saranan kepada mereka dalam mengatur program pergerakan, langkah-langkah dan peringkat-peringkat perjuangan mereka, juga sebagai sumber ilham untuk menangani langkah-langkah dan peringkat-peringkat sambutan perjuangan mereka dan menghadapi akibat yang menunggu mereka di penghujung jalan.

Dengan gambaran yang sedemikian rupa, Al-Qur'an bukanlah merupakan semata-mata kumpulan kalam Allah yang dibaca untuk mendapat keberkatan, malah ia merupakan roh penggerak yang diturunkan kepada kelompok Muslimin di sa'at mereka sedang bergerak supaya mereka bertindak dan berjuang dengan panduan dan arahan-arahannya dan mengharapkan kemenangan dan pertolongan yang dijanjikan Allah kepada mereka.

Rahsia-rahsia Halus Al-Qur'an Hanya Terbuka Kepada Para Pejuang Kebangkitan Islam

Inilah tujuan yang dimaksudkan kami ketika menyatakan sebelum ini bahawa rahsia-rahsia Al-Qur'an tidak terbuka melainkan kepada kelompok Muslimin yang berjuang dengan panduan Al-Qur'an untuk merealisasikan kehendak-kehendak Al-Qur'an di alam realiti, dan rahsia-rahsia itu tidak terbuka kepada orang-orang yang membaca Al-Qur'an untuk tujuan mengambil berkat semata-mata dan tidak pula terbuka kepada orang-orang yang membaca Al-Qur'an dengan tujuan kajian seni dan ilmiyah, malah tidak pula terbuka kepada orang-orang yang membaca Al-Qur'an semata-mata untuk tujuan mempelajari cara-cara penyampaian Al-Qur'an.

Orang-orang yang seperti ini tidak akan dapat memahami sesuatu yang penting dari Al-Qur'an kerana Al-Qur'an bukannya diturunkan Allah untuk dijadikan bahan kajian yang sedemikian rupa, malah Al-Qur'an adalah diturunkan untuk dijadikan bahan pergerakan, perjuangan dan bimbingan.

Orang-orang yang menghadapi jahiliyah yang zalim dengan pengajaran Islam yang berlandaskan tauhid, orang-orang yang menentang golongan manusia yang sesat dan mengembalikan mereka semula ke pangkuan Islam dan orang-orang yang melawan Taghut di bumi Allah untuk mengeluarkan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa, maka orang-orang inilah sahaja yang dapat memahami Al-Qur'an, kerana mereka hidup di dalam suasana nuzul Al-Qur'an dan mereka berjuang sama seperti perjuangan yang dilakukan angkatan Muslimin yang pertama kali diturunkan Al-Qur'an ini kepada mereka. Dan dalam pergerakan dan perjuangan itu mereka dapat menghayati kehendak-kehendak dan maksud-maksud nas Al-Qur'an yang diturunkan di dalam kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang dihadapi mereka. Inilah satu-satunya ganjaran dari Allah terhadap keseksaan dan penderitaan yang dialami mereka... Apakah wajar saya katakannya sebagai ganjaran? Tidak, tidak sekali-kali begitu, malah

sebenarnya ia merupakan limpah kurnia Allah yang amat besar.

"Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka."

(Surah Yunus: 58)

والحمد لله العظيم رب الفضل العظيم